



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

**19 MEI 2017,
22 MEI 2017 HINGGA 25 MEI 2017**

22 MEI 2017 (ISNIN)

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**



PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

22 MEI 2017 (ISNIN)

Kandungan	Muka Surat
PENGUMUMAN OLEH YANG D9I-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	6
PEMBENTANGAN RISALAH-RISALAH	9
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 1 – Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji)	9
Soalan No. 2 – Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady)	11
Soalan No. 3 – Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee)	14
Soalan No. 4 – Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng)	17
Soalan No. 5 – Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad)	18
Soalan No. 6 – Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin)	21
PENGUMUMAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI	22
Usul terima kasih oleh Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man)	24
Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) menyokong	34
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari</i>	

Kandungan	Muka Surat
<i>Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang</i>	
SESI PERBAHASAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG	
Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	43
Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	48
Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fook) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	56
Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	57
Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	66
Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	70
Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	78
Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	81
Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	85
<i>Dewan ditangguh pada jam 6.30 petang</i>	
<i>Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam</i>	
Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	89
Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	98
Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L Thambyappa) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	105
Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	113
Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	115
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 11.35 malam</i>	

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 19 MEI 2017(JUMAAT)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
34.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Aceh
35.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Puan Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

Doa.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula.

Setiausaha Dewan:

Pengumuman oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada sesi kali ini kita akan menimbangkan 72 Soalan Lisan, 629 Soalan Bertulis, 3 Rang Undang-Undang dan 2 Usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum urusan agenda diteruskan, ingin saya membuat sedikit penjelasan khasnya kepada beberapa usul yang telah pun dicadangkan kepada Setiausaha Dewan yang telah pun saya jawab mengikut peraturan-peraturan mesyuarat tetapi agaknya saya perlu juga membuat sedikit penjelasan di dalam dewan ini khasnya saya nak memberi sedikit penjelasan tambahan kepada usul-usul yang telah pun dicadangkan seperti tadi.

Pertamanya saya berterima kasih kepada YB. Dato' Ketua Pembangkang yang telah pun membawa usul kepada saya. Dua (2) usul dibawa oleh beliau, Satu (1) usul yang bersabit dengan meminta dewan ini membuat satu ketetapan supaya satu penyelaras pencen mengikut peruntukan Enakmen Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri boleh dibuat bagi mereka yang bersara sebelum 1 Januari 2016. Isu ini saya rasa rakan-rakan Dewan telah pun panjang lebar bincang dalam sesi yang lalu dan jawapan daripada pihak kerajaan pun cukup jelas, maka usul ini saya telah tolakkan kerana sesi lalu telah pun dibangkitkan dan jawapan pun cukup lengkap untuk perkara yang dibangkitkan.

Yang kedua, usul yang dibawa oleh Dato' Pembangkang adalah juga satu usul yang bukannya baru yang ingin meminta satu ketetapan bahawa Y.A.B. Ketua Menteri hendaklah meletak jawatan sebagai Ketua Menteri kerana didakwa di bawah Akta dan sekianlah yang telah pun saya jawab dalam Dato' Pembangkang. Saya rasa perkara ini saya telah menjawab kepada Ketua Pembangkang bahawanya satu, perkara ini memang dalam pertimbangan Mahkamah. Dua, tambahan pula saya pun menjawab kepada Ketua Pembangkang bahawanya pendirian *block* kerajaan amatlah jelas berikut beberapa kenyataan telah pun dimasukkan dalam surat khabar yang saya rasa cukup jelas untuk saya buat satu ketetapan untuk menolak usul daripada Dato' Ketua Pembangkang. Yang kedua juga ingin saya jelaskan di sini adalah usul yang seterusnya usul yang dibawa masuk oleh Yang Berhormat daripada kawasan Tanjong Bunga.

YB. Tanjong Bunga juga membawa dua (2) usul, satunya ingin mencadangkan supaya dewan membahas dan membolehkan beliau untuk membawa satu cadangan untuk meminda Perlembagaan Negeri iaitu untuk menghadkan tempoh penjawat Ketua Menteri dan saya telah pun memberi *shortcut* kepada beliau supaya terus Yang Berhormat boleh rujukan perkara ini kepada Jawatankuasa Perlembagaan Negeri. Yang kedua, YB. Tanjong Bunga juga membawa usul supaya dewan ini menerima laporan daripada 3 simposium tentang Jawatankuasa Transgender. Saya telah pun menjawab kepada YB. Tanjong Bunga bahawanya mengikut peraturan mesyuarat, semua risalah-risalah atau dokumen-dokumen hendaklah dibentangkan mengikut Yang di-Pertua Dewan ataupun Ketua Menteri sahaja. Nanti kita akan menyaksilah di mana Ketua Menteri akan membentangkan risalah dan juga mana-mana Ahli yang lain yang diperintahkan oleh Ketua Menteri dan pembentangan risalah-risalah itu hendaklah dicatatkan di dalam butiran-butiran persidangan so kalaunya YB. Tanjong Bunga ingin membentangkan laporan itu kepada dewan, saya mintalah mengikut peraturan mesyuarat sahaja akan tetapi kalau YB. Tanjong Bunga ingin menyuarakan laporan-laporan tersebut secara peribadi saya tiada halangan.

Seterusnya satu lagi usul yang dibawa oleh YB. Pulau Betong ini juga bersabit sedikit sebanyak tentang YB. Pulau Betong telah pun membuat satu cadangan usul kepada saya yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawanya mana-mana anggota pentadbiran anggota Pulau Pinang dan penjawat-penjawat awam di Negeri Pulau Pinang yang telah didakwa di mana-mana mahkamah atas kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang hendaklah mengambil cuti di mana jawatannya dipegang sehingga perbincaraan keatasnya selesai dan dimuktamadkan”.

Sekali lagi, saya telah pun, saya telah mengambil satu ketetapan untuk menolak usul ini memandangkan satu perkara-perkara yang disebut termaktub dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam khasnya dalam bahagian Kelakuan dan Tatatertib Pulau Pinang. Saya telah pun membaca dan mengkaji sekali lagi ke semua bahagian dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam yang buat pindaan dalam 2016 dan saya dapati bahawa semuanya jelas dalam peraturan-peraturan tersebut khasnya dalam bahagian empat, lima dan enam yang bersabit dengan pegawai-pegawai penjawat awam yang dalam *proceeding* mahkamah ataupun disabit kesalahan ataupun beliau itu membawa rayuan kepada mahkamah. Semua itu jelas dalam ketiga-tiga bahagian yang saya sebutkan tadi dan yang kedua jikalau kita nak membicarakan tentang anggota pentadbiran juga. Saya telahpun mengkaji balik peraturan-peraturan kod etika bagi anggota-anggota pentadbiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri di mana semuanya kod-kod etika yang perlu diikuti itu jelas termaktub dan saya cari lagi yang kemungkinan bersabit dengan Anggota Pentadbiran iaitu Perlembagaan Negeri dan salah satu yang saya boleh memberi penjelasan adalah bersabit dengan Peraturan Perlembagaan Negeri iaitu Bahagian 2, Perkara 13(1) yang di mana di bawah kehilangan kelayakan menjadi Ahli Dewan Undangan yang jelas menyebut di mana keadaan bahawanya Ahli Dewan Undangan Negeri itu akan hilang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri itu pun jelas. Cumanya saya tambah sedikit lagi, Dewan ini seharusnya tidak membahaskan satu usul yang jelas ada jawapan dalam peraturan-peraturan di bawah enakmen di bawah perlembagaan yang saya rasa akan memberi anggapan seolah-olahnya Dewan ini ingin membuat satu ketetapan yang membawa ketidakadilan kepada pegawai-pegawai ataupun penjawat-penjawat awam kita melainkan pegawai tersebut membuat keputusan memberi budi bicara mereka sendiri.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bukan perbahasan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan. Usul yang saya bawa ada dua, penjawat awam dan juga anggota pentadbiran. Saya bersetuju dengan pandangan YB. Yang di-Pertua Dewan bahawa penjawat-penjawat awam semua tertakluk kepada peraturan yang dibuat oleh Pusat atau Pemimpin Negeri. Saya terima yang itu tetapi saya ingin ajukan adalah tentang anggota pentadbiran.

Tadi Yang Berhormat sebut bahawasanya kalau ikut dalam Perlembagaan Negeri Bahagian 2, 13(1) kelayakan itu jika dia bersalah, yang saya maksudkan adalah jika dibawa ke mahkamah, kita kena bercuti bukan berhenti, bercuti supaya membolehkan pihak berkuasa menjalankan siasatan sama seperti penjawat awam. Apabila di bawa ke mahkamah mereka diminta untuk bercuti berehat sebentar. Saya meminta juga anggota pentadbiran ini juga kalau boleh dibuat benda yang sama juga, mereka diberhenti rehat supaya mereka boleh membuat siasatan. Itu yang saya minta.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, yang minta telah pun dijawab oleh saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tak jawab. Kalau ikut Perlembagaan Bahagian 2, 13(1) itu hilang kelayakan, maknanya dah habis terus tapi bercuti gaji elaun berjalan bukan berhenti bercuti.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, usul yang dibawa oleh Yang Berhormat itu kalau saya nak tolak secara teknikal pun boleh saya tolakkan kerana Yang Berhormat sendiri pun letak perkataan “dan anggota pentadbiran dan penjawat-penjawat awam”...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Itu untuk keputusan kedua-dua pihak, penjawat awam dan anggota pentadbiran sama kalau berlaku saja kita minta bercuti. Mudah sahaja Yang Berhormat dan disitu kedua-dua pihak sekali... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat sendiri tahu anggota penjawat awam kita ada peraturan sendiri yang perlu diikuti dan bagi anggota pentadbiran saya pun telah pun menunjukkan kepada Yang Berhormat. Mereka juga ada peraturan yang kena ikut. So saya rasa kalaunya Yang Berhormat masih beranggapan bahawa usul anda betul sangat, itu terpulanglah kepada Yang Berhormat tetapi saya rasa saya telah pun mengambil masa yang cukup untuk saya buat penjelasan dimananya saya telah pun memberikan jawapan secara bertulis supaya...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, saya berpendapat lebih kurang dalam lima enam *line* sahaja jawapannya merujuk kepada peraturan dan juga perlembagaan tapi saya rasa tidak jelas. Okey apa dia, apa yang berlaku kepada anggota pentadbiran awam jika disabit kesalahan di mahkamah mungkin Yang Berhormat boleh jelaskan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Betong, saya sudah jelaskan dan saya tak mahu panjang lebar dengan Pulau Betong yang tak ingin terima jawapan saya so saya nak meneruskan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya boleh terima jawapan saya nak minta tadi...(gangguan). Sila bagi *reasonable*...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalaunya dalam enakmen pun tidak disebut, tidak disebutlah..kalau ia sebut, ia sebutlah..... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kita buat usul dalam Dewan ini...(gangguan). Ini Dewan Negeri Pulau Pinang...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kenapa kita perlu buat satu ketetapan, tadi saya sebut yang akan dilihat seolah-olahnya kita nak satu ketidakadilan kepada mereka di mana...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kenapa tidak adil?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Prinsip-prinsip *innocent until proven guilty*....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kita mahukan keadilan, kita mahu ketelusan, kita nak Akauntabiliti, Yang Berhormat, Integriti.... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak perlu, Dewan ini tidak perlu dilihat kita nak buat satu ketidakadilan penjawat awam atau.... (gangguan). Adil sangat....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ketidakadilan kepada penjawat awam kenapa(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ketidakadilan kepada penjawat awam adalah dimana satu usul akan membawakan anggapan bahawa mereka perlu dihenti diambil cuti dimana mereka telah ada pun peraturan yang perlu diikuti.. (gangguan). Sudah okey sila, sudah....(gangguan). Saya nak jalankan....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, saya minta sikit ja..saya ada empat soalan minta Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang telah didakwa supaya mengambil cuti, jawapan kepada saya YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri meluluskan soalan bagi ID 78 ditolak kerana sebarang perkara yang ada di dalam pertimbangan mahkamah tidak sekali boleh disebutkan seolah-olah ada perbezaan jawapan itu dengan usul yang ditolak, hat saya pasal mahkamah hat yang ni yang lain..yang mana satu....(gangguan). Patut telusla YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Aceh, saya faham usul yang dibawa oleh YB. Pulau Betong dia tak sebut nama, usul dia, *tricky*, dia tak sebut. Maksudnya jawapan yang saya bagi kepada YB. Pulau Betong tak sama dengan apa yang sama saya bagi kepada Ketua Pembangkang. Jelas di situ. Saya tak guna subjudis atas usul yang dibawa oleh YB. Pulau Betong jangan silap, sila duduk.

Setiausaha Dewan:

Pembentangan risalah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan Risalah Bilangan satu hingga tiga tahun 2017 seperti yang tersenarai dalam susunan urusan mesyuarat.

Setiausaha Dewan:

Soalan-soalan, soalan bertulis.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan bertulis telah diletakkan di atas meja ahli yang bertanya selaras dengan Subperaturan 15(1)(h) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang akan dimasukkan di dalam penyata rasmi.

Setiausaha Dewan:

Soalan lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan soalan nombor 1 Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya adalah soalan pertama.

- No. 1. (i) Apakah satus semua tanah di Negeri Pulau Pinang yang dibeli oleh Syarikat 1 Malaysia Development Berhad (1MDB)?
- (ii) Bilakah rumah kos rendah atau mampu milik akan dibina di atas tanah yang dimiliki Syarikat 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) seperti yang dijanjikan oleh Perdana Menteri semasa kempen Pilihan Raya Umum ke 12?

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, terima kasih kepada YB. Seri Delima, jawapannya ialah sehingga bulan April 2017, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak menerima sebarang Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) dari Syarikat 1 Malaysia Development Berhad RE (AYER ITAM) Sdn. Bhd. (1MDB) untuk membangunkan ketiga-tiga tanah miliknya yang dibeli di Daerah Timur Laut dengan keluasan 9.5 hektar.

Memandangkan syarikat 1MDB adalah suatu entiti swasta, Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berhubung dengan perancangan syarikat untuk membina rumah kos rendah atau mampu milik di atas tanah yang dimiliki oleh 1MDB seperti yang dijanjikan oleh Perdana Menteri semasa kempen Pilihan Raya Umum Ke 12. Namun begitu, Kerajaan Negeri tetap akan memastikan syarikat ini mematuhi segala syarat kebenaran merancang termasuk menyediakan rumah kos rendah sekiranya pembangunan yang dikemukakan melibatkan pemajuan melebihi 150 unit kediaman serta menampung keperluan hampir 3,000 keluarga setinggan di situ. Pada masa yang sama telah membekukan sebarang urusan ke atas 1MDB sehingga kita mendapat penjelasan tentang kekukuhan kewangannya dan juga kesan skandal 1MDB keatas ekonomi negara yang telah dimudaratkan dengan teruk kerana skandal 1MDB, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan, terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang telah beri penjelasan. Saya ingin tanya dua soalan tambahan berapakah rakyat Pulau Pinang yang telah dinafikan hak untuk memiliki rumah akibat projek perumahan ini yang tidak bermula seperti yang telah dijanjikan oleh Perdana Menteri dan soalan kedua saya apakah yang berlaku kepada watak Jho Low yang kita lihat telah datang pada kempen di kawasan Y.A.B. Air Putih sendiri ketika itu, difahamkan beliau juga kelihatan menyerahkan wang tunai kepada pengundi-pengundi memakai baju Barisan Nasional ketika itu dan sekarang beliau telah ghaib tidak kelihatan di mana-mana. Adakah beliau boleh dipertanggungjawabkan dan siapakah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang telah melarikan diri, menghilangkan diri tetapi muncul hanya semasa pilihanraya untuk menghasut rakyat menyogok memberi wang rasuah dan sebagainya. Adakah Y.A.B. Air Putih Ketua Menteri boleh memberi penjelasan terhadap perkara ini, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada YB. Seri Delima, memang benar Jho Low merupakan watak utama dalam skandal 1MDB dan beliau telah dinamakan dalam laporan *Department Of Justice* daripada Amerika Syarikat di mana Amerika Syarikat telah mengambil langkah yang unik dan pertama dalam sejarahnya iaitu menuntut 1 billion US Dollar bernilai aset daripada pegawai-pegawai kanan 1MDB yang kita sedia maklum di mana Malaysia dikenali sebagai *klaptorasik*. Ini adalah istilah baru yang kita belajar *klaptorasik* ialah rompakkan secara besar-besaran dan ekoran daripada tindakan ini satu dunia tahu bahawa skandar rasuah yang paling besar di dunia berlaku di Malaysia dan ini telah mengakibatkan ekonomi kita memang terjejas dan bukan sahaja dari aspek kekurangan dana dan kewangan sehingga mengakibatkan GST dikenakan tetapi juga penurunan nilai mata wang ringgit secara mendadak sehingga sungguhpun harga minyak antarabangsa telah naik tetapi nilai mata wang ringgit tetap susut dan merosot juga dan apa-apa berita baik, apa-apa berita ekonomi baik tidak membawa kesan selagi skandal 1MDB tidak dihapuskan.

Di sini seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat. Mengapakah tindakan tidak diambil ke atas Jho Low iaitu salah satu watak utama dan apa yang kita tidak faham ialah mengapa Kerajaan Malaysia enggan untuk menyiasat beliau, malah tidak membuka sebarang *IP* atau meminta beliau untuk balik ke Malaysia kerana untuk memberikan penjelasan yang penuh tentang satu skandal yang melibatkan pinjaman RM5.2 billion tentu dinyatakan bahawa beliau di luar negara tetapi semua tahu selagi beliau adalah warganegara Malaysia, panggil dia pulang dari luar negara amat mudah sahaja iaitu membatalkan passport antarabangsa dia, dia pasti akan pulang tetapi ini enggan dibuat oleh pihak Kerajaan Pusat, saya rasa saya yakin atas sebab-sebab untuk melindungi MO1 dan mereka yang terlibat dalam skandal 1MDB.

Untuk Pulau Pinang, memang apa yang disebut oleh Yang Berhormat benar, saya lihat dengan mata sendiri bahawa beliau datang dengan kereta besar pada hari pembuangan undi Pilihan Raya Umum Ketiga Belas bersama dengan gengster-gengster beliau dan selepas itu telah timbul sesuatu pergelutan kerana dia nak masuk ke tempat pembuangan undi sungguh pun beliau bukanlah calon, beliau bukanlah wakil dan selepas diminta keluar berlakulah kekecohan sehingga ada beberapa orang awam dipukul oleh gengster-gengster dan ini menimbulkan kemarahan orang tempatan sehingga 3,000 orang tempatan keluar dan mereka dikepung oleh orang tempatan sehingga diselamatkan, bukan sahaja oleh pihak Polis tetapi oleh pihak saya. Bila saya di situ kita jangan ada sebarang keganasan sungguh pun gengster-gengster yang mulakan keganasan tetapi kita tidak mahu ia berlarutan apabila lebih kurang 70-80 orang dikepung oleh 3,000 orang, orang tempatan marah kita tahu apa akibatnya, akhirnya perkara ini tidak reda dan mereka yang dikepung ini mereka dapat diselamatkan oleh polis dan masuk kereta polis untuk dibawa keluar untuk diselamat.

Ini memang dilakukan oleh Jho Low dan kita tahu sebelum ini memang Jho Low membelanjakan wang yang begitu banyak menerusi dia punya proksi, *social life* seorang yang bankrup yang memberikan wang yang membelanjakan RM20 juta hanya di kawasan Air Putih dan kini dikenali umum dan sampai ada berapa pihak yang terima wang dan saya pun tidak tahu ada YB-YB ada simbol wang daripada 1MDB. Saya dengar pun UMNO Pulau Pinang ada terima wang. Ini yang didedahkan oleh Rafizi dan so itu yang kita nak tahu. Pelbagai pihak terima wang dan ini satu perkara yang serius kerana wang ini puncanya adalah sumbernya adalah daripada rakyat Malaysia tetapi digunakan untuk tujuan-tujuan jahat, tujuan-tujuan yang tidak berpentingan awam dan akhirnya mencederakan ekonomi Malaysia dan juga kepentingan rakyat Malaysia, dan disini apabila kita lihat beliau membelanjakan bila mendapat pinjaman RM52 million ringgit, itu yang beliau dapat selain daripada minta PSY datang, kita seronok tengok pertunjukan PSY, *are you ready? Are you ready?* Kita masih ingat semua dibelanjakan, tetapi untuk berkempen untuk Barisan Nasional pada masa itu dan wang yang dibelanjakan di mana diberikan kepada pelbagai pihak kita pun tahu siapa yang menerima wang daripada 1MDB pada masa itu, tidak perlu disebutkan pada masa ini, kalau hendak dapatkan senarai, semua tahu pelbagai pihak yang mendapat wang ini yang mahu mempengaruhi pilihan raya, tetapi salah satu perbelanjaan yang penting yang ditanya oleh YB. Seri Delima iaitu mereka membelanjakan RM1.38 million untuk membelikan tanah di Ayer Itam, Tanah 234 ekar dan apa yang kita tidak faham ialah bahawa bila mereka membeli tanah, mereka tidak ada pegangan 100%. Siapa di Malaysia akan membeli tanah di mana tidak ada pegangan 100%? Kita tahu kita menggunakan sistem *Torrens* kalau kita hendak membuat sebarang pembangunan, kalau kita hendak membuat sebarang projek kita mesti mendapatkan persetujuan daripada 100% pemilik tanah, tidak boleh ada kurang 0.1%, mesti ada 100% pun, mesti ada 100%. So kalau ada seribu pemilik tanah mesti dapat seribu pemilik tanah setuju kalau satu tidak bersetuju tidak boleh dijalankan, kerana itu adalah Sistem Perundangan Tanah di Malaysia. Itulah sebabnya apabila membeli tanah, tidak ada sesiapa yang waras akan membeli tanah yang mereka tidak ada pegangan 100% kecuali 1MDB sahaja yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan.

So, di sini saya rasa adalah jelas bahawa apabila mereka membeli tanah dimana mereka tidak ada milikan 100%, bagaimana mereka hendak memberikan manfaat kepada rakyat apabila wang rakyat digunakan dan itulah sebabnya kita hendak melihat urusan tanah dan sehingga sekarang tidak ada sebarang urusan tanah dibuat, jangan bercakap tentang janji-janji kosong, omong-omong kosong yang dibuat oleh pemimpin Barisan Nasional hendak membina rumah, sekarang keadaan atau kedudukan tanah pun belum jelas, saya rasa itulah sesuatu yang memudaratkan dan juga mencederakan bukan sahaja ekonomi Malaysia tetapi juga kepentingan rakyat. Itulah soalnya pihak Kerajaan Negeri memandang serius perkara ini, kita hendak melihat secara terperinci tetapi sehingga sekarang mungkin kerana mereka tahu kita akan membuat siasatan dan selidik secara mendalam, mereka tidak berani pun membuat sebarang permohonan ataupun penjelasan kepada pihak kami dan itulah keadaannya Kerajaan Negeri akan sentiasa memantau supaya kita dapat mengurangkan impak negatif daripada pembelian 1MDB, skandal 1MDB dan memastikan bahawa 3,000 dengan ini kepentingan mereka akan tetap dibela supaya tidak mahu 1MDB dan juga watak-watak yang telah merosakkan ataupun hampir menjahanamkan ekonomi Malaysia, mereka tidak terus berlaku atau menyalahgunakan kuasa dengan sewenang-wenangnya, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan YB. Bagan Dalam

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 2.

No. 2. Huraikan projek-projek mitigasi banjir yang sudah dilaksanakan oleh kerajaan dan projek-projek dalam cadangan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih, YB. Dato' Speaker. Untuk menjawab soalan YB. Bagan Dalam, dalam Pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bertindak sebagai agensi utama atau *Lead Agency* yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas ini. Selain itu kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya juga memainkan peranan masing-masing untuk menjalankan projek tebatan banjir bagi mengurangkan impak banjir yang melanda negeri ini.

Sebanyak RM176.97 juta ringgit dari caruman perparitan telah diperuntukkan untuk projek-projek tebatan banjir sejak tahun 2008 sehingga kini. Kerajaan Negeri juga di bawah Bajet 2017 memperuntukkan sejumlah RM150 juta ringgit bagi projek-projek tebatan banjir di seluruh Negeri Pulau

Pinang. Projek-projek yang akan dilaksanakan termasuk projek berimpak tinggi di Daerah Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara juga dan juga di Kawasan Sungai Relau dan Bayan Baru. Selain itu kedua-dua belah Pihak Berkuasa Tempatan juga telah menyediakan peruntukan masing-masing sejumlah RM16.32 juta bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), manakala bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah RM31.246 juta untuk melaksanakan projek-projek tebatan banjir dari tahun 2008 sehingga tahun 2017. Perincian projek seperti yang dinyatakan dengan menggunakan peruntukan tadi memandangkan senarai panjang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi lisan ini, sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji. Saad):

Terima kasih YB. Padang Kota, dalam sidang yang lepas saya ada membangkitkan perkara ini bahkan saya ada menulis surat kepada Pejabat Daerah Barat Daya tentang beberapa isu banjir di Balik Pulau, sampai pada hari ini saya tidak nampak langsung apa-apa tindakan diambil untuk membuat parit dan sebagainya. Jadi saya berharap YB. Padang Kota, saya hendak tahu adakah kelulusan-kelulusan yang diberikan daripada Pejabat Daerah berdasarkan daripada surat saya untuk mengatasi masalah banjir di Balik Pulau

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Dari jawapan ini, agensi-agensi yang saya tidak sebut memang juga melibatkan pejabat daerah di daerah-daerah masing-masing yang juga Ahli Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir yang boleh kemukakan permohonan untuk mendapat caruman perparitan bagi melaksanakan projek-projek di kawasan seliaan mereka. Selain dari apa yang saya nyatakan dalam bajet tahunan JPS bagi setiap tahun, memang angka yang disediakan berjumlah RM30 lebih juta termasuk sebahagian untuk emolument dan pentadbiran tetapi juga sebahagian untuk pembangunan di kawasan-kawasan atau pun yang tidak dimasukkan dalam MMK Tebatan Banjir tetapi dilaksanakan oleh JPS di daerah-daerah khususnya di kawasan pertanian yang juga berfungsi sebagai tebatan banjir, tali air atau pintu air yang dibina.

Jadi memang dari Barat Daya cuma ada satu permohonan untuk menangani banjir di kawasan genting iaitu di hadapan Sekolah Thye Tong yang saya percaya sudah disempurnakan pembinaan satu *car work*, yang lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Saya akan mendapatkan maklumat daripada JPS ataupun Pejabat Daerah Barat Daya untuk menyusuli perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Silakan YB. Sungai Aceh

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Saya pernah mengikut soal banjir yang juga berlaku di kawasan selatan, yang dikatakan oleh YB. Padang Kota tadi, tidak sebut pun selatan, tetapi saya hendak pergi ke tempat khusus, saya hendak sebut di kawasan YB. Dato' Timbalan Speaker, Sungai Kecil, terima kasih, kerana beri peringatan, sentiasa banjir di kawasan-kawasan Kuala Sungai Kecil akibat cetek, terlalu jingkat, akibat tanah-tanah *private* yang tidak perlu dimasukkan, jadi bagaimanakah keadaan kawasan itu yang sebenarnya? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Sungai Aceh. Banjir di Sungai Kecil di Kawasan DUN Sungai Bakap memang di bawah perhatian jawatankuasa kita, malangnya dalam projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kerian, Sungai Kecil tidak dimasukkan di dalam projek itu. Oleh itu pihak Kerajaan Negeri melalui JPS Daerah akan meneliti perkara ini, saya percaya dalam jawapan adanya butir-butir dan saya harap sebelum sesi ini butir itu dapat disampaikan kepada Yang Berhormat mengenai tebatan banjir di Sungai Kecil

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan, saya hendak meminta penjelasan dan soalan daripada Yang Berhormat, ini berkisar kepada apa yang berlaku baru-baru ini melibatkan saya dan YB. Kawasan Datok Keramat, dua minggu yang lalu ketika saya berada di rumah ingin makan tengahari bersama anak-anak dan isteri saya mendapat panggilan daripada YB. Datok Keramat yang juga ketika itu sedang beristirahat dengan anak-anak dan isteri. Ini mukadimah Dato' Speaker, sedang makan tengah harilah, tiba-tiba saya mendapat panggilan daripada YB. Datok Keramat berkenaan dengan keadaan banjir di Kawasan Datok Keramat. Saya difahamkan bahawa sejumlah wang lebih kurang RM150 juta telah dijanjikan oleh Kerajaan

Persekutuan bagi projek tebatan banjir, macam-macam projek yang terpaksa dilaksanakan.

Saya selalu datang ke Dewan ini, selalu simpati dengan YB. Datok Keramat yang mengeluh tentang keadaan di kawasan beliau, tetapi pada hari itu saya dapat melihat sendiri keadaan rakyat di situ yang hidup merana, kebanyakan mereka yang tinggal di tepi sungai, warga emas, ada yang Orang Kurang Upaya dan saya dengan YB. Datok Keramat telah bergegas ke tempat tersebut....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada soalan?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Memberi sokongan, jadi soalan saya Yang Berhormat mengapakah, adakah jumlah yang telah dijanjikan itu telah pun disampaikan, kita selalu mendengar Y.A.B. Perdana Menteri menggunakan dalam bahasa tamil *nambike*. *Nambike...*(dengan izin) bermaksud kepercayaan. Kalau *nambike* ini dinyatakan beberapa kali mungkin digunakan sahaja untuk mempengaruhi pengundi-pengundi India, adakah *nambike* ini benar-benar dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan memberi jumlah wang itu bagi tujuan melaksanakan projek-projek tebatan banjir. Saya bertanya soalan ini bagi pihak sahabat saya dari Datok Keramat, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak perlu, soalan dari YB. Seri Delima saja.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih YB. Seri Delima, tanggungjawab saya dan rakan-rakan dalam EXCO akan memastikan *nambike* yang dijanjikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri akan menjadi kenyataan apabila Rancangan Tebatan Banjir akhirnya diluluskan peruntukan bagi melaksanakan projek ini dalam tahun ini juga, pada ketika ini iaitu sepanjang minggu ini EPU akan menganjurkan atau sedang menganjurkan satu bengkel bersama dengan *stake holder* termasuk JPS sememangnya dan agensi-agensinya berkaitan untuk memuktamadkan konsep plan supaya pelantikan kontrak *design amble* dapat diadakan sedikit masa lagi bagi membolehkan projek ini bermula dalam bulan Oktober atau pada akhir tahun ini. Projek ini memang sudah ditunggu-tunggu oleh rakyat jelata khususnya di Lembangan Sungai Pinang yang menjadi satu lembangan yang amat besar di pulau ini yang akan menjejaskan banyak kawasan sekiranya projek ini tidak dilaksanakan dengan secepat mungkin. Jadi kita akan memantau dengan rapi supaya apa yang dijanjikan akhirnya dapat dijadikan kenyataan untuk membawa impak kepada usaha menangani banjir di sekitar kawasan Datok Keramat khususnya. Sekian.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Saya nak minta peluang sedikit, nak minta beri maklumat sedikit. Boleh?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah tiga (3) soalan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Bukan soalan, penjelasan sahaja, saya hendak tambah. Dato' Speaker, sebenarnya perkara ini kita pun prihatin tentang masalah ini dan memang kita sering membincangkan dalam Majlis Tindakan Persekutuan tentang projek-projek persekutuan di Pulau Pinang ini dan seperti yang dikatakan oleh Padang Kota, memang komitmen daripada Kerajaan Pusat telah pun ada dan akan dilaksanakan dengan segera kerana kita mahu supaya masalah ini bukan sahaja untuk Datok Keramat bahkan semua yang di sepanjang sungai itu dapat diatasi. Kita juga prihatin dengan masalah ini, YB. Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

- No. 3. Selepas beberapa tahun perboncangan atas tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah pekerja asing menduduki di rumah LMC, akan tetapi sampai hari ini masalah masih belum diatasi seperti kes Sri Saujana Macallum. Sila jelaskan dengan teliti bilagh.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan kepada rakan saya YB. Pengkalan Kota. Untuk soalan nombor 3 yang adalah berkenaan apakah tindakan kita terhadap pekerja-pekerja asing yang menduduki rumah-rumah kos sederhana rendah ataupun rumah mampu milik jenis 'A' dan 'B'. YB. Dato' Speaker dan YB. Pengkalan Kota, pada masa ini tiada sebarang klausa di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) [Akta 118] atau mana-mana peruntukan undang-undang yang mensyaratkan unit Rumah Mampu Milik 'A' dan 'B' ataupun kos rendah dan sederhana rendah perlu dihuni oleh pemilik. Sehubungan dengan itu, tindakan penguatkuasaan tidak dapat kita ambil ke atas pemilik yang menyewakan keluar unit-unit RMM 'A' atau 'B' ataupun kos rendah, kos sederhana rendah ini kepada pihak ketiga walaupun ia adalah warga asing ataupun orang tempatan.

Menyedari keadaan ini YB. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri melalui usul bersama yang bertarikh 22 Februari 2017 yang ditandatangani oleh Ketua Menteri dan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri telah menggesa Kerajaan Persekutuan supaya perundangan sedia ada iaitu akta yang saya sebut tadi disemak ataupun dipinda. Sehingga kini malangnya Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang maklum balas daripada Kerajaan Persekutuan berhubung usul bersama yang dinyatakan tersebut.

Di peringkat Kerajaan Negeri, YB. Dato' Speaker, penambahbaikan telah dibuat ke atas syarat permohonan rumah melalui Borang PN1 iaitu berkuatkuasa Ogos 2016, pemohon adalah dikehendaki menandatangani Akuan Berkanun ataupun *Statutory Declaration*....(dengan izin), sebagai satu akujanji untuk menduduki unit RMM yang akan ditawarkan kepada mereka.

Buat masa ini YB. Dato' Speaker, orang awam boleh mengemukakan laporan kepada Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya terdapatnya sebarang kejadian kacau ganggu daripada unit yang disewakan kepada pekerja asing dan YB. Dato' Speaker, tindakan penguatkuasaan akan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ataupun [Akta 171] dengan mengeluarkan Notis Mengkehendaki Kacau Ganggu Dihapuskan kepada tuan punya premis ataupun majikan yang bertanggungjawab.

YB. Dato' Speaker, selain itu, Kerajaan Negeri turut sedar tentang perlunya dipertingkatkan lagi usaha untuk pembinaan lebih banyak asrama pekerja bagi menangani isu penyewaan unit Rumah Mampu Milik jenis 'A' dan 'B' ataupun kos rendah, kos sederhana rendah oleh pekerja asing. Sehubungan dengan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 21 Disember 2016 telah bersetuju supaya pertimbangan yang lebih fleksibel diberikan kepada permohonan oleh pemaju yang ingin membangunkan Asrama Pekerja Asing. Garis panduan semasa menetapkan bahawa saiz sesuatu tapak yang dicadangkan untuk pemajuan asrama pekerja ini berkapasiti 5,000 katil tidak boleh kurang daripada 2 ekar tetapi atas dasar *case by case*....(dengan izin) YB. Dato' Speaker, kebenaran boleh diberi kepada pemajuan di atas tapak yang tidak memenuhi syarat keluasan yang ditetapkan tersebut memandangkan kekangan tanah di Negeri Pulau Pinang. Sekian.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Jawapan yang diberi oleh YB. Datok Keramat. Apakah tindakan yang seterusnya *follow up* untuk usul bersama antara Ketua Menteri dan Ketua Pembangkang kerana sampai hari ini tidak ada sebarang *news*. Jadi apakah tindakan seterusnya Kerajaan Negeri akan ambil?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Pengkalan Kota. Sepertimana saya nyatakan tadi, *in fact* usul bersama ini dihantar sendiri oleh YB. Dato' Speaker kepada Kerajaan Persekutuan, terus kepada Perdana Menteri tetapi itu dibuat pada 22 Februari, *in fact I think*, Dato' Ayer Tawar juga telah setuju dan telah tandatangani usul bersama tersebut tetapi malangnya sampai hari ini tiada apa-apa tindakan susulan ataupun mesyuarat yang diadakan. Malahan untuk pengetahuan Dewan ini saya bersama Y.A.B. Ketua Menteri telah membuat satu kunjungan untuk kali pertama ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

di Putrajaya setelah menteri baru sampai iaitu Tan Sri Noh Omar. Sebelum itu apabila Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, Menteri Perumahan kita tidak dibenarkan masuk KPKT tetapi *we went*, untuk makluman YB. Dato' Speaker, saya dan Ketua Menteri dan kita telah berjumpa dan adakan satu sesi yang begitu konstruktif dengan Tan Sri Noh Omar dan termasuk juga isu ini iaitu usul bersama yang telah dikemukakan, ada 2 perkara, *one was in relation....*(dengan izin), kepada kadar penolakan pinjaman perumahan kepada pembeli pertama khususnya.

The second one was in relation to, iaitu perlu kita pertimbangkan pindaan kepada akta yang saya sebut tadi, akta pemaju tersebut kerana di dalam akta tersebut *schedule* ataupun jadual 'G' dan 'H', memerlukan Perjanjian Jual Beli Standard (*standard format sales and purchase agreement, under 'G' and 'H'*) yang tidak memasukkan isu perlu rumah mampu milik 'A' dan 'B' ataupun kos rendah dan kos sederhana rendah dihuni pemilik jadi isu *they are owner occupied* walaupun dalam borang PN1 jelas menyatakan apabila ditawarkan RMM 'A' atau 'B' atau kos rendah, kos sederhana rendah perlu kamu huni unit tersebut. *It has to be owner occupied but unfortunately the law is not as per the form PN1*. Jadi malangnya YB. Pengkalan Kota, walaupun 22 Februari YB. Dato' Speaker sendiri yang hantar surat kepada Perdana Menteri walaupun Y.A.B. Ketua Menteri dan saya ada kunjungan kepada Tan Sri Noh Omar, sehingga hari ini apapun tidak ada apa berlaku. Mungkin saya boleh minta kerana usul bersama ini memang ditandatangani oleh YB. Dato' Telok Ayer Tawar sendiri, saya boleh minta pihak Pembangkang tadi YB. Pulau Betong ada kata tentang banjir, memang *you* ada satu mesyuarat di mana *you all* tangani apa-apa projek Persekutuan, *so this is the issue* Persekutuan, saya harap mungkin pihak Pembangkang dapat aturkan satu tindakan susulan melalui satu mesyuarat untuk kita tangani isu ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan YB. Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih. Memang betul saya turut serta menandatangani usul bersama untuk dikemukakan kepada Kerajaan Pusat. Saya lihat masalah ini melibatkan pelbagai pihak. Antaranya Bank Negara kerana Bank Negara yang mengeluarkan arahan-arahan kepada pihak sektor kewangan untuk mengetatkan syarat-syarat pemberian pinjaman mungkin antaranya sebab untuk mengurangkan *household debt* ataupun hutang seseorang. Jadi ini adalah *moneytary policy*, polisi kewangan yang dijalankan oleh Bank Negara dan saya rasa memang dalam kes-kes tertentu ada tindakan yang sudah dilaksanakan Kerajaan Pusat antaranya misalannya memberi bantuan peruntukan RM30,000 di dalam skim pembelian rumah untuk kakitangan kerajaan di bawah PPA1M, Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia. Jadi ini ada subsidi untuk meringankan bebanan peminjam dan di antaranya juga beberapa skim yang dijalankan untuk membolehkan pembeli rumah pertama yang mana mereka juga mendapat pengurangan ataupun subsidi daripada pinjaman. Antaranya yang akan dapat mengurangkan kes-kes penolakan dan juga membantu *first time house buyers....*(dengan izin), iaitu pembeli rumah pertama untuk mendapat rumah. Jadi kita menyokong supaya perlonggaran ini dapat dibuat, ditambahkan terutama sekali di dalam syarat pembelian dalam perjanjian pembelian rumah seperti yang disebutkan tadi. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya hendak berbalik semula kepada masalah pekerja asing Yang Berhormat Datuk Keramat. Saya ada menerima laporan bahawasanya Hotel B'Suite, kemudiannya Hotel Aurora telahpun ditukar kepada premis untuk warga asing. Saya difahamkan bahawasanya Kerajaan Negeri memang tidak membenarkan, ada notis *served by MBPP*. Tetapi saya juga ada dapat video, ada gambar menunjukkan ada katil-katil dibawa masuk ke situ. So ini perkara yang cukup serius sebenarnya. Seolah-olah pihak swasta tidak mengendahkan arahan-arahan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. So saya berharap supaya kalau benda itu dibuat untuk hotel, janganlah ditukar kepada asrama-asrama kerana ini amat merungsingkan, bahkan *management corporation* juga telah membantah persoalan ini. Boleh saya tahu status terakhir berkenaan dengan Hotel Aurora yang ditukar kepada asrama pekerja ini? Itu sahaja.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, kepada YB. Telok Ayer Tawar dan Pulau Betong. Dan *of course* saya rujuk kepada YB. Telok Ayer Tawar terlebih dahulu. Memang kita mengalu-alukan PPA1M yang ada rebat RM30,000 tersebut tetapi sudah lama kita tunggu di Negeri Pulau Pinang tidak sampai pun PPA1M. Baru-baru ini sahaja mereka bina juga tetapi mereka *joint venture* dengan *private sector* untuk PPA1M.

PR1MA sampai hari ini saya telah luluskan tiga projek, tetapi satu projek pun belum mula. So di pihak Kerajaan Pusat memang ada kegagalan sepenuhnya untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk *access* rumah mampu milik tetapi saya mengalu-alukan dan saya harap pihak pembangkang dapat buat apa yang perlu untuk mempercepatkan agar stok ini sampai di Negeri Pulau Pinang. Berbanding dengan Negeri Pulau Pinang yang sehingga kini, YB. Dato' Speaker, kita ada projek-projek Kerajaan Negeri, projek-projek daripada pihak swasta yang kita hampir mencecah 60,000 unit yang bakal akan disiapkan dalam tempoh 10 hingga 15 tahun mulai akhir tahun ini, *the first product will be physically ready by the State Government...*(dengan izin), YB. Dato' Speaker.

Isu pinjaman yang dibangkitkan oleh YB. Telok Ayer Tawar itu adalah satu isu yang begitu serius sekali. Bukan sahaja kepada Negeri Pulau Pinang tetapi kepada keseluruhan negara. Jadi perlu usul bersama ini kita ambil tindakan susulan. Kementerian Perumahan perlu adakan satu sesi perbincangan dengan Bank Negara Malaysia. Untuk pengetahuan YB. Dato' Speaker, Negeri Pulau Pinang merupakan negeri yang pertama apabila saya menjemput Bank Negara Malaysia datang untuk kita bincang isu ini di mana kita bincang seawal tahun 2016, YB. Dato' Speaker, Januari 2016, adakan bengkel dengan semua *stakeholder* tetapi di peringkat Pusat perlu kita adakan perbincangan itu dengan serta merta.

Kepada YB. Datuk Pulau Betong, terima kasih atas soalan tersebut yang adalah kita sudah lari jauh daripada soalan Pengkalan Kota. *Actually* Pengkalan Kota *questioned was in relationship to how tackle*, dengan izin, *the problem of foreigners living in our low cost, low medium cost housing*, pekerja asing *exactly*. *Actually* YB. Dato' Speaker, saya ada laporan, pejabat saya yang dapat aduan-aduan daripada penghuni-penghuni di skim-skim kos rendah dan kos sederhana rendah ini yang menyatakan ada skim yang lebih daripada 50% ada pekerja asing Bangladesh, Myanmar dan sebagainya, yang menyebabkan satu masalah sosial yang begitu serius sekali. Mereka ada gaduh sampai ada kes bunuh berlaku dan sebagainya. Mereka jalan dengan sarung mereka di depan anak-anak kecil dan sebagainya. *Very-very serious social problem, that is why* pada bulan Ogos 2014, saya telah mengeluarkan satu Garis Panduan baru untuk penyediaan dan pemajuan hostel-hostel ataupun *dormitory-dormitory* pekerja asing ini. *Very important* menjadi model atas konsep yang wujud di Singapura, beberapa lawatan telah diadakan di situ and *we finally came out with this* garis panduan.

And for your question, sehingga hari ini ada lima (5) projek yang saya telah luluskan untuk asrama pekerja asing, *actually we don't call it* asrama pekerja asing *even* tempatan *also can stay there, it's actually* asrama pekerja, *workers's dormitory*. And lima (5) projek ini yang sedang dimajukan bakal akan menyediakan 22,000 katil. *That means there will be 22,000 beds. But for your information* YB. Pulau Betong, *in Penang we have about 250,000 foreign workers. 22,000 is just 10%, it's a beginning but we need more of this foreign worker dorms. So, that's why I hope everyone here including my friends from this side* setuju dan faham keperluan asrama untuk menempatkan pekerja-pekerja terutamanya pekerja-pekerja asing ini.

Berbalik kepada soalan YB. Datuk Pulau Betong tentang B'Suite ataupun Hotel Aurora *same things*. Apabila mereka datang ke pejabat saya pada awal tahun ini, saya telah menyatakan kepada mereka kita ada garis panduan yang saya sebut tadi. Dan garis panduan itu *is International Standard, we want to ensure human right* pekerja asing ini, memang kita mesti patuhi semua garis panduan agar kita jaga *human right* mereka.

So, I told them this is a hotel, it is not a foreign worker hostel. This is the reverse existing dia nak jadikan, yang lain projek saya luluskan lima (5) itu, tidak ada *existing* mereka bina. *So they following the guide line, but I said if you want this to be a asrama pekerja, you mesti apply* kepada Council untuk tukar guna, and you mesti patuhi semua syarat dalam garis panduan kita kerana kita ada garis panduan tersebut.

Tetapi saya difahamkan, pemaju ini tidak berbuat sedemikain and then dia sudah letakkan ataupun tempatkan pekerja-pekerja asing di situ dan saya difahamkan daripada KT EXCO saya YB. Chow, telah *confirmed* bahawasanya Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MBPP telah pun mengeluarkan notis kepada operator tersebut dan saya difahamkan juga setelah notis itu tamat tempohnya, tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap operator tersebut. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 4.

- No. 4. Di kawasan KOMTAR, terdapat banyak rumah usang yang terbiar. Ini bukan sahaja menjatuhkan imej bandar, malah ia juga menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes atau sarang penagih dadah.
- (i) Sila berikan senarai terkini rumah usang di KOMTAR.
 - (ii) Apakah langkah penyelesaian yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB. Kawasan KOMTAR, berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Pulau Pinang sehingga April 2017, terdapat 64 buah rumah usang di kawasan KOMTAR. Saya percaya ini adalah satu perkara yang lebih baik dari satu ketika di mana ada beratus-ratus rumah sedemikian di Bandaraya George Town.

Kedua, antara langkah-langkah penyelesaian yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini adalah seperti berikut:

- (a) Mengeluarkan notis kacau ganggu di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976, dan di bawah Seksyen 83, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 kepada pemunya bangunan supaya berbuat sesuatu terhadap bangunan tersebut;
- (b) Memagar bangunan yang usang dan berbahaya sebagai langkah awalan;
- (c) Mengambil tindakan undang-undang;
- (d) Langkah-langkah kawalan serta pencegahan pembiakan nyamuk aedes di premis-premis terbiar dan kosong persendirian terutamanya di lokasi-lokasi yang pernah ada wabak denggi melalui operasi cari dan musnah; dan
- (e) Tindakan pengeluaran notis di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit Tahun 1975 kepada pemilik premis untuk mengambil langkah-langkah pembasmian yang tertentu jika keadaan premis mungkin membiakkan nyamuk aedes; dan
- (f) Pihak Berkuasa Tempatan bertindak untuk membersihkan kawasan-kawasan terbiar jenis 'no man's land'. Manakala bagi premis-premis persendirian, sekiranya pemilik premis gagal membersihkannya, segala kos dan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan akan diperolehi semula daripada pemilik premis berkenaan. Sekian.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Padang Kota. Adakah PBT akan mengkaji tentang mengenakan *charged* cukai pintu yang lebih tinggi terhadap rumah-rumah usang tersebut?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Ini satu cadangan yang mungkin tidak senang dilaksanakan, kalau ada berpuluh-puluh atau satu ketika beratus-ratus rumah usang yang tuan punya tidak minat langsung, bayangkan kalau cukai pintu yang lebih tinggi dikenakan, mungkin tidak bayar juga. Saya tidak ada maklumat sama bagi kes-kes saya sebutkan sama ada cukai pintu sediaada tertunggak atau tidak. Mungkin cadangan Yang Berhormat adalah satu *deterrence* untuk memastikan tuan punya mengambil tindakan sesuatu bagi membaik pulih atau menyewa dan sebagainya. Tetapi walaupun dikenakan *charged* cukai yang lebih tinggi, tidak tinggi sangat mungkin dalam lingkungan tambah dalam RM100 ke RM200 sahaja. Jadi itupun, saya percaya tidak bawa apa-apa kesan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Terima kasih Padang Kota. Rumah-rumah usang ini memberi imej yang buruk kepada Negeri Pulau Pinang dan KOMTAR ini ada bersebelahan dengan kawasan Warisan. Ada tidak inisiatif oleh Kerajaan Negeri untuk mengambilalih samada membeli atau JV supaya rumah-rumah usang dapat diperbaiki dan dipelihara kerana ianya merupakan tinggalan masa lampau untuk Pulau Pinang ini. Dan rasanya kalau dengan cara begitu, kita boleh menggembalikan imej, kerana pelancong datang dia tidak tahu kawasan *gazzet area* untuk Warisan, dia nampak *the whole* Tanjong kawasan Warisan. So, saya rasa Kerajaan Negeri perlu perkara ini perlu dibuat sesuatu. Apakah Kerajaan Negeri ada berfikir atau bercadang untuk menyelesaikan masalah ini?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sepertimana saya menjawab tadi saya juga berterima kasih kepada YB. Pulau Betong kerana prihatin terhadap isu ini. Sememangnya setelah beberapa tahun Bandaraya George Town diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia, sudah ada banyak kemajuan berbanding dengan satu ketika 500 buah rumah yang usang setelah penguatkuasaan pemansuhan Akta Kawalan Sewa, sehingga kini memang banyak berubah. Banyak rumah-rumah usang telah pun dibaikpulih oleh tuan punya tanah dan ketika ini masih tinggal satu bilangan yang masih boleh dibaiki, saya percaya misalnya ada usaha-usaha untuk membaiki rumah-rumah ini. Tetapi oleh kerana syarat-syarat Warisan yang amat ketat, mereka perlu melalui pelbagai proses birokrasi sebelum Kebenaran Merancang itu dapat diluluskan. Misalnya di Jalan Dr Lim Chwee Leong, nampaknya sudah ada beberapa buah rumah usang yang terbiar begitu lama, bukan bermaksud tuan punya tidak ambil tindakan, tetapi perlu menunggu kelulusan dari pihak berkuasa tempatan yang perlu mematuhi syarat-syarat warisan.

Pihak Kerajaan Negeri memang cuba untuk membeli harta-harta sedemikian, tetapi maklumlah harta-harta sekarang amat bernilai dengan peruntukan yang kecil mungkin kita cuma mampu membeli satu dua setakat ini. Satu yang dibeli adalah di simpang Lebu Victoria dan Gat Lebu Melayu, Itupun masih menunggu usaha-usaha untuk ditambah baik. Malangnya pun juga peruntukan yang kita dapat melalui *think city*, itu pun untuk program memulih bangunan itupun membawa hasil banyak juga. Malangnya dana RM20 juta itu pun sudah habis, mungkin Yang Berhormat boleh membangkitkan isu ini supaya Kerajaan Persekutuan juga sama-sama prihatin terhadap menjaga rumah-rumah terbiar ataupun usang yang perlu dibaikpulih dengan lebih segera tetapi, secara keseluruhan saya nampak ada kemajuan. Semakin kurang rumah-rumah usang ini sebab memang usaha sedang berjalan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Betong, soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, soalan saya nombor 5.

- No. 5. Jelaskan status pelaksanaan pembinaan tiga lebih raya dan terowong.
- (i) Jumlah dan agihan bayaran kepada semua pihak terlibat sehingga kini.
 - (ii) Status pemajuan tanah beri milik kerajaan kepada pemaju Zenith.
 - (iii) Jelaskan kedudukan cadangan pembinaan jambatan berbanding terowong.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Pulau Betong. Beliau menanya mengenai Status Pelaksanaan Pembinaan 3 Jalan Utama dan juga Terowong.

YB. Dato' Yang di-Pertua, Status Pelaksanaan Pembinaan Jalan-Jalan Utama dan Terowong Bawah Dasar Laut adalah seperti berikut:

- (a) Status Pelaksanaan Pembinaan Jalan-Jalan Utama

Kajian kebolehlaksanaan untuk projek jalan-jalan utama yang melibatkan 3 pakej jalan iaitu Jalan Berkembar dari Tanjong Bunga ke Teluk Bahang (Pakej 1), Jalan Pintasan (By-pass) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Jalan Ayer Itam (Pakej 2) dan Jalan Pintasan (By-pass) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Persiaran Gurney (Pakej 3) telah disiapkan pada 12 Mei 2015. Seterusnya, Reka bentuk Terperinci Awal (*Preliminary Detailed Design*) telah siap disediakan pada 26 Januari 2016 untuk

membolehkan Kajian Kesan Kepada Alam Sekitar iaitu *Detailed Environment Impact Assessment - DEIA* dimulakan. Laporan kajian DEIA telah disiapkan dan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 21 April 2017.

Fasa pembinaan bagi Jalan-Jalan Utama dijangkakan bermula pada pertengahan 2018 setelah mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) Proses kelulusan DEIA oleh Kerajaan Persekutuan;
 - (ii) Proses pengambilan balik tanah oleh Pejabat Daerah dan Tanah; dan
 - (iii) Penyiapan kerja-kerja tebusguna tanah bagi tanah yang akan diberi milik sebagai bayaran kos projek.
- (b) Status pelaksanaan Projek Terowong Bawah Dasar Laut (Link Ketiga)

Projek Terowong Bawah Dasar Laut yang menghubungkan Persiaran Gurney dan Jalan Bagan Ajam kini masih lagi di peringkat Kajian Kebolehlaksanaan di mana kemajuan kajian telah mencapai 87%. Kajian Kebolehlaksanaan Terowong ini pada awalnya dijangkakan siap pada Disember 2016. Walau bagaimanapun, perlanjutan masa telah diberikan kepada pihak kontraktor sehingga September 2017 setelah mengambil kira keperluan penyelarasan maklumat kajian yang melibatkan Pelan Induk Projek Tebusguna Laut di sekitar Bagan Ajam oleh Syarikat Rayston Consortium Butterworth Sdn. Bhd. yang masih belum dimuktamadkan.

- (i) Jumlah bayaran kepada semua pihak yang terlibat dalam Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang sehingga kini adalah RM219,987,410.00 dengan kepecahan agihan bayaran masing-masing sebanyak RM208,755, 080.00 kepada Konsortium Zenith Construction Sdn Bhd selaku kontraktor projek dan sebanyak RM11,232,330.00 kepada HSS Intergrated Sdn Bhd sebagai perunding teknikal projek bebas dilantik oleh kerajaan. Setakat ini tiada bayaran telah dibuat kepada perunding di DEIA.
- (ii) Status pemajuan tanah bermilik kerajaan kepada pemaju Zenith sehingga kini, Kerajaan Negeri telah membuat bayaran ke atas pencapaian kemajuan kerja iaitu *milestone* seperti dalam perjanjian untuk kajian kebolehlaksanaan dan reka bentuk terperinci awalan projek-projek jalan utama melalui pemberilikan 2 lot tanah di Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang kepada pihak kontraktor. Tanah yang terlibat adalah Lot 702, seluas 3.67 ekar yang telah diberi kepada beliau pada tahun 2015 dan sebahagian dari Lot 713, seluas 2 ekar yang diberi milik kepada beliau pada 2017. Nilai keseluruhan tanah ini ialah RM 208 juta yang bernilai berdasarkan perkiraan keluasan bersih tanah yang boleh dibangunkan iaitu bersamaan dengan kos kajian kebolehlaksanaan dan reka bentuk terperinci awalan projek-projek jalan utama. Bagi status terkini, Lot 702, pihak kontraktor telah bekerja sama dengan Ewein Land Sdn Bhd iaitu anak syarikat Ewein Bhd dalam cadangan pembangunan yang diberi nama "*City Of Dreams*". Cadangan pembangunan ini berasaskan konsep *wellness* yang bakal menyokong pertumbuhan sektor "*medical tourism*" di Pulau Pinang. Cadangan pembangunan ini juga telah menerima *champion* status di bawah Plan Induk "*Economic Transformation Program*" iaitu (ETP) yang diterajui oleh PEMANDU. Bagi Lot 713, pihak konsortium baru sahaja menerima geran sementara tanah tersebut pada 22 Mac 2017 dan buat masa ini belum ada sebarang permohonan cadangan pembangunan diterima ke atas lot tanah tersebut.
- (ii) Bagi cadangan pembinaan jambatan sebagai alternatif kepada terowong, laporan kajian kebolehlaksanaan terowong akan dikemukakan kepada Kerajaan Pusat sebagai dokumen sokongan bagi pertimbangan kelulusan Jambatan Ketiga oleh Kerajaan Persekutuan. Sekiranya kelulusan pembinaan Jambatan Ketiga ini diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan, maka pembinaan terowong bawah dasar laut ini boleh dibatalkan atas justifikasi kos pembinaan dan penyelenggaraan jambatan adalah jauh lebih rendah daripada terowong bawah dasar laut serta penggunaan jambatan tanpa mengenakan tol kepada pengguna. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya nak mengesahkan bahawa YB. Bagan Jermal mengatakan bahawasanya tiada bayaran EIA kepada perunding dibuat. Yang kedua saya nak membuat pengesahan bahawasanya sehingga ke hari ini 2 lot tanah yang diberikan kepada pemaju masih belum lagi diberikan sebarang kelulusan pembinaan. Betul Yang Berhormat? Betul ya. Jika sekiranya mereka belum diberikan kelulusan untuk pembinaan, bagaimanakah mereka hendak mendapat ruang untuk membuat lebuh raya? Sebab lebuh raya itu bukan daripada yang murah. Mahal. Satu. Yang Berhormat mengatakan tadi bahawasanya projek lebuh raya ini akan dimulakan pada tahun 2018. Tetapi pada masa yang sama juga Yang Berhormat mengatakan bahawasanya satu proses EIA telah pun siap, telah pun dibuat *submission* kepada *federal government*.

Yang kedua, pengambilan tanah masih lagi belum selesai. Ini juga akan mengambil masa yang panjang. Yang kedua, Yang Berhormat kata juga bergantung kepada penyiapan tebus guna tanah sebagai bayaran kepada kontraktor. Ini juga masih dalam proses. Jika dua (2) perkara besar ini masih belum selesai, bagaimanakah Yang Berhormat kata boleh dimulakan lebuh raya ini pada tahun 2018 iaitu beberapa bulan lagi daripada hari ini. Saya khuatir sebab masalah pengangkutan di Pulau Pinang adalah masalah yang cukup gawat yang memerlukan dengan kadar segera. Jika terdapat dua (2) perkara yang berada di tangan Kerajaan Negeri tak dapat diselesaikan, bagaimana kontraktor boleh memulakan kerjanya. Mungkin ada alternatif lain contohnya membuat pinjaman dahulu sebelum menunggu penyelesaian tanah dan juga supaya mereka boleh memulakan kerja kerana ini yang diperlukan oleh rakyat Pulau Pinang. Bukan terowong tetapi dengan kesegeraan untuk membuat lebuh raya tersebut. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Pulau Betong yang mengemukakan soalan tambahan. Saya ingin mengesahkan disini bahawa tiada apa-apa bayaran telah dibuat kepada Yes Enviro Sdn. Bhd, Perunding EIA dari Pulau Pinang belum kita buat apa-apa tuntutan kepada beliau tetapi laporan EIA ini telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 21 April 2017 sekarang sudah tiga (3) minggu dan kita mungkin akan ambil masa tiga (3) bulan untuk mendapat satu keputusan daripada Kementerian Alam Sekitar.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat, mana-mana perunding kalau siap kerja tak dibayar, macam mana dia nak bayar gaji pekerja dia? Saya rasa harus ikhtiar untuk bayar. *Be fair to the consultant* Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, kami menghadapi satu masalah dengan perunding bebas EIA ini iaitu pada mulanya apabila pihak perunding EIA mendapat pengesahan daripada Jabatan Alam Sekitar bahawa kita hanya perlu mengemukakan EIA *Schedule 1*, tetapi selepas itu kerana peruntukan yang baru maka Kementerian Alam Sekitar memerlukan bahawa EIA ini perlu submit di bawah EIA *Part 2* atau *Schedule 2*, jadi ini adalah skop kerja yang berbeza dan sekarang kami sedang menyemak, pihak *Legal Advisor* sedang menyemak *agreement-agreement* yang tertakluk kepada pindaan itu.

Justeru itu, masih belum kita bayar apa-apa tuntutan kepada perunding EIA ini. Memang kalau Kerajaan Negeri sekiranya semua dokumen-dokumen telah lengkap, tak ada masalah untuk kerajaan untuk membayar dan tuntutan dan bayaran untuk ketiga-tiga jalan utama sahaja. Kita belum melantik lagi perunding alam sekitar untuk terowong. Belum lagi. Tiga (3) jalan utama kosnya adalah RM1.5 juta pada mulanya iaitu kita hanya menyediakan laporan EIA sahaja dan dengan pertambahan EIA *part schedule 2* ini mungkin sedikit tambah lagi. Jadi tak ada masalah bagi Kerajaan Negeri untuk membayar kepada pihak perunding bebas ini dan kemudiannya pembayaran ini akan dituntut balik daripada pihak Zenith Konsortium, iaitu adalah untuk menjawab soalan pertama YB. Datuk Pulau Betong.

Mengenai Lot 713, tadi saya cakap ada dua (2) lot tanah. Lot 702 sudah kita memberi milik kepada mereka pada tahun 2015 dan mereka bersama-sama dengan Ewin Land Sdn Bhd telah menjalankan satu pemajuan dinamakan *City Of Dreams*, dan *City Of Dreams* pada peringkat sekarang sudah dibawah *substructure*. Sudah dalam pembinaan *substructure*. Jadi, itulah tertakluk kepada Zenith Konsortium dan Ewin Land Sdn Bhd bagaimana mereka mendapatkan dana mereka untuk memajukan tanah yang diberi iaitu Lot 702. Lot 713 yang baru saja mereka dapat *qualified title* atau QT ini adalah milik mereka sekarang. Dan apakah perancangan mereka untuk memajukannya ini juga tertakluk kepada pihak Konsortium Zenith untuk menjalankannya. Buat masa sekarang belum ada lagi. So, itu adalah

soalan kedua.

Yang ketiga, Yang Berhormat kata tahun depan pertengahan tahun depan 2018 kita akan memulakan kerja. Saya jawab Yang Berhormat menanya, itu adalah betul, dan ini tiga (3) faktor. Satu, EIA belum luluskan. Kedua, pengambilan tanah belum selesai. Yang ketiga, kalau kita *start* sekarang ini juga maka apabila mereka memulakan kerja, *progress payment* kena dibuat dan tanah yang sedang ditebusguna oleh E&O itu belum siap sedia lagi. So, mungkin kita akan menghadapi satu tuntutan di mana kita belum ada tanah yang sedia untuk mereka. Jadi, kita jadualkan supaya ia dimulakan pada tahun depan.

Walau bagaimanapun untuk mengatasi kesesakan lalu lintas khasnya di Batu Feringghi di mana Batu Feringghi sedang menghadapi kesesakan lalu lintas yang teruk khasnya pada hari-hari cuti am dan kita ada cadangan untuk memulakan Jalan Satu, *missing link* di Jalan Satu dan Jalan Sungai Mas. Sekiranya itu tak banyak 1.5 kilometer sahaja. Kalau itu dapat di sambungkan maka mungkin sistem pengaliran trafik di Batu Feringghi kita boleh *reschedule* untuk menjadikan *one way street* atau apa-apa itu kita cuba melaksanakannya dan sekiranya kita ada segala-segalanya telah menyelesaikan, mungkin kita boleh memulakan kerja-kerja pembinaan jalan *on site* dengan awal mungkin kerana kita masih ada Lot 713 ini dia mungkin dalam 4 ekar. Sekarang kita belah kepada 2 ekar untuk dibayar kepada beliau seperti tadi yang saya jawab, dan kita masih ada baki 2 ekar lagi. 2 ekar lebih kurang RM100 juta. So, kalau dimulakan kerja dengan awal mungkin kita bolehlah ada tanah masih boleh membayar kepada tuntutan pembinaan itu. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah 3 soalan. YB. Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Soalan saya soalan nombor 6.

No. 6. Sila nyatakan usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi Kerajaan Negeri dan kejayaan yang telah dicapai dalam usaha menanam pokok di sekitar Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih ahli Yang Berhormat daripada Paya Terubong, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Landskap Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif melibatkan aktiviti penanaman pokok di Negeri Pulau Pinang. Program-program penanaman pokok yang dilaksanakan terlibat kerjasama di antara Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Perhutanan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, pihak swasta, sekolah-sekolah dan juga orang awam. Aktiviti penanaman pokok yang dilaksanakan merangkumi dua (2) aktiviti utama iaitu program penanaman pokok ditanam di kawasan tanah lapang Kerajaan dan terosot termasuk di kawasan bukit di dalam hutan simpanan kekal dan program-program pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai dipersisiran pantai sebagai penahan hakisan seperti impak tsunami, bagi mewujudkan eko-sistem yang seimbang di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah melaksanakan inisiatif-inisiatif penanaman pokok-pokok seperti berikut.

- (i) Pembinaan "*Pocket Park*" oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan landskap yang menarik untuk tujuan rekreasi orang ramai;
- (ii) Projek penanaman pokok oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Perhutanan Negeri bagi menghijaukan alam sekitar dan merendahkan kadar pelepasan karbon yang menjadi punca kepada perubahan iklim;
- (iii) Projek-projek penanaman pokok teduh landskap di setiap daerah di Negeri Pulau Pinang.
- (iv) Program *Corporate Social Responsibility* bersama dengan agensi-agensis korporat yang merangkumi projek-projek penghijauan melibatkan komponen-komponen kemudahan landskap kejur dan landskap lembut;
- (v) Mengambil inisiatif pemuliharaan pokok-pokok warisan dan berusia di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang secara berfasa dengan melantik *Arboris* bertauliah agar pokok hidup subur, sihat dan selamat kepada orang awam;
- (vi) Melaksanakan sistem inventori pokok bagi tujuan pengumpulan data dan penyelenggaraan pokok yang lebih sistematik. Data-data pokok akan disimpan melalui

Penang Tree Information System (PeTis);

- (vii) Penanaman pokok di kawasan lapang dan terosot di dalam Hutan Simpanan Kekal dan tanah kerajaan;
- (viii) Program-program penanaman pokok bakau dan spesis-spesis yang sesuai di pesisiran pantai; dan
- (ix) Kempen-kempen penanaman pokok secara *hand-on* bersama orang awam, pelajar sekolah, agensi swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO's).

Kerajaan Negeri juga melalui PBT telah menetapkan syarat-syarat yang ketat bagi permohonan penebangan pokok-pokok sedia ada terutamanya pokok-pokok yang bersaiz besar. Sebagai makluman Yang Berhormat, dari tahun 2008 sehingga Mac 2017 sebanyak 296,632 pokok baharu telah ditanam oleh Kerajaan Negeri di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Senisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji :

Soalan tambahan. Yang Berhormat, terima kasih di atas penjelasan yang diberikan. Adakah terdapat apa-apa permintaan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat kawasan-kawasan Barisan Nasional untuk melaksanakan apa-apa projek begini kerana sering kali bila terdapat sidang Dewan mereka yang selalu mempersoalkan isu-isu melibatkan alam sekitar. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Sehingga kini mengikut pengamatan saya belum menerima secara rasmi apa permohonan-permohonan untuk tanam pokok-pokok di kawasan mereka atau mewujudkan "*Pocket Park*" di kawasan mereka, akan tetapi memang Kerajaan Negeri tidak mengambil kira Bangsa, Agama atau KADUN politik tetapi yang mana sesuai kami akan tanam dan jikanya mereka berminat untuk memberi kerjasama dan bantuan supaya seluruh Negeri Pulau Pinang dapat dihijaukan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bila sentuh BN. Sebenarnya tidak meminta peruntukan, tidak bermakna kami tidak menanam pokok, mungkin kami punya pokok lebih banyak daripada YB. Sungai Puyu dan juga YB. Seri Delima. Terima kasih. (gangguan)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, satu jam tiga puluh minit untuk soalan lisan telah tamat selaras dengan Sub Peraturan 26(7) Peraturan-Peraturan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Sila Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan di dalam penyata rasmi.

Setiausaha Dewan :

Usul daripada YB. Ahli Kawasan Permatang Pasir.

Y.A.B. Ketua Menteri :

Sebelum itu saya nak pohon sekejap Yang Berhormat sekejap. YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri selaras dengan Peraturan Mesyuarat 6A(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 22hb Mei Isnin dilanjutkan sehingga jam 11.45 malam.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, sebelum menyokong....(gangguan) saya nak tanya dulu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Minta sokong.

Timbalan Ketua Menteri I:

Dato' Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Daripada awal sampai akhir asyik menyokong sahaja, kita nampak pengurusan waktu, boleh saya tahu YB. Dato' Speaker adakah kita akan bersidang dua minggu atau seminggu atau hari-hari 9.30 pagi sehingga 11.45 malam? Sebab kami perlu membuat sikit pengurusan ucapan kami, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri :

Dato' Yang di-Pertua, kita nak habiskan pada untuk menyambut itu hari puasa bulan Ramadan Al-Mubarak so itu sebab kita harap boleh habis pada hari Khamis, Khamis malam. So tiap-tiap malam saya minta kefahaman ataupun kerjasama daripada semua pihak kita cuba habiskan supaya hari Jumaat ada satu hari untuk menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak so itu sebab kita akan lanjutkan sehingga 11.45 malam setiap malam sehingga hari Khamis. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya harap berlaku adil untuk memberi masa kepada kami untuk berbahas....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri :

Itu perkara lain.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Nak *control time* Dato' Speaker *please*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Itu jawapan saya kepada Y.A.B. Ketua Menteri. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini iaitu 22 Mei 2017 hari Isnin sehingga jam 11.45 malam. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

"Ya"

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Akan dipertimbangkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lebih suara bersetujui usul dipersetujui. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya minta usul, ya Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan bahawa kami Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ke-13 pada 19 Mei 2017.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya mulai dengan *Bismillahirrahmanirrahim*. (Petikan Surah Al-Hujuraat 49:12) "Wahai orang-orang yang beriman, Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan dan keaiban orang dan janganlah sesetengah kamu mengumpat sesetengahnya yang lain."

YB. Dato' Yang di-Pertua, tahun 2017 ini adalah tahun ujian berat bagi saya, banyak perkara yang terpaksa saya tempuhi. 19hb adalah hari pembukaan sidang Dewan Undangan Pulau Pinang ke-13 dan telah disempurnakan dan dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun berkebetulan 19hb juga adalah hari yang saya masih amat teringat di atas pemergian orang yang saya sayangi iaitu ibu saya telah kembali ke rahmahtullah.

YB. Dato' Yang di-Pertua, di dalam ucapan perasmian banyak disentuh dan beberapa perkara mendapat perhatian oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan di dalam ucapan ini juga saya tidak ambil masa yang lama kerana banyak perkara-perkara yang perlu saya fikirkan dalam suasana keadaan saya berhadapan dengan banyak ujian-ujian ini. Dipermulaan ini saya ingin menyentuh bagaimana terlibatnya kanak-kanak di bawah umur sembilan, sepuluh, sebelas tahun yang terlibat dengan berlegar-legar di beberapa tempat dan mendapat perhatian ramai orang menghampiri dan menawarkan beberapa barang untuk dijual, sebagai kanak-kanak saya rasa mereka bukan bersungguh-sungguh mahu berniaga itulah naluri kanak-kanak kerana pada usia tersebut mereka mahu bebas bermain atau mencari perkara-perkara baru, macam kita di zaman kanak-kanak diperingkat usia sedemikian kita rasa kita nak berkawan dan bermain dan pelbagai aktiviti hendak dilakukan. Kita nampak haknya dinafikan sama ada oleh ibu bapa sendiri atau orang lain dan terpaksa keluar mencari rezeki pada usia yang muda.

Mengikut rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat, antara tempoh 2008 sehingga 2014 seramai 391 orang kanak-kanak yang didapati mengutip dana ataupun meminta sedekah di tempat-tempat awam telah diselamatkan, sementara itu baru-baru ini sepasang suami isteri turut dihadapkan ke Mahkamah Sekyen atas 12 pertuduhan memperdagangkan kanak-kanak perempuan berusia 11 hingga 13 tahun. Pasangan itu didakwa menjadikan kanak-kanak tersebut sebagai peminta sedekah dan penjual ubat sebelum perbuatan itu terbongkar.

YB. Dato' Yang di-Pertua, ada dinyatakan daripada penasihat Bahagian Juvana Mahkamah Kajang mendedahkan kanak-kanak yang menjadi mangsa memperdagangkan, tidak hanya ditugaskan hanya meminta sedekah ataupun mencari derma sebaliknya mereka turut terjebak dengan kes-kes yang lebih serius termasuk menjadi keldai dadah. Kita berasa amat sedih bila melihat anak-anak itu menjadi mangsa bagi kes yang melibatkan kanak-kanak atau pelajar meminta derma untuk pihak sekolah ataupun rumah anak-anak yatim, mendapati selepas siasatan dibuat dan apabila disiasat tidak digunakan seperti yang dilakukan sebaliknya untuk kesenangan guru atau individu dibelakangnya. Saya mengharap supaya pihak berkuasa harus mengiatkan aktiviti penguatkuasaan supaya masalah ini dapat ditangani, kalau mengikut Akta Kanak-kanak 2001 melindungi hak kanak-kanak berkenaan hanya pihak berkuasa seperti JKM boleh mengambil tindakan untuk menyelamatkan mereka.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya ingin masuk satu tajuk berkaitan dengan sukan, pertamanya saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini Negeri Pulau Pinang tidak pernah ketandusan bakat-bakat sukan yang sentiasa mengharumkan nama negeri kita di persada kebangsaan dan antarabangsa dan menjadikan Pulau Pinang adalah merupakan gergasi sukan dalam pelbagai disiplin sukan di peringkat kebangsaan, umumnya mengetahui contohnya badminton melahirkan Dato' Lee Chong Wei, squash melahirkan Dato' Nicol David, sepak takraw tekong utama kebangsaan Malaysia Mohd. Shahir Mohd Rosdi dan lain-lain sukan. Di sini saya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri melalui EXCO sukan mestilah berusaha dengan gigih cuba melahirkan bakat-bakat sukan anak negeri dalam setiap bidang sukan tidak hanya tertumpu kepada hanya dua atau tiga acara sukan sahaja bagi melahirkan atlet-atlet yang bertaraf antarabangsa. Kita memerlukan peruntukan yang besar untuk mencapai matlamat sukan di Negeri Pulau Pinang. Di sini saya ingin tahu berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam pembangunan sukan bagi tahun 2016 sehingga 2017 untuk melahirkan atlet-atlet sukan yang bertaraf antarabangsa?

Kita juga dikejutkan dengan rusuhan yang berlaku oleh penyokong bola sepak Pulau Pinang di Stadium Negeri Batu Kawan Februari 2017. Ini bagi pandangan saya amat tidak baik bagi Negeri Pulau Pinang dan juga memalukan. Dalam setiap pelaksanaan dasar kerajaan itulah yang diamalkan Kerajaan CAT saya dengan ini saya amat berharap pihak-pihak yang berkenaan mengambil tindakan dan memastikan kejadian tersebut tidak berulang lagi walaupun prestasi bola sepak negeri tidak memberangsangkan, namun disiplin, moral, akhlak dan semangat kesukanan harus diutamakan.

Diharapkan selepas ini pihak....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih YB. Permatang Pasir. Bercakap tentang bola sepak saya nak tanya Tuan Yang di-Pertua dan EXCO Padang Lalang, masalah yang dihadapi oleh (BMFA) *BM Football Association* yang dulunya kehilangan padang dan diganti di padang di Permatang Rawa sampai sekarang masih belum diatasi padangnya tidak dibuat penyelenggaraan dengan baik dan ada pula campur tangan oleh ADUN kawasan tentang kaedah macam mana nak membaik pulih padang itu dan menggunakan bangunan kelab itu dibiarkan begitu tanpa dibaiki. Saya telah bercakap beberapa tahun dahulu sampai sekarang masih belum dibaiki dan mereka belum bangunan itu untuk berteduh sahaja bila hujan. Jadi ini adalah satu kerugian kepada bola sepak amnya khususnya (BMFA) *BM Football Association* kerana padang itu tidak boleh digunakan dengan baik dan bangunan kelab tidak buat penyelenggaraan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Bukan tanya kepada sayakan tanyalah kepada EXCO kan, so saya tidak jawablah.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, tadi YB. Permatang Pasir penggal depan masih ada kot ya. Ada?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bola sepak....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tak apalah nanti sekejap. YB. Sanisvara Nethaji Rayer cakap bunga-bunga, YB. Dato' Speaker tidak kacau saya cakap sedikit sahaja nak kacau. Inilah tidak adil itu yang C.A.T dah mati dah. Tadi YB. Permatang Pasir menyebut membuat soalan berapakah peruntukan Kerajaan Pusat? Ada sebutkan saya duduk di luar tadi. Siapa nak jawab itu kalau jawab di Parlimen tidak apakan. Saya sekarang nak tanya berapakah peruntukan Kerajaan Negeri beri untuk program aktivis sukan Negeri Pulau Pinang dan mengikut kategori sukan? Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Saya tanya tadi ada tidak peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri jadi EXCO jawablah tidak perlulah Kerajaan Persekutuan nak jawab di sini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sambung.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Kemudian YB. Dato' Speaker, diharapkan selepas ini pihak Kerajaan Negeri dapat mewujudkan pelapis-pelapis baru yang berbakat dan berpotensi besar yang akan menyambung kegemilangan berbagai disiplin sukan untuk mengharumkan lagi nama Negeri Pulau Pinang sebagai kuasa gergasi sukan di Malaysia. Dan saya juga ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan pilihan raya ataupun politik pilihan raya yang mana saya juga ingin melahirkan rasa terkejut tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) atas keengganan untuk membekalkan Rang Daftar Pemilik Tambahan (DPT) walaupun saya difahamkan ada dibawa ke pameran tetapi tidak membekalkan Rang Daftar Pemilik Tambahan (DPT) suku pertama 2017 kepada semua parti-parti politik yang sah dari segi undang-undang. Termasuklah di Negeri Pulau Pinang yang mana kita mengetahui bahawa pendaftaran pemilih dan juga semakan pemilih adalah fungsi utama parti politik di dalam negeri kita dan termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Saya melahirkan bantahan kepada perkara ini kerana ia menyusahkan dan memudaratkan parti-parti politik untuk menghadapi pilihan raya yang akan datang.

Kita tahu sistem pilihan raya Malaysia yang mengamalkan sistem persempadanan amat memerlukan setiap parti politik yang memasuki pilihan raya di Malaysia ini berdaftar dan menyemak pengundi-pengundi yang mendaftar di setiap bahagian Parlimen ataupun KADUN Negeri. Saya ingin mengetahui jumlah pengundi setiap kawasan, identiti setiap pengundi tersebut sama ada pengundi baharu ataupun bertukar alamat. Pengundi-pengundi yang dikeluarkan sama ada berpindah, mati atau dilucutkan kewarganegaraan dan sebagainya untuk mengetahui sama ada maklumat berkenaan kita amat memerlukan dan Rang Daftar Pemilih Tambahan (DPT) yang dibekalkan oleh pihak SPR bagi tempoh-tempoh sukuan tertentu. Saya membantah tindakan yang dibuat oleh SPR di atas perkara ini dan juga saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri bertindak bagi mengatasi masalah ini. Walaupun ada dibuat pameran tetapi tidak membekalkan tentang buku-buku ataupun Rang Daftar Pemilih Tambahan (DPT) suku pertama 2017 dan mengakibatkan kita mungkin lambat mendapat maklumat berkaitan dengan perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi.

YB. Dato' Speaker, selain daripada itu saya ingin menyentuh berkaitan dengan wanita yang mana wanita memainkan peranan penting dalam arus pembangunan Negeri Pulau Pinang. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri dan melalui EXCO Wanita YB. Padang Lalang di atas inisiatif yang dilaksanakan bagi mengurus perdanakan peranan kaum wanita di dalam aktiviti masyarakat dan rakyat. Di sini saya ingin mengetahui apakah langkah-langkah yang proaktif yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui EXCO Wanita selain daripada program brigid wanita di dalam memartabatkan lagi kaum wanita di dalam pelbagai memartabatkan lagi kaum wanita di dalam sektor di dalam arus pembangunan negeri.

Pada sesi yang lepas saya telah mencadangkan supaya menyediakan satu platform perniagaan kepada wanita bagi menjana pendapatan menjana pendapatan mereka khususnya dalam karnival ataupun ekspo-ekspo anjuran Kerajaan Negeri. Langkah Kerajaan Negeri mewujudkan brigid wanita adalah satu langkah yang harus diberi pujian. Saya ingin mengetahui apakah peranaan lain bagi setiap Brigid Wanita di seluruh Pulau Pinang selain daripada tugas yang telah sedia ada bagi makluman atau pengetahuan YB. Padang Lalang bagi KADUN Permatang Pasir mempunyai seramai 100 orang ahli brigid yang aktif membantu saya di dalam pelbagai aktiviti dan lawatan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak selain dari kawasan yang saya wakili. Sebab itu saya mengharapkan supaya oleh kerana agak begitu ramai terlibat sebagai Ahli Brigid Wanita, saya mohon supaya diadakan pelbagai-pelbagai aktiviti kursus kepada mereka supaya akan lebih mendatangkan manfaat kepada masyarakat tempatan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, terima kasih. Bercakap mengenai wanita ini saya tertarik, kerana saya selalu dalam perbincangan-perbincangan saya memberi keutamaan kepada inisiatif Kerajaan Negeri memartabatkan kaum wanita. Di kawasan Seri Delima juga pelbagai program dianjurkan bagi kita memastikan bahawa kaum hawa, kaum wanita ini sentiasa dibela. Dan saya di sini kurang berpuas hati dengan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh terutamanya daripada golongan masyarakat secara amnya dan juga daripada golongan ahli-ahli politik khasnya daripada Barisan Nasional yang kita lihat seolah-olah menilai kaum wanita, melihat kaum wanita dengan izin YB. Dato' Speaker, *sex objects...* (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Beri laluan, ini tidak betul ini. Kenapa cakap macam ini Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya belum habis lagi. Saya nak teruskan *this my floor* Yang Berhormat Dato speaker... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya minta tarik balik. Tarik balik....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya akan beri penjelasan....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tarik balik. Mana boleh cakap macam tu....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Datuk Shahabudin ada menyatakan wanita yang dirogol boleh dikahwinkan dengan perogol bukannya itu boleh....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk YB. Seri Delima, sila duduk....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Membenarkan perogol berkahwin dengan... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya kata dua-dua keluar....(gangguan). Keluar dua-dua Ahli Kawasan Seri Delima dan Ahli Kawasan Telok Bahang, sila keluar.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya belum habis lagi YB. Dato' Speaker...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jadi gangguan kepada saya, sila keluar....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Datuk Shabudin mengeluarkan kenyataan bahawa perogol boleh berkahwin yang menilai wanita sebagai *sex objects*...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ketetapan keluar, keluar. Dan yang lain diam. Keluar.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Berapa lama YB. Dato' Speaker?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Hingga hari ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Mana boleh....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Keluar sehingga hari ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat tidak adil.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Adil.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Mana boleh YB. Dato' Speaker, cakap macam itu.... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya yang membela wanita terpaksa keluar juga....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Seri Delima sahaja yang keluar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Kenapa Ahli Kawasan Telok Bahang yang di....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini arahan Speaker, dua-dua. Bentara sila. Tidak endah arahan Speaker.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ahli Kawasan Seri Delima yang buat tuduhan yang melulu...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, saya hormat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Seri Delima sahaja keluar.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dua-dua. YB. Permatang Pasir sambung...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, di sini saya juga ingin merakamkan terima kasih sebab itu saya kata tak ganggu lagi cepat saya boleh habis. Tadi saya kata singkat sahaja bila ada gangguan mungkin panjang lagi, saya ingat lepas ini tidak ada lagi gangguanlah mungkin lebih cepat lagi.... (gangguan) Sama la dua-dua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Permatang Pasir tak nak bahaskah? Sila.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Saya teruskan. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Negeri dan juga agensi kerajaan seperti JPS, kerana berusaha mencari langkah terbaik untuk menangani masalah banjir yang telah melanda seluruh Pulau Pinang termasuk KADUN saya yang mewakili Permatang Pasir. Dan juga penjelasan yang telah pun dibuat sebentar tadi.

Bagi pengetahuan YB. Dato' Speaker sejak tahun 2009, saya dilantik sebagai wakil rakyat di kawasan yang saya wakili pihak terbabit terutamanya pihak JPS tidak jemu-jemu membantu bagi membantu menyelesaikan banjir di kawasan saya. YB. Dato' Speaker, kita sedia maklum KADUN Permatang Pasir ini ialah antara tempat yang sentiasa mengalami banjir kilat apabila berlaku musim hujan. Saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri melaksanakan *Project High Impact* semua Sungai Permatang Rawa dalam tempoh terdekat kerana dapat menangani masalah banjir di kawasan tersebut.

Di samping itu masalah sistem perparitan dan tepi jalan utama KADUN Permatang Pasir seperti di Pekan Permatang Pauh, Sungai Semambu, Pekan Penanti, Kampung Petani dan Permatang Ara turut menjadi punca banjir kilat oleh itu, sistem perparitan tersebut perlu dinaik taraf oleh pihak yang berwajib. YB. Dato' Speaker, saya juga ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini dan diakui oleh semua pihak. Bahawa peranan gerakan koperasi sebagai sektor ketiga terpenting di dalam pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang selepas sektor awam dan swasta. Saya difahamkan di Negeri Pulau Pinang perkembangan koperasi sejak beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan peningkatan dari segi bilangan koperasi, keahlian, modal atau syer, yuran dan jumlah aset. Apakah peranan atau galakan oleh Kerajaan Negeri selain dari yang sedia ada dalam memantapkan lagi peranan dan gerakan koperasi di Pulau Pinang. Saya juga difahamkan prestasi gerakan koperasi di Pulau Pinang adalah di antara yang terbaik di seluruh Malaysia dari segi kekuatan ahli, modal dan aset yang dimiliki. Saya ingin mohon penjelasan.

YB. Dato' Speaker, saya juga ingin menyatakan di sepanjang saya berkhidmat sehingga kini, dewan serbaguna yang berskala besar masih belum dibina untuk kemudahan rakyat sedangkan ia amat penting bagi pelbagai kemudahan untuk rakyat yang saya wakili. Mereka terpaksa menumpang dan menyewa dewan kepunyaan persendirian untuk mengadakan sebarang program di antaranya, keraian dan sebagainya. Bagaimanakah status pembinaan dewan serbaguna bersebelahan Sekolah Jenis Kebangsaan Kubang Semang, Kampong Pelet. Saya juga difahamkan bahawa pengambilan tanah telah

lama dibuat tetapi pembinaan belum dijalankan. Saya ingin mengetahui bilakah pembinaan akan dimulakan kerana saya dan rakyat amat berharap pembinaan dewan dapat dijalankan segera untuk kemudahan bersama. Mungkin pilihan raya umum pun tidak lama lagi, jadi kalau boleh dipercepatkan pembinaan dewan-dewan ini, ianya sangat baik sekali lah. Selepas pilihan raya takut jadi lain pula. Bukan takut, takut hendak bertanding lagi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta penjelasan. Bercakap tentang pilihan raya ini YB Dato' Speaker, saya rasa hendak tanya kepada YB. Permatang Pasir, adakah beliau sudah jadi ahli PAN atau masih hendak jadi ahli di situ. Sepatutnya sudah diaturnya susunan untuk duduk di sebelah sini. Jadi Bebas....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tanya kepada Dato' Speakerlah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, saya ingin minta penjelasan dari YB Telok Ayer Tawar sebab soalan kurang jelas. Tadi YB. Permatang Pasir kata dia mengambil berat tentang soal-soal rakyat, saya ingin tanya adakah wakil rakyat ini masih bersama DAP atau tidak kerana muktamar PAS sudah membuat keputusan untuk putus, habis, kenapa masih berada di situ, sepatutnya berada di sini sebenarnya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Saya bersama rakyat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Rakyat mahu supaya berpindah di sini, bukan lagi di sana.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Betong, hendak pindah ke mana itu kuasa saya, sila YB. Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Di dalam Dewan yang mulia ini saya juga ingin melahirkan kebimbangan yang amat sangat terhadap keselamatan rakyat terutama kepada golongan kaum remaja dan belia-belia iaitu penglibatan golongan mereka di dalam pelbagai kegiatan jenayah dan statistik menunjukkan pelbagai jenayah di seluruh Negeri Pulau Pinang di mana kebanyakannya daripada golongan tersebut terutamanya di daerah Seberang Perai Tengah. Saya tidak menafikan daya usaha keras dan gigih pihak PDRM terutamanya di daerah SPT bagi membanteras pelbagai jenayah di kawasan saya. Syabas saya ucapkan kepada pihak PDRM khususnya di daerah SPT dan amnya di Negeri Pulau Pinang. Pelbagai kategori jenayah yang saya akan sebutkan telah meningkat dan meresahkan rakyat. Pertamanya berkaitan dengan kesalahan dadah, apa yang saya amati dan perhatikan yang melibatkan kesalahan ini termasuk penggunaan dadah seperti dadah jenis syabu, ekstasi, metamine, heroin dan ganja, sama ada dari segi penghisapnya atau pencedarnya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB Dato' Speaker, Peraturan 40(6), Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh membaca teks, ini sudah sesi kelima Yang Berhormat, bukan baru.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Terima kasih, sesekali saya tengok Dewan juga.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya *take note*. YB. Permatang Pasir boleh merujuk

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Saya baca tetapi saya tengok juga Dewan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Betong, nanti saya guna *standard* yang sama..(ketawa). Silakan YB. Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Terima kasih di atas ingatan itu. Apa yang saya nyatakan tadi adalah berkaitan dengan penglibatan golongan remaja dan orang dewasa juga termasuk golongan muda belia, patut kita renungkan. Oleh kerana itu kita mesti berganding bahu bersama-sama seluruh lapisan masyarakat dan rakyat bekerjasama dengan pihak keselamatan di dalam usaha mencegah perbuatan ini dari menular dengan lebih parah kepada masyarakat terutamanya kepada para remaja dan beliawanis di dalam negeri kita ini. Pihak PDRM SPT pada bulan Februari 2017 telah menangkap tokeh dadah di Bukit Mertajam seperti yang disiarkan di dalam surat khabar dan telah mendapat pujian kerana telah membanteras kegiatan dadah daripada berleluasa. Boleh macam itu?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Permatang Pasir, saya ingat tokeh dadah itu tidak betul, bahasa itu tidak betul.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Tauke dadah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Oh, itulah baca saja, *typist* silap taip itu, hendak tulis tauke tulis tokoh.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Seterusnya berkaitan dengan jenayah rempit. Saya sendiri mengalami keadaan ini dan meninjau di mana pada waktu malam hujung minggu di satu tempat seperti di Lebuhraya BKE, iaitu dekat *flyover* dan bulatan susur keluar Kubang Semang, golongan mat rempit berkumpul dengan ramai sekali dan menimbulkan bunyi bising serta berlumba diantara satu sama lain serta berlumba melawan arus. Ini amat membahayakan pengguna-pengguna lebuhraya tersebut. Saya sendiri meninjau dan mendapati pengguna-pengguna lebuhraya amat takut kejadian yang tidak diinginkan berlaku kepada mereka. Saya amat berharap pihak berwajib dapat membuat rondaan pada waktu tersebut bagi membanteras kesalahan rempit itu dan mengelakkan kejadian tidak baik berlaku kepada pengguna-pengguna lebuhraya tersebut.

Selain daripada itu, berkaitan tentang kes jenayah kongsi gelap, kegiatan kongsi gelap atau geng samseng yang semakin menular dan meningkat di dalam negeri sejak akhir-akhir ini. Ini amat merisau dan membimbangkan khususnya kepada soal keselamatan kepada masyarakat dan rakyat. Kita sedia maklum kegiatan kongsi gelap atau gangsterisma telah wujud begitu lama di dalam negeri kita namun masih terkawal. Sejak kebelakangan ini, kegiatan kongsi gelap semakin meningkat dengan pantas ekoran bertambah bilangan penduduk ataupun dengan kemasukan pendatang-pendatang luar seperti Nepal, Indonesia dan lain-lain negara. Baru-baru ini kegiatan kongsi gelap semakin berleluasa dengan kegiatan rompakan, peras ugut dan samun berlaku di dalam negara dan negeri kita, contohnya...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Sebelum pergi kepada kongsi gelap. Bercakap tentang jenayah, jenayah terhadap kanak-kanak, saya diberi jawapan di sini yang mengejutkan saya, bahawa terdapat 390 kes terhadap kanak-kanak yang berlaku di Pulau Pinang sejak 2014-2016, ini satu jumlah yang besar memandangkan ianya melibatkan kanak-kanak. Daripada 390 kes sebanyak 238 telah pun dibuat pendakwaan. Ini adalah satu perkara yang membimbangkan sebagai seorang ibu, bapa dan juga sebagai seorang datuk. Saya harap pihak MAIPP, pihak-pihak berkuasa dan juga YB. Padang Lalang sebagai EXCO Wanita seharusnya mengambil peranan bukan sahaja terhadap kanak-kanak wanita tetapi kanak-kanak lelaki pun seperti penderaan, rogol, cabul, liwat dan sebagainya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila sambung YB. Permatang Pasir. Sudah habis?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Terima kasih. Belum habis, ada sedikit lagi. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, baru-baru ini kegiatan kongsi gelap ini semakin berleluasa. Ini yang amat sangat kita bimbangkan sepertimana yang

telah dilaporkan pada bulan Februari 2017 oleh Bernama, tangkapan ketua kongsi gelap dan anggotanya yang telah melakukan kegiatan peras ugut, kecurian dan sebagainya. Ini yang amat kita dan rakyat Pulau Pinang bimbangkan dari sudut keselamatan. Saya berharap perkara seperti ini dapat dibendung serta diatasi oleh pihak-pihak berwajib. Satu lagi yang mungkin....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Penjelasan, YB. Permatang Pasir. Saya difahami bahawa dari segi statistik yang saya dapat melalui kawan saya daripada PDRM Pulau Pinang, memang sejak tahun 2013 hingga 11 Mei 2017, terdapat 3,214 kes jenayah berlaku. Saya hendak tanya soalan kepada YB. Permatang Pasir sama ada setujukah bahawa kebanyakan kes jenayah ini berlaku dan telah menjejaskan keselamatan penduduk-penduduk terutama juga kepada peniaga-peniaga kerana kes-kes jenayah yang berlaku sekarang bukan sahaja pecah rumah tetapi juga untuk merompak, masuk di kaunter-kaunter perniagaan, ambil pisau dan tunjuk kepada *cashier* dan terus merampas duit.

Adakah YB. Permatang Pasir setuju bahawa kes-kes jenayah ini telah melampau sangat terutama ia melibatkan golongan remaja dan pemuda kerana saya juga mendapat statistik daripada PDRM yang menunjukkan sebanyak 2,095 kes jenayah yang melibatkan golongan pemuda sejak tahun 2013 hingga 2017. Saya hendak tanya sama ada YB. Permatang Pasir setuju juga, sama ada adakah tindakan-tindakan yang diambil kerana kita tidak mahu golongan pemuda ini terlibat dalam kes jenayah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Saya pun amat risau dengan apa yang berlaku dalam perkembangan yang melibatkan kes jenayah yang dianggap sudah sampai ke peringkat melampau yang melibatkan semua golongan masyarakat dan rakyat yang sentiasa berhadapan dengan ketakutan. Kita amat bimbang sekiranya perkara ini terus berlaku yang akan mengakibatkan rakyat dan masyarakat tidak dapat menahan kesabaran dan akan menimbulkan keadaan yang lebih dasyat kepada mereka yang melakukan termasuk jenayah-jenayah yang telah disebutkan tadi. Satu lagi yang saya rasa mungkin tidak popular tetapi sudah menjadi sedikit sebanyak di peringkat ketagihan di kalangan ahli masyarakat terutamanya di kawasan-kawasan kampung ataupun dipinggir kampung berkaitan dengan penyalahgunaan yang dianggap satu kesalahan iaitu air daun ketum. Daun ketum sekarang sudah menjadi di Sungai Dua pun ada, mungkin di tempat-tempat lain ada juga, jadi saya menimbulkan perkara ini kerana saya dapati ketagihan air daun ketum ini telah merebak dengan pantas sekali bukan saja pada golongan remaja ataupun golongan muda tetapi golongan yang telah berumur juga telah terlibat di dalam ketagihan air daun ketum ini.... (gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Tambahan daripada Ahli Kawasan Permatang Pasir, soalan saya baru baru ini PDRM telah melancarkan supaya rakyat jelata boleh membuat laporan *online* terhadap kes jenayah dan apa-apa kes pencuri, lain-lain kes. Apakah pandangan YB. Ahli Kawasan Permatang Pasir laporan *online* boleh berkesan kerana saya setiap kali di KADUN Jawi terdapat banyak penduduk-penduduk yang membuat laporan Polis di kaunter dan pegawai-pegawai Polis akan katakan, tak apa lah kes pencuri biasa tiap-tiap hari pun berlaku. So sama ada YB. Permatang Pasir setujukah PDRM melancarkan untuk laporan polis secara *online* adakah ini akan berkesan?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Sama ada melalui *online* atau laporan terus ke mana-mana balai polis bila berlakunya sesuatu kes atau pun masalah tetapi yang paling penting adalah tindakan dengan kes itu, segera untuk tangani, kalau anggap kes biasa pencuri itu kecil saja tapi dia melibatkan berkaitan dengan kebimbangan dan keselamatan ini satu perkara yang kita perlu diambil perhatian kalau pihak berkuasa tidak ataupun menganggap itu perkara kecil, saya amat bimbang tindakan-tindakan selain daripada tindakan pihak keselamatan. Saya takut pihak masyarakat atau orang ramai akan mengambil tindakan undang-undang sendiri kepada pihak-pihak yang terlibat ini dan inilah yang cukup kita risau. Jadi kita mengharapkan semua pihak berkuasa dapat tangani hal-hal yang sedemikian.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Jaga masa, lima (5) minit saya bagi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya nak tanya sebab YB. Permatang Pasir, dia Yang di-Pertua *something* yang ada jawatanlah kan, jadi saya nak tanya Kerajaan Negeri ada apa-apa Jawatankuasa Keselamatan ataupun di bawah, sebab ramai yang ambil ketum ramai yang orang Islam kan, di Penanti ramai orang yang kena tangkap, saya nak tahu sama ada Majlis Agama Islam ke ataupun di Jawatankuasa Keselamatan ke? Keselamatan jenayah sebab kalau kita *just* harap Kerajaan Pusat iaitu melalui PDRM takut kakitangan dia tak cukup jadi adakah dipihak MAIPP ke, peringkat Jawatankuasa Keselamatan negeri ada apa-apa program?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Dia peranan untuk tangani hal-hal yang sedekimian yang melibatkan masyarakat ini selain daripada apa yang telah disebutkan tadi, peranan masyarakat qaryah, peranan JKKK, peranan semua pihak mesti ada, baru lah hal sedemikian boleh ditangani bersama tetapi kalau kita mengharapkan pihak-pihak tertentu sahaja, pihak berkuasa saja yang mengakibatkan masing-masing kadangkala kita rasa yang perlu bertanggungjawab melepaskan tangan khususnya di kalangan di peringkat qaryah itu sendiri yang saya rasa mereka lebih dekat dengan rakyat, mereka lebih tahu apa masalah rakyat.

Dan yang jadi masalahnya setakat minum air ketum itu tidak menjadi benda kesalahan tetapi oleh kerana air ketum yang telah salah digunakan ini atau dicampurkan dengan bahan-bahan lain boleh menyebabkan ketagihan yang ketara kepada peminumnya, jadi apabila kita lihat penjualan air daun ketum ini amat berleluasa dan dibuat agak terang-terangan, oleh itu saya amat berharap pihak berkenaan juga dapat membuat sesuatu bagi membanteras perkara ini sebab ia sudah menjadi salah satu daripada bahan yang boleh mendatangkan ketagihan.

Kesimpulannya jenayah yang saya sebutkan diatas tadi serta lain lain jenayah yang tidak saya sebutkan perlulah semua pihak, sama ada individu masyarakat ataupun pihak berwajib hendaklah berganding bahu serta bekerjasama yang erat di antara satu sama lain dalam menyelesaikan dan membasmikan jenayah tersebut termasuk juga di tempat-tempat ataupun dipusat-pusat kelab malam haram yang beroperasi sehingga lewat malam.

YB. Yang di-Pertua, saya ingat sedikit lagi, saya dapati ada usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi menarik minat pelabur. Pelabur melabur di Negeri Pulau Pinang amatlah memberangsangkan, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas inisiatif dan usaha keras dalam menarik pelabur sama ada pelabur asing atau tempatan untuk melabur di negeri kita yang dicintai. Di sini saya juga ingin menyatakan tahniah kepada Kerajaan Negeri dibawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri telah menarik para pelabur khususnya pelabur langsung asing ataupun FDI yang mana Negeri Pulau Pinang telah menarik jumlah pelaburan yang ke tiga (3) tertinggi di Malaysia sejak tahun 2008 hingga kini. Jumlah FDI 2008 hingga 2016 bernilai RM41.55 billion mengatasi 11 negeri yang lain dalam Malaysia. Kejayaan ini tidak datang bergolek dengan mudah tetapi dengan kerja kuat dan berdaya saing oleh Kerajaan Negeri, maka pulangnya kepada kebaikan rakyat dan negeri ini juga baik, syabas saya ucapkan.

Di sini saya juga mencadangkan dan langkah-langkah kepada Kerajaan Negeri di dalam mempertingkatkan lagi pelaburan di negeri kita. Yang pertama meningkatkan lagi keyakinan pelabur melalui prinsip ataupun polisi dasar Kerajaan Negeri iaitu CAT bertanggungjawab dan telus terbukti dengan polisi ini dapat menarik minat para pelabur melabur dalam Negeri Pulau Pinang. Yang keduanya menumpukan kepada industri elektronik dan elektrik kerana pelaburan kategori ini mendapat sambutan seluruh dunia dan memberi keuntungan kepada negeri *Insyaa-Allah* dan seterusnya saya ingin mencadangkan menumpukan kepada industri perkhidmatan digital yang menjadi tumpuan dunia serta perkhidmatan ini digunakan dengan meluas dan terpesat di dunia pada masa ini. Saya juga ingin menyatakan serta mempertimbangkan skim harga tanah yang kompetitif untuk ditawarkan kepada para pelabur kepada pelaburan yang ingin melabur dalam projek-projek strategik. Dan juga mestilah menasarkannya dan menarik minat kepada industri strategik negara luar supaya mengembangkan serta menempatkan operasi mereka di negeri ini dan seterusnya mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi utama pilihan pelabur dengan membangunkan pelbagai jenis kawasan perindustrian baru sepertimana yang telah kita maklum, seperti mana yang berlaku di Bukit Minyak, Bukit Tengah dan juga Batu Kawan selain di kawasan sedia ada sebagai lokasi pelbagai aktiviti-aktiviti perindustian dan pelaburan. Kawasan-kawasan perindustrian yang sedang dibangunkan ini oleh Kerajaan Negeri akan ditawarkan kepada pelabur dalam industri strategik yang berkaitan.

Dan juga saya menyentuh sedikit berkaitan dengan keadaan ekonomi negara yang tidak baik dan kurang memberangsangkan, maka saya dapati kuasa wang atau kuasa beli rakyat dan masyarakat di seluruh negara berkurangan. Di tambah pula dengan kos sara hidup yang meningkat, maka jumlah

penduduk atau rakyat untuk membeli rumah mampu milik tidak berkemampuan namun usaha Kerajaan Negeri bagi membantu golongan berpendapatan rendah bagi warga Pulau Pinang untuk golongan tersebut membeli rumah mampu milik amatlah dihargai dan disanjung. Kerajaan Negeri telah berusaha membina projek perumahan kos rendah dan sederhana rendah seluruh Negeri Pulau Pinang kepada warga Pulau Pinang yang berpendapatan rendah serta mempunyai tanggungan yang ramai.

Di samping itu cukai pintu perumahan kos rendah dan sederhana rendah telah dimansuhkan walaupun cukai tersebut tinggi nilainya. Saya dapati juga banyak dan ramai pemohon-pemohon yang membuat permohonan untuk bantuan rumah mampu milik itu masih dalam senarai menunggu. Maka saya juga berharap pihak Kerajaan Negeri dapat mempercepatkan dan saya juga mencadangkan supaya membina banyak lagi rumah mampu milik kepada rakyat Pulau Pinang yang berpendapatan rendah dan sehingga kini saya percaya ramai yang tidak memiliki rumah sendiri akibat harga rumah yang tinggi sedangkan mereka berpendapatan rendah dan menyewa atau menumpang tinggal dengan keluarga.

Saya juga di Dewan yang mulia ingin menyatakan mengenai kawasan pertanian, iaitu khususnya kawasan jelapang padi yang mana kawasan saya wakili adalah hampir keseluruhan dikelilingi kawasan penanaman padi, saya juga merakamkan sepenuh penghargaan kepada semua Jabatan yang terbabit di dalam semua urusan pertanian di atas kerjasama yang diberikan kepada para petani dan kepada saya sendiri sepanjang saya sebagai wakil rakyat di dalam menangani permasalahan dan memajukan hasil pertanian di kawasan saya wakili. Saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri supaya mempertahankan kawasan tanah pertanian khususnya kawasan jelapang padi di DUN saya walaupun arus pembangunan kian rancak namun kita mengetahui padi dan beras merupakan makanan asas utama kita maka kawasan jelapang padi hendaklah dipertahankan demi memastikan pengeluaran padi tidak berkurangan dan saya mendapat bekalan makanan yang secukupnya. Peningkatan populasi penduduk Negeri Pulau Pinang semakin meningkat dengan pantas maka makanan utama negeri ini adalah beras maka hasil padi mestilah dipertingkatkan agar seiring dengan pertambahan penduduk, maka saya dengan ini ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri melalui agensi kerajaan yang berkaitan memikirkan dan mencari formula yang terbaik bagi meningkatkan penghasilan atau pengeluaran padi untuk memastikan makanan asasi tersebut sentiasa mencukupi untuk apa jua musim bagi masyarakat dan rakyat Pulau Pinang. Contohnya matlamat 1 hektar bersamaan 10 tan matrik telah dapat dicapai.

Di dalam kawasan saya juga terdapat penanaman sayur-sayuran secara organik iaitu di kawasan kebun sayur *Kampung Cross Street*, Mukim 8, Bukit Mertajam saya dapati penanaman tersebut sudah lama dijalankan dan didapati kualiti sayur-sayuran yang dihasilkan di kawasan tersebut amatlah bermutu tinggi. Maka saya mencadangkan dan memohon pihak Kerajaan Negeri melalui EXCO Pertanian supaya memberikan apa jua pelbagai keperluan bagi memastikan penanaman sayur – sayuran secara organik itu yang dapat diperkembangkan dan hasilnya boleh dimanfaatkan oleh masyarakat di kawasan tersebut.

Di samping itu juga berkaitan dengan projek ikan sangkar, udang galah juga memberikan sampingan pendapatan yang lumayan kepada pengusaha dan hasilnya dapat dinikmati oleh rakyat keseluruhan. Bagi pengetahuan Kerajaan Negeri, di dalam kawasan saya terdapat tempat yang amat berpotensi dijadikan tempat perternakan projek udang galah di mana kualiti udang galah amatlah bermutu tinggi iaitulah di Sungai Pengkalan Tambang Permatang Pasir bersebelahan dengan saya punya ADUN Sungai Dua. Diharapkan Kerajaan Negeri melalui EXCO Pertanian juga dapat berbuat sesuatu bagi memajukan tempat tersebut sebagai pemternakan komersial udang galah di samping dapat menambahkan pendapatan kepada nelayan-nelayan kecil di tempat tersebut.

Sebelum saya berakhir, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri dan juga EXCO Pelancongan kerana tersenarai ke tangga ke-2 daripada 17 destinasi atau lokasi pelancongan terbaik di dunia yang perlu dilawati tahun 2017. Sumber laporan CNN mungkin keunikan negeri Pulau Pinang bukan sekadar domestik pelancongan tetapi kebanjiran pelancong luar negara, dengan ini meningkat lagi ekonomi negeri kita ini. Sebagai faktor asas kelebihan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengamalkan urus tadbir yang baik di samping tapak warisan Unesco George Town dan sekitar pelancongan lain seperti pelancongan perubatan dan MICE atau Mesyuarat Intensif Persidangan Dan Pameran juga sektor yang utama dan penting. Saya berharap Kerajaan Negeri mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mempercepatkan juga tentang projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas kerana jumlah pengguna pelancong sudah terlampau banyak berjumlah 6.5 juta pelancong, maka pembesaran itu penting dalam menjana para pelancong melawat ke Pulau Pinang dan bagi memajukan dan memantapkan lagi sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang, saya ingin mencadangkan sedikit terutama membersihkan tempat bersejarah Fort Cornwallis, Rumah Seniman P. Ramlee, dan sebagainya, juga mestilah mengwujudkan tarikan zoo dan taman haiwan Pulau Pinang serta memelihara, membersihkan tempat pantai-pantai menarik seperti Batu Feringghi dan memulihara alam semula jadi Pulau Pinang seperti Bukit Bendera dan saya juga mencadangkan membina, memelihara mercu tanda

seperti Masjid Kapitan, Masjid Melayu dan juga membina tempat aktiviti keluarga seperti Padang Kota Lama dan juga mencadangkan mewujudkan tempat-tempat pusat membeli-belah yang menarik contohnya pasar malam, *rope walk* atau pun Lorong Kulit dan juga tempat makanan dan minuman dengan harga yang berpatutan contohnya nasi kandar, char koew teow dan sebagainya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, akhir sekali dikesempatan ini saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua pihak khususnya di kawasan saya di kawasan N.11 Permatang Pasir yang sentiasa memberi perhatian dan sokongan serta bantuan samada daripada Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah, JPS, JKR, MPSP, PDRM dan pada mereka yang tidak disebut di sini, teruskan bersama-sama saya dalam membahagiakan dan mencerikan rakyat dan masyarakat di kawasan saya. Setiap hidup ini ada ujiannya, Allah S.W.T. Telah menyatakan dengan jelas di dalam Al-Quran bahawa tidak akan sesekali menguji hambanya di luar kemampuan hambanya, Allah S.W.T. lebih mengetahui kita mampu dan kuat menghadapi ujiannya. Oleh kerana Allah S.W.T. memberikan sedikit ujian itu ke atas diri kita, di sinilah kita dapat lihat betapa sayang dan kasihnya Allah S.W.T. kepada kita sebagai hambanya. Selamat menyambut puasa bulan Ramadhan Al-Mubarak tidak berapa hari lagi dan jadikan puasa ini juga sebagai ujian kepada kita orang-orang Islam. YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, dengan ini saya mohon mencadang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Permatang Pasir. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya memerlukan sokongan. YB. Sungai Pinang, sila.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong. Salam sejahtera dan selamat pagi saya ucapkan kepada Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-Ahli yang Berhormat. Saya ingin mengambil bahagian dalam ucapan terima kasih kepada T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, isu pertama yang ingin saya sentuh ialah tentang ekonomi dan pelaburan di Negeri Pulau Pinang. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana berusaha menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa dan pintar. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk terus berusaha dengan lebih giat dan lebih kreatif lagi supaya Negeri Pulau Pinang menjadi negeri paling maju di antara semua negeri di Malaysia.

Pertumbuhan GDP negeri sebanyak 5.5% berbanding dengan pertumbuhan GDP negara sebanyak 5% pada tahun 2015 membuktikan Kerajaan Negeri adalah dalam *track* yang betul. Pelaburan dalam industri terus menjadi tumpuan Kerajaan Negeri. Jumlah pelaburan mencatatkan RM4.3 billion, sangat mengagumkan. Dengan pertambahan bilangan industri, maka bilangan tenaga kerja diperlukan juga bertambah.

Pada ketika ini, kebergantungan ekonomi negeri dalam beberapa sektor yang melibatkan warga asing terutamanya Bangladesh, Myanmar, Indonesia dan Vietnam menjadikan pengaliran keluar wang negara dan ini adalah salah satu faktor tidak sihat bagi ekonomi. Maka saya berharap Kerajaan Negeri akan cuba menggalakkan industri-industri ini mengambil warga Pulau Pinang terutamanya golongan Ibu tunggal, warga emas dan golongan kurang upaya sebagai tenaga kerja. Saya percaya kumpulan yang saya sebut ini, memang masih boleh menyumbang kepada ekonomi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dengan ini, saya berani mencadang, dan ini bukan mustahil bagi Kerajaan Negeri mensyaratkan bahawa semua industri baru mengambil sekurang-kurangnya 5% kumpulan ini sebagai tenaga kerja iaitu contohnya daripada 100 pekerja, 5 pekerja daripada kumpulan yang disebutkan tadi yang masih mampu bekerja.

Tambahan pula, seramai lebih 200,000 graduan yang menganggur selepas tamat pengajian di seluruh Malaysia mengikut angka terkini. Maka saya, bercadang supaya industri-industri mengutamakan graduan-graduan tempatan daripada pengambilan warga asing. Daripada soalan bertulis saya yang bernombor 14, jawapan yang diberi adalah warga negara asing yang bekerja di Negeri Pulau Pinang adalah seramai 112,700 orang bagi tahun 2016 dan kita nampak ramai warga tempatan yang masih menganggur. Jadi saya berharaplah Kerajaan Negeri mengkaji semula pengambilan pekerja-pekerja tempatan dan juga pekerja-pekerja dari negeri-negeri lain. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri boleh bekerjasama dengan industri-industri ini menyediakan skim perumahan kepada pekerja-pekerja tempatan. Usaha ini juga akan dapat mengurangkan kadar pengangguran dikalangan rakyat mahupun di Negeri Pulau Pinang atau pun di negeri-negeri lain.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Boleh minta mencelah?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Okey.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

YB. Yang di-Pertua, daripada soalan bertulis saya, ada juga saya bertanya tentang taburan pekerja asing mengikut daerah tempat tinggal, tempat pekerjaan. Saya telah menerima jawapan bahawa Jabatan Imigresen tidak mempunyai data tersebut dan hanya mempunyai data bagi keseluruhan negeri sahaja. Jadi saya pun berminat ingin tahu ada sama ada mana-mana jabatan selain Jabatan Imigresen atau apa jabatan atau agensi lain lagi yang ada data tentang taburan pekerja asing kerana jika kita tidak tahu di mana mereka di seluruh negeri kita ini, jika kita tidak tahu tempat pekerjaan mereka, maka adalah sukar kita *track* kewujudan mereka di dalam negeri kita. Saya rasa seperti YB. Sungai Pinang pernah berkata, saya bersetuju bahawa ada percanggahan antara situasi di mana orang tempatan kita, rakyat tempatan kita ada yang sukar mendapat pekerjaan dan kewujudan pekerja asing ini menggugat peluang pekerjaan mereka lagi. Jadi adalah wajar bahawa semua agensi-agensi pekerjaan atau majikan-majikan yang menggunakan pekerja asing harus memaklumkan di mana pekerja asing yang mereka membawa masuk ke negeri kita ini bertugas, agar kita tahu setiap jenis, setiap bidang, setiap industri, setiap daerah, setiap lokasi dimananya ia pekerja asing, apakah peranan mereka dalam masyarakat kita dan termasuk juga di mana mereka tinggal kerana tadi YB. Datok Keramat juga ada membangkitkan tentang masalah yang susulan daripada soalan YB. Pengkalan Kota masalah pekerja asing yang tinggal di LMC-LMC kita, perumahan kos rendah, kos sederhana rendah, jika kita tidak tahu dimana mereka... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat sampaikan penjelasan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Jika kita tahu dimanakah mereka, kita tidak boleh meletakkan mereka sahaja di satu-satu tempat di negeri kita, sewajarnya tempat tinggal pekerja asing haruslah mengikut taburan pekerjaan dalam industri-industri berkaitan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Pinang, jaga masa.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Baru sahaja. Okey, terima kasih kepada YB. Pulau Tikus. Laporan yang saya dapat adalah daripada laporan daripada Jabatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia tentang warga asing yang bekerja di Negeri Pulau Pinang. Jadi saya rasa memang apa yang disebutkan oleh YB. Pulau Tikus, apa yang disebutkan komprehensif dan kita perlukan semua data-data yang bertaburan di seluruh Pulau Pinang. Maka, kerajaan baru dapat mengadakan satu penyelesaian untuk menangani isu-isu pekerja-pekerja tempatan dan pekerja warga asing.

YB. Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan Pulau Pinang kekal sebagai negeri usahawan, beberapa langkah inovatif dalam menggerakkan sektor pembuatan dan keusahawanan diantaranya, membuka ruang kepada sektor latihan *research and development* kepada golongan muda terutamanya wanita. Umum mengetahui bahawa wanita lebih berminat dalam sektor usahawan. Banyak sekarang ini usahawan *online* di kalangan wanita.

Selain itu bidang pembuatan juga memberi pulangan yang baik kepada peningkatan ekonomi Negeri. Untuk merealisasikan hasrat ini dengan mewujudkan zon perindustrian ringan baru adalah langkah terbaik Kerajaan Negeri mengorak langkah ini. Di samping itu, sektor penghasilan sumber makanan juga perlu dipertingkatkan. Teknologi baru dalam pertanian perlu diterokai, kemudahan infrastruktur sektor pertanian juga perlu selari dengan kehendak semasa.

Pulau Pinang semenangnya telah membuktikan sektor asas tani dapat dipertingkatkan dengan peningkatan dalam penternakan ikan sangkar. Tidak setakat itu sahaja, Pulau Pinang juga boleh menjadi hub kepada penternakan kerang. Contohnya, Pulau Aman dahulu adalah tempat pembiakan kerang. Selain daripada penternakan ikan dalam sangkar, penternakan kerang juga mempunyai potensi

tinggi untuk berjaya jika kita serius dalam melaksanakannya. Sekaligus sektor ini bakal membuka ruang meningkatkan pendapatan nelayan dan tidak hanya bergantung kepada tangkapan ikan semata-mata.

Berikutan keadaan ekonomi negara yang tidak menyakinkan, saya berharap sektor penghasilan sumber makanan dan pembuatan dapat dipertingkatkan. Dengan ini, kebergantungan import sumber ini dapat dikurangkan. Bagi menjamin kelestarian bidang keusahawanan, adalah dicadangkan Kerajaan Negeri dapat membuka peluang peningkatan modal kepada usahawan sedia ada....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

YB. Sungai Pinang, saya hendak minta pandangan YB. Sungai Pinang. Baru-baru ini kita telah dimaklumkan Satu Malaysia bahawa KPDNKK kita telah pun naik kepada 5.6%, lebih baik daripada tahun sebelumnya, apakah ini tidak menunjukkan bahawasanya ekonomi kita telah bertambah lebih baik, tadi Yang Berhormat berkata seolah-olah ekonomi kita menurun, tidak baik dan sebagainya padahal KPDNKK telah pun meningkat kepada 5.6% daripada empat *point something*.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih YB. Pulau Betong. Apa yang saya maksudkan adalah di Pulau Pinang, pertambahan ekonomi itu adalah di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Pulau Pinang tidak baik. Tidak baik sekarang di Pulau Pinang ini?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Baik. Baik di Pulau Pinang. Seluruh negara seluruh ekonomi merosot...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Adakah peningkatan daripada 4.6% kepada 5.6% menunjukkan kemerosotan ekonomi... (gangguan). KDNK Malaysia meningkat. Daripada 4.5, 4.6 kepada 5.6 *now*.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Inflasi barangan naik. Susut ringgit. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. sambung. Masalah itu telah di dengar dalam Dewan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

YB. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyentuh tentang industri kecil dan sederhana. Di kawasan DUN Sungai Pinang terdapat banyak industri kecil misalnya bengkel membaiki kereta, bengkel mengecat kereta, bengkel tukang kayu, pengusaha kitar semula, kontraktor pembinaan, bengkel kimpalan, pengedar-pengedar bahan industri dan bahan domestik. Industri ini menghadapi masalah ancaman perintah pindah akibat arus pembangunan.

Saya ingin mencadangkan sekali lagi supaya Kerajaan Negeri menyediakan satu tapak di kawasan Sungai Pinang sebagai kawasan industri kecil. Ini akan menjamin bahawa perkembangan industri kecil adalah lebih tersusun. Bengkel-bengkel yang terselerak di sekeliling kawasan Sungai Pinang boleh juga dipusatkan.

Saya amat berbesar hati seandainya kawasan Sungai Pinang dijadikan *hub* untuk melatih dan menempatkan pusat-pusat latihan memandangkan Sungai Pinang sedang pesat dibangunkan dalam sektor perkhidmatan seperti bidang mekanikal dan pembaikan jentera motor sejak dahulu lagi.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan. Ini penting Yang di-Pertua, nasib bengkel-bengkel kecil di seluruh Negeri Pulau Pinang, adalah amat penting kerana terutama golongan miskin banyak bergantung kepada kegunaan motosikal. Namun dalam rancangan Pihak Berkuasa Tempatan, ke semua industri kecil dan termasuk kesemua bengkel-bengkel motosikal seharusnya terletak di tanah perindustrian sahaja. Ini hanya terdapat di Jelutong. Saya tidak boleh memahami macam mana jika situasi berkekalan pengguna motosikal daripada Batu Feringghi, Tanjung Bungah daripada Fettes Park, Green Lane kesemua kawasan ini setiap kali motosikal mereka rosak, adakah perlu mereka menolak sampai ke Jelutong. Situasi ini sudah terlalu

lama berlanjutan walaupun banyak bengkel-bengkel di Sungai Pinang tetapi kita harus dengan kadar segera mencari tempat bengkel-bengkel motosikal, bengkel-bengkel kereta di setiap KADUN dan janganlah biarkan mereka sentiasa katakan mereka adalah beroperasi secara haram. Manakala Pihak Berkuasa Tempatan, masih belum mencari penyelesaian lagi bagi bengkel-bengkel kecil ini adalah keperluan untuk orang awam. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cadangan saja. Tak apa.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Saya faham luahan YB. Pulau Tikus kalau tentang bengkel-bengkel. EXCO Kerajaan Tempatan telah masuk. Memang bengkel-bengkel yang tertumpu bukan di Sungai Pinang saja, di Jelutong juga. Ini juga ada satu masalah kerana tidak tersusun. Kita perlu perancangan yang lebih bagus. Kalau kita nak di setiap kawasan DUN, saya rasa ini terpulanglah kepada Kerajaan Tempatan untuk membuat kajian dengan lebih terperinci. EXCO akan jawab.

YB. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Usaha Kerajaan Negeri menaik tarafkan infrastuktur asas seperti taman lapang, kompleks sukan seperti gelanggang futsal, dewan rakyat, jalan dan parit-parit sangat dihargai ramai. Maka secara amnya, saya berharap semua ketua jabatan yang terlibat lebih sensitif dan proaktif ke atas keperluan orang awam. Misalnya, jalan yang perlu diturap semula, turapkanlah saja. Pokok-pokok yang perlu dipangkas demi keselamatan orang awam, pangkas sajalah. Jangan tunggu kita buat aduan. Tentu sekali, kakitangan MBPP dan JPS di kawasan saya memang memberi kerjasama bertungkus lumus selama ini tetapi masih ada ruangan untuk menambahbaikkan prestasi kerja mereka.

Kekurangan tenaga kerja adalah satu masalah yang perlu diatasi secepat mungkin. Pemerhatian saya adalah semasa perayaan. Jentera kerajaan akan mengalami kekurangan tenaga kerja. Ini akan membawa impak dan menjejaskan prestasi kerajaan. Justeru dengan itu, saya berharap tenaga kerja yang diambil terdiri daripada berbilang kaum. Rasional saya ialah semasa sesuatu perayaan sebahagian tenaga kerja mengambil cuti, sebahagian yang lain masih boleh bertugas. Dengan tenaga kerja yang terdiri daripada berbilang kaum, saya yakin masalah kekurangan kakitangan semasa sesuatu perayaan akan dapat ditangani.

YB. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai ADUN Sungai Pinang saya bersyukur kerana Kerajaan Negeri begitu prihatin terhadap kebajikan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh semua lapisan masyarakat di Pulau Pinang tanpa mengira kaum dan agama sejak tahun 2008. Selain daripada bantuan kewangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kerajaan Negeri juga menyediakan Program AES iaitu Program Agenda Ekonomi Saksama yang dahulunya dikenali sebagai Program Pembasmian Kemiskinan merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri memberikan bantuan kewangan secara bulanan kepada golongan miskin di Negeri Pulau Pinang. Di DUN saya, lebih daripada 60 keluarga telah menerima bantuan AES selepas dikenalpastikan melalui JKKK dan pejabat saya. Saya berharap dapat membantu lebih ramai keluarga yang kurang berkemampuan ekoran keadaan ekonomi negara yang semakin parah dan susut kuasa beli rakyat terhadap barangan keperluan.

Projek Khas Ekonomi juga salah satu program untuk membantu peniaga kecil yang memerlukan bantuan peralatan. Projek Khas Ekonomi ini telah banyak membantu penduduk di kawasan saya terutamanya golongan ibu tunggal. Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga atau penjaja-penjaja kecil sangat-sangat dihargai. Tahniah kepada Kerajaan Negeri mengadakan program-program ini untuk menuju ke arah Negeri Kebajikan.

YB. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya yakin Kerajaan Negeri Pulau Pinang pasti akan meningkatkan lagi prestasi dan memastikan rakyat Pulau Pinang boleh hidup dalam keharmonian dan permuafakatan pada masa depan. Di samping ini saya berharap dan merayu kepada semua pihak untuk memastikan keharmonian masyarakat Malaysia dikekalkan. Sangat-sangat diharapkan bahawa Kerajaan Negeri akan mendahului dengan mewujudkan persefahaman dan penyuburan muafakat antara semua rakyat ke arah mencapai satu masyarakat yang cintakan negara, semangat kekitaan, muhibbah, toleransi dan bertanggungjawab. Rumah Terbuka semasa perayaan tertentu adalah satu-satunya memupuk perpaduan rakyat Malaysia. Tahniah dan syabas.

Saya ingin menyentuh tentang isu tebatan banjir. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri terutamanya kepada Kerajaan Tempatan iaitu MMK Kerajaan Tempatan atas kerja-kerja Tebatan Banjir dan Menaiktaraf Sistem Saliran S22 bagi mengatasi masalah banjir kilat di Lorong Perak,

Jalan Perak dan kawasan sekitarnya bermula November 2015.

Projek Peningkatan Sistem Saliran di Lorong Perak, Pulau Pinang bertujuan meningkatkan keupayaan kadar aliran air parit sedia ada dan menjadikan parit sebagai tempat takungan air hujan semasa air pasang dan ia telah siap dinaik taraf pada bulan Januari 2017. Projek ini berkonsep Bandar Selamat dengan pembinaan laluan pejalan kaki *concrete imprint...*(dengan izin), telah siap disempurnakan. Bagi pihak penduduk-penduduk sekitar Lorong Perak, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas usaha Kerajaan Negeri selain menangani masalah banjir kilat, ia juga mengutamakan keselesaan dan keselamatan pengguna laluan pejalan kaki.

YB. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Projek Tebatan Banjir di kawasan DUN Sungai Pinang dipertingkatkan lagi dengan pembinaan kolam takungan air di Hilir Sungai Pinang bermula pada Mac 2017 dan dijangka akan siap pada Mac 2018. Projek ini berkonsep *2 in 1...*(dengan izin), iaitu taman riadah untuk orang ramai bila tiada hujan dan berfungsi sebagai kolam tadahan semasa waktu hujan. Taman riadah ini juga mempunyai trek jogging dan taman permainan kanak-kanak.

Usaha Kerajaan Negeri untuk mewujudkan taman riadah ini akan membawa faedah kepada penduduk sekitar. Kawasan ini memang perlukan satu tempat rekreasi kerana ia sangat padat dengan ketumpatan penduduk yang tinggi. Lebih daripada 1,000 unit keluarga di kawasan Hilir Sungai Pinang ini. Taman riadah ini akan membawa manfaat kepada semua lapisan masyarakat mahupun di kalangan kanak-kanak, pemuda-pemudi ataupun warga emas. Saya bersyukur projek ini dapat direalisasikan dalam masa yang singkat. Terima kasih kepada EXCO Kerajaan Tempatan dan jabatan yang terlibat.

YB. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai seorang wanita, saya amat bersyukur Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah proaktif terhadap penglibatan wanita dalam kepimpinan pentadbiran awam. Selain daripada itu, usaha-usaha oleh PWDC untuk memperjuangkan kesaksamaan gender melalui polisi dan proses kerajaan lebih inklusif dan efektif secara mengambil kira golongan berbeza dengan keperluan berbeza amat disanjung. Saya berharap tumpuan kepada pembangunan sosio-ekonomi wanita dapat diperkembangkan lagi pada masa akan datang. Usaha oleh PWDC seperti mengamalkan budaya hormat menghormati keluarga lebih harmoni dan suami-isteri menyokong satu sama lain, wanita, lelaki, anak perempuan dan anak lelaki diberi peluang saksama, saya percaya akan disokong dan mesti disokong oleh semua lapisan masyarakat.

Saya mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri untuk mendaftarkan semua taska dan pusat jagaan kanak-kanak di Pulau Pinang yang masih belum berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di samping itu, saya berharap Kerajaan Negeri mempercepatkan kewujudan sistem penjagaan yang selamat dan komprehensif untuk ibubapa yang bekerja terutamanya dalam meningkatkan penglibatan kaum ibu dalam tenaga kerja. Syabas diucapkan kerana Dasar dan Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-kanak Pulau Pinang yang diterimapakai oleh PWDC. Pelan tindakan ini memberi fokus kepada keperluan untuk melindungi hak kanak-kanak.

YB. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyentuh isu perumahan untuk rakyat Pulau Pinang. Salah satu keperluan asas untuk semua rakyat ialah satu tempat perlindungan. Maka, penyediaan perumahan mesti diberikan keutamaan. Saya berhasrat Kerajaan Negeri dapat menyediakan perumahan untuk setiap rakyat Pulau Pinang dalam masa terdekat. Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan Negeri perlu lebih proaktif dan mengenalpasti tanah-tanah Kerajaan yang sesuai untuk perumahan. Saya berharap perancangan dipercepatkan, misalnya tanah-tanah di DUN Sungai Pinang seperti di Kota Giam, di Tokong Batu dan di Bandar Baru Jelutong boleh dijadikan tempat perumahan mampu milik. Apakah perancangan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dalam usaha pembinaan Projek Perumahan Rakyat di Pulau Pinang?

Merujuk kepada soalan bertulis saya tentang Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh Pulau Pinang, kita dapati bahawa ada banyak dalam senarai menunggu. Di sini statistik menunjukkan bahawa seramai kalau kita ikut jawapan yang diberikan oleh EXCO Perumahan, cuma kalau di Daerah Timur Laut untuk di Taman Manggis dan Jalan Sungai, kita cuma ada unit kosong 5 sahaja, 5 unit kosong sahaja, tetapi bilangan permohonan mencatat 1185. Bagaimana untuk sewa? Untuk orang yang tidak berkemampuan untuk membeli rumah dan untuk projek perumahan. Kita nampak angka di Timur Laut permohonan sebanyak 1185. Saya percaya angka akan bertambah, angka ini akan bertambah.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta jelas. Minta laluan daripada YB. Sungai Pinang, soalan saya nak tujukan kepada YB. Sungai Pinang, adakah rumah PPR ini yang dikatakan cuma 5 kosong so yang semua diduduki penuh oleh penduduk-penduduk yang sewa daripada Kerajaan Negeri sama ada yang semua sewa ini adakah

mereka yang sewa terus kepada daripada Jabatan Perumahan ataupun yang ada yang dia sewa dengan Kerajaan Negeri, ataupun Jabatan Perumahan dia sub sewa keluar kepada tepati dan diuntung bersih kerana di kawasan KADUN Jawi di Perumahan Pangsa Flat Sungai Jawi ini saya telah mendapat laporan-laporan sejumlah lebih kurang 9 hingga 10 biji rumah di mana mereka adalah sewa dengan orang yang tepati, maka ini menyebabkan bahawa orang yang betul-betul memerlukan rumah yang mereka terpaksa sewa dengan pihak yang tak duduki sewa keluar. So adakah di Sungai Pinang ada berlaku kes-kes sebegini?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih YB. Jawi, yang ini saya rasa perumahan akan buat siasatan. Memang ada beberapa kes di kawasan saya. Mereka selalu katakan mereka ini kawan kita, *family* kita. Jadi Kerajaan Negeri ada *guideline* tersendiri, peraturan mereka perlu ikut, memang *sublet* itu tidak dibenarkan dan di sini kita nak....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya nak minta itulah, adakah di Sungai Pinang setuju kita sama-sama minta Jabatan Perumahan kaji balik semua senarai-senarai nama di mana sesiapa yang betul-betul duduki rumah ini atau sesiapa yang tidak duduk dan sewa keluar, kita minta Jabatan Perumahan ambil tindakan, adakah Sungai Pinang setuju cadangan seperti ini?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih YB. Jawi, saya memang setuju dan saya difahamkan perumahan Bahagian Perumahan mereka memang ada garis panduan untuk kajian dalam setiap tiga (3) tahun kalau tidak silap...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. EXCO sudah jawab.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Sudah jawab. Okey, jadi seperti sedia maklum bahawa PPR di Pulau Pinang ia ada dua kategori iaitu di bawah Bahagian Perumahan Negeri dan di bawah Kerajaan Tempatan, iaitu kalau di Pulau di bawah MBPP. Saya juga sentuh tentang isu tunggakan sewa. Soalan saya sini menunjukkan bahawa prestasi jumlah tunggakan sewa, iaitu jikalau kita membuat perbezaan di sini. Kita tengok daripada tahun 2008 hingga 2016, jumlah tunggakan sewa projek PPR di Bahagian Perumahan mencatat RM5,762,000.00. Dan di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada MBPP kerana PPR di bawah MBPP tunggakan sewanya daripada hampir RM1.0 juta dari tahun 2008 telah turun, telah dikurangkan pada tahun 2016 cuma RM280,000 sahaja dan inisiatif ini kita kena puji dan usaha mereka kita perlu puji. Saya berharap Bahagian Perumahan, ya, bersama PWDC, dengan *konsep GRPB*. Kita bersama dengan PWDC, dengan golongan komuniti bersama untuk menjayakan sewa kutipan juga tunggakan. Jadi saya berharap Bahagian Perumahan akan bertambah berusaha lebih giat. Saya memang ada kepercayaan bahawa jumlah tunggakan akan dikutip balik.

Tentang pembinaan PPR, memang saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri memang faham tentang betapa seriusnya dan mengambilkira kesusahan golongan berpendapatan rendah cuma mampu menyewa unit PPR. Jadi saya difahamkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun mengenalpasti satu bidang tanah di antara Lot 10042 dan Lot 10043, Seksyen 1 Bandar Jelutong Daerah Timur Laut yang dimiliki oleh IWK dan telah menulis surat bertarikh 17 Mac 2017 melalui Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang kepada YB. Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengemukakan cadangan agar Kerajaan Persekutuan membina PPR di tanah tersebut tapi kesal bahawa sehingga kini tiada jawapan yang diterima tentang cadangan tersebut.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Minta penjelasan. Tadi saya mendengar YB. Sungai Pinang bercakap PPR di Jelutong, sedarkah apakah *confidence level* YB. Sungai Pinang tentang perkara ini akan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan kedua, apa *convince your confidence level*? Kedua, tahukah sedarkah Sungai Pinang yang baru penggal pertama penggal lalu kita pernah tulis surat juga, surat yang sama kepada Menteri Perumahan. Di Teluk Kumbar, PPR di Teluk Kumbar juga sebidang tanah tawar kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina PPR di Teluk Kumbar sampai tukar dua tiga Menteri pun tak ada jawapan positif so *what is your confidence level*? Silakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Air Itam, tadi disebut tanah terbiar di Jelutong. Tanah itu milik siapa? Siapakah pemilik tanah di Jelutong yang dimaksudkan?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Pinang sebut Jelutong, yang Air Itam sebut dekat Teluk Kumbar.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Teluk Kumbar yang *last year*. Tapi yang mula-mula disebut tu, di Jelutong yang tadi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

IWK.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tanah milik IWK bukan tanah milik Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya tujukan penjelasan. *You direct* ke Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya nak tanya YB. Sungai Pinang kepada YB. Sungai Pinang tanah itu bukan milik Kerajaan Negeri, tanah milik IWK. Kalau nak buat rumah PPR sepatutnya Kerajaan Negeri bukan membeli tanah Kerajaan Negeri, bukannya tanah milik orang lain. *Fair?*

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Biar Exco jawab. Dia memang...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Jangan buat tuduhan macam itu, *be fair*. Tanah itu milik IWK.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Tanya YB. Sungai Pinang *confidence level*, saya nak *confidence level*. Saya tanya dia.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Untuk kelulusan, Ya, tapi saya kata tanah itu bukan milik Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

So, Pulau Betong tak ada *confidence* la?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bukan. Ini YB. Air Itam jangan pusing macam itu. Yang Berhormat, jangan pusing macam itu, saya kata kalau nak mohon tanah, atas tanah Kerajaan Negeri *yes* kita boleh sokong. Tapi ini milik orang, tanah IWK..(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Tengok-tengok tak ada *confidence*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Apa YB. Air Itam, tak ada *confidence* apa?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Pinang sambung. Semua sudah direkod tak apa.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Memang dikenalpasti tanah itu dan cadangan telah diberi ok, dan saya rasa *confidence* itu, saya rasa lebih baik *confidence* kita ada, kita jadi Putrajaya lah, kita jadi Kerajaan Persekutuan. Tidak payah menunggu-menunggu lagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Sungai Pinang, kalau kita *confidence* atas tanah kita, kalau milik kita, kita ada *confidence level* kalau tanah milik orang tanah milik orang lain, YB. Sungai Pinang kena faham yang itu... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Tanah di Teluk Kumbar tahun lepas....(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya nak mencelah sikit, satu tanah 1MDB di Air Itam tanah Persekutuan, satu tiang pun tak ada.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat orang cakap Jelutong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, jangan pergi terlalu jauh masuk ke balik ke Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tanah Jelutong. Tanah J.E.L.U.T.O.N.G. Faham tak?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, YB. Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta jelas.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Owh, *no no no*.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ini tanah kerajaan yang dibayar oleh Barisan Nasional tanah IWK yang tidak diguna daripada tanah kerajaan dibagi oleh Barisan Nasional kepada IWK walaupun mereka tidak digunakan dan terbiar di sana.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau kita masih memerintah Pulau Pinang ianya akan digunakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup. Sudah didengar semua. Sila Sungai Pinang, kalau nak masa untuk bahas, tolong.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Jadi terbinalah tahun lepas itu. Saya pun tak faham di mana.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Belum, saya ingin sentuh tentang pencemaran sungai iaitu di Sungai Pinang di Jelutong. Setiap kali Dewan bersidang, saya akan menyentuh tentang isu pencemaran sungai terutamanya di Sungai Pinang. Seperti yang dimaklumkan semua, Kerajaan Negeri berhasrat untuk membolehkan tahap kebersihan kualiti air Sungai Pinang, melalui teknologi IQPR sejak 15 Mei 2014. Laporan kemajuan

bulanan oleh kontraktor menunjukkan kualiti air di Sungai Pinang masih tidak konsisten, iaitu di antara Kelas II dan Kelas III menghampiri sasaran Kelas II. Sasaran Kerajaan Negeri ke atas kualiti air di Sungai Pinang adalah Kelas II. Laporan terkini menyatakan bahawa ada ikan, ada kura-kura, ada *otters*, ada iguana dan ketam telah kembali ke Sungai Pinang. Sudah ada kura-kura, ikan, *otters*, sekumpulan *family otters*, dan ini menunjukkan ekosistem kehidupan air telah pulih. Alangkah baiknya jika situasi demikian diteruskan. Tetapi Sungai Pinang masih dicemari oleh aktiviti pembinaan, aktiviti pembuangan sampah sarap, pembelaan lembu ditepi sungai serta pencemaran di Sungai Mati dan Sungai Jelutong. Bagaimana kita boleh memulihara kualiti air sungai memandangkan aktiviti pencemaran sungai masih tidak terkawal. Di sini kita boleh nampak ada sampah sarap, ada *grease*, ada minyak semua di dalam sungai. Kesedaran sivik dikalangan rakyat jelata mesti dipupuk tetapi adakah rakyat jelata memberi kerjasama dalam usaha melindungi alam sekitar kita. Soalan saya juga sentuh tentang pungutan sampah sungai iaitu untuk sepanjang tahun 2015 dan 2016 sejumlah lebih 200,000 kilogram sampah dipungut. Satu tahun 200,000 lebih kilogram! Tetapi sekarang baru kita melangkah ke bulan Mei, tiga (3) bulan untuk tahun ini sahaja sampah yang dipungut telah catat lebih 100,000 kilogram iaitu separuh daripada jumlah sampah sungai yang dipungut dari Sungai Pinang.

Sedih, memang sedih bila saya membuat lawatan ke belakang sekolah Tamil di Sungai Pinang. Bila kita nampak sungai itu penuh dengan sampah sarap. Bilakah rakyat jelata kita akan sedar bahawa alam sekitar, sungai kita perlu melindungi, kita perlu cintakan alam sekitar kita, jadi kesedaran sivik di kalangan rakyat jelata mestilah dipupuk tetapi adakah rakyat jelata memberi kerjasama dalam usaha melindungi alam sekitar kita. Perlukah tindakan penguatkuasaan lebih tegas diambil untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lima minit lagi.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Berkenaan Pengasingan Sisa di Punca saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana usaha ke atas pelaksanaan Pengasingan Sisa di Punca yang telah mencapai kadar kitar semula 32% manakala sasaran negara pada tahun 2020 cuma 22% sahaja. Saya percaya kadar kitar semula akan meningkat tinggi lagi pada masa yang akan datang iaitu menghala ke sasaran negara maju. Memang kita kena ucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Tempatan iaitu MBPP dan MPSP. Saya difahamkan ada satu bulan bahawa kadar kitar semula mencatat 42% yang ini adalah negara maju, tidak mungkin kita boleh percaya tapi memang ini kita telah capai sasaran itu dan memang saya ada kepercayaan dan kita memang Pulau Pinang boleh, Pulau Pinang lagi *leads*...(dengan izin). Walau bagaimanapun, saya sarankan supaya liputan publisiti dipertingkatkan ke seluruh ke semua lapisan masyarakat dan kita menjayakan hasrat kita untuk *zero* sifar sampah.

Saya dengan ini mengakhiri perbahasan saya dengan pantun,
Tuai padi antara masak,
Esok jangan layu-layuan,
Kalau kita asyik bergasak,
Sampai bila pun jadi tidak ketahuan.

Anak Cina pasang lukah,
Lukah dipasang di Tanjung Jati,
Melayu Cina India semua susah, kenapa?
Hari-hari kena GST.

Kalau roboh Kota Melaka,
Papan di Jawa saya dirikan,
Kalau hendak negara berjaya,
Selami denyut nadi rakyat perlu diutamakan.

Saya mohon menyokong, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Sungai Pinang. Ahli-ahli Yang Berhormat saya nak tangguhkan Dewan dan kita bersidang semula pada jam 2.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.00 petang.

Setiausaha Dewan :

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan di sambung semula. Sebelum diteruskan suka saya membuat sedikit peringatan iaitu kita hadkan masa perbahasan selama setengah jam seorang, silakan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

YB. Timbalan Speaker, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan hari ini dan YB. Timbalan Speaker, isu pertama yang ingin saya sentuh di dalam Dewan yang mulia ini adalah bertentangan dengan masalah yang *I think* banyak juga orang berasa risau iaitu masalah pekerja asing yang terlalu banyak, semakin banyak di negara kita dan saya sebagai ADUN, *especially* di kawasan Pengkalan Kota juga merasa risau kerana setiap hari di dalam kawasan boleh nampak banyak pekerja-pekerja asing bukan sahaja terdapat di tapak binaan, tetapi di restoran pun ada atau di *supermarket* pun ada. Tapi pekerja asing sekarang ini terlalu banyak, mungkin akan berlakunya ialah peluang pekerjaan kepada warga negara kita mungkin akan terjejas juga kerana pada mulanya dahulu kita pun tahun pekerja asing apabila datang ke negara kita adalah bekerja di tapak pembinaan, kerja-kerja tapak pembinaan sebagai kerja-kerja buruh dan kerana terpaksa mengambil pekerja asing kerana *local people* tidak mahu buat kerja-kerja yang orang tak mahu buat, oleh itu terpaksa ambil pekerja asing.

Tetapi kita nampak sekarang pekerja asing bukan sahaja yang bekerja di tapak pembinaan sahaja, kita boleh nampak di dalam restoran-restoran juga ada yang *franchise* punya restoran dan semakin banyak pekerja asing *some restaurant*, melebihi *can say that 100%*. Semua pekerja ialah pekerja asing sampai pelayan, *cashier* dan juga pemasar. So pekerja asing ini juga mendatangkan satu masalah terhadap warga rakyat kita dan juga pelancong yang datang ke negara kita, kerana apabila nak buat *order* punya masa *sometimes* saya sendiri pergi ke *franchise* punya restoran. *I* sendiri pun keliru apabila saya bercakap di dalam Bahasa Inggeris dengan mereka, mereka tidak faham, mata mereka menjadi besar dan apabila saya menukar Bahasa Malaysia, mereka punya mulut lebih besar dari muka mereka. So, *I* pun tidak faham apakah mereka *language* saya kena bercakap denan mereka dan akhirnya dia kena *point here and there* panggil lagi satu orang pekerja asing juga yang faham Bahasa Melayu dan Inggeris datang membuat *order*. Dan semasa kita *order food*, *sometimes* kita pun tidak mahu letak ini sos atau apa tetapi, langsung tidak faham bahasa negara kita.

So, saya rasa jika hendak buat di *service line*, *service line is a very important role* kerana mereka kena berhadapan dengan pelanggan, sepatutnya mereka yang kena belajar bahasa kita sebelum datang bekerja di sini mereka kenalah faham dan bercakap apa yang kita cakap dengan mereka, baharulah boleh bekerja di sini, macam rakyat kita pergi ke Australia atau New Zealand, kita kenalah tahu Bahasa Inggeris, tak akanlah kita pergi ke sana dan kita cakap Bahasa Melayu mereka kena faham dan belajar apa yang kita cakap dan satu lagi yang paling teruk ialah pengawal keselamatan di *supermarket* atau di lain-lain tempat yang ada pengawal keselamatan. Sekarang ini kita lihat kebanyakan pekerja asing yang bertugas sebagai pengawal keselamatan yang memakai uniform, bukannya orang tempatan dan saya ada bertanya satu soalan lisan tentang status *guard* penubuhan BPS, bilakah rakyat kita dapat mengambil bahagian dan jawapan yang diterima ialah BPS Kerajaan Negeri telah menerima surat makluman daripada Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) pada 23 November 2016 bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengeluarkan arahan untuk membekukan segala aktiviti BPS. Kerajaan Negeri juga memberikan kerjasama sepenuh kepada pihak PDRM dan KDN dengan mengeluarkan arahan kepada semua ahli BPS untuk menghentikan segala aktiviti BPS sehingga kelulusan daripada KDN yang diperolehi.

Saya rasa *a bit confuse* kerana BPS ini adalah penubuhan yang semua ahlinya ialah rakyat Malaysia, rakyat kita hendak menolong menjaga keselamatan kawasan atau kampung sahaja, tetapi tidak dapat dilaksanakan tetapi malahan pula pada masa yang sama pengawal keselamatan, siapakah yang memberi lesen untuk syarikat-syarikat tersebut mengupah pekerja asing sebagai pengawal keselamatan? Kita cuma fikirkan senario. Sekarang ini pun macam kita punya keselamatan kena dijaga oleh pekerja asing, orang luar bukannya warga negara sendiri, *so, a bit confuse* lah dan saya berharap Kerajaan Negeri juga boleh *look on this matter seriously*, janganlah kita tunggu sampai terlalu banyak pekerja asing di negeri kita dan rakyat di negeri kita tidak dapat mencari pekerjaan, kalau bagi pekerja di tapak pembinaan rakyat kita tidak mahu bekerja, kita faham, tetapi jikalau seperti *cashier restaurant*, pelayan atau pemasar juga dan pengawal keselamatan memang *local people can do*, *so* siapakah pihak yang berkenaan patutlah menghadkan lesen-lesen yang dikeluarkan supaya apakah pekerja-pekerja asing yang boleh buat supaya tidak menjejaskan peluang pekerjaan kepada *local people* dan pekerja asing di sini.

Saya pun faham sekarang negara kita menuju ke arah kemajuan *so*, memang perlu pekerja asing datang menolong negara kita mencapai tahap kemajuan yang lebih cepat, seperti tadi YB. Sungai Pinang pun berkata mereka datang terlalu banyak, lepas mereka dapat keuntungan wang di sini mereka pulang ke negara mereka untuk mendirikan rumah, membeli rumah atau apa. *So*, maksudnya duit kita mengalir keluar ke negara dan kita juga tidak boleh mendapat kerana *local people* pun tidak dapat mencari kerja lepas keluar daripada *college* atau sekolah menengah, mereka tidak dapat satu kerja. Selepas mereka keluar universiti, apabila pergi temuduga, kawan saya memberitahu dia telah banyak kali pergi temuduga dan dia ada *master, degree*, tetapi apabila *interview* mereka memberitahu *over qualified* dan tidak boleh mengambil beliau sebagai pekerja. *So*, inilah kita kena tengok bagaimana untuk mengatasi masalah tersebut dan mungkin gaji tinggi atau terlalu rendah, tetapi saya ada menyemak gaji pekerja-pekerja asing tidaklah rendah sangat, itu pun tinggi juga, lagi pun jika terlalu banyak pekerja asing di negara ini, kita akan terdapat peluang kerja untuk warga negara kita akan terjejas, kedudukan rumah di LMC pun akan terjejas kerana ini isu yang sudah lama berlaku jika LMC mereka.

Syarikat-syarikat yang ingin mengupah pekerja-pekerja asing sepatutnya mereka kena mencari tempat yang sesuai atau untuk mereka yang dekat dengan tempat kerja mereka dan bukannya seperti saya mengambil satu contoh di Kawasan Pengkalan Kota, kawasan saya tidak ada kilang, tetapi ada tiga blok flat tersebut di kawasan hanya Macallum sahaja ada lebih daripada dekat 400 unit LMC telah diduduki oleh pekerja asing dan kawasan Macallum ini terdapat penduduknya seramai lebih kurang 20,000 penghuni, tetapi jika satu unit yang disewa oleh pekerja asing *normally* lapan (8) orang pekerja asing, lapan (8) orang jika 400 unit maksudnya dekat lebih 3,000 orang. *So, is almost more than satu quarter* punya penduduk ialah pekerja asing. *So*, setiap hari kita boleh nampak bas kilang datang, tunggu mereka berkumpul di sana beramai-ramai, pada awal-awal pagi kita dan murid-murid sekolah hendak pergi sekolah, mereka pun takut, *so this is the problem we are facing and this is very serious* kerana kita kena faham penduduk-penduduk yang tinggal di flat-flat tersebut mempunyai perasaan, sesiapa pun tidak mahu jiran mereka semua yang tidak kenal kerana semua jiran mereka adalah pekerja asing, kita pun takut kerana budaya langsung tidak sama dan mereka pun, macam tadi EXCO pun kata ada orang *complaint* pekerja asing itu memakai sarung, jalan di kaki lima. *So, rumah* kita ada budak-budak kecil, ada juga suami bekerja, isteri bekerja yang tinggal dirumah sahaja inilah akan menyebabkan ketidakselesaan untuk rakyat jelata.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Pengkalan Kota, salahkah pakai sarung? Soalan saya adakah salah pada pandangan YB. Padang Kota adakah salah memakai sarung?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Lau Keng Ee):

Bukannya salah, dia hanya pakai sarung dan tidak pakai baju jalan di kaki lima.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat kata pakai sarung, kata tidak pakai baju, bukannya pakai sarung.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Lau Keng Ee):

Sometime tidak payah cakap, mengapa.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kena cakap sebabnya kalau pakai sarung, pakai baju melayu, berjalan itu sopan tiada masalah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Lau Keng Ee):

Saya tidak cakap dia pakai baju melayu

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau pakai sarung tidak pakai baju itu memang tidak sopan, saya bersetuju itu kena ambil tindakan keras kepada mereka, lengkapkan ayat supaya faham dalam hansard masuk pemberita pun ambil.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Lau Keng Ee):

So, Yang Berhormat pun setujukan, tidak boleh pakai sarung tanpa bajukan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Betul, 200% sokong.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

200% ya? So inilah kerana LMC *actually priority to local people...* (dengan izin). Sepatutnya kita, kerana kita tahu statistik dalam bahagian perumahan masih banyak itu rakyat kita yang masih belum dapat rumah. So dan tadi kita pun sudah dapat jawapan bahawa pada masa sekarang tidak ada sebarang peruntukan untuk mengambil tindakan terhadap tuan rumah yang menyewa rumah keluar kepada pekerja asing atau syarikat-syarikat kilang tersebut, so kita juga tidak boleh biarkan begitu sahaja. Kita pun juga mencari satu jalan tengok macam mana untuk mengatasi masalah tersebut dan saya memang berharap kerja-kerja untuk mendirikan *for local village* boleh *speed up the work*. Kena cepat sikit kerana kita pun sudah bincang banyak tahun tentang kes ini dan lawatan pun sudah buat 2-3 kali di Singapura dan saya berharap kerja-kerja pembinaan tersebut dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin supaya kes-kes yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tertentu dapat diselesaikan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, di kawasan George Town selepas diisytihar sebagai UNESCO World Heritage Site, so *especially* tadi pun soalan lisan KOMTAR pun dia tanya tentang rumah-rumah usang yang di kawasan sana. So, *actually* di kawasan Pengkalan Kota juga sama menghadapi masalah tersebut. Ada yang rumah usang yang dan juga ada bukan sahaja rumah usang, ada yang tanah kosong yang terbiar sahaja telah menyebabkan kes-kes seperti denggi dan juga ada penagih dadah yang berkumpul di sana. Selain itu, dan *especially* di Jalan C.Y. Choi, satu baris rumah dalam dua tahun sudah berlaku dua (2) kali kebakaran. Dan setiap kali terbakar, *for the first time 2014*, bakar enam (6) buah rumah. *And end 2016*, bakar sembilan (9) buah unit rumah. Dan tempat tersebut adalah pemilik swasta punya.

So saya berharap PBT dapat mengarahkan tuan tanah, kita kena tahu tuan tanah itu siapa dan supaya mengarahkan tuan tanah tersebut mengambil tindakan *either* memperbaiki semula atau *fencing up the place*. Kerana selepas kebakaran berlaku, kita boleh nampak ada penghuni juga. Mereka balik ke tempat kebakaran tersebut kerana ada rumah yang sudah bakar setengah sahaja. So mereka *just do some touch up work repair and then* duduk balik tetapi perbuatan tersebut tanpa tiada sebarang jabatan yang memastikan *structure* rumah-rumah tersebut adakah dalam keadaan yang selamat atau tidak selamat. Dan saya juga berharap TNB juga akan turun padang untuk *check* itu kabel-kabel di rumah tersebut adakah masih selamat digunakan selepas kebakaran. Yang saya ada di sini, di kawasan Pengkalan Kota *actually* ada dua (2) tempat, satu tanah terbiar ialah di Persimpangan Gat Lebu Noordin dan juga Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, di tepi ada satu tanah kosong yang terbiar sudah lebih daripada 10 tahun. *This is a private land* tetapi sampai hari ini masih tidak ada sebarang pembangunan atau kerja-kerja yang menaiktaraf. So oleh itu, di sana juga ada sekeliling kampung penduduk ada *complaint* tentang bahawa sana nyamuk banyak dan juga pada waktu malam mereka dengar macam ada orang bersuara di dalam. Jadi mungkin penagih dadah atau siapa, tidak ada orang yang berani untuk masuk tengok. Satu ialah *private land*. Lagipun mereka juga takut atas keselamatan mereka terancam juga. Jadi saya berharap, PBT boleh menghantar *team* ke tempat tersebut dan *check* balik siapakah tuan tanah tersebut dan mengarah dia mengambil tindakan dengan sewajarnya atau tengok ada apa peruntukan. Kalau yang dapat *acquired land* tersebut jika mereka tidak mahu kerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf tempat tersebut.

Lagi satu ialah yang tadi saya cakap 11 unit rumah yang terbakar di Jalan C.Y. Choy iaitu nombor 209, 211, 213, 215, 217 sampai 229. Ini 11 rumah tersebut sudah lepas kebakaran apa yang kami nampak ialah belum *fencing* dan sekarang sudah ada penghuni yang dahulunya atau baru pun tidak pasti, mereka, ada orang sudah masuk ke sana untuk buat pembaikan dan duduk semula. Tetapi memang kami tidak tahu *structure-structure* rumah tersebut adakah *either* masih selamat diduduki atau tidak kerana saya pernah tulis surat kepada MBPP untuk panggil mereka turun padang dan mengarahkan tuan rumah itu *check* tengok hantar satu *report*, jika selamat, mereka kena *apply* macam mana untuk *renovation for the house* or jika tidak selamat, sepatutnya mereka kena *fencing* tempat tersebut dan halang orang masuk menduduki.

Dan jika kita pun boleh nampak sekarang *from* Jalan Magazine sampai Sandilands sana ada rumah-rumah yang dahulu usang atau terbiar punya sudah ada syarikat swasta pun mereka ada beli dan sedang menaiktaraf termasuk *pavement-pavement*, mereka pun ada buat kerja-kerja menaiktaraf dan kerja-kerja yang dinaiktaraf kesannya dibuat oleh Kerajaan Negeri, MBPP atau swasta sepatutnya kita pun kena jaga kerana tidak boleh nampak sesetengah jalan, tepi jalan selepas *pavement* dilebarkan atau dinaiktaraf telah menjadi tempat letak kereta pada waktu malam. Semua kereta-kereta mereka akan pandu dan berhenti di *pavement-pavement* yang baru dinaiktaraf. Jika mereka letak di *pavement* tersebut, lama kelamaan pejalan kaki pun tidak dapat guna dan juga *pavement* itu sedang rosak juga. *So it is also against the law. So* saya berharap *enforcement* dari PBT dapat membuat rondaan dan mengambil tindakan yang sewajarnya tentang masalah-masalah tersebut.

Saya ada tulis bertanya tentang permohonan membangunkan satu tempat letak kereta bertingkat di tanah belakang Pasar Lebu Cecil. Cadangan saya ini ialah untuk membolehkan penduduk-penduduk yang berdekatan dengan kawasan ini mereka dapat satu tempat letak kereta untuk mereka berhenti kereta kerana jalan-jalan di kawasan tersebut memangnya bukan jalan besar dan *actually very* sempit dan tidak sesuai untuk *park* kereta, jika *park* kereta sahaja jalan akan jadi lebih sempit dan akan menyebabkan kesesakan *especially* pada masa waktu pasar ada peniaga beroperasi. Oleh itu, dan jawapan yang saya dapat ialah di tepi tersebut tidak ada kompleks *supermarket* yang besar *so* oleh itu tidak perlunya membina tempat letak kereta yang bertingkat di belakang Pasar Lebu Cecil ini. *So* saya juga ingin mengambil kesempatan ini meminta PBT supaya dapat mengkaji semula permohonan tersebut dan untuk membolehkan kita mengurangkan kesesakan jalan di kawasan tersebut.

Di sini saya juga ada tanya satu soalan bertulis tentang masalah, tanya "Apakah tindakan yang dapat diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Persimpangan Gat Lebu Macallum dan sepanjang jalan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu mulai terminal feri sampai persimpangan Gat Lebu Cecil semasa waktu kerja dan waktu lepas kerja". Jawapan daripada Kerajaan Negeri adalah "PDRM telah mengambil berat tindakan untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas di persimpangan tersebut semasa dan selepas waktu kerja. Mereka ada menghantar anggota-anggota kawalan simpang *point of duty* pada waktu puncak melalui Polis trafik tersebut", dan juga, di sini juga ada kata "MBPP pula akan membina tanjakan berarah untuk pembelokan ke kanan dari Gat Jalan Magazine ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Kedua ialah membina pusingan U bertingkat di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di antara Gat Jalan Macallum dan Gat Jalan Magazine. Dan juga akan membina pusingan U pada paras jalan di persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu atau Jalan Sungai Pinang atau Lebu Sungai Pinang".

Walaupun ada tiga (3) projek MBPP akan membina, tetapi saya ingin hendak tanya adakah satu tempoh atau apakah kajian *result* kerana saya berharap MBPP akan panggil ADUN kawasan atau wakil rakyat kawasan tersebut untuk mengambil bahagian dalam perbincangan tentang projek-projek yang akan dilaksanakan. Dan saya mahu tahu kerana di sini tidak ada tulis bilakah akan melaksanakan. Oleh itu saya harap PBT dapat memberi satu jawapan bahawa kerja-kerja yang dicadangkan akan buat bilakah mereka akan mulakan kerja dan apakah status yang terkini?

YB. Dato' Timbalan Speaker, apabila *especially public holiday* atau *weekend*, kesesakan lalu lintas memangnya teruk. *Especially* di George Town, di *town area*. Tetapi kita pun tahu, ini *first of May* ada satu rombongan *private sector* datang ke Pulau Pinang dan kita boleh nampak dalam *facebook* dan suratkhbar, nampak bas-basnya, bas-bas persiaran telah meletakkan, telah *block* di beberapa jalan-jalan utama yang menyebabkan kesesakan yang sangat teruk.

So, di sini saya ingin memohon kerjasama daripada Kerajaan Negeri supaya dapat mengawal situasi seperti ini kerana memang tidak *fair* jika, *public holiday, local people* semua tidak dapat keluar kerana jalan-jalan terutamanya atau supermarket sudah dibanjiri oleh pelancong-pelancong dan jalan-jalan pun di *block* oleh bas-bas persiaran tersebut dan saya berharap Kerajaan Negeri dapat berhubung dengan pihak penganjur atau syarikat-syarikat yang tertentu supaya seperti yang sebelum Kerajaan

Negeri ada membuat *marathon* atau sebarang program yang besar dan EXCO Pelancongan akan mengadakan satu mesyuarat berapa kali dengan pihak-pihak yang tertentu. Berbincang macam mana untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas dan membolehkan program-program itu dijalankan dengan lebih lancar.

Di kawasan saya juga, menghadapi masalah yang kenderaan-kenderaan besar seperti lori besar, bas kilang dan bas persiaran. Mereka setiap hari saya boleh nampak terdapat kenderaan-kenderaan yang besar tersebut telah meletakkan kenderaan mereka tersebut di tepi jalan. Ada yang meletakkan di hadapan sekolah rendah. So ini telah menyebabkan murid-murid dan penghuni-penghuni di kawasan Macallum menghadapi masalah semasa mereka hendak melintas jalan dan juga membahayakan nyawa mereka. Oleh itu saya terima aduan daripada penduduk-penduduk kawasan, meminta kerajaan mengambil tindakan terhadap kes-kes seperti begini.

Saya juga menulis satu surat kepada *enforcement* PBT meminta mereka tolong membuat satu rondaan dan memantau tempat tersebut dan mengeluarkan saman. PBT punya *enforcement* pun ada buat satu *report* kepada saya, mereka memantau satu minggu setiap hari di tempat-tempat tersebut di mana mereka meletak kenderaan besar tersebut, dan telah mengeluarkan saman dan juga aduan tersebut kita juga menyerahkan kepada pegawai SPAD, dan pegawai SPAD pun ada juga berjumpa dengan saya berbincang tentang kes-kes tersebut kerana kami difahamkan bahawa semua syarikat-syarikat kenderaan besar atau bas persiaran ataupun bas kilang, apabila mereka hendak mendapatkan lesen, mereka kena *provide* tempat-tempat mereka yang hendak meletak kenderaan mereka tersebut barulah boleh mendapatkan lesen daripada SPAD dan juga PBT (MBPP)...(gangguan).

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Penjelasan. YB. Pengkalan Kota. Memang bas persiaran sebelum dapat permit atau lesen, mereka perlukan tempat letak bas persiaran. Tetapi masalah yang dihadapi di Pulau Pinang sekarang adalah bas-bas persiaran ini datang daripada luar negeri macam Kuala Lumpur kerana masalah yang dihadapi pada dua (2) minggu yang lepas itu adalah beratus-ratus bas persiaran telah membanjiri George Town terutamanya kawasan Jalan Datok Keramat, KOMTAR. Masalah ini juga saya tulis dan membuat soalan kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan satu penyelesaian. Cuma penyelesaian adalah untuk menentukan satu tapak yang besar untuk dapat menampung bas persiaran, unit-unit tersebut. Tetapi malangnya dekat Pulau, kita tidak dapat *identified* tanah yang begitu besar untuk membolehkan sekaligus meletakkan beratus-ratus bas persiaran.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Penjelasan. YB. Dato' Yang di-Pertua.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Kita hari ini bagi setengah jam sahaja setiap orang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Lima minit. Dua minit. Memang kita ada beberapa mesyuarat berkenaan dengan organisasi yang membawa pelancong sehingga 15,000 untuk 3 Mei dan satu lagi 13 Mei, 23,000. So, ada dua (2) mesyuarat berkenaan dengan mereka dan kita sudah cari satu tapak kosong iaitu di *South bay* atau *Elite Restaurant*. Di tapak sana mereka boleh letak beberapa ratus bas di sana dan di *SPICE Convention Centre*, kita mengalu-alukan mereka letak di *Queensbay Outdoor car park* dan mereka di sana *park* di sana lebih 200 bas boleh berhenti di sana.

Tetapi ada masalah di sini yang dimana bas dari luar negeri iaitu dari Johor, Kuala Lumpur, mereka tidak mahu ikut arahan ataupun peraturan dan mereka hanya letak di sekeliling kawasan Datok Keramat atau berhampiran dengan KOMTAR. Dan ini telah menyebabkan kesesakan lalu lintas pada minggu yang lalu. Dan memang kita terpaksa memanggil Polis atau MBPP punya penguatkuasa untuk menghalaukan mereka. Dan itupun buat sementara penyelesaian pada hari itu boleh diselesaikan, tetapi untuk masa yang panjang mungkin kita perlu lagi sesiapa yang bawa beratus-ratus bas ke sini perlu mengikut peraturan atau mereka perlu ada sistem di mana beberapa ratus atau mungkin 50 bas yang akan masuk dahulu kemudian berwaktu-waktu. Mereka tidak ada sistem. So...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sudah cukup dua (2) minit. Sila buat kesimpulan. Nanti dulu YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Beberapa saat sahaja.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ada masa. Nanti. Silakan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Saya teruskan. So, Pegawai SPAD ada janji bahawa dia dapat laporan tersebut dan mereka berjanji akan bersama-sama *enforcement* PBT untuk memberi kaunseling kepada tuan-tuan untuk kenderaan tersebut atau syarikat-syarikat punya supaya jangan meletakkan lori-lori mereka yang besar atau kenderaan yang besar di tempat-tempat kediaman.

Di kawasan Macallum memang tidak ada kilang atau apa, so kebanyakannya ialah orang yang duduk di luar. Pagi mereka guna motor, datang simpan motor di bawah flat dan selepas itu, bawa kenderaan tersebut pergi buat kerja. Dan selepas itu jam 6 lebih, kenderaan besar mereka lagi *park* di sini setiap hari bukan *occasional* punya, bukan ada program atau apa punya. Setiap hari mereka buat macam ini, so saya ada minta juga bincang dengan pihak Polis, tetapi hanya apa mereka buat hanya boleh keluar saman sahaja dan PBT pun tidak ada *vehicle* yang boleh *tow* kenderaan yang begitu besar dan begitu juga MBPP tidak ada satu tempat jika *tow* kenderaan besar itu tidak ada tempat simpan kenderaan mereka.

So, inilah masalah bukan hanya berlaku di kawasan Macallum, mungkin ada kawasan perumahan di kawasan yang lain pun menghadapi masalah sebegini juga. Oleh itu, saya berharap pihak-pihak yang berkenaan dapat mencari satu jalan untuk mengatasi masalah-masalah seperti ini supaya penduduk-penduduk di kawasan kediaman perumahan ini dapat menduduki di tempat tersebut dengan lebih selesa dan lebih merasa selamat dengan ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat, beri laluan. Tahukan anda bahawa JPJ ada matlamat sebelum tahun 2018, semua kenderaan di Malaysia seharusnya ada *RFID*? Maksudnya termasuk bas persiaran, lori-lori kalau ikut pengumuman mereka beberapa tahun dahulu, matlamat JPJ *by* 2018 semua ada *RFID*. Jadi saya rasa mungkin pihak YB. Batu Lintang, dari segi pelancongan impak-impak bas persiaran ini boleh juga mengetahui daripada JPJ apakah *progress* sekarang. Adakah bas persiaran merupakan salah satu kenderaan yang paling awal diletakkan oleh *RFID* dan boleh digunakan untuk penguatkuasaan. Hanya dengan cara ini sahaja kita boleh tahu bas itu *park* di kawasan Pengkalan Kota setiap malam. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih. Silakan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Terima kasih YB. Pulau Tikus, tahukah anda tadi saya sudah cakap *officer* SPAD telah berbincang dengan saya.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ya.. Betul. Sila. Baik, terima kasih. YB. KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

YB. Timbalan Dato' Yang di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk memberikan ucapan perbahasan terima kasih keatas ucapan Tuan Yang Terutama Tun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Sebelum memulakan ucapan perbahasan saya, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan telah mentadbir Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 dan kini telah masuk ke penggal kedua tahun ke 4. Ini juga bermakna pilihan raya umum semakin dekat dan kemungkinannya akan

diadakan pada bila-bila masa sahaja. Saya percaya bahawa jika Kerajaan Negeri ingin mendapat sokongan daripada rakyat untuk terus mentadbir dan memajukan Negeri Pulau Pinang, maka Kerajaan Negeri perlu memastikan bahawa perkembangan atau pencapaian negeri senantiasa kekal dalam satu tahap yang cemerlang.

Jika tidak, suara bantahan rakyat sudah tentu akan bangkit sebaliknya. Kerajaan Negeri telah merealisasikan sebahagian besar daripada Dasar-Dasar ataupun projek-projek yang dijanjikan. Namun ada juga projek berskala besar yang belum disiapkan atau dijalankan, contohnya Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang yang hanya dapat dijalankan atau dilaksanakan selepas mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang yang prihatin, selalu meneliti keperluan rakyat dan proaktif dalam melaksanakan dasar atau mengambil langkah tertentu demi meningkatkan kualiti hidup dan persekitaran rakyat Pulau Pinang.

Akan tetapi, perubahan baru yang mengambil tempat kadang-kadang tidak mudah diterima oleh orang ramai. Walaupun, perubahan itu akan mendatangkan manfaat yang lebih baik. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merupakan organisasi yang menyediakan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan di Pulau Pinang dan paling dekat dengan masyarakat di akar umbi. Aktiviti dan operasi kedua-dua Majlis ini mempengaruhi mutu hidup orang ramai secara langsung. Oleh itu, prestasi kedua-dua Majlis juga mempengaruhi pandangan orang ramai terhadap Kerajaan Negeri. Majlis bukan sahaja perlu melaksanakan Dasar Kerajaan Negeri, malah langkah promosi perlu dipergiatkan lagi agar rakyat memahami secara jelas tentang objektif usaha-usaha Kerajaan Negeri.

Saya percaya ini akan memupuk keinginan rakyat untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk menjayakan dasar berkenaan sebagai contohnya, Dasar Pengasingan Sisa di Punca. Dasar yang baik semestinya perlu dipatuhi dan digalakkan di kalangan semua rakyat, lebih-lebih lagi kesedaran sivik juga perlu dipertingkatkan lagi di kalangan rakyat meskipun ia perlu mengambil satu tempoh yang panjang. Mungkin 10 tahun, 20 tahun atau lebih untuk bersama menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang lebih hijau, bersih, selamat dan sihat.

Saya menyokong Kerajaan Pakatan Harapan yang mampu mencapai dan mengekalkan pencapaian yang baik sepanjang pentadbiran dua penggal ini, supaya terus mentadbir Negeri Pulau Pinang dan teruskan segala dasar yang menjaga hak dan kepentingan rakyat untuk menjamin masa depan Pulau Pinang.

YB. Timbalan Dato' Yang di-Pertua, kaki lima, tepi jalan, longkang, sungai, taman awam, tanah lapang sering menjadi tapak pembuangan sampah haram oleh orang ramai kerana sikap mementingkan diri dan kesenangan dan tidak mengambil berat soal penjagaan alam sekitar tindakan seperti kompaun boleh dikeluarkan bagi memberi pengajaran kepada mereka supaya tidak mengambil jalan mudah untuk membuang sampah merata tempat ini kerana ia bukan sahaja menjejaskan imej sesuatu tempat malah boleh menimbulkan masalah lain seperti banjir kilat, tempat pembiakan nyamuk Aedes dan tempat tarikan binatang khususnya tikus dan anjing liar. Langkah MBPP dengan mengeluarkan kompaun melalui bukti CCTV merupakan salah satu langkah yang baik untuk mengurangkan kes membuang sampah haram dan boleh memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kesalahan ini, namun bilangan CCTV yang dipasang adalah terhad kepada kawasan-kawasan tertentu sahaja dan tidak dapat merakam bukti yang terdapat di luar kawasan CCTV.

Teknologi informasi dan komunikasi semakin berkembang pesat dan hampir semua masyarakat sekarang memiliki telefon pintar dan gajet yang dianggap sebagai keperluan masa kini yang ianya menjadi aktiviti menangkap gambar dan merakam video lebih senang dan mudah, saya mencadangkan bahawa MBPP boleh mengambil contoh MPSP dengan memberi insentif RM100 kepada masyarakat yang dapat merakam bukti pembuangan sampah secara haram. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan *efficiency* Majlis dengan mengalakkan rakyat memantau dan dapat menangkap pembuang sampah bersama malah juga dapat menangani masalah bilangan anggota Majlis yang terhad dan membawa impak kesedaran yang lebih besar terhadap penjagaan alam sekitar.

Cadangan seperti ini telah dilaksanakan di Taiwan, saya percaya dengan adanya *dash cam* untuk kereta dan motosikal yang semakin menjadi trend semasa yang dapat merakam video sepanjang perjalanan, nombor pendaftaran kenderaan yang melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang seperti membuang sampah dari kereta atau menjadi penyebab kemalangan akan dapat dirakamkan dengan serta merta. Isu kekurangan tong sampah tidak boleh dijadikan alasan untuk orang ramai membuang sampah sewenang-wenang, sebaliknya tidak wujud masalah pembuangan sampah yang mencemarkan imej persekitaran walaupun bilangan tong sampah awam amat terhad di negara seperti

Taiwan dan Jepun. Di Taipei di ibu kota Negara Taiwan, hanya terdapat kurang daripada 2,000 tong sampah di sepanjang jalan ia bersamaan satu tong sampah kepada 1300 penduduk. Masyarakat digalakkan untuk menyimpan sampah terlebih dahulu dan mengitar semula sampah mengikut peraturan yang ditetapkan. Lori sampah di Taiwan akan mengeluarkan bunyi muzik untuk menandakan kepada penduduk sekitar kehadiran lori sampah maka mereka boleh membuang sampah kedalam lori tersebut.

Di negara Jepun pula, kekurangan tong sampah tidak menjadikan Tokyo sebuah bandaraya yang kotor walaupun mempunyai kepadatan penduduk yang mencecah 14 juta orang. Malah sudah kerap kali dipilih antara Bandaraya terbersih dunia setiap tahun. Ini disebabkan oleh pendidikan mereka sejak kecil dengan membawa beg plastik sendiri untuk mengumpulkan sampah milikan sendiri dan dibuang di rumah masing-masing. Taiwan yang pernah disebutkan kepulauan sampah kini telah menjadi negara yang paling bersih di Asia dan merupakan juara di dunia bagi negara yang berjaya mengitar semula sampah dengan 60% sisa pepejal berjaya dikitar semula. Ini ternyata dengan komitmen pihak pengubal polisi dan kerjasama masyarakat serta penguatkuasaan yang berkesan mampu mengubah lanskap sesebuah negara.

Pada masa kini, Pulau Pinang telah mencatat kadar kitar semula tertinggi dalam negara iaitu 38% syabas kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga mensasarkan bahawa kadar kitar semula Pulau Pinang akan mencecah 40% menjelang tahun 2020. Demi mencapai sasaran ini dan menjadikan negeri kita lebih hijau dan bersih, selain daripada Kempen Pengasingan Sisa di Punca, saya ingin mencadangkan bahawa kedua-dua kaedah awal ini juga boleh diambil kira iaitu mengurangkan tong sampah secara perlahan-lahan dan menerapkan konsep bertanggungjawab terhadap sampah yang kita sendiri hasilkan sejak di bangku sekolah. Usaha-usaha telah diambil oleh Kerajaan Negeri dari awal sehingga hari ini demi mewujudkan Pulau Pinang yang lebih hijau dan bersih, ini merangkumi program larangan penggunaan *polystyrene*, Kempen Hari Tanpa Bag Plastik, Dasar Pengasingan Sisa di Punca dan lain-lain. Usaha-usaha ini semestinya perlu mendapat sokongan sepenuhnya daripada rakyat, dasar-dasar ini tidak akan berjaya jika kerjasama tidak diwujudkan antara kedua-dua pihak iaitu kerajaan dan rakyat. Saya harap masyarakat akan terus memberi sokongan ke atas usaha-usaha yang baik ini.

YB. Timbalan Dato' Yang di-Pertua, filem dan drama yang ditayangkan di panggung wayang atau televisyen merupakan salah satu media komunikasi yang paling popular di kalangan masyarakat sebagai hiburan untuk mengisi masa lapang, filem dan drama yang mendapat sambutan baik bukan sahaja dapat menarik minat penonton tempatan malah juga dapat ditayang di seluruh dunia dengan perkembangan media sosial massa sekarang yang begitu pesat filem dan drama akan dipromosikan lagi dengan lebih cepat dan membawa pengaruh yang besar. Di negara seperti Amerika Syarikat, Korea, Jepun, Hong Kong dan Taiwan penggambaran filem dan drama oleh syarikat penerbitan telah berjaya menarik minat pelancong untuk berkunjung ke lokasi penggambaran bagi merasai suasana budaya dan makanan sesebuah negara. Industri filem sememangnya memberi kesan yang positif kepada pembangunan industri pelancongan di Negeri Pulau Pinang.

Pulau Pinang yang digelar sebagai Pulau Mutiara mempunyai tarikan tersendiri. Bangunan-bangunan dan seni bina zaman Kolonial pertembungan budaya yang mewujudkan suasana harmoni sentiasa menjadikan Pulau Pinang sebagai tumpuan kepada syarikat-syarikat penerbitan antarabangsa atau tempatan dalam penerbitan filem mahupun drama yang telah membantu dalam mempromosikan Pulau Pinang kepada warga asing mahupun pelancong dalam negara untuk melancong dan membeli belah di Pulau Pinang. Sebagai contoh filem "*Anna And The King*" telah mengambil tempat di Lebuhraya Armenian, Khoo Kongsi dan *Swettenham Pier Cruise Terminal* dan juga drama British "*Indian Summer*" yang difilemkan di Bukit Bendera, "*You Mean The World To Me (Hai Ki Xin Lor)*" yang sedang ditayangkan baru-baru ini iaitu filem arahan Saw Teong Hin, pengarah berasal dari Pulau Pinang yang berkolaborasi dengan *cinematographer* terkenal Christopher Doyle juga mengambil tempat di Pulau Pinang.

Merujuk jawapan bertulis nombor 20 yang saya terima, Kerajaan Negeri melalui *Penang Global Tourism* (PGT) telah menubuhkan unit pelancongan filem di Pulau Pinang sebagai langkah untuk menarik minat syarikat produksi filem di dalam dan luar negara untuk membuat penggambaran filem di Pulau Pinang. Unit tersebut akan memberi bantuan dan sokongan kepada syarikat perfileman termasuk memberikan panduan prosedur permohonan kelulusan daripada pihak berkuasa, mengesyorkan lokasi penggambaran dan menghubungkan syarikat perfileman kepada kontraktor yang berkaitan. Bagi produksi yang berpotensi mempromosikan Pulau Pinang penajaan akan diberi penajaan iaitu sebahagian daripada kos persiapan pra-produksi dan kos rakaman produksi yang merangkumi kos pengangkutan, penginapan dan makanan dan juga turut serta dalam rundingan bersama pemilik lokasi penggambaran bagi mendapatkan pengecualian atau pengurangan kadar sewa akan tetapi jika kita hendak membangkitkan semula masa kegemilangan industri filem Pulau Pinang suatu masa dahulu maka banyak usaha masih

perlu dilakukan kekurangan peluang, tenaga profesional dan peralatan dan lain-lain merupakan masalah yang menghadkan perkembangan industri perfileman.

Mengikut jawapan bertulis kepada soalan bertulis nombor 9, kutipan duit hiburan Kerajaan Negeri Pulau Pinang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Mengikut statistik yang diberi jumlah hasil yang dikutip dari tahun 2008 hingga tahun 2016 adalah sebanyak RM103,153,665.18. Hasil ini akan dimasukkan ke dalam akaun hasil yang akan digunakan untuk perbelanjaan yang diluluskan dalam belanjawan tahunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang termasuklah perbelanjaan untuk membantu industri filem tempatan sekiranya ada keperluan.

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mewujudkan satu dana untuk membantu perkembangan industri filem Pulau Pinang. Dana ini boleh terdiri daripada sebahagian duit hiburan kutipan Kerajaan Negeri lain-lain, saluran kerajaan dan pihak swasta yang munasabah. Pada permulaan dana ini boleh digunakan untuk menghasilkan tenaga kepakaran serta memupuk minat orang muda untuk menceburi bidang perfileman dan lakonan dan seterusnya cara-cara bantuan yang lain juga boleh ditambah seperti memberi insentif kepada mereka yang memperoleh pencapaian cemerlang dengan mengikut perkembangan dana, selain itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Adakah Ahli KOMTAR ingin mencadangkan supaya Negeri Pulau Pinang menubuhkan Perbadanan Perfileman Negeri Pulau Pinang sebab dah ada Ahli Sungai Pinang, *sorry* YB. Kebun Bunga dah ada pakar yang boleh menerajui perbadanan itu.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Ini Kerajaan Negeri, EXCO akan jawablah tapi memang dana itu perlulah untuk mempergiatkan atau mengalakkan industri perfileman di Negeri Pulau Pinang. Selain itu Kerajaan Negeri dengan kerjasama industri filem juga boleh mengadakan lebih banyak aktiviti berkenaan seperti pertandingan filem pendek, Filem Festival Pulau Pinang untuk mengalakkan sokongan masyarakat terhadap penerbitan filem tempatan bagi membangunkan semula budaya dan suasana filem yang lama wujud di negeri ini.

YB. Timbalan Dato' Yang di-Pertua, penempatan penjaja dari Jalan Kuala Kangsar ke Jalan Chowrasta merupakan salah satu keputusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang berkenaan dengan projek menaiktaraf dan pengubahsuaian Pasar Chowrasta yang bermula pada tahun 2012. ini adalah untuk mengadakan penyusunan semula tapak-tapak penjaja supaya ia lebih teratur dan tersusun dengan mengekalkan penjaja yang sedia ada di Jalan Chowrasta dan membolehkan penjaja-penjaja di Jalan Kuala Kangsar berpindah masuk ke tapak-tapak baru ini. Ia juga dapat membantu dalam mengelakkan penjaja-penjaja haram untuk berniaga di kawasan Pasar Chowrasta. Para peniaga yang berniaga di Jalan Chowrasta sekarang berasa puas hati dengan keputusan tersebut, cuma mereka berasa kurang selesa dengan masalah suasana yang panas terik. Saya kerap kali melawat ke pasar Chowrasta dan kawasan sekelilingnya untuk memahami keadaan penjaja dan mendapati masalah ini adalah serius dan perlu ditangani dengan segera. Cahaya matahari panas yang terus manyinar ke arah Jalan Chowrasta mulai pukul 10.00 pagi amat menyukarkan aktiviti perniagaan dan menyebabkan penjaja-penjaja terpaksa memendekkan waktu perniagaan.

Tambahan pula terdapat aduan-aduan daripada para peniaga bahawa sinar matahari yang kuat telah membawa kepada kerosakan produk-produk tertentu seperti pakaian dan makanan, kuih-muih. Memandangkan penjaja-penjaja memberi kerjasama sepenuhnya dengan mengikut keputusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Saya mencadangkan kepada MBPP agar membina sebuah bumbung tetap di Jalan Chowrasta untuk menangani masalah sinar matahari yang terlalu panas dan juga sebagai struktur perlindungan hujan untuk kepentingan penjaja. Kebanyakan peniaga di Pasar Chowrasta sudah berusia tua kerana mereka sudah berniaga di Pasar Chowrasta berpuluh-puluh tahun adalah amat susah untuk mereka untuk memasang dan menyimpan payung setiap hari.

Selain itu, dengan adanya bumbung ini, Jalan Chowrasta boleh dijadikan *pedestrian mall* di mana waktu operasi boleh lanjut hingga ke malam. Demi menjadikan tempat ini sebagai satu daya tarikan baru kepada pelancong ke Pulau Pinang. Kaedah seperti ini telah dilaksanakan di *Petaling Street* di Kuala Lumpur dan juga di *China Town* di Singapura. Dengan adanya suasana yang lebih teduh, saya percaya bukan sahaja aktiviti perniagaan penjaja dapat dipertingkatkan, malah pengunjung-pengunjung pasar juga lebih gemar membeli belah di Pasar Chowrasta. Satu lagi pemerhatian saya semasa melawat ke Pasar Chowrasta adalah penjaja yang ditawarkan tapak di Jalan Chowrasta tidak berniaga setiap hari. Ada hanya berdagang untuk tempoh 3 atau 4 hari sahaja seminggu. Maka jika peniaga tidak berniaga, tapak itu akan dikosongkan sahaja dan ia adalah satu pembaziran. Satu cadangan boleh dipertimbangkan untuk

mengatasi masalah ini iaitu mengambil contoh MPSP di Pasar Taman Seri Rambai dengan mengeluarkan kad penjaja sementara kepada penjaja bergerak yang berdaftar dengan Majlis untuk mengisikan tapak yang kosong ini dengan caj sewa petak RM3.00 sehari.

Selain itu, di kawasan KOMTAR setakat ini masih tidak mempunyai balai rakyat sendiri. Saya ingin mencadangkan supaya Tingkat 3 Pasar Chowrasta dijadikan sebagai balai rakyat kawasan KOMTAR. Ini kerana Tingkat 3 Pasar Chowrasta yang mempunyai tempat yang luas dan terang amat sesuai dijadikan sebagai balai rakyat supaya ia dapat disewakan kepada masyarakat tempatan untuk menjalankan aktiviti komuniti, perayaan dan lain-lain dengan harga yang berpatutan. Sebahagian ruang tersebut boleh dijadikan Galeri Warisan Pasar Chowrasta untuk mempamerkan sejarah Pasar Chowrasta dan ini akan menjadi satu lagi daya tarikan pelancong.

YB. Timbalan Dato' Yang di-Pertua, sudah saya sebut isu-isu Pasar Chowrasta tadi mesti tidak saya lupakan untuk sebut projek menaiktaraf jejantas *octopus*. Projek ini sudah banyak kali ditangguh dan kini telah menjadi isu hangat yang sering dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Projek ini seharusnya memberi kesenangan kepada orang ramai tetapi sebaliknya ia telah menyusahkan pengguna akibat daripada kelewatan. Projek ini mula kerja pada Mac 2015 dan dijangka siap pada April 2016 tetapi sampai hari ini, Mei 2017, kerja menaiktaraf masih tidak sempurna dan saya dimaklumkan tarikh jangkaan baru untuk projek ini adalah Ogos 2017. Semasa perbincangan dengan pihak penaja yang diadakan pada 10 Mac 2017 dan dipengerusikan oleh YB. Padang Kota. Walaupun projek menaiktaraf jejantas *octopus* ini merupakan projek CSR, tetapi MBPP ada tanggungjawab untuk memantau *progress* projek. MBPP perlulah mempergiatkan pemantauan terhadap kerja projek ini untuk memastikan projek ini disiapkan pada tarikh yang dijanji iaitu bulan Ogos tahun ini.

Selain itu, saya ingin mencadangkan kepada MBPP supaya menubuhkan satu mekanisme untuk memantau projek CSR seperti ini. Ini akan mengelakkan masalah kelewatan projek yang mungkin berlaku di projek-projek CSR yang lain. Salah satu penyebab utama yang menyebabkan kelewatan projek ini adalah masalah pengaliran kabel utiliti yang mengambil masa yang lama. Saya berharap agar MBPP lebih fokus kepada masalah ini untuk kebaikan projek-projek lain pada masa depan.

YB. Timbalan Dato' Yang di-Pertua, Majlis Bandaraya Pulau Pinang sedang merancang untuk melaksanakan projek menaiktaraf lorong belakang di sekitar kawasan George Town. Lorong belakang akan dinaiktaraf menjadi laluan pejalan kaki dan laluan basikal untuk mewujudkan rangkaian yang lebih baik, meningkatkan nilai keindahan bandar dan menyediakan tempat rehat serta rekreasi kepada orang ramai.

Saya menyokong projek ini supaya merancang semula lorong belakang yang biasanya digunakan oleh orang ramai untuk meletak kereta, barang-barangan dan sampah sarap secara haram. Kebersihan lorong belakang tidak diambil berat oleh orang ramai menjadikan kebanyakan lorong belakang hari ini bersuasana gelap dan berbau busuk. Hal ini mungkin akan mengundang bahaya kepada sesiapa yang melaluinya. Sekiranya ada pihak yang mengambil kesempatan untuk melakukan jenayah. Sebenarnya lorong belakang jika dirancang dengan baik akan mendorong orang ramai untuk menggunakannya sebagai laluan alternatif. Lorong ini akan lebih selesa digunakan berbanding dengan jalan besar yang sudah menjadi pilihan utama orang ramai yang biasanya dipenuhi dengan kenderaan. Ada banyak cara yang kita boleh lakukan untuk mengubah imej dan meningkatkan penerimaan orang awam terhadap lorong belakang supaya lorong belakang yang terbiar bertukar ceria, tersusun, selamat dan artistik. Contohnya membersihkan kawasan tersebut, memasang lampu, menghias dinding dengan pokok bunga, lukisan dinding, menaiktaraf permukaan lorong, menggalakkan aktiviti komersial dan lain-lain. Projek menaiktaraf seperti ini banyak dijalankan di dalam dan di luar negara. Kita tak mahu ambil contoh-contoh yang jauh. Kita mengambil contoh di Penang, Lebuh Armenian dan Little India. Projek ini dilakukan oleh *Think City* dan satu projek lagi Lebuh Campbell dilakukan oleh Ahli Majlis-Ahli Majlis. Projek menaiktaraf telah membawa imej yang segar kepada lorong belakang yang sedia ada. Permukaan lorong telah dinaiktaraf dan nampak lebih tersusun dan bersih.

Satu lagi projek yang dilakukan oleh swasta. Yang itu di Jalan Burmah. Lorong belakang di Restoran Loke Thye Kee telah dihias dengan menanam pokok-pokok di kedua-dua tepi lorong telah menjadi satu *hotspot* untuk orang yang pergi ambil gambar.

Saya mendapati bahawa masyarakat yang salah faham tentang cadangan menjalankan aktiviti perniagaan di lorong belakang ini kerana mereka risau aktiviti perniagaan akan menjadi halangan kepada orang ramai semasa waktu kecemasan seperti berlakunya kebakaran. Saya tidak menafikan bahawa lorong belakang akan mendatangkan nilai komersial yang tinggi jika kita melakukan usaha yang seharusnya. Namun, mendirikan struktur kekal yang menjadi halangan tidak akan dibenarkan supaya

tidak bercanggah dengan fungsi lorong belakang sebagai laluan kecemasan dan pencegahan kebakaran.

Selain itu, saya juga ingin mencadangkan Majlis untuk mengajak institusi pengajian atau sekolah untuk menyertai projek ini supaya memberi peluang kepada pelajar untuk menunjukkan kreativiti dengan menghiaskan kawasan tersebut dan sebagai saluran untuk menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam program pengindahan seperti ini. Projek menaiktaraf ini telah menjalankan kaji selidik dan mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat. Saya percaya dengan adanya maklum balas daripada masyarakat, projek ini boleh dijalankan dengan lebih terperinci. Buat masa kini, kawasan *Hong Kong Street* dipilih sebagai projek perintis. Saya berharap agar projek ini dapat berjaya dan diperbesarkan lagi ke semua kawasan di dalam dan di luar George Town pada masa yang akan datang.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, wabak selsema burung H5N1 telah melanda Negeri Kelantan dua (2) bulan yang lepas. Kerajaan Negeri Kelantan telah mengisytiharkan wabak selsema burung pada 15 Mac 2017 sebagai bencana negeri mengikut perintah Majlis Keselamatan Negara 20 (MKN 20). Walaupun kes wabak selsema burung masih belum dikesan di Pulau Pinang, namun kita harus sedia payung sebelum hujan dengan memastikan kebersihan dan kemudahan rumah sembelih kita sentiasa dalam tahap yang memuaskan. Rumah sembelih di Jalan Sungai yang sudah lama beroperasi sejak tahun 1967 merupakan satu-satunya rumah sembelih di bawah pengurusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Rumah sembelih ini digunakan sebagai tempat penyembelihan lembu, kambing dan khinzir. Selain daripada itu, rumah sembelihan MBPP ini juga merupakan satu pusat latihan untuk Pembantu Veterinar, merinyu daging, Inspektor Kesihatan dan badan kerjasama dan juga untuk pelatih-pelatih dari luar negara. Maklumat-maklumat ini saya dapat dari laman web MBPP.

Untuk makluman semua, banyak projek perumahan telah dibangunkan berdekatan dengan rumah sembelih Jalan Sungai. Ini disebabkan oleh pembangunan yang pesat. Akan tetapi, bau busuk di rumah sembelih yang tidak dijaga dengan baik telah menyebabkan bau tersebut berleluasa di kawasan Jalan Sungai. Adakah tempat ini masih sesuai untuk digunakan sebagai rumah sembelih? Adakah Kerajaan berhasrat untuk menaiktaraf fasiliti dan kemudahan rumah sembelih ini ataupun memindah rumah sembelih ini ke tapak yang lebih sesuai? Selain itu aktiviti-aktiviti penyembelihan ayam dan itik kini masih mudah terdapat di dalam pasar-pasar di sekitar Pulau Pinang. Adakah aktiviti penyembelihan ini masih sesuai untuk dijalankan di dalam pasar? Memandangkan rumah sembelih ini hanya digunakan untuk penyembelihan lembu, kambing dan khinzir. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambahkan aktiviti penyembelihan ayam dan itik selain daripada aktiviti penyembelihan yang sedia ada supaya rumah sembelih tersebut dijadikan sebagai pusat penyembelihan setempat atau *one stop centre*. Negeri Pulau Pinang memerlukan sebuah rumah sembelih yang moden untuk menguruskan semua ternakan korban dengan fasiliti-fasiliti yang lebih baru dan maju supaya kebersihan dapat dijaga. Ini dapat memastikan kualiti daging dijaga sebelum masuk ke pasaran dengan kuasa persaingan industri yang lebih kuat dan juga lebih penting dapat memastikan produk tersebut selamat dimakan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Penjelasan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Masa, buat kesimpulan sahaja.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Dalam isu yang sama YB. Dato' Timbalan Speaker. Pada beberapa penggal yang lalu saya membawa isu mengenai tempat sembelih di kawasan saya khususnya di kawasan Padang Tembak tetapi pasar yang hanya saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini bahawa tempat yang sembelih ini ayam dan itik itu di kawasan saya ini dekat 20 meter atau 10 meter dari rumah-rumah pangsa sahaja. Jadi amat membahayakan. Adakah YB. KOMTAR bersetuju dengan saya bahawa isu ini adalah amat penting kerana kes penyakit H1N1 itu dan kes ini mesti ditangani oleh pihak tertentu termasuk MBPP dan Pejabat Kesihatan dengan serta merta dan bukan seperti kes yang dibawa oleh saya beberapa penggal yang lalu sampai sekarang tidak ada jawapan untuk rakyat jelata. Terima kasih.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih YB. Kebun Bunga. Saya rasa masalah saya bangkitkan dalam perbahasan saya tadi oleh itu saya minta Pihak Berkuasa Tempatan, Veterinar untuk mengkaji masalah-masalah yang dibangkitkan oleh saya dan YB. Kebun Bunga. YB. Timbalan Dato' Yang di-Pertua hasil cadangan yang disyorkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri yang lepas bagi menyelaraskan waktu bayaran parkir kenderaan di bahagian pulau pihak MBPP telah menjalankan kajian soal selidik di mana saya

difahamkan perkara ini telah dipersetujui dan dalam proses mewartakan dan akan dikuatkuasakan mulai 1 Jun 2017. Saya ingin tahu adakah MBPP akan mengkaji semula kadar sewa pajakan tempat letak kenderaan yang dikenakan kepada kontraktor selepas waktu bayaran parkir baru ini diimplementasikan dan kadar sewa pajak tempat letak kereta sekarang adalah RM651,923 sebulan. Alat *Smart Parking Gadget* (SPG) telah dilancarkan oleh EXCO Kerajaan Tempatan pada bulan Oktober 2016 setelah tamat tempoh percubaan sejak tahun 2014.

Sambutan orang ramai untuk mendapatkan alat SPG ini amat menggalakkan. Namun isu kekurangan stok bekalan alat ini oleh kontraktor menyebabkan pengguna perlu mendaftar menerusi talian *online* di www.spgautopark.com.my dan tempoh menunggu giliran mendapat alat ini agak lama boleh dikatakan berbulan-bulan mengundang banyak rungutan dan kritikan pihak kontraktor seharusnya bertanggungjawab masalah kekurangan alat *Smart Parking Gadget* (SPG) di pasaran. Pada halnya bukannya penyediaan *gadget* yang secukupnya merupakan salah satu kriteria dalam perjanjian proses pemilihan kontraktor. Selain itu saya kerap dapat aduan daripada orang ramai bahawa garisan petak letak kereta telah pudar.

Saya ingat masalah ini juga menyebabkan Penguatkuasa Majlis telah menulis saman kepada orang ramai yang *park* di tempat tersebut dan ketidakpastian kerana mungkin itu adalah sebenarnya tapak itu adalah yang sah, tetapi garisan telah pudar dan mereka letak di kenderaan di sana dan telah dikeluarkan saman. Melukis garisan petak adalah tanggungjawab pihak kontraktor tetapi saya harap MBPP patut memantau supaya keadaan ini tidak berlaku dan menjejaskan imej MBPP.

YB. Timbalan Dato' Yang di-Pertua pada bulan yang lepas seorang bekas atlet badminton negeri telah berjumpa dengan saya dan menyatakan pendapat dan cadangan beliau yang bertujuan untuk meningkatkan mutu sukan badminton di Negeri Pulau Pinang. Saya mendapati pendapat beliau adalah ikhlas dan ingin menyampaikan kandungan perbincangan tersebut di Dewan yang mulia ini.

Di Pulau Pinang kita mempunyai atlet sukan badminton berprestasi tinggi yang amat membanggakan. Contohnya Dato' Lee Chong Wei, Tang Peng Soon, Yew Hong Keng dan juga Goh Cheng Wei, atlet wanita yang berusia 17 tahun yang telah memenangi Kejohanan Junior Dunia BWF 2 tahun yang lepas. Namun untuk memastikan perkembangan sukan badminton negeri yang cemerlang dan berterusan usaha dan inisiatif perlu dilakukan untuk mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi. Pada masa kini semakin banyak negara yang menumpukan sumber mereka dalam bimbingan atlet sukan badminton. Oleh itu, kekerapan dan *efficiency* latihan perlu diberi tumpuan jika tidak kita jauh ketinggalan berbanding dengan negara yang lain. Saya berharap agar kaedah latihan atlet negeri kita dapat selaras dengan kaedah latihan pasukan negara yang diasingkan kepada dua (2) sesi.

Latihan jenis dua (2) sesi ini mengasingkan latihan badminton kepada latihan fizikal dan latihan sukan. Kaedah ini digunakan supaya atlet dapat fokus kepada satu jenis latihan pada satu masa yang dikira lebih baik berbanding dengan kaedah latihan yang sedia ada di Pulau Pinang iaitu cara yang merangkumi semua jenis latihan dalam satu seisi. Bagi pelajar sekolah masa latihan fizikal boleh ditetapkan pada waktu pagi sebelum sekolah dari pukul 6.00 pagi sehingga pukul 7.30 pagi. Masalah latihan sukan pula boleh ditetapkan selepas sekolah dari pukul 2.30 petang sehingga pukul 6.00 petang dengan mempergiatkan latihan yang sedia ada ia juga dapat membantu Kerajaan Negeri untuk melahirkan atlet yang mempunyai daya persaingan yang lebih tinggi dan berkualiti sebelum dipilih sebagai atlet negara. Selain itu semua atlet boleh ditempatkan di satu sekolah atau institusi sukan yang sama. Bagi memudahkan latihan dan membolehkan fasiliti sukan di sekolah-sekolah tersebut digunakan sepenuhnya.

Sekolah-sekolah yang dipilih mesti ada kemudahan latihan yang sempurna Konsep "1 Sekolah 1 Sukan" ini juga boleh diperkenalkan kepada jenis sukan yang lain. Saya harap Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang boleh mengkaji sistem latihan yang sedia ada dengan Persatuan Badminton Pulau Pinang sama ada latihan jenis ini boleh diterima dan dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang demi memperkasakan mutu badminton di negeri ini.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat sudah lebih setengah jam.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Mahu habis dah *last*. YB. Timbalan Dato' Yang di-Pertua, sebagai ADUN KOMTAR hampir di setiap persidangan DUN yang lepas saya tidak pernah lupa membangkitkan isu-isu dan cadangan berkenaan dengan pembangunan KOMTAR. Menara KOMTAR mercu tanda bangunan Pulau Pinang

pada asalnya merupakan bangunan yang giat dengan aktiviti-aktiviti komersial dan merupakan antara pusat beli belah di Pulau Pinang paling gemar dikunjungi oleh rakyat Pulau Pinang dan juga pelancong. Namun urusan niaga KOMTAR telah merosot di era hujung 90an. Salah satu sebab terjadinya masalah ini terjadinya perpindahan komuniti selepas pemansuhan *Rent Control Act* dan pada tahun 1997 Krisis Kewangan Asia juga telah memburukkan lagi situasi ini, Tambahan pula kemunculan pusat beli belah yang baharu di sekitar George Town menyebabkan pengusaha kedai di KOMTAR menutup dan pindah kedai mereka ke lokasi yang lebih strategik.

Sejak tahun 2008 Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang telah mengambil usaha yang munasabah untuk mengubah keadaan ini Kerajaan Negeri telah berjaya menarik *Pacific Hyper Market* untuk beroperasi di KOMTAR dan memajukan KOMTAR *Walk*. Usaha ini juga termasuk ICT Mall dan unsur yang terbaru adalah pelaburan Syarikat OWG dan pembukaan *Penang Tech Dome*. PDC juga telah melaburkan dana yang berjuta-juta ringgit untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf. Usaha-usaha yang saya sebutkan tadi semua adalah unit milik PDC.

Masalah yang sekarang yang dihadapi oleh KOMTAR adalah kebanyakan unit dimiliki oleh pihak swasta ini tidak dapat disewa atau beroperasi. Dalam lawatan saya ke podium KOMTAR saya dapati hanya 40% unit di podium yang beroperasi. Selepas cadangan saya dalam sesi DUN yang lepas Kerajaan Negeri melalui PDC telah mengambil inisiatif membeli balik lot kedai dalam lot podium KOMTAR dan kini telah berjaya membeli 63 unit kedai. Akan tetapi PDC telah hentikan aktiviti pembelian lot kedai yang lain kerana masalah kekurangan dana dan terdapat juga pemilik swasta yang tidak ingin menjualkan kedai mereka mengikut harga tawaran PDC. Saya berasa bahawa bangunan KOMTAR tidak perlu bersaing dengan kompleks membeli belah yang lain. Sebaliknya ia boleh disewakan untuk kegunaan lain. Contohnya sebagai kolej, pusat aktiviti belia ataupun galeri warisan dan kesenian atau lain-lain jenis aktiviti yang sesuai.

Hal ini dapat dipertimbangkan kerana lokasi bangunan KOMTAR yang amat strategik dan mempunyai bas *interchange*. Saya juga ingin mencadangkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sedikit sahaja.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila tamatkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan ini cukup mustahak. Ini tentang unit-unit swasta yang tidak dimajukan dan PDC telah membeli 67 unit dan diberhentikan. PDC punya banyak tanah dan telah dijual dengan penghasilan berjuta-juta ringgit. Jadi saya rasa PDC ada duit patut disalurkan kepada KOMTAR ini kerana untuk majukan KOMTAR. Ini imej atau ikon Pulau Pinang. Benda-benda lain ini dan keutamaan patut diberikan untuk memajukan KOMTAR menggunakan duit hasil jualan tanah PDC yang berbilion ringgit itu.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih YB. Pulau Betong. Di sini saya ada juga penyelesaian saya ingin mencadangkan menyusun semula agar penggunaan lot mengikut jenis perniagaan rekaan asas contohnya lot di podium tidak boleh dijadikan kedai makan kerana tidak ada aliran air dan asap. Kebanyakan kedai makan setakat ini beroperasi tanpa kebenaran pihak pengurusan kompleks dan telah membawa masalah kebersihan dan masalah bau. Oleh itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Boleh tak saya tahu pengurus KOMTAR, siapakah pengurus premis itu?

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

PDC Setia Urus.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya rasa tukar kepada orang lain kerana lama dah cuba tidak boleh maju tukar Pengurus KOMTAR kepada orang lain. Mungkin YB. KOMTAR boleh jadi pengurusnya.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Lesen-lesen telah diisukan oleh Majlis kerana ini telah banyak kali perbincangan PDC Setia Urus dengan Majlis kerana Majlis masih bagi lesen untuk mereka menjalankan perniagaan kedai makan walaupun pihak kompleks tidak bersetujulah kerana masalah-masalah yang telah saya bangkitkan. Tadi sampai mana? Oleh itu, sikit lagi. Oleh itu saya berasa perancangan semula kegunaan lot ini adalah diperlukan, saya ingin mencadangkan bahawa PDC boleh menjemput individu atau syarikat konsultan yang pakar dengan pengurusan kompleks untuk memberi komen dan membantu dalam merancang semula hala tuju podium KOMTAR. Seterusnya cadangan yang baru ini boleh disampaikan kepada pemilik lot kedai supaya menyerahkan hak menyewa kedai mereka kepada PDC tanpa menjualkan kedai milik mereka. Dengan ini penyeragaman kadar sewa boleh dilaksanakan dan PDC Setia Urus boleh mengendalikan urusan penyewaan bagi ke semua lot-lot kedai ini. Memandangkan pejabat PDC berlokasi di kawasan Bayan Baru yang agak jauh dari George Town, kerja mengendalikan urusan penyewaan lot kedai ini adalah lebih sesuai untuk diambil alih oleh PDC Setia Urus yang berlokasi di KOMTAR untuk memudahkan urusan sewa-menyewa. PDC Setia Urus telah berusaha untuk melakukan kerja penyelenggaraan dan naik taraf bangunan Menara KOMTAR tetapi apa yang penting untuk KOMTAR sekarang adalah langkah mengkaji semula kedudukan KOMTAR bagi menerokai peluang yang lebih sesuai untuk KOMTAR dan strategik pemasaran juga perlu dilaksanakan untuk menarik semula minat orang ramai untuk mengunjungi KOMTAR.

Sebelum mengakhiri perbahasan saya, sekali lagi saya ingin merayu Yang Berhormat-Yang Berhormat semua untuk menyokong Kerajaan Negeri bagi melaksanakan dasar-dasar yang dapat memajukan Negeri Pulau Pinang. Walaupun pilihan raya semakin dekat, harap kita semua boleh berjumpa lagi pada persidangan DUN yang akan datang dan mengangkat sumpah di hadapan Speaker Dewan Undangan Negeri jika pilihan raya ke 14 telah diadakan.

Dengan ini saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dijemput YB. Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Ucapan saya pendek sahaja. YB Timbalan Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk melakukan ucapan perbahasan di atas Ucapan Perasmian Penggal Kelima, Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas oleh T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Sebagai salah seorang wakil rakyat Negeri Pulau Pinang semenjak tahun 2008 saya amat bersyukur dengan prestasi Kerajaan Negeri sejak Pakatan Rakyat dan sekarang Pakatan Harapan memerintah Negeri Pulau Pinang dalam sembilan (9) tahun ini kita telah melihat pelbagai kemajuan dari segi kebajikan masyarakat, perkembangan infrastruktur dan ekonomi seperti bantuan dan Agenda Ekonomi Saksama, sistem pengagihan peruntukan khas tahunan kepada semua aliran sekolah, program penghargaan emas-emas, pelancongan yang meningkat dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya masih berharap prestasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat dipertingkatkan lagi demi kepentingan rakyat dan Negeri Pulau Pinang.

YB. Timbalan Dato' Yang di-Pertua, kita dapat lihat banyak projek mega yang bakal dijalankan di Negeri Pulau Pinang termasuk Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang, Projek Gurney Wharf, cadangan pembinaan Jambatan Ketiga Pulau Pinang dan sebagainya. Kebanyakan projek-projek mega ini melibatkan penambakan laut kerana keadaan geografi pulau yang mengalami masalah kekurangan tanah. Oleh kerana pembangunan atas tanah bukit yang berketinggian 250 kaki atas paras laut atau berkecerunan melebihi 25 darjah turut dilarang, oleh itu penambakan laut telah menjadi pilihan alternatif untuk pembangunan. Walaupun penilaian *Environmental Impact Assessment (EIA)* dijalankan sebelum penambakan laut dilaksanakan, namun penilaian ini tidak merangkumi impak penambakan ke atas kawasan sekitar tempat penambakan. Oleh yang demikian kita tidak dapat mengetahui apakah impak penambakan penambakan laut terhadap persekitaran dan eko sistem laut pada masa hadapan. Saya harap Kerajaan Negeri mengambil kepentingan impak yang akan terjadi pada masa hadapan.

YB. Timbalan Dato' Yang di-Pertua, sejak 2008 sehingga 2016 Kerajaan Negeri telah membina 20,887 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah berbanding dengan 5,124 unit pada tempoh 2000-2007. Berdasarkan jawapan yang saya perolehi dalam Soalan Bertulis perkara 5(B)(12) sebanyak 408 unit rumah mampu milik (RMM B) dengan harga maksima RM72,000.00 dan RMMC dengan harga maksima RM300,000.00 disediakan di kawasan Bukit Mertajam. Untuk makluman, kawasan Bukit

Mertajam telah menjalankan projek perumahan sejak beberapa tahun ini. Walau bagaimanapun kebanyakan projek adalah untuk membina rumah kondominium berharga RM300,000.00 ke atas. Jumlah 408 unit RMM Jenis B amat tidak mencukupi kerana terdapat ramai rakyat Bukit Mertajam berpendapatan rendah yang masih tidak memiliki rumah dan tidak mampu membeli rumah berharga ratus ribu itu. Sekiranya rakyat perlu membeli RMM mereka terpaksa membeli di kawasan luar Bukit Mertajam seperti Batu Kawan, Jawi, Simpang Ampat malah di kawasan Pekan Bukit Mertajam tiada RMM yang didirikan. Oleh itu saya berharap Kerajaan Negeri membina lebih banyak RMM Jenis A dan B dengan harga maksima RM42,000.00 dan RM72,000.00 untuk menampung keperluan rakyat Bukit Mertajam supaya tidak berlakunya masalah penghijrahan rakyat Bukit Mertajam ke kawasan luar.

Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) dan program *i-Sejahtera* di mana bantuan kewangan secara wang tunai sebanyak RM412.63 juta diberikan kepada 1.6 juta rakyat Pulau Pinang sejak tahun 2008 ini yang merangkumi warga emas, bayi, OKU, ibu tunggal, ibu yang tidak bekerja, pelajar, pemandu teksi, operator bas sekolah berdaftar, penarik beca, bantuan pukut kepada nelayan dan RM1,000.00 kepada mahasiswa-mahasiswi tempatan. Ini merupakan usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan bantuan kebajikan rakyat Pulau Pinang. Saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri dapat menambahbaikkan program-program kebajikan ini dengan mengalirkan peruntukan kepada kebajikan perubatan. Tentang isu ini saya telah bangkitkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini tetapi saya tidak nampak ada apa-apa perubahan lagi. Kebanyakan rakyat khususnya golongan warga emas, ibu tunggal dan OKU tidak mampu menanggung kos perubatan yang semakin tinggi, tambahan pula hospital-hospital awam sentiasa mengalami masalah kekurangan katil dan ubat. Sekiranya golongan-golongan yang lemah ini menghadapi masalah kesihatan, mereka tidak dapat menerima rawatan yang sewajarnya.

Oleh itu saya mencadangkan Kerajaan Negeri bekerjasama dengan pengusaha insurans dengan mengesyorkan insuran sebagai kebajikan perubatan dan kesihatan untuk golongan-golongan yang serba kekurangan ini. Amalan ini telah dilaksanakan di negara asing seperti Taiwan, Jepun, Australia, Canada dan Amerika Syarikat dan sebagainya. Saya berharap Pulau Pinang boleh menjadi negeri *pioneer* di dalam Negara Malaysia untuk melaksanakan perkara ini.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, di Negeri Pulau Pinang terdapat banyak organisasi bukan kerajaan iaitu NGO yang terbanyak sekali di dalam Malaysia ini yang membantu untuk menjaga golongan lemah dalam masyarakat seperti Rumah Hospice Pulau Pinang yang menjaga pesakit kanser tenat, St.Nicholas Home yang menjaga golongan buta, Community Aids Service, Penang yang menjaga golongan pesakit Aids, Persatuan Orang Cacat Negeri Pulau Pinang yang menjaga orang kurang upaya dan sebagainya. Organisasi-organisasi ini perlu bergantung kepada derma masyarakat awam untuk menampung kos operasi mereka. Namun begitu, keadaan ekonomi yang semakin merosot ini menyebabkan derma yang diterima mengalami kemerosotan sebanyak 30% dan ada sehingga 50%. Ini menyukarkan NGO-NGO tersebut untuk terus beroperasi. Oleh itu saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri perlu menghulurkan bantuan kepada NGO-NGO ini dengan sistem pengagihan peruntukan khas tahunan seperti yang diperuntukkan kepada sekolah-sekolah pelbagai aliran di dalam Negeri Pulau Pinang. Dengan ini kita dapat memastikan lebih ramai golongan yang memerlukan boleh mendapat bantuan dan penjagaan yang sewajar. Sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang mengambil perhatian rakyat, saya harap barisan EXCO dan rakan-rakan saya akan menimbang berat tentang cadangan saya ini.

Saya boleh dikatakan sebagai orang baru dalam aliran politik, hanya dua penggal tetapi dalam dua penggal ini saya nampak semua rakan-rakan di dalam Dewan ini, kadang-kadang ada pergaduhan di dalam Dewan tetapi pertengkaran ini perkara biasa di dalam Dewan. Saya berharap di Pulau Pinang ini, tidak kira di pihak barisan Kerajaan Negeri atau di pihak pembangkang, kita sepatutnya bekerjasama untuk meningkatkan kemajuan negeri untuk kebajikan dan kebaikan rakyat di Negeri Pulau Pinang. Di sini saya tidak mahu cakap banyak lagi, saya berharap barisan EXCO, *backbenches*, pembangkang dan semua kakitangan kerajaan yang selalu bekerjasama akan memajukan lagi prestasi Negeri Pulau Pinang. Di sini saya tidak akan jawab dan kita akan bincang selepas Dewan ini. Sekian sahaja ucapan perbahasan saya, saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya YB. Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Assalamualaikum wbt. (Doa). YB. Dato' Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, salam mesra, salam Negaraku Malaysia. *Alhamdulillah*, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT. kerana dengan limpah rahmat inayahnya kita terus diberi peluang sekali lagi bersama-sama Ahli-

ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini pada Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas. Terima kasih kerana memberi kesempatan, ruang dan peluang kepada saya untuk berbahas usul terima kasih kepada Tuan Yang Terutama dalam mesyuarat kali ini. Marilah sama-sama kita memohon rahmat dan iradatnya supaya persidangan ini dapat diterjemahkan dalam suasana harmoni dan penuh etika supaya memenuhi tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan.

YB. Timbalan Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya sebagai mewakili rakyat di kawasan Permatang Berangan, ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan sekalung penghargaan kepada T.Y.T. kerana telah dilantik semula dalam penggal ini untuk menerajui Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sesungguhnya saya dan seluruh rakyat Permatang Berangan dan Pulau Pinang amat senang dengan pelantikan semula T.Y.T. Tun. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada T.Y.T. Tun di atas ucapan perasmian pada persidangan kali ini dan ucapan yang telah disampaikan merangkumi semua aspek termasuk ekonomi, pelancongan, warisan, industri pertanian, asas tani, perumahan mampu milik dan memperkasakan belia dan sukan, pembangunan wanita, pengurusan sumber air, Hal Ehwal Agama Islam dan juga penyampaian perkhidmatan awam.

Sebagai wakil rakyat di kawasan Permatang Berangan saya sesungguhnya amat menghargai dan menyanjung tinggi saranan, cadangan-cadangan dan pandangan, nasihat serta teguran T.Y.T. Tun yang bernas kepada Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat ini. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih di atas pembangunan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke atas kawasan saya walaupun banyak lagi yang mampu diberi dan seharusnya diberi oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan pembangunan yang sekata tidak kira dari segi ekonomi, global, sosial, politik dan sebagainya.

YB. Dato' Timbalan Speaker, negeri berkebijakan merujuk kepada para 24, muka surat 17 ucapan Tuan Yang Terutama Tun, sebagaimana kita sedia maklum, negeri berkebijakan telah lama dilaungkan oleh Kerajaan Negeri dibawah pimpinan PAS di Kelantan dan hari ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang sering mencanang kononnya negeri berkebijakan, mungkin Kerajaan Negeri masih ternyiang-nyiang untuk mengharapkan bersama-sama PAS dalam memperjuangkan politik di Malaysia atau di negeri ini ataupun Kerajaan Negeri DAP ingin melawan negeri yang berkebijakan yang diilhamkan oleh PAS di Kelantan. Walau apa pun hasrat Kerajaan Negeri menjadi harapan dan hasrat saya agar kebajikan rakyat golongan bawahan seharusnya menjadi tumpuan peruntukan untuk membangunkan masyarakat seharusnya dijalankan secara adil dan saksama. Peruntukan kepada rakyat seharusnya mestilah realistik dengan rakyat terus dizalimi dengan pelbagai cukai tersembunyi seperti surcay air yang semakin meningkat. Apakah benar Kerajaan Negeri berjaya menghapuskan miskin tegar di Pulau Pinang dengan rata-rata dikatakan melebihi pendapatan di atas RM790 sebulan dan masih terdapat lagi golongan-golongan yang bergelandangan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, dari segi faktor sosial pula secara peribadi saya merasakan isu golongan gelandangan ini masih merupakan masalah utama Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Setiap kali Pulau Pinang dikunjungi ribuan pelancong dalam luar negeri dan kehadiran gelandangan ini sudah tentu mencemarkan pemandangan negeri. Oleh itu mengikut statistik yang dibanci masih ramai terdapat golongan-golongan gelandangan ini sehingga kini? Apakah langkah—langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini dan kawasan manakah yang menjadi tumpuan gelandangan ini? Adakah gelandangan ini terlibat dengan masalah dadah dan sebagainya? Benarkah sudah sifar miskin tegar di negeri ini kerana masih terdapat ramai lagi gelandangan di negeri ini? YB. Dato' Timbalan Speaker, kegawatan ekonomi global saya merujuk kepada muka surat 3 ucapan T.Y.T. Tun, saya dengan perkara tersebut ingin mengatakan bahawa keprihatinan pihak saya di dalam menghadapi kegawatan ekonomi global secara langsung dan tidak langsung sudah tentu memberikan kesan kepada penduduk Pulau Pinang. Kegawatan ekonomi global akibat daripada harga minyak yang tidak menentu sudah tentu sedikit sebanyak memberikan kesan kepada semua pihak.

Oleh itu saya amat yakin Kerajaan Negeri semestinya mempunyai rancangan atau tindakan yang lebih proaktif dalam memastikan Negeri Pulau Pinang terus makmur. Walau bagaimanapun saya ingin mengajukan pertanyaan berkenaan Kerajaan Negeri tentang langkah-langkah proaktif dalam menghadapi situasi ekonomi yang tidak menentu ini. Oleh itu amatlah penting Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah proaktif dalam menangani isu ini. Tindakan MPSP yang rakus, YB. Dato' Timbalan Speaker, dalam menghadapi kegawatan ekonomi ini, kita di Tasek Gelugor pula dikejutkan oleh tindakan isu MPSP bertindak agresif kepada penjaja kuih di tepi jalan pasar awam Tasek Gelugor beberapa bulan yang lalu dengan merampas kuih dan jualan mereka tanpa belas ihsan. Besarkah kesalahan peniaga kecil ini sehingga rampasan ini dilakukan? Bersalah mereka dalam menambah pendapatan dalam keadaan ekonomi yang sebegini atau Kerajaan Negeri mengambil sikap *double standard* dan hal-hal sebegini apabila banyak masih penjaja kecil yang meneruskan perniagaan tanpa masalah, walau pun mengganggu masalah trafik dan lalu lintas. Telah hilanglah ruang peniaga kecil ini berbincang dengan pihak berkaitan

dan kenapa dua pucuk surat yang saya ajukan kepada MPSP meminta adakan perbincangan tidak dijawab tidak diendahkan, betapa angkuhnya mereka ini. Adalah amat menyedihkan apabila pihak MPSP membuat ruang-ruang perniagaan 10 x 10 untuk meniaga di tepi jalan di pasar awam Tasek Gelugor sekadar lepas batuk ditangga. Kenapa kawasan-kawasan dikhaskan untuk parkir dijadikan ruang niaga dan menghalang lalu lintas keluar masuk parkir? Inilah yang saya katakan wujudnya *double standard* pihak Kerajaan Negeri dalam menguatkuasakan undang-undang. Satu lagi isu yang saya ingin bangkitkan dalam kawasan saya ialah saya juga mengenai lampu isyarat. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan isu kemalangan yang berlaku di DUN Permatang Berangan berkaitan dengan dua lampu isyarat di persimpangan di jalan Pokok Tampang, Tasek Gelugor dan Jalan Kubang Menerong, Tasek Gelugor yang dijanjikan persimpangan hendak dipasang tetapi sehingga hari ini masih belum dilaksanakan. Apakah Kerajaan Negeri ingin menunggu sehingga terdapat kemalangan yang teruk kemudian baru Kerajaan Negeri mengambil tindakan? Saya juga membangkitkan masalah pasar malam di kawasan Tasek Gelugor di jalan Pokok Tampang perlu dipindahkan ke satu lokasi yang lain kerana menutup keseluruhan jalan hampir 1 kilometer pada waktu puncak. Adakah kajian dibuat bagi menangani masalah ini kerana bila berlaku kecemasan kebakaran, Bomba, Ambulan dan Polis tidak dapat melalui jalan ini walaupun adalah isu yang remeh yang sentiasa wujud tetapi Kerajaan Negeri seharusnya mengambil langkah serius memandangkan kemalangan boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja dan bila kemalangan berlaku baru tindakan akan diambil dan ini amat merugikan semua pihak. Oleh itu tindakan segera dapat dilakukan oleh pihak berkaitan terutama pihak Kerajaan Tempatan.

Industri Kecil dan Sederhana merujuk kepada ucapan T.Y.T. Tun para 7 muka surat 6 YB. Dato' Timbalan Speaker, umum mengetahui bahawa Industri Kecil Dan Sederhana kebanyakannya berada di luar bandar dan sudah tentu terdapat banyak prasarana yang boleh diperbaiki lagi. IKS juga secara langsung dan tidak langsung menyumbang pendapatan kepada Kerajaan Negeri, oleh itu saya ingin mengetahui hala tuju Kerajaan Negeri bagi membangunkan IKS ini terutama IKS yang terdapat di kawasan-kawasan aliran agar industri ini dapat terus berkembang dan lebih tersusun.

YB. Dato' Timbalan Speaker,, saya merujuk kepada isu tanah dan perumahan mampu milik, para 22 muka surat 16. Persoalan tanah di Pulau Pinang semakin hangat diperbincangkan dengan sehangat harga di pasaran termasuk juga bukit yang dibotakkan, laut yang ditambun dengan tanah, tanah yang diberikan dengan sewenang-wenangnya diberikan kepada individu tertentu, bagaimanapun saya hanya ingin membangkitkan isu tanah yang diberikan khas untuk pembangunan sekolah oleh pemaju-pemaju. Apakah polisi yang digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan pemaju menyediakan tanah untuk sekolah dan adakah tanah-tanah ini telah dibangunkan dengan sekolah atau sebaliknya. Saya juga berminat untuk mengetahui lokasi tanah tersebut dan jenis-jenis atau kategori bangunan sekolah yang akan dibangunkan. Seterusnya berkaitan isu tanah yang diseringkali kita bangkitkan, tetapi masih tiada jawapan yang berkaitan hal tanah yang dibuat pengambilan balik oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan awam. Apakah interpretasi Kerajaan Negeri berkenaan dengan tujuan awam? Bolehkah tanah-tanah ini dijual kepada pihak ketiga? Berapa luaskah kawasan diambil oleh Kerajaan Negeri telah dijual kepada pihak ketiga? Isu sebegini amat sensitif di Pulau Pinang kerana Negeri Pulau Pinang mempunyai tanah yang amat terhad. Oleh itu jawapan daripada Kerajaan Negeri amatlah diharapkan.

Walau bagaimanapun saya juga memohon penjelasan Kerajaan Negeri berkaitan dengan polisi Kerajaan Negeri berkaitan rumah kos rendah yang perlu disahkan secara percuma kepada Kerajaan Negeri. Saya ada dua (2) kes di mana pihak Kerajaan Negeri memohon rumah kos rendah itu diserahkan secara percuma kepada kerajaan, satu ialah di Teluk Bahang iaitu sebanyak 60 unit, sebanyak 100 unit di bina oleh PERDA, 60 unit hendaklah diserahkan sebagai syarat untuk kelulusan. Apakah syarat-syarat ini diberikan, adakah rumah-rumah ini akan diperuntukkan kepada *list-list* yang dapat di SUK atau diberi kepada orang-orang tertentu dalam kerajaan dan kedua ialah....(gangguan)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, penjelasan. Terima kasih Ahli Kawasan Permatang Berangan, YB. Dato' Timbalan Speaker,, saya nak tanya sama ada syarat tersebut diletakkan di dalam pelan dirancangan yang diluluskan sebagai syarat ataupun adakah ini syarat sampingan atau pun diluar daripada syarat plan rancangan yang diluluskan dan saya rasa ini, syarat yang cukup pelik, kerana saya lima (5) penggal dalam Dewan, dalam kerajaan kita tak pernah dengar syarat-syarat macam ini dikenakan oleh kerajaan ataupun pihak Pihak Berkuasa Tempatan ke atas mana-mana pemaju pun. Ini nak minta unit *free*, ini belum pernah dilaksanakan oleh Kerajaan Pulau Pinang. Jadi saya pun tak faham apa matlamat dan tujuan Kerajaan Negeri mengenakan syarat macam itu. Ini merupakan satu tekanan besar kepada pemaju dan juga satu kaedah yang tidak adil kepada pemaju kerana bukan syarat yang biasa dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan. Terima kasih

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Terima kasih, Dato' Ketua Pembangkang. Syarat-syarat ini tidak memuat dalam Kebenaran Merancang dan sebagainya. Penyerahan rumah-rumah kos rendah ini dimasukkan ke dalam secara lisan, syarat tidak dimasukkan ke dalam perumahan atau Kebenaran Merancang. Ia diberi kemudian dikenakan kemudian seperti rumah di Ara Kuda, perumahan PERDA sebanyak 100 buatlah rumah kos rendah hendaklah diserahkan kepada kerajaan untuk diluluskan. Kalau tidak diberikan kelulusan akan ditangguh. Jadi kita terpaksa mahu tak mahu terpaksa berikan 100 unit dan baki 100 unit kepada kita, itu tak termasuk dalam perancangan kelulusan dan sebagainya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Permatang Berangan penjelasan, adakah syarat ini sama dengan pemaju-pemaju lain atau pun dikhususkan kepada PERDA saja?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Syarat-syarat ini ditujukan kepada PERDA dan JKP pun ada, dan pemaju-pemaju swasta tak tahu tak kena apa tak dengar lagi lah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Boleh dikatakan ini ketidakadilan Kerajaan Negeri *double standard* kepada pemaju-pemaju.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Jadi kita tahu rumah-rumah yang diserahkan kepada Kerajaan Negeri daripada saya terangkan daripada Teluk Bahang sebanyak 100 buah unit kos rendah, 60 unit diberikan kepada Kerajaan Negeri, tinggal lagi 40 unit. 22 unit diserahkan kepada setinggan-setinggan kawasan itu, tinggal 18 unit, dengar cerita kata 18 unit itu kerajaan nak ambil untuk diserahkan kepada setinggan-setinggan PBA.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Mohon laluan, mohon laluan, boleh? Saya nak tolong kawasan saya tak ada di sini. Saya nak tanya YB. Permatang Berangan, *claim* semua ini sebab tadi semua lisan, saya dengar, kalau dengar, lisan ini borak kedai kopi boleh lah, kena tunjuk mana benda yang kata tadi sebab semua tadi sebut lisan, permintaan lisan, tak ada garis panduan tapi sefaham kita Kerajaan Negeri memang ada dalam garis panduan itu, kita nak tahu bila YB. Permatang Berangan sebut kata tak ada dalam garis panduan, tapi secara lisan, saya dengar tang ni saya dengar, tang tu saya nak lepas 18 unit, *please prove your claim?*

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Prove, I can prove it for you, dia ada surat Kerajaan Negeri minta 60 unit bukan lisan lah, dia minta 60 unit....(gangguan) bukan kedai kopi...(gangguan). Tak ada tak ada kedai kopi, secara lisan tak ada, disebut saya dengar secara lisan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kalau bertulis maknanya mestilah kita ikut Garis Panduan...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

60 unit secara bertulis tapi, 18 unit tu(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat duduk dalam PERDA lama, takkan Yang Berhormat tak faham benda ini, dulu *developer*....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Faham, saya pun *developer* saya faham....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Oh, Yang Berhormat pun *developer*, jadi(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Ada sedikit sebanyak.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Ada sedikit sebanyak, jadi dah ada dalam garis panduan, *what is the problem?*

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Dalam garis panduan, tapi dalam kebenaran merancang kita ikut tak ada dalam kebenaran merancang....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

You bina rumah kos rendah serah pada Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Negeri serah balik kepada rakyat, jadi *what's the problem with that?*

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Tak tahu Kerajaan Negeri nak serahkan pada siapa? Kerajaan Negeri nak serahkan pada siapa?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Apa masalah dia?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Masalah dia....(gangguan) saya tak nampak ini masalah, masalah dia sama ada rumah yang 60 unit itu akan diberi kepada mengikut senarai-senarai yang diberi oleh Kerajaan Negeri atau diberi secara percuma kepada orang lain, bukan dalam senarai itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat membangkitkan ini dan menuduh seolah-olah....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Saya tak tuduh, saya tanya....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Menanyakan seolah-olah....(gangguan) bertanya Kerajaan Negeri ini tidak bertanggungjawab memberikan kepada orang yang tidak ada dalam senarai....betul?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Saya tak kata pun....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Makna kerajaan ini bertanggungjawab, kita Kerajaan Negeri sekarang ini yang bertanggungjawab....betul?...(gangguan) Terima kasih Yang Berhormat Permatang Berangan. Makna Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Apa cerita Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab! Kita tak cerita Kerajaan Negeri(gangguan). Kita minta Kerajaan Negeri supaya memberikan rumah itu.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat kata bahawa Kerajaan Negeri....(gangguan). Memberi rumah secara percuma tak ikut senarai, sekarang YB. Permatang Berangan *make your mind*, cakap kami ni bertanggungjawab ke tak bertanggungjawab?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Tidak.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tidak bertanggungjawab? Cakap berdolak dalik. Okey, kalau kata tuduh kami tidak bertanggungjawab, tunjuk bukti tang mana kata kami tidak bertanggungjawab?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Ada rumah 60 unit kita bagi....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang kata tidak bagi mengikut senarai ini tunjuk pada kami.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Tak bagi ikut senarai, saya tidak kata lagi, tidak bagi lagi benda itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Haa, sudah tidak bagi, *then*. Jangan bohong Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Kami tidak kata, yang saya tanya adakah rumah-rumah ini akan diberi kepada kerajaan untuk masuk senarai. Tidak, kita bertanya adakah rumah-rumah ini diberi mengikut senarai.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Jangan bohong. Kami ini bukan kerajaan yang tidak bertanggungjawab. Kami buat secara telus. Kami tunjuk, saya duduk dalam Jawatankuasa Rumah, YB. Dato' Haji Abdul Malik bin Haji Abul Kassim. Jangan tuduh...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila duduk dulu....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kalau tidak ada fakta jangan tuduh....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila duduk.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita 4 hari lagi hendak sambut Ramadan...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Ahli Kawasan Seberang Jaya sila duduk. Sila teruskan YB. Ahli Kawasan Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Saya akan tanya adakah rumah-rumah ini akan diberi mengikut senarai-senarai yang terdapat di SUK Pulau Pinang. Kalau ada tidak apalah tetapi 60 buah ini diberi(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sudah. Yang Berhormat sudah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Ahli Kawasan Permatang Berangan, saya faham Yang Berhormat lama, dari dulu *developer* apa semua, jadi jangan ikut pengalaman Yang Berhormat sewaktu berurusan dengan kerajaan sebelum ini, kerajaan sebelum ini memang macam-macam senarai masuk ..(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Eh tidak, saya tidak pernah berurusan dengan kerajaan ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kerajaan sebelum ini memang macam-macam senarai masuk, senarai *free* entah mana-mana datang, kerajaan sekarang tidak, kita ini bukan macam kerajaan sebelum ini, jangan ikut pengalaman dulu. Kami ini kerajaan sudah buat reformasi, kami sudah buat perubahan. Kita bukan macam *previous*

administration yang sebahagian atau setengah daripada sana adalah *members...*(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Tarik balik, dia sendiri tidak wujud lagi pada waktu itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Jangan ikut pengalaman dahulu, senarai ...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ini siapa yang bercakap ni, YB. Seberang Jaya! Sila duduk. Nanti biarlah buat penggulungan sekali ...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Tolong minta YB. Ahli Kawasan Datok Keramat jawab dalam penggulungan. Senang .. (gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Silalah. Biarlah fakta diberikan kepada YB. Ahli Kawasan Datok Keramat.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Dengan YB. Ahli Kawasan Datok Keramat juga saya sudah bercakap banyak kali, benda ini dia pun tahu, kalau tidak tahu kita duduk diam sahaja.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila, teruskan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

YB. Dato' Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri juga memperkenalkan skim sewa beli dan ini sebagai inisiatif baru. Saya ingin mengetahui berkaitan pihak Perda yang juga serius dalam melaksanakan skim sewa beli. Pihak Perda telah menyediakan lebih daripada 100 unit rumah kos rendah untuk digunapakai untuk sewa beli. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa pihak Kerajaan Negeri masih juga mendesak pihak Perda untuk menjual rumah kos rendah tersebut dan masih terus menyediakan senarai pembeli iaitu saya ingin memohon agar Kerajaan Negeri membuat suatu ketetapan berkaitan rumah kos rendah yang tidak akan dijual tetapi dibuat secara sewa beli kepada mereka yang layak.

Selain itu, saya juga ingin penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri mengenai kaedah yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan rumah sewa beli seperti kelayakan, syarat-syarat gaji, bagaimana pemilihan dibuat dan sekarang saya ingin merujuk kepada sawah yang tidak aktif. Seterusnya saya juga ingin mengetahui isu tentang kawasan sawah padi yang ditambun tetapi perkara ini masih berleluasa terutama di Seberang Perai. apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini. Bolehkah Kerajaan Negeri berkongsi tentang data sawah padi yang tidak aktif yang terdapat di Pulau Pinang dan jika ianya tidak aktif, tidaklah pula boleh dilakukan apa-apa aktiviti di atasnya. Ini amat merugikan tuan punya dan Kerajaan Negeri seharusnya mengambil langkah insiatif untuk menggerakkan tuan punya untuk membuat tanaman padi semula.

Paip bomba, YB. Dato' Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika dilihat kawasan-kawasan bandar terutama di kawasan perumahan memang lengkap dipasang dengan paip bomba. Walau bagaimanapun paip bomba amat jarang kelihatan di kawasan luar bandar dan kampung-kampung, adalah sesuatu yang penting untuk memastikan paip-paip bomba juga boleh dipasang di kawasan kampung. Oleh itu, saya ingin memohon kepada pihak Kerajaan Negeri untuk wujudkan Pasukan Bomba Sukarela juga dapat dilihat memainkan peranan. Oleh itu saya mohon agar Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk Bomba Sukarela diwujudkan di kawasan-kawasan luar bandar.

Pengurusan harta awam oleh Kerajaan Negeri di para 34 muka surat 23. Seterusnya berkaitan dengan penyelenggaraan harta awam, adakah Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan untuk menyelenggara padang awam dan Dewan seperti dewan banjir, dewan orang ramai dan lain-lain Dewan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri. Kalau ada, mengapakah dibiarkan usang dan uzur, tidakkah ada peruntukan untuk memperbaiki dewan-dewan yang usang untuk disegerakan, memandangkan hanya terdapat tempat bagi masyarakat mengadakan aktiviti dan seterusnya mengelakkan budaya buang masa.

Saya juga seterusnya ingin memohon kepada Kerajaan Negeri untuk prihatin isu padang mainan di Taman Sepadu, Tasek Gelugor telah dinaik taraf dengan beberapa kemudahan, tetapi malangnya ditambah dengan tidak rata dan menyebabkan menjadi kolam tadahan di sesetengah padang tersebut, apakah langkah-langkah MPSP bagi mengatasi masalah ini memandangkan isu ini telah saya bangkitkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Jika isu ini tidak diselesaikan akan mengakibatkan tempat tersebut bertakung dan menjadi tempat pembiakan nyamuk dan sebagainya.

Hal Ehwal Agama Islam. Zakat, sebagai seorang muslim adalah merupakan kewajipan setiap individu. Zakat juga mempunyai pelbagai jenis zakat, tidak kira yang berbentuk individu seperti zakat fitrah ataupun zakat perniagaan, zakat emas dan sebagainya. Adalah menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan Negeri amnya dan pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk menjelaskan kepada pengeluar zakat tentang jumlah kutipan zakat yang menyatakan secara khusus kutipan zakat tersebut kepada semua pihak asnaf-asnaf agar tidak timbul spekulasi atau fitnah yang menyatakan bahawa zakat telah dikeluarkan kepada pihak yang tidak sepatutnya diterima. Kita juga diwar-warkan dengan pihak Zakat Pulau Pinang bertindak membantu masyarakat Islam miskin dengan membina rumah kepada yang kurang berkemampuan. Apakah kriteria dan syarat yang diperlukan untuk melayakkan seseorang memohon dan adakah zakat bertindak secara proaktif dalam memastikan asnaf-asnaf yang berkaitan mengetahui wujudnya zakat ataupun binaan rumah ini.

Pusat Zakat seharusnya keluar menguruskan asnaf-asnaf dan bukannya membiarkan asnaf-asnaf datang ke pejabat zakat. Menjadi suatu kewajipan pusat zakat membantu dan bukanlah sebaliknya.

Wakaf, YB. Dato' Timbalan Speaker, saya juga ingin mengetahui tentang berkaitan dengan wakaf sama ada MAIPP masih menerima wakaf dari pengwakaf dan statistik pemberi wakaf serta butiran berkaitan dengan pewakaf barangan dan yang diwakafkan dan lain-lain.

Institusi masjid. Semua sedia maklum bahawa masjid di Negeri Pulau Pinang bukan semuanya baik dan terurus terutamanya di luar bandar seperti di DUN Permatang Berangan, oleh itu saya memohon agar suatu peruntukan yang lebih besar harus diusahakan agar masjid-masjid luar bandar mendapat kemudahan sebagaimana masjid di bandar-bandar. Selain daripada itu saya juga ingin menyatakan bahawa mengikut Enakmen Pegawai Islam Pulau Pinang saya juga mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan penjelasan berkaitan Enakmen Undang-Undang Agama Islam Pulau Pinang, Enakmen 5 Tahun 2004. Berapakah umur perkahwinan yang dibenarkan oleh seorang perempuan Islam dan lelaki Islam adakah, adakah terdapat apa-apa pengecualian had umur perkahwinan bolehkah seseorang lelaki atau perempuan berkahwin di bawah umur 16 tahun. Ini sangat penting bagi mengelak kekeliruan bukan sahaja kepada penganut agama Islam tetapi juga kepada penganut-penganut lain agar faham dan tidak mempunyai persepsi negatif terhadap isu seperti ini.

Seterusnya adalah mengenai kampung tradisi di para 8 muka surat 7. Pembangunan pesat di Pulau Pinang telah menyebabkan banyak kampung-kampung tradisi yang terhakis, dan ini adalah sesuatu yang tidak baik, sihat, generasi yang akan datang secara langsung atau tidak langsung merupakan sejarah tradisi Negeri Pulau Pinang. Oleh itu perlu satu perancangan daripada Kerajaan Negeri untuk mengekang daripada fenomena ini daripada terus berlaku. Oleh itu Kerajaan Negeri seharusnya menyediakan perancangan khusus bagi tujuan tersebut. Kesesakan Lalulintas. YB. Dato' Timbalan Speaker, dalam perjalanan saya ke sini saya sering kali menggunakan Jambatan Pulau Pinang ke Dewan yang mulia ini, saban hari berganti minggu, berganti bulan berganti tahun saya melihat kesesakan trafik di Lebuhraya Utara Selatan semakin sesak. Selain daripada itu, sebagai Kerajaan Negeri yang amat prihatin kepada rakyatnya saya ingin bertanya adakah langkah-langkah jangka pendek atau jangka panjang Kerajaan Negeri menangani kesesakan lalu lintas Lebuhraya Utara Selatan berhampiran Seberang Jaya yang menjadi sesak hampir setiap hari dan kadar kesesakan yang semakin bertambah.

Saya juga ingin membangkitkan masalah kedai judi, masalah ini mengundang masalah sosial, penagihan dadah dan gangsterism, pecah rumah dan sebagainya. Di Tasek Gelugor sahaja terdapat 13 kedai-kedai premis perjudian ini yang berselindung di sebalik kedai-kedai simulator atau kedai-kedai pusat hiburan keluarga. Adakah MPSP tidak menjalankan satu kajian terlebih dahulu untuk mengeluarkan lesen-lesen ini dan apakah tindakan yang sewajarnya sekiranya premis seperti ini bertindak menjalankan perjudian ini? Polis akan menjalankan penjagaan tetapi lesen-lesen judi ini dikeluarkan oleh pihak MPSP. Jadi saya tertanya juga adakah kajian telah dibuat? Polis tidak akan bertindak....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

YB. Dato' Timbalan Speaker, MPSP tidak mengeluarkan lesen judi.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Habis itu, siapa yang mengeluarkan lesen judi, Kerajaan Negeri? Ini kedai judi kecil-kecil... (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

MPSP tidak ada hak untuk mengeluarkan lesen judi.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Premis-premis kedai judi yang beroperasi itu siapa keluarkan lesen, MPSP dia kata...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Memang tidak ada lesen, mana ada lesen.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Apakah tindakan, takkan tidak pergi tangkap...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kalau tidak ada lesen, polis sudah tangkap.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Depa namakan, bukan nama pusat hiburan keluarga.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Macam Genting memang Polis tidak tangkap sebab ada lesen.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Genting ada lesen, itu sudah sah dah judi.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Siapa keluarkan lesen?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Itu tidak tahu lah. Tapi yang kita tahu ini kita beritahulah supaya Kerajaan Negeri bertindak... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, terima kasih YB. Pematang Berangan. Saya rasa dalam soalan saya, saya bertanya sejak tahun 2008 Kerajaan Negeri telah mengeluarkan ratusan lesen untuk pusat hiburan keluarga karaoke, snooker, rumah urut dan sebagainya, kebanyakannya beroperasi sebagai tempat judi dan tempat lain-lain, faham-fahamlah dan bila dibuat laporan ada pula sebahagiannya tidak ada lesen pun. *Okay, now*, bila sudah dibuat serbuan senang saja, *sign board* sahaja turun, kedainya tidak tutup, depan pintu tutup, belakangnya masuk. Itu kaedahnya dan saya rasa banyak pihak di dalam ini yang pejam mata sebelah mata atau kedua-dua mata tidak tahulah padahal tahu pusat-pusat hiburan ini masih beroperasi dekat dengan pusat Khidmat Rakyat, jadi itulah minta tindakan daripada pihak Kerajaan Negeri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila YB. Pematang Berangan, setengah jam.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):

Di Tasek Gelugor ada satu kedai, ia beroperasi sebelah kedai Pusat Urus zakat, tidak percaya pergi tengok sekarang ini. Jadi saya menarik kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan atas segala sumbangan dan sokongan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih YB. Permatang Berangan, YB. Dato' Timbalan Speaker, saya rasa hendak mengambil bahagian sedikit apabila YB. Ahli Kawasan Permatang Berangan dok sentuh banyak hal tentang zakat-zakat ini. Sejak isu Zakat Pulau Pinang timbul saya didatangi oleh pelbagai lapisan masyarakat dan saya dah kumpulkan 155 perkara yang akan ditunjukkan, akan fokuskan pada Batu Maung yang dipertanggungjawab dalam EXCO ini dalam hal-hal zakat. Cuma hari ini saya nak sentuh satu daripada 155 persoalan yang akan saya timbulkan, yang pertama Batu Maung saya nak tanya selama dipertanggungjawabkan jadi...(gangguan.)

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

La ni, soalan ke ulasan ke?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

EXCO Agama ni supaya zakat ke tak bayar zakat. Itu soalan pertama masih ada 154 soalan lagi. Terima kasih. Tak boleh tanya ke yang itu?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Nanti bila beri ucapan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya nak tanya YB. Batu Maung yang itu sahaja. Daripada 155 soalan yang saya kumpulkan satu soalan dulu saya tanya YB. Batu Maung, bayar zakat atau tidak. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Permatang Berangan. Sila.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Itu soal peribadi saya.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Kita tengok sependuk-sependuk naik rata jalan, rata simpang suruh orang bayar zakat, orang yang bertanggung jawab nak suruh kutip zakat, tak bayar zakat.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Saya dah habis dah, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan kalau tak terlambat lagi saya mengucapkan Selamat Hari Ibu, Selamat Hari Guru dan Selamat Berpuasa di Bulan Ramadhan. Semoga kita akan berjaya di bulan Ramadhan dan saya memohon ampun dan maaf seandainya terdapat kesalahan-kesalahan tingkah laku saya yang tidak menyenangkan hati YB. Seberang Jaya dan sebagainya. Saya mengucapkan Selamat Berpuasa, Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri Maaf Zahir dan Batin.

Sekian, *Wassalamualakum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker, ucapan terima kasih ke atas peluang yang diberi untuk bahas atas usul terima kasih Ucapan Tuan Yang Terutama. Tahun 2008 amat signifikan dalam sejarah moden Pulau Pinang. Mengapa dikatakan demikian? Sebabnya kerana pada tahun ini iklim politik Pulau Pinang berubah dari suasana mendung ke suasana terang dan menyegarkan. Sebelum ini politik Pulau Pinang di bawah Barisan Nasional dicemari oleh politik kotor yang penuh dengan korupsi dan salahguna kuasa. Sesungguhnya ini merupakan tragedi yang sukar dilupai. Atas kesedaran inilah rakyat Pulau Pinang mengambil keputusan menolak Barisan Nasional. Tahniah rakyat Pulau Pinang kerana bertindak rasional dan mempunyai komitmen memperbaiki nasib.

Rakyat Pulau Pinang sudah muak dengan kerenah Barisan Nasional yang jijik dan amat destruktif. Politik seperti yang telah dibuktikan oleh sejarah, tidak dapat bertahan lama. Rakyat Pulau Pinang ini tidak mahu diperdaya lagi. Kuasa berada dalam tangan mereka. Demokrasi di Malaysia kini sudah sakit tenat dicemari oleh bermacam-macam unsur bukan demokratik. Apa pun perjuangan demokrasi di bumi Malaysia ini mesti diteruskan walaupun cabarannya hebat. Pulau Pinang kini telah berstatus sebagai negeri Malaysia yang berjaya. Apakah mesejnya? Mesejnya, rakyat Pulau Pinang ini sekarang berada dalam kesejahteraan yang optimum yang belum pernah dirasakan mereka sebelum ini. Berbagai-bagai program kebajikan yang disediakan telah dan akan terus membantu golongan tidak berada menangani kesulitan hidup mereka. Mengapakah ini tidak berlaku semasa Pulau Pinang diperintah oleh Barisan Nasional? Jawapannya kerana Barisan Nasional tidak komited kepada kesejahteraan rakyat. Mereka cuma ghairah untuk berkuasa dan menggunakan kuasa ini mengaut kekayaan. Memperjuangkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat lebih merupakan slogan-slogan kosong dan retorik.

Sekian lama sejak tahun 2008 Pakatan Rakyat dan kemudian Pakatan Harapan memerintah Pulau Pinang banyak tugas pembangunan telah dilakukan. Namun semua ini telah diperkecil atau sama sekali dinafikan oleh media berita. Seimbangkan pandangan, mudah saja untuk menjelaskan mengapa ini berlaku. Ianya kerana televisyen, radio dan akhbar dikuasai oleh Barisan Nasional yang menggunakan media-media ini untuk kepentingan politik mereka. Biasanya ini dilakukan melalui penyiaran dan penerbitan berita yang memburukkan negeri-negeri yang tidak dikuasai oleh Barisan Nasional seperti Pulau Pinang dan Selangor. Mana perginya etikaewartawanan media-media berita kita? Hilang begitu saja. Tidak masuk akal. Penjelasaannya, semua nilai-nilai telah dibunuh oleh kerakusan politik Barisan Nasional yang hanya pentingkan kuasa politik tanpa menghiraukan hidup mati demokrasi.

YB. Dato' Timbalan Speaker, Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang kini amat bimbang tentang ada pandangan yang mengatakan bahawa Malaysia sekarang telah hanyut dibawa gelombang kleptokrasi. Dalam perkataan lain, Malaysia kini dikuasai pemimpin-pemimpin yang tidak mempunyai nilai-nilai moral dan nampak seperti penyamun. Ini amat bahaya. Kepimpinan yang tidak berintegriti boleh meruntuhkan sesebuah negara. Sejarah telah membuktikan hakikat ini. Kepimpinan yang tidak berintegriti membawa kepada penyalahgunaan kuasa, rasuah serta berbagai-bagai penyelewengan. Akhirnya siapa yang menjadi mangsa kalau bukan rakyat. Mereka menderita dan tertekan. Suasana ini seterusnya membawa kepada keadaan sosial yang tinggi *stress* nya. Lihat saja laporan jenayah hampir setiap hari.

Begitu juga dengan rasuah. Hampir setiap hari atau minggu ada saja tangkapan kes rasuah. Kalaulah begini keadaannya saya yakin Malaysia akan dilihat sebagai negara rasuah. Sudahlah imej negara telah dicemari oleh skandal mega 1MDB, kini ditambah pula dengan rasuah. Sesuatu mesti dilakukan sebelum ianya menjadi lebih parah. Usaha membasmi rasuah mestilah lebih serius dan komited. Bukan sekadar *window dressing* saja. Nampaknya ikan-ikan kecil sahaja yang kena tangkap. Ikan-ikan besar, lebih-lebih lagi bapa ikan terlepas...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta penjelasan. Saya nak minta YB. Bagan Dalam cuba senaraikan siapa ikan besar, siapa ikan kecil, *window dressing*. Tadi YB. Bagan Dalam kata bila berlakunya penangkapan kes-kes rasuah ini memberi gambaran Malaysia adalah sebuah negara yang terlibat dengan rasuah. Kenapa kita tidak berfikir secara positif, Malaysia adalah sebuah negara yang membasmi rasuah. Sebab itu kebelakangan ini berlakunya penangkapan yang begitu banyak terhadap perasuah. Dan satu lagi kalau rasuah ini dirujuk kepada Barisan Nasional sahaja saya rasa mata YB. Bagan Dalam rabunlah. Sebab rasuah ini berlaku dimana-mana. Di Pulau Pinang pun satu kes rasuah yang cukup besar sedang dibicarakan dan akan dibicarakan, jadi nak bercakap tentang rasuah kita tengok sekeliling dan berfikir positif. Jangan dok kata secara kecil-kecilan sahaja, retorik sahaja tolonglah. YB. Bagan Dalam, sebagai *lawyer* jangan cuba putar belitkan fakta.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Kalau *you* dah tau siapa bapa rasuah, satu 1MDB dan juga semua kita ketahui MO1.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

YB. Bagan Dalam, siapa MO1. Adakah MO1 telah pun *discharge*? Adakah MO1 telah pun dibicarakan?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Sebelum dia dibicarakan, dia sudah buang AG. *Attorney General* telah dibuang. Dia telah dibuang kerja. Hilang kerja. Macam mana dia boleh *discharge*....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Ini satu...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

...AG has been dismissed and has been replaced....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Satu andaian yang dikata liar...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Bukan liar. Ini adalah satu fakta. *Is a fact*. ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya boleh tolong jawabkan. Yang tolong jawab untuk kita semua, siapa MO1 adalah menteri di Jabatan Perdana Menteri sekarang Datuk Rahman Dahlan, Ahli Parlimen Kota Belud menyebut bahawa MO1, Malaysian Officer One, dia rujuk kepada Dato' Seri Najib, Presiden Parti daripada YB. Bertam, Dan tidak dipertikai oleh siapa-siapa. Nak pertikai sekarang *you* nak pertikai. Presiden Parti *you*.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya nak tanya hari ini dok sebut MO1, MO1 kalau betul itu yang *you all* rasa, sebut nama yang sebenar, senang. Dalam Dewan pun tidak payah pakai MO1, MO1, sebab apa menggunakan MO1, sebab tak yakin, betul tak?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kenapa kita sebut MO1 ialah terma yang digunakan di dalam Department of Justice punya *document*. Yang Berhormat *lawyer*, Yang Berhormat. Saya doktor. Yang Berhormat lebih tahu *term-term* undang-undang ini. *You can refer*.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Bagan Dalam teruskan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat boleh *refer document of justice*...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Itu soalan saya kepada Bagan Dalam, adakah MO1 ini telah pun *discharge* ataupun dibicarakan. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang Berhormat memang tidak *discharge*, tidak dibicarakan lagi disebabkan tiada keberanian untuk dibicarakan ke mahkamah. *Lets bring it to the court*. Kita bawa ke mahkamah. Bincang, bahaskan di mahkamah. Yang Berhormat setuju, YB. Bertam *to clear this once and for all. Let's bring our Prime Minister to the court and decide it in the court*.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Who are you to bring Prime Minister to the court. ...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang lain sila duduk...(gangguan). Sila teruskan YB. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Sehubungan dengan ini, seperti yang telah saya tekankan sebelum ini, pihak berkuasa yang telah dipertanggungjawabkan menangani rasuah mestilah benar-benar bebas. SPRM masih berada di bawah telunjuk Barisan Nasional. ...(*gangguan*).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, saya minta ini dirakamkan mengatakan bahawa SPRM dituduh dalam Dewan ini dituduh sebagai satu badan yang tidak bebas berada di bawah telunjuk Barisan Nasional. Rakamkan dalam Dewan. Sila rakamkan. ...(*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Mesti ada komitmen menjadikan badan ini benar-benar bebas. Maksudnya, SPRM terus bertanggungjawab kepada Parlimen...(*gangguan*).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Masa terhad.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Minta laluan. Sedikit saja saya mohon penjelasan daripada YB. Bagan Dalam. Jika YB. Bagan Dalam menyatakan bahawa SPRM tidak bebas. Apa buktinya?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Because its not answerable to Parliment. Dia mesti answeable to Parliment baru dia bebas, baru boleh jawab.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

The point is that it is the system in Malaysia.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

*That's why I say it is not bebas...(*gangguan*).*

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

If you are not agree with our system, then forget it.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

We have to change the system. Can't forget must change the system.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan daripada YB. Bagan Dalam. Adakah YB. Penaga puas hati bersetuju...(*gangguan*).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tidak boleh. Teruskan YB. Bagan Dalam....(*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Nampaknya Wawasan 2020 semacam sudah pun dilupakan. Senyap sunyi saja hanya ada dua (2) tahun saja lagi dan dari segi konsep dan ekspirasi sosial sememangnya wawasan ini cukup baik ia akan meletakkan Malaysia dikalangan negara-negara maju seperti lain di Dunia, hebat sungguh namun nampaknya Malaysia mencapai status ini melihat kepada keadaan rasanya Wawasan 2020 hanya akan tinggal wawasan tanpa pencapaian yang dihasratkan. Sesungguhnya masa depan kita bertanggung kepada masa depan ini, hakikat masa kini Malaysia penuh dengan keburukan yang hanya menjanjikan masa depan yang gelap. Apa yang dapat diharapkan dari kepimpinan yang berteraskan keruntuhan moral dan etika kepimpinan di peringkat nasional dan negeri-negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional amat mengecewakan memanglah di sana sini berlaku program pembangunan namun, jurang antara yang berada yang kaya dan hidup penuh kemewahan dan tidak berada dan hidup tertekan masih luas mengapa tidak ada komitmen merapatkan jurang ini.

Komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjaga kebajikan rakyat kini terbukti, ianya tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun. Berbagai-bagai program kebajikan telah dan sedang dijalankan untuk meringankan beban hidup rakyat Pulau Pinang yang berpendapatan rendah, program penghargaan warga emas, ibu tunggal, pelajar emas, orang kurang upaya, anak emas, pengurusan kematian dan pengajian tinggi sedang dinikmati oleh seluruh rakyat Pulau Pinang. Walaupun Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih melihat kemungkinan lebih mempertingkatkan usaha memelihara kesejahteraan hidup semua rakyat Pulau Pinang. Usaha ini tidak ada akhirnya, dengan pengurusan Negeri yang berhemah dan cekap pasti matlamat ini tercapai. Setiap yang baik pasti mendapat sambutan baik. Rakyat Pulau Pinang tentunya akan mengekalkan sokongan mereka pada Kerajaan Pakatan Harapan. Tidak ada pilihan lain.

Memilih Barisan Nasional bukanlah *option* baik, tidak. Sebaliknya ia merupakan langkah ke arah kemusnahan. Ambil saja program AES yang dilancarkan pada tahun 2009 hingga bulan Mac 2017 jumlah perbelanjaan adalah lebih daripada RM23 million yang melibatkan 1400 penerima-penerima. Di bawah Program ini penerima diberi bantuan kewangan. Mengapakah program seperti ini tidak ada semasa pemerintahan Barisan Nasional? Mudah saja jawapannya kerana Barisan Nasional pentingkan kuasa dan bukannya prihatin kepada kebajikan rakyat. Inilah sikap *opportunistic*.

Ada tuduhan bahawa pembangunan di Pulau Pinang dikatakan tidak seimbang iaitu tidak benar. Sekali lagi ini merupakan kecaman kepada mereka yang tidak menyokong Kerajaan Pakatan Harapan. Pembangunan di Pulau Pinang sememangnya seimbang, tanpa perseimbangan proses pembangunan akan mengekalkan ekspirasi Kerajaan Negeri melahirkan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri yang maju, mewah dan saksama. Tidak ada perbezaan antara bahagian Pulau dan Seberang Perai.

Pilihan Raya ke-14 sudah dekat sekali lagi kita berpeluang mendengar tokoh-tokoh Barisan Nasional menabur pelbagai janji-janji manis. Inilah masanya untuk mendengar dendangan janji-janji, macam-macam janji akan disuarakan oleh mereka sesetengahnya tidak masuk akal. Yang menariknya, janji-janji yang disuarakan pada pilihanraya lalu masih tinggal janji, tidak ditunaikan hingga hari ini. Dan untuk masyarakat India, mereka akan janji satu *blue print*, ini *blue print* bukan sahaja *blue print* yang baru dan tiap-tiap pilihanraya mereka ada *blue print* yang ini tidak ditunaikan. Hanya untuk masyarakat India, Barisan Nasional akan ada satu Blue Print untuk masyarakat Cina tidak ada *blue print*. Untuk masyarakat Iban tidak ada *blue print*, untuk masyarakat Kadazan tidak ada Blue Print kerana ini, *blue print* senanglah untuk menipu orang India, hanya tunjuk satu Blue Print sebelum pilihanraya dah anggap orang India akan undi untuk Barisan Nasional.

Dato' Speaker, perjuangan membina Malaysia yang makmur, aman adil dan bahagia mesti diteruskan walaupun cabarannya sangat hebat. Semakin hari semakin ramai rakyat Malaysia yang sedar bahawa untuk menyelamatkan negara kita Barisan Nasional mesti ditolak. Memilih Barisan Nasional bererti memilih kemusnahan untuk generasi kita yang akan datang. Dengan itu saya ucapkan terima kasih dan saya pohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya, YB. Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

YB. Dato' Timbalan Speaker, izinkan saya bagi pihak rakyat di KADUN Paya Terubong merakamkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan di atas ucapan T.Y.T Yang di-Pertua Negeri pada petang ini. Saya ingin merakamkan kebanggaan kejayaan Kerajaan Negeri telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.5% berbanding dengan pertumbuhan GDP Negara sebanyak 5% pada tahun 2015. Ini adalah hasil daripada urus tadbir CAT sepertimana yang telah dinyatakan dalam ucapan T.Y.T. Kecekapan Kerajaan Negeri dalam mentadbir negeri ini membolehkan rakyat menikmati pertumbuhan ekonomi yang baik. Pelaburan bagi membangunkan infrastruktur akan menyediakan asas untuk menyediakan ekonomi jangka masa panjang dan peningkatan kualiti hidup rakyat demi pembangunan ekonomi untuk tempoh panjang. Kerajaan Negeri mesti menitikberatkan pelaburan yang *significant* dalam pembangunan infrastruktur supaya majoriti penduduknya mempunyai akses kepada kemudahan asas dan perkhidmatan seperti pengangkutan, komunikasi, bekalan air bersih dan elektrik. Faktor-faktor penting untuk membantu mewujudkan ketersambungan fizikal dan banyak dalam negeri adalah pembangunan asas termasuk dalam jalan raya kereta api, MRT, logistik, pelabuhan dan lapangan terbang.

Perkhidmatan bekalan air dan elektrik serta digital seperti jalur lebar berkelajuan tinggi. Pembangunan aset ini juga akan menghasilkan limpahan pembangunan kesemua negeri serta meningkatkan taraf hidup dan produktiviti untuk menjadi sebuah negeri maju dan *inclusive*, sebuah bandaraya bertaraf antarabangsa tumpuan bukan sahaja diberikan terhadap perluasan rangkaian fizikal ini kepada semua lapisan masyarakat malah juga penambahbaikan operasi penyelenggaraan proses prestasi dan keseluruhan penyampaian perkhidmatan awam. Usaha ini akan meningkatkan kepuasan serta pengguna kualiti dan daya harap perkhidmatan.

Kerajaan Negeri juga perlu memperkemas peraturan dan perlesenan, memperkukuh rangka kerja institusi untuk menambahbaik perancangan bersepadu dan kawal selia industri, *soft infrastructure* dengan izin, perlu dibangunkan dengan untuk menyokong pelaksanaan pelbagai projek baru yang *significant* seperti sistem transit aliran berkapasiti tinggi jalur lebar, kelajuan tinggi perluasan rangkaian pembentukan dan kapasiti penapisan minyak yang baru.

YB. Dato' Timbalan Speaker, sektor pengangkutan dan logistik akan terus kekal sebagai pemaju utama pertumbuhan dengan memanfaatkan pelaburan baru dalam jalan raya serta perkhidmatan MRT dan Utara serta merencanakan pembangunan Negeri. Pelaksanaan rangkaian ini akan mewujudkan koridor baru bagi aktiviti ekonomi. Integrasi pelbagai *mode* pengangkutan yang baik dan lebih baik akan mewujudkan ketersambungan yang lancar bagi barangan dan penumpang. Saya bersyukur bahawa Kerajaan Negeri memang prihatin akan kerjasama dengan sektor swasta untuk mewujudkan logistik bersepadu dan apabila digandingkan dengan fasilitasi perdagangan yang cekap akan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi Negeri. *Penang Transport Master Plan* memang merupakan satu usaha Kerajaan Negeri yang paling baik untuk membuktikan hala tuju Negeri adalah betul untuk mewujudkan ketersambungan infrastruktur yang baik. Ketersambungan digital dan mesti diperluaskan melalui pelaksanaan infrastruktur jalur lebar di luar bandar untuk meningkatkan ketersambungan dan tawarkan pilihan yang lebih baik kepada lebih banyak kawasan isi rumah.

YB. Dato' Timbalan Speaker, daripada laporan, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah mengendalikan 67 juta penumpang dalam tahun 2016. Ini menunjukkan betapa perlunya Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang perlu dinaiktarafkan dan diperluaskan supaya dapat menampung lebih banyak penumpang. Saya tidak nampak ada apa-apa keburukan atau apa-apa alasan bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang tidak boleh diperuntukkan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan untuk diperluaskan. Jumlah pelancong dari luar negara yang semakin menambah dan juga penaiktarafan CNN bahawa Pulau Pinang ditempatkan kedua daripada 17 tempat paling menarik yang mesti dilawati merupakan alasan yang paling kukuh supaya Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang mesti mendapat keutamaan daripada Kerajaan Persekutuan untuk projek *expansion* atau untuk dinaiktaraf.

Sepertimana yang dinyatakan oleh T.Y.T. dalam ucapan beliau, inisiatif Kerajaan Negeri untuk menubuhkan *Penang Centre For Medical Tourism* dan juga peningkatan jumlah pelancong perubatan sebanyak 17.77% iaitu daripada 302,000 orang iaitu daripada tahun 2016 pada 347,000 orang pada tahun 2016 menunjukkan *Penang* telah menjadi Hub atau Pusat Perubatan yang unggul di rantau ini. Projek RM2 billion bagi membangunkan projek *Island Medical City* dengan 1000 katil hospital akan membantu memberangsang industri pelancongan perubatan di Negeri Pulau Pinang lagi. Projek *Island Medical City* ini akan menawarkan kemudahan perubatan bertaraf dunia. Pada peringkat pertama pengguna lebih 300 buah katil hospital akan ditambah bagi memenuhi kapasiti semasa iaitu 300 buah katil menjadikan Pulau Pinang mempunyai hospital swasta yang pertama yang mempunyai 600 buah katil. Bagi melengkapkan fungsinya bilik perubatan, kemudahan sampingan dan lain-lain dan juga hotel akan dibina difasa seterusnya bagi mencapai kapasiti 1000 buah katil untuk pelan jangka masa panjang. Sebagai salah satu pusat perubatan terbesar di Asia Tenggara, projek ini dijangka akan menawar lebih 2000 peluang pekerjaan yang merangkumi kemahiran, aspek tahap pekerjaan am sehingga pakar perubatan. Projek tersebut juga akan menarik pakar perubatan warga Malaysia yang bertugas di luar Negara untuk pulang bertugas di Malaysia khususnya di Pulau Pinang.

Untuk memulakan perkhidmatan mereka di sini, hasil yang dijana akan disalurkan dalam bentuk cukai pendapatan tambahan dan seterusnya menjana sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang yang mana akan memberi manfaat kepada industri berkenaan. Nilai projek sebanyak RM2000 billion, maaf, RM2 billion ini dijangka mencecah lebih RM7 billion di mana yang akan memberi manfaat kepada industri-industri lain. Dari jangka panjang manfaatnya akan diberikan kepada Negeri Pulau Pinang adalah besar dan berleluasan.

Walau bagaimana pun dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai Pusat Pelancongan Perubatan, di sini saya ingin mengingatkan bahawa kepentingan rakyat Pulau Pinang sendiri juga mesti diberi keutamaan jika dibanding dengan pelancong luar Negeri. Tidak dinafikan bahawa majoriti pelancong perubatan adalah datang daripada Negara Indonesia. Dan mereka telah menjadi sumber pendapatan yang utama kepada hospital-hospital swasta di Pulau Pinang. Namun demikian, saya berpendapat bahawa patutnya ada satu perbezaan bayaran perubatan antara pelancong dan rakyat tempatan Pulau Pinang. Rakyat tempatan membayar cukai untuk negara dan negeri ini, saya berpendapat bayaran perubatan atau *medical fees*...(dengan izin), yang dibayar oleh rakyat tempatan Pulau Pinang mestilah diberi kadar yang lebih rendah jika dibanding dengan pelancong dari luar negeri. Saya pernah menerima aduan daripada penduduk tempatan bahawa bayaran perubatan yang dibayar oleh orang tempatan adalah sama mahal seperti pelancong dari luar negeri. Saya tidak pasti sama ada fakta ini benar atau tidak, namun saya mencadangkan Penang Medical Tourism (PMT) yang melibatkan 10 buah hospital swasta di negeri ini dapat mempunyai satu perbincangan yang lebih lanjut supaya satu kadar khas iaitu *special rates*...(dengan izin), boleh diberikan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang tempatan, berbanding dengan pelancong atau pesakit dari luar negara.

YB. Dato' Timbalan Speaker, seperti kita semua maklum sejak dasar pengasingan sisa di punca dilancarkan pada 1hb Jun 2016, rakyat Pulau Pinang diberi tempoh satu (1) tahun untuk bersiap sedia menerima dasar ini. Mulai 1hb Jun tahun ini, Kerajaan Negeri akan melalui PBT akan menguatkuasakan dasar ini dan denda akan dikenakan bagi mana-mana premis yang melanggar undang-undang kecil ini. Di sini saya ingin menyeru supaya Kerajaan Negeri jangan bagi apa-apa kompaun atau denda kepada premis yang masih gagal mematuhi undang-undang kecil ini sehinggalah hujung tahun ini. Saya berpendapat bahawa pendidikan harus terus diberikan kepada penduduk-penduduk Pulau Pinang dan bukannya kompaun. Sejak 1hb Jun 2016 sehingga hari ini saya mendapati PBT masih kurang agresif atau progresif dalam mempromosikan dasar pengasingan sisa di punca ini. Banyak kerja pelancaran adalah bergantung kepada ADUN kawasan atau NGO, banyak kerja-kerja pendidikan seperti seminar serta kerja penyedaran bukannya daripada PBT secara inisiatif sebaliknya daripada ADUN sendiri dan NGO. Saya mengharap agar PBT mengambil langkah lebih proaktif dalam membantu Kerajaan Negeri untuk mendidik penduduk dalam pengasingan sisa di punca ini.

Saya mencadangkan PBT juga patut mengadakan lebih banyak lagi seminar dan kempen kesedaran dikalangan masyarakat termasuk pelbagai aktiviti yang berkaitan dasar pengasingan sisa di punca ini, dikalangan murid dan juga penduduk di pangsapuri atau di tempat ruang kediaman. Saya juga mencadangkan PBT memperuntukkan tong sampah percuma kepada pangsapuri yang bersedia mengamalkan dasar pengasingan sisa sebagai satu galakan dan inisiatif. Pada masa kini saya dimaklumkan PBT tidak mempunyai apa-apa peruntukan khas untuk memberi tong sampah secara percuma kepada penduduk dan kebanyakan tong sampah telah diminta oleh penduduk pada ADUN dan ADUN telah membelikan tong sampah kepada penduduk dengan peruntukan ADUN sendiri.

Isu seterusnya mengenai *parking system*, definisi tempat letak kereta adalah satu kawasan peletakan atau penyimpanan kenderaan yang tidak bergerak dan dimatikan enjinnya di satu kawasan. Tempat letak kenderaan adalah satu kemudahan kepada pengguna kenderaan untuk meletakkan atau menyimpan kenderaan sementara menjalankan urusan masing-masing. Kemudahan tempat letak kereta merupakan satu perkara penting dalam menyediakan sesuatu perancangan dan pengawalan lalu lintas dan merupakan satu asas dalam menyediakan dasar pengangkutan yang sempurna dalam sesuatu kawasan. Peningkatan dan kepesatan kemajuan di sesebuah kawasan akan mengakibatkan sistem lalu lintas juga akan meningkat. Secara tidak langsung akan meningkatkan permintaan kadar kawasan tempat letak kereta. Justeru itu, tanggungjawab pengurusan tempat letak kereta berada di bawah PBT ini bukan saja akan mendatangkan hasil kepada PBT selain menjadi keperluan asas aktiviti masyarakat bandar. Oleh itu, PBT harus memantapkan lagi agenda pembangunan infrastruktur dalam memberikan perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik kepada masyarakat kita. Sebagai contoh masa tempat letak kereta yang terhad di Pulau Pinang bagaikan tiada penyudahnya atau kawasan yang paling sibuk di kawasan terbabit adalah seperti Jalan Burma, George Town, Pulau Tikus, dan khususnya di kawasan bank dan juga di depan kedai-kedai di mana berlakunya pelbagai masalah walaupun bukan waktu puncak. Masalah *double park* atau memarkir di tepi jalan sudah menjadi satu kelaziman di negeri ini malah terdapat juga pemandu yang tidak mempedulikan peraturan lalu lintas dan sesuka hati meletakkan kenderaan mereka asalkan berdekatan dengan tempat yang ingin ditujui mereka. Selain daripada menjalankan penguatkuasaan, sebagai menyelesaikan masalah tempat letak kereta yang semakin terhad maka pelbagai sistem letak kereta yang baru mestilah diperkenalkan. Antaranya adalah sistem letak kereta mekanikal bertingkat. Jenis letak kenderaan ini dapat mengurangkan penggunaan tanah. Bayaran akan dikenakan kepada pengguna kenderaan yang meletakkan kenderaan berdasarkan jangkamasa mereka meletakkan kenderaan. Sebagai contoh di Kuala Terengganu, tempat letak kereta bertingkat

menggunakan sistem putaran di pusat bandar Kerajaan Kuala Terengganu dan pertama di negara ini mulai beroperasi awal tahun 2011. Projek ini di Jalan Batas Baru ini menggunakan keluli dibangunkan setinggi 3 tingkat dan boleh menampung 250 kenderaan pada satu masa. Ia adalah sebahagian langkah proaktif bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta dan perdagangan yang menjadi tumpuan umum. Selain daripada itu, ia dapat menjimatkan ruang tempat letak kereta sedia ada di lokasi ini sebanyak tiga (3) kali ganda di samping lebih selamat bagi pemilik kenderaan dan mengurangkan risiko kecurian dan sebagainya. Teknologi ini difahamkan dibawa masuk daripada Guangzhou Negeri China. Petaling Jaya juga mengalami masalah runcing membabitkan masalah kekurangan tempat letak dan atas sebab itu Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan sistem letak kereta mekanikal secara berperingkat diseluruh Petaling Jaya dan dikendalikan oleh sebuah syarikat swasta. MBPP yang melaksanakan sistem letak kereta mekanikal secara percubaan bagi mengatasi kemudahan di kawasan berkenaan. *Parking* bertingkat ini juga sangat umum di bandar-bandar antarabangsa seperti London dan Tokyo. PBT kita perlu mempunyai fikiran yang kreatif untuk menyediakan tempat letak kereta di setiap kawasan atau bangunan yang menjadi tumpuan orang ramai atau kelompok-kelompok tertentu khususnya kawasan komersial. Untuk mengelakkan dari berlakunya kesesakan lalu lintas jalan raya, penyediaan tempat letak kenderaan yang cukup adalah diperlukan. Selain daripada itu ia akan mempamerkan kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan PBT...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Boleh minta laluan YB. Paya Terubong, saya juga ingin menambah sebenarnya dengan adanya tempat letak kereta bertingkat mungkin pihak PBT boleh mengusahakan agar tempat letak kereta di tepi jalan boleh dikeluarkan terus dan ke semua tempat letak kereta boleh dimasukkan tempat letak kereta bertingkat. Ini adalah kerana membuat demikian sebenarnya boleh mempertingkatkan lagi ruang rekreasi, ruang kawasan lapang di kawasan bandar kita dan membolehkan kita membuat banyak lagi di bandar kita termasuk menambahkan gerai-gerai di tepi jalan dengan cara yang lebih teratur lagi.

Saya ingin membangkitkan juga bahawa sebenarnya PBT ada banyak sumber kewangan yang seharusnya digunakan untuk merancang pengangkutan bandar kita misalnya *Development Charges* yang dikenakan kepada pemajuan, tukar guna premis, tukar guna tanah, ke semua ini, matlamat pengutipan ini adalah untuk digunakan untuk pengurusan-pengurusan bandar seperti pengurusan lalu lintas. Maka saya amat berminat bagaimana sebenarnya PBT selepas menerima wang daripada rakyat kita, daripada pemaju-pemaju, bagaimana mereka memperuntukkan kegunaan-kegunaan itu? Adakah bersesuaian cara menggunakan wang tersebut dan adakah matlamat sebenar wang itu tercapai? Terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih YB. Pulau Tikus, seterusnya saya juga ingin mencadangkan satu sistem yang kalau saya tidak silap pernah dicadangkan oleh YB. Pulau Tikus pada sidang DUN yang lalu iaitu sistem parking seperti di Australia yang menghadkan masa *parking*. Pada masa kini tiada had masa untuk sesebuah kenderaan *parking* di satu kawasan ini membolehkan pemilik kenderaan mungkin boleh meletak kereta di lot parking ini daripada pagi sampai malam, tetapi ini akan menghalang atau menafikan hak orang lain untuk meletakkan kereta di *parking* lot ini.

Bagi mengatasi masalah ini, dicadangkan sistem di Australia ini bahawa satu peraturan untuk menghadkan masa meletak kereta dan meningkatkan jumlah caj yang dikenakan mengikut masa *parking*, sistem ini adalah menggalakkan supaya peluang diberikan kepada orang lain. Had masa yang diberikan oleh yang boleh dibenarkan mungkin minimum 30 minit, 1 jam atau maksimum 2 jam. Kalau tidak silap sistem *parking* menghadkan masa ini adalah lama dijalankan di banyak luar negeri. Selain itu, tidak dinafikan juga kawasan komersial yang sibuk juga perlu disokong oleh sistem pengurusan pengangkutan bagi menggalakkan mereka yang meletakkan kereta pada jangkamasa yang lama. Beralih dari pengangkutan awam dari rumah ke kawasan tersebut dan ia membantu mengurangkan kesesakan di jalan raya kerana kebanyakan daripada mereka melakukan perjalanan tersebut pada waktu puncak pagi dan petang,

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya dalam soalan bertulis 22, saya bertanya tentang cadangan mengawal *Airbnb*, dalam jawapan YB. Padang Kota, kerajaan memang tidak menyokong sebarang aktiviti atau operasi rumah kediaman sebagai rumah tumpangan samada dengan sewaan persendirian atau melalui *Airbnb* namun difahamkan daripada jawapan bertulis juga. Pada masa kini, PBT tidak ada mempunyai apa-apa kuasa untuk mengawal penyewaan rumah kediaman melalui *Airbnb* dan beroperasi secara siber atau melalui laman web.

Sebenarnya saya dapat aduan dari sektor perhotelan bahawa kewujudan *Airbnb* menjejaskan perniagaan perhotelan wujudnya juga aduan daripada penduduk atau pemilik rumah kediaman bahawa unit jiran mereka telah disewa sebagai rumah tumpangan dan telah menimbulkan gangguan kepada kehidupan harian mereka. Memang ada fakta bahawa kebelakangan ini wujudnya pangsapuri-pangsapuri yang baru siap dibina dan *VP* baru diberi. Demi menanggung ansuran pinjaman bank. Ramai pemilik yang merupakan pelabur yang tidak menduduki unit-unit tersebut telah *convert...*(dengan izin), pangsapuri sebagai rumah tumpangan melalui *Airbnb*. Dengan adanya aduan daripada sektor perhotelan dan penduduk tempatan, saya menyeru Kerajaan Negeri mestilah melalui PBT mencari satu penyelesaian supaya satu *balance* dapat dicapai dan impak dapat dikurangkan.

KADUN Paya Terubong merupakan KADUN yang mempunyai paling banyak pangsapuri bertingkat dan kebanyakan pangsapuri berkenaan adalah kos rendah dan kos sederhana rendah. Selama ini tidak dinafikan bahawa masalah-masalah pengurusan pangsapuri telah menimbulkan ketidakselesaan kepada penduduk-penduduk. Masalah-masalah seperti lif yang sering rosak, *facilities* umum tidak diselenggara dengan baik oleh badan pengurusan, tangki air yang karat dan sebagainya. Selalunya masalah-masalah pengurusan lemah oleh badan pengurusan atau syarikat pengurusan, akan menyebabkan ADUN tempatan dipersalahkan oleh penduduk-penduduk walaupun kelemahan pengurusan bukannya satu kesalahan daripada ADUN sendiri tetapi daripada badan pengurusan. Saya sering mendengar aduan daripada penduduk di Bandar Baru Air Itam tentang akaun pengurusan di mana bahawa wujudnya *mismanagement account* oleh badan pengurusan atau syarikat pengurusan dan juga bahawa badan pengurusan atau syarikat tidak menyediakan *auditor account* kepada penduduk. Sebagai ADUN kita selalu diminta oleh penduduk untuk campur tangan dalam urusan akaun pengurusan pangsapuri malangnya sebagai ADUN memang kita tidak ada kuasa menyoal kesahihan *auditor account* tersebut.

Namun begitu saya mencadangkan supaya satu kajian boleh dilakukan untuk mengkaji sama ada Pesuruhjaya Bangunan COB boleh diberikan kuasa di bawah akta atau satu badan *independent* yang bebas ditubuhkan untuk menyemak akaun pengurusan pangsapuri sekiranya ada aduan daripada penduduk.

Di sini saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas usaha membina jalan berkembar Paya Terubong. Projek ini mula dilaksanakan pada 15 Januari tahun lepas dan akan dijangka siap pada tahun 2016. Tetapi sebelum jalan berkembar Paya Terubong ini disiapkan, saya di sini ingin menyerukan supaya Kerajaan Negeri mungkin boleh mengkaji menghalang kenderaan berat seperti bas kilang atau lori-lori yang besar untuk menggunakan Jalan Paya Terubong. yang lama ini khususnya di bahagian jalan bukit menuju ke kawasan Relau dan Balik Pulau, ini adalah kerana setiap kali berlakunya kemalangan jalan raya atau *breakdown* mana-mana kenderaan besar seperti lori panjang atau bas kilang kesesakan sekurang-kurangnya dua jam atau mungkin sampai lima - enam jam akan berlaku, ini kerana adalah *existing* jalan Paya Terubong khususnya bahagian jalan bukit hanya mempunyai dua (2) lorong atau *two lane* di mana sangat sempit untuk memindahkan mana-mana kenderaan besar yang *breakdown* atau mengalami kemalangan jalan raya. Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah menghalang kenderaan besar untuk menggunakan Jalan Lembah Permai, jadi saya pun berharap larangan yang sama juga boleh dikenakan ke atas Jalan Paya Terubong khususnya bermula daripada *Green Garden* sampai ke kawasan Relau.

YB. Dato' Timbalan Speaker, sejak kebelakangan ini banjir kilat sering berlaku di Lebu Raya Thean Teik dan kawasan Relau di mana perkara ini tidak berlaku di masa dahulu. Banjir kilat berlaku di Lebu Raya Thean Teik sebahagian dari Pangsapuri BL Garden hingga Tanjung *Court* dan ini telah menimbulkan kesusahan kepada penduduk tempatan, saya berharap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membuat kajian teliti terhadap masalah ini dan memberi penyelesaian dengan secepat mungkin. Selain daripada menghadapi masalah kekurangan *parking* oleh kereta tadi, YB. Pengkalan Kota juga menimbulkan isu berkenaan parking oleh bas pelancongan dan di sini saya ingin menyentuh mengenai bas kilang, sebab memang wujudnya banyak bas kilang yang diletakkan di kawasan perumahan khususnya di kawasan Relau dan telah lama mengganggu kehidupan penduduk tempatan. Masalah ini berlakunya di kawasan Relau mungkin sebab kawasan Relau berdekatan dengan Kawasan Perindustrian Bayan Lepas, jadi banyaknya pangsapuri atau flat di kawasan Relau telah dijadikan sebagai hostel pekerja asing, jadi adalah satu masalah bahawa bas-bas kilang datang ke kawasan Relau untuk membawa pekerja-pekerja asing untuk membawa ke Kawasan Perindustrian Bayan Lepas dan masalahnya bas-bas kilang ini yang meletakkan kenderaan di tepi jalan khususnya di kawasan pangsapuri dan perumahan telah banyak mengganggu penduduk di sana. Memangnyanya mesyuarat-mesyuarat telah diadakan oleh YB. EXCO, pengusaha lalu lintas dan dengan pihak Polis, PBT, JPJ dan juga SPAD, tetapi sampai hari ini masalah ini masih belum dapat satu

penyelesaian. Saya difahamkan bas kilang ada mempunyai satu depoh parking seperti yang dinyatakan didalam permit dan semasa dikeluarkan oleh SPAD. Jadi saya berharap pihak Kerajaan Negeri dapat terus berinteraksi dengan pihak SPAD dan JPJ supaya tindakan dapat diambil terhadap bas kilang yang tidak mematuhi peraturan dan disini juga saya ingin menegaskan bahawa pihak SPAD mestilah memberi kerjasama kepada pihak Kerajaan Negeri sebab masalah ini bukan satu masalah yang baru dan memang menimbulkan ketidakpuasan daripada penduduk-penduduk tempatan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, sebelum mengakhiri perbahasan saya ini, saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri telah berusaha untuk membangunkan negeri dan juga terima kasih kepada pegawai-pegawai yang banyak membantu saya di dalam menyelesaikan masalah-masalah rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Sekian terima kasih dan saya ingin mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya, YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, Salam Sejahtera dan Salam Reformasi saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Majlis Mesyuarat sekalian. Terima kasih kerana diberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam ucapan, terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Sejak dipilih sebagai ADUN Machang Bubuk pada tahun 2013, pelbagai usaha telah diambil untuk memastikan hasil perubahan politik di Pulau Pinang itu dapat dikecapi oleh rakyat khususnya penduduk-penduduk di KADUN Machang Bubuk. Antaranya sepuluh perubahan yang ketara sejak tahun 2013 adalah seperti berikut. Antaranya satu, projek menaiktaraf rumah pam Permatang Tinggi yang bernilai RM6.7 juta. Kedua, hak rumah untuk 26 keluarga Kampung Permatang Tok Suboh dibela dengan prinsip rumah ganti rumah. Kerajaan Negeri telah melalui pihak Penang Development Corporation (PDC) akan membina rumah untuk setiap keluarga yang berdepan dengan pengusiran paksa. Ketiga, 130 buah lampu jalan dipasang sepanjang jalan lengkok dari Jalan Gajah Mati sehingga ke Tasek Junjong. Keempat, projek "Duit Kita Hak Kita" yang memberikan kuasa kepada rakyat atau penduduk menentukan kegunaan peruntukan ADUN dan Ahli Parlimen. Kelima, parit lencongan dari Taman Impian Indah sehingga ke Rumah Pam Permatang Tinggi yang bernilai RM7.3 juta juga sedang dilaksanakan. Keenam, pengambilan balik tanah serta pembinaan kolam tadahan banjir di kawasan Alma juga akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Ketujuh, projek pelebaran Jalan Bukit Minyak untuk menangani kesesakan lalu lintas yang bernilai RM23 juta juga sedang giat dilaksanakan. Kelapan, projek menaiktaraf parit-parit tanah di kampung-kampung dan juga di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai sistem saliran yang sempurna telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat untuk mengatasi banjir kilat. Kesembilan, pemasangan lampu isyarat dan pengurusan lalu lintas yang berkesan untuk memastikan keselamatan lalu lintas serta pengguna jalan raya juga telah dijalankan sepanjang empat (4) tahun ini. Kesepuluh, penubuhan COMBI di kawasan-kawasan wabak denggi untuk memastikan penglibatan penduduk untuk membanteras wabak denggi ini.

Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang telah melaksanakan agenda dan projek yang memang dinanti-nantikan oleh rakyat. Sebahagian daripada projek yang dinyatakan tadi telah siap dilaksanakan malah telah dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan juga EXCO seperti rumah Pam Permatang Tinggi baru-baru ini telah berjaya menangani banjir kilat yang lebih 15 tahun belum diselesaikan dan telah diselesaikan.

Demi menjadikan Machang Bubuk sebagai satu tempat yang lebih baik dan lestari, maka ada beberapa cadangan projek yang perlu juga dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. Pertama, pembinaan pembahagian jalan di ROB Alma sehingga persimpangan Kota Permai perlu dilaksanakan memandangkan penambahan penduduk dan kenderaan di kawasan tersebut. Taman Bukit Minyak Utama, Taman Seri Permai, Taman Permai Jaya dan beberapa projek perumahan baru di sekitar kawasan tersebut telah menyebabkan bilangan kenderaan yang meningkat sehingga mempengaruhi keselamatan lalu lintas tersebut.

Kedua, pembuangan sampah haram yang semakin serius, tempat pembuangan sampah haram tersebut telah menjadi tempat pembakaran secara haram dan mencemari udara di kawasan sekitarnya. Tindakan yang drastik perlu diambil agar usaha pembendungan dapat berjaya dilaksanakan. Pemasangan *removable* CCTV perlu dilakukan segera di kawasan-kawasan *hotspot* seperti di kawasan

Kampung Manggis sehingga ke Kampung Kuala Tasek yang juga pernah dilawat bersama-sama dengan YB. Sungai Puyu turun ke kawasan tersebut untuk kita menyasat *hotspot* itu yang telah dijadikan tempat pembuangan sampah secara haram, so, ini perlu pemasangan *removable* CCTV. Ini penting kerana pihak penguatkuasa tidak dapat turun ke padang dalam masa dua puluh empat jam. Dengan *removable* CCTV ini, maka kita boleh mengenal pasti siapa pendalang yang membuang sampah secara haram di kawasan-kawasan tersebut dan kita juga boleh elakkan pekerja-pekerja MPSP yang seringkali kena turun pergi membersihkan kawasan tersebut, kemudian tidak lebih dua puluh empat jam orang membuang sampah di kawasan tersebut itu lagi. So, ini kita berharap Kerajaan Negeri kita dapat melaksanakan perkara ini dengan serius untuk memastikan ada orang didakwa di mahkamah dan juga diambil tindakan yang tegas ke atas kesalahan yang mereka lakukan itu.

Ketiga, rumah sampah dan unit kosong. Rumah yang terbiar yang menyebabkan tempat pembiakan nyamuk serta menjadi wabak denggi. Semasa saya turun ke gotong-royong di Flat Taman Machang Bubuk baru-baru ini, kami mendapati setiap tingkat flat itu mempunyai beberapa ada beberapa unit rumah yang kosong dan telah menjadi tempat pembuangan sampah yang haram. Rumah tersebut bukan sahaja tidak dijaga malah telah menjadi tempat pembuangan sampah dan tempat pembiakan nyamuk serta menjadi tempat wabak denggi. Persoalannya adalah kenapa rumah-rumah kos rendah tersebut tidak didiami, pada hal ada ramai yang mengatakan rumah-rumah kos rendah tidak cukup, tidak dapat dimiliki oleh rakyat di Pulau Pinang, tetapi kenapa ada pemilik-pemilik rumah kos rendah ini yang memiliki rumah tersebut tetapi tidak tinggal di rumah tersebut dan dibiarkan rumah tersebut dijadikan tempat pembuangan sampah. Maka cadangan saya kepada Kerajaan Negeri adalah kita boleh mengenal pasti pemilik-pemilik rumah tersebut serta memberi notis kepada mereka untuk memanggil mereka membersihkan rumah mereka. Pada masa sekarang adalah kita melalui JKKK dan juga sukarela untuk membersihkan rumah-rumah kosong serta sampah dengan gotong-royong, tetapi sampai bila kita boleh gotong-royong bagi pihak pemilik-pemilik rumah yang tidak ingin menjaga harta benda mereka sendiri? Maka kita perlu mempertimbangkan bahawa sekiranya pemilik-pemilik rumah flat kos rendah itu tidak mematuhi peraturan, tidak menjaga harta benda maka tindakan rampas balik rumah tersebut untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri boleh dipertimbangkan supaya dia dapat membendung pemilik-pemilik rumah yang hanya sekadar ingin melabur atau menunggu nilai harta mereka meningkat baru mereka akan menjaga rumah atau menjual untuk mengaut keuntungan itu. Maka saya harap Kerajaan Negeri dalam aspek ini boleh mengkaji kebolehlaksanaan untuk rampas balik rumah-rumah kos rendah itu yang tidak didiami, yang tidak ingin dijaga oleh pemilik rumah tersebut yang telah menjadi kacau ganggu kepada penduduk-penduduk di sekitar.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan daripada YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Okey, YB. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Dato' Timbalan Speaker, YB. Machang Bubuk tadi telah menyentuh hal-hal di mana rumah-rumah kos rendah, rumah pangsa yang ada dan tidak ada orang duduki. Di kawasan ADUN Jawi pun sama. Saya ingat pada sesi yang lepas, saya telah sebut, kebanyakan lebih 50% tidak diduduki dan semasa semakan daripada pusat khidmat saya, kebanyakan ini bukan pemilik yang tidak mahu duduki. Kebanyakan adalah pemilik tidak membayar insuran kepada bank dan bank telah lelong dan sekarang kebanyakan adalah dimiliki oleh bank. Maka saya ingin cadangkan kepada YB. Machang Bubuk, kalau YB. Machang Bubuk setuju, kita boleh minta Jabatan Perumahan, kita ataupun EXCO Perumahan, kita boleh tulis surat kepada bank-bank yang memiliki unit tersebut. Kita kena semak sama ada, unit ini dimiliki oleh bank mana, kita minta pihak bank sebagai pemilik supaya tutupkan rumah tersebut ataupun Kerajaan Negeri beli balik dan sewa keluar. Ini secara program yang telah dirancang, sewa beli dan telah dirancang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun lepas.

Saya ingat cadangan yang lebih baik supaya kita bukan sahaja merampas kerana kalau harta benda ini dimiliki oleh bank memang tidak ada undang-undang kita boleh merampas balik kalau mereka rumah-rumah pemilik rumah telah lelong maka bank telah memiliki rumah tersebut. Sama ada Machang Bubuk setuju kita minta Kerajaan tulis surat kepada bank tanya sama ada, berapa unit yang ada dan kita bincang dengan mereka supaya kita menjalankan program sewa beli. Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih kepada sahabat saya YB. Jawi. Memang saya setuju tindakan perlu diambil walaupun ia telah dirampas oleh bank maka pemiliknya adalah bank, maka bank kena pastikan rumah-rumah yang dimiliki mereka itu sentiasa dijaga dan jika tidak dijaga maka, notis itu perlu diberikan kepada pihak bank yang telah mengambil alih pemilikan itu. Saya memang setuju, saya rasa Jabatan Perumahan Negeri kita perlu lebih agresif dalam menangani perkara ini supaya rumah-rumah kosong itu dapat dengan cepat diambil alih oleh pihak yang berkemampuan untuk menjaga dan juga kemungkinan besar boleh juga pihak Jabatan Perumahan boleh diserahkan balik kepada SPEKS untuk dibeli oleh orang-orang lain yang memerlukan rumah-rumah kos rendah ini.....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan daripada YB. Machang Bubuk. Adakah YB. Machang Bubuk setuju juga agensi-agensi kerajaan kerana ada agensi-agensi kerajaan yang memiliki rumah kuarters untuk pekerja-pekerja mereka duduki. Saya beri contoh minggu lepas, saya telah mengadakan satu lawatan dan sidang akhbar di kawasan KADUN Jawi di mana rumah kuarters JKR dikosongkan dan dibiarkan lebih 10 tahun. Ini juga akan jadi satu masalah kepada penduduk di sekeliling. So saya minta adakah YB. Machang Bubuk setuju, agensi-agensi kerajaan kalau mereka ada rumah kuarters, adakah mereka juga bertanggungjawab untuk memastikan rumah mereka tidak dikosongkan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Okey, terima kasih YB. Jawi. Memang saya setuju sesiapa yang memiliki hartanah mereka, mereka perlu jaga dan bukan membiarkan ia menjadi satu kawasan yang boleh menimbulkan kacau ganggu kepada...(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Penjelasan. Penting, penting. Amat penting YB. Dato' Timbalan Speaker. Perkara ini dibangkit bersama-sama dengan YB. Jawi. Perkara ini dan dibangkitkan oleh YB. Machang Bubuk. Saya membangkitkan tiga (3) tahun yang dahulu mengenai 68 jika tidak silap, 68 unit rumah dimiliki oleh Kerajaan Negeri di Padang Tembak, di Blok F. Saya bangkitkan perkara ini beberapa kali kepada pihak agensi tertentu untuk mendapat balik unit-unit tersebut diagih balik kepada penduduk ataupun orang Pulau Pinang yang perlukan unit tersebut. Perkara ini dibangkitkan beberapa tahun sejak saya menjadi ADUN. Tetapi tiap-tiap kali, pihak yang menyewa unit lebih kurang 68 unit ini di Blok F di Padang Tembak itu memberi alasan tertentu sampai sekarang YB. Dato' Timbalan Speaker, sampai sekarang unit tersebut yang masih dikosongkan dan masuk pencuri...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Nanti masukkan dalam ucapan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Ya, YB. Dato' Timbalan Speaker, ini...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Atau nanti tidak mahu cakap dah?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya hanya setuju atau tidak YB. Machang Bubuk.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Setuju, setuju. Silakan YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya tanya YB. Machang Bubuk. Adakah setuju perkara ini kena ditangani dengan serta merta bukan dilanjutkan selama tiga tahun yang tidak diberi peduli. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Silakan YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker, saya setuju, memang tindakan perlu diambil dan saya ingin teruskan perbahasan saya. Segala pembangunan sebenarnya kita kena berteraskan kepada kepentingan orang awam dan juga bukannya sekelompok kecil orang sahaja. Apakah jenis atau model pembangunan yang diinginkan oleh rakyat Pulau Pinang? Kelestarian dan masa depan generasi akan datang perlu diambil kira apabila sesuatu pembangunan itu dirancang atau dilaksanakan. Pembangunan yang dilaksanakan tidak semestinya dalam skala yang besar. Tetapi kegiatan ekonomi yang sedia ada di lokaliti tersebut juga perlu dimasukkan ke dalam mind set pembangunan yang lestari tersebut. Hanya dengan perancangan yang kecil serta model ekonomi yang outonomi baru membolehkan interaksi yang berkemansuaian serta membebaskan rakyat daripada kesusahan. Usaha Kerajaan Negeri dalam menangani spekulasi harta seperti meningkatkan harga siling untuk warga asing membeli rumah bertanah dari RM2 juta ke RM3 juta dan juga 1.5% hingga 3% levi yang dikenakan ke atas warga asing yang membeli rumah berstrata memang dialu-alukan. Namun usaha tersebut tidak mencukupi memandangkan kejatuhan nilai matawang ringgit yang teruk serta permintaan untuk rumah-rumah mampu milik yang kian meningkat.

Isu spekulasi nilai hartanah di Pulau Pinang memang menjadi satu isu yang hangat dalam sidang DUN yang lepas dan juga setiap kali kita adakan sidang DUN. Saya pernah mencadangkan supaya Kerajaan Negeri boleh mengkaji kebolehlaksanaan tentang cukai rumah kosong atau *empty home tax* ke atas rumah-rumah kosong yang tidak dihuni oleh pemilik. Khasnya hartanah-hartanah yang bernilai tinggi, kondominium-kondominium.

YB. Dato' Timbalan Speaker, sekiranya kita pergi ke kondo melalui kondo-kondo yang ada di Pulau Pinang, banyak yang masih kosong dan pemilik-pemilik rumah mereka itu tidak mendiami dalam rumah tersebut. Mereka mungkin adalah pemilik-pemilik yang hanya ingin melabur ke atas rumah tersebut untuk menunggu kenaikan nilai hartanah mereka. Maka sekiranya kita perlu mengadakan pasaran kita untuk sekiranya pasaran kita tidak mempunyai kuasa beli atau kemampuan untuk membayar sewa yang tinggi maka rumah-rumah tersebut akan dikosongkan begitu sahaja.

Untuk kedaulatan makanan. Walaupun sektor pertanian dan asas tani bukan sektor utama yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang tetapi pertanian juga merupakan asas kepada kekuatan sesebuah negara dan negeri. Kedaulatan makanan atau *food sovereignty* perlu diusahakan agar kita kurangkan kebergantungan kepada makanan-makanan import. Maka pertanian tidak patut diabaikan atau digantikan dengan sektor pembinaan hartanah. Isu perumahan, perniagaan dan perusahaan di tanah-tanah pertanian seperti sawah padi perlu ditangani dengan berhati-hati. Jangan gadaikan masa depan dan kedaulatan makanan negara kita semata-mata untuk mengejar pembangunan yang tidak realistik atau merugikan. Sebagai sebuah negeri yang kecil dan mempunyai tanah yang terhad, sektor pertanian perlu dijaga dan diberi bantuan yang sewajarnya agar petani dan pekebun dapat menjadi tunggak utama dalam menjami keselamatan dan kedaulatan makanan kita.

Memberdayakan wanita. YB. Dato' Timbalan Speaker, Bridged Wanita yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri memang memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan penglibatan wanita dalam politik serta memberi daya baru kepada wanita. Bridged Wanita telah diberikan peruntukan untuk mengadakan aktiviti pada tahun 2016, tahun lepas. Setiap ADUN-ADUN juga diberi peruntukan sebanyak RM30,000 untuk penganjuran program-program yang memberdayakan wanita. Usaha Kerajaan Negeri melalui PWDC memang jelas dan berkesan khasnya pemimpin-pemimpin wanita telah diberikan peluang untuk menganjurkan program untuk wanita. Konsep dari wanita untuk wanita memang selaras dengan tema Hari Wanita Sedunia iaitu Berani Kerana Perubahan. Maka saya menyeru agar Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan pemberian peruntukan tahunan tetap kepada Bridged Wanita untuk terus mengadakan program-program yang memberdayakan wanita. Perubahan politik...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Just to respond. Untuk peruntukan untuk Bridged Wanita, yang tahun lepas yang kerana ada tambahan RM50,000 untuk peruntukan khas, jadi ditetapkan setiap ADUN Kerajaan dia mesti membelanjakan RM30,000 itu ke atas Bridged Wanita ataupun aktiviti wanita. Tahun ini RM50,000 ini tidak ditambah, sudah kerana bajet tidak cukup tetapi semua ADUN juga disarankan supaya belanja RM30,000 itu ke atas Bridged Wanita dan aktiviti wanita juga. Itu tidak bermakna, sekarang *you* tidak payah belanja untuk Bridged Wanita ya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Padang Lalang. Saya memang tahu tetapi saya, kita wang peruntukan itu tidak cukup, *that's why* kita harap dapat dikekalkan seperti tahun yang lepas. Ini cadangan daripada saya. So terima kasih kerana memberi penjelasan kepada perkara ini.

Perubahan politik tidak akan menjadi realiti tanpa penglibatan rakyat. Proses *empowerment* kepada penduduk-penduduk amat penting untuk mengubah sikap dan juga mengetahui hak asasi manusia. Setiap penduduk adalah agen perubahan untuk memdokong dan merealisasikan agenda reformasi. Rakyat menaruh harapan yang tinggi kepada Pakatan Harapan. Keberanian rakyat untuk membuat perubahan sejak 2008 perlu diberikan keyakinan bahawa pilihan mereka adalah bijak dan betul kerana kehidupan mereka adalah bertambah baik dan bukannya dibebankan dengan pelbagai kos sara hidup yang tinggi. Machang Bubuk sering kali menggalakkan penduduk-penduduk tempatan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam proses membuat keputusan termasuk membuat rundingan untuk mencari jalan penyelesaian ke atas pelbagai masalah yang dihadapi oleh penduduk. Penubuhan badan bertindak penebatan banjir serta badan bertindak keselamatan lalu lintas adalah contoh-contoh bagaimana kebijaksanaan tempatan atau *local wisdom* itu dapat digunapakai dalam usaha kita merapatkan penduduk-penduduk untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh komuniti setempat. Dengan dialog serta perbincangan yang membina, rakyat boleh menyuarakan pandangan dan cadangan mereka secara konstruktif, secara langsung kepada pihak Berkuasa Tempatan dan juga pembuat dasar. Suara rakyat tidak patut diperlekehkan malah perlu dikaji dengan serius agar semangat *sense of belonging...* (dengan izin), dalam komuniti itu dapat dipupuk. Pentadbiran cekap, akauntabiliti dan telus (CAT) bukan sekadar imej atau slogan sahaja. Urus tadbir CAT perlu dirasai dan dinikmati oleh rakyat dalam urusan setiap hari. Maka Kerajaan Negeri boleh mengkaji menggunakan satu aplikasi baru internet seperti sistem *e-Voting* untuk membolehkan rakyat menyuarakan pandangan dan mengundi tentang sesuatu dasar baru atau cadangan baru atau pembangunan baru yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan.

Dengan adanya sistem *e-Voting* ini, Kerajaan Negeri boleh mendengar, mengutip suara, mendengar pandangan, cadangan-cadangan orang ramai serta menyempurnakan Dasar-Dasar Kerajaan dengan mencapai sasaran juga melalui penglibatan rakyat dalam proses perbincangan tersebut.

Baru-baru ini YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, apabila saya mengunjungi ke pusat penjaja. Ada penjaja mengadu kepada saya bahawa ada masalah yang dihadapi oleh mereka di mana jika MPSP melaksanakan satu dasar di mana melarang penjaja tempatan untuk mengupah pekerja asing sebagai pembantu di gerai. Saya dengar aduan-aduan daripada penjaja-penjaja tersebut dan mereka mengadu kepada saya bahawa dasar baru tersebut akan memberi tamparan yang kuat keatas perniagaan mereka kerana kini mereka amat susah untuk mendapatkan pekerja-pekerja tempatan....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Dan juga kos sara hidup yang meningkat sekarang. Boleh, YB. Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya ingat ini ada satu salah faham kerana MPSP telah beri penjelasan banyak kali dan bukan MPSP yang halang. Hanya tidak boleh mengupah warga asing untuk menjadi tukang masak di penjaja dan juga tidak boleh membenarkan menjadi penjaja atau meniaga kecil di sana. Selain daripada itu dibawah *Immigration*. Pihak MPSP telah memberi penjelasan beberapa kali, harap dibetulkan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Sungai Puyu. Apa yang saya cuba nak kongsi disini adalah maklumbalas daripada penduduk atau penjaja-penjaja selepas perkara ini dibangkitkan dalam media. Dan ini balik kepada cadangan saya dengan adanya sistem *e-Voting* ini. Mereka boleh sebelum kita membuat apa-apa dasar, kita boleh membentangkan atau memuatnaikkan tentang dasar yang kita bakal atau cadangkan kedalam satu *apps* supaya rakyat boleh pergi tengok, lihat apa yang akan dilakukan oleh kerajaan tentang sesuatu dasar itu. Dan kadang kala apabila kita pergi ke pusat penjaja juga, bila saya makan di pusat penjaja ada juga orang datang kata dia sangat sokong usaha Kerajaan Negeri untuk bina LRT kerana kesesakan lalu lintas yang sangat teruk. Mereka menyokong Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang kerana mereka berpendapat bahawa pembangunan ekonomi itu penting dan penambakkan laut itu adalah tidak dapat dielakkan kerana penambahan penduduk. So, demi masa depan Pulau Pinang

mereka sangat sokong Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.

Dua (2) pengalaman yang berbeza ini, telah ada satu kesamaan bagi kita semua di mana kedua-dua pengalaman menunjukkan bahawa rakyat di akar umbi, mereka mempunyai pandangan dan suara yang berbeza-beza. Ada yang sokong, ada yang membantah tetapi sekiranya pelbagai idea dan juga komen-komen daripada masyarakat itu ia dapat kita kumpulkan seperti tadi saya sebut *local wisdom* itu digunapakai dengan baik maka, keputusan yang dibuat oleh kerajaan atau pembuat-pembuat dasar ia akan mengambil segala aspek dan keperluan.

Berbalik kepada Dalam Dasar Mengupah Pekerja Warganegara Asing / Pemastautin Tetap (PR) sebagai pembantu di gerai perniagaan milik Majlis, premis perniagaan dan penjaja yang baru-baru diperkenalkan oleh MPSP, reaksi daripada *stakeholders* amat besar kerana dasar tersebut akan mempengaruhi bisnes mereka. Sama juga Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang merupakan satu pelan mega projek yang akan mempengaruhi masa depan rakyat dan Negeri Pulau Pinang.

Sekiranya Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan seperti MPSP boleh membentangkan cadangan dasar baru tersebut dengan menjelaskan matlamat dan cara pelaksanaan dasar tersebut di dalam satu platform aplikasi *e-Voting*, maka ia dapat dijadikan satu platform untuk mengumpul maklum balas atau reaksi daripada *stakeholders* sebelum dasar itu ditentukan atau dibuat. Demi urustadbir CAT, sistem *e-Voting* akan membolehkan kerajaan mengumpul pandangan dan mengutip suara orang ramai daripada *stakeholders* dengan lebih berkesan lagi.

Cara ini bukan sekadar membuka ruang kepada orang ramai untuk memahami segala dasar baru yang akan dilaksanakan. Ia juga membolehkan kerajaan menguasai kecenderungan dan suara rakyat dengan lebih menyeluruh dengan itu kredibiliti kerajaan juga tidak akan terjejas atau dikritik oleh sebahagian orang bahawa pelaksanaan dasar kerajaan tidak prihatin atau kurang sensitif kepada kesusahan rakyat.

Dalam isu pembinaan hostel pekerja asing yang juga mendapat bantahan daripada penduduk tempatan, salah satu adalah di kawasan Permatang Tinggi yang berdekatan dengan yang di dalam KADUN Machang Bubuk juga. Masalahnya bagi saya bukan sokong atau bantah pembinaan hostel pekerja asing. Yang isunya adalah isunya juga bukan ia dibina di kawasan KADUN yang ditanding oleh Keadilan, atau Pakatan Harapan atau di kawasan yang ditanding oleh UMNO (BN). Persoalan yang paling penting adalah proses *public consultation* itu sama ada telah dibuat terlebih dahulu sebelum sesuatu keputusan itu dibuat. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan atau pemaju telah mengadakan sesi penerangan kepada penduduk-penduduk atau *stakeholders* tentang isu-isu yang dikhuatiri oleh penduduk-penduduk tempatan seperti keselamatan, kebersihan dan pengurusan lalu lintas yang menjadi isu-isu penting dalam kekhawatiran penduduk tersebut. Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan sebenarnya boleh perlu ada satu pakej di mana semua maklumat-maklumat tentang projek pembinaan hostel pekerja tersebut boleh dibuka dan didedahkan kepada semua *stakeholders* supaya mereka boleh memahami kebaikan dan juga macam mana boleh mengatasi isu-isu yang dibangkitkan atau kekhawatiran penduduk-penduduk tersebut. Proses rundingan dengan penduduk perlu dibuat sehingga mencapai kesefahaman dan segala kerisauan penduduk itu diatasi. Maka sekiranya kerajaan berpegang dengan kaedah *top down* maka masalah bantahan daripada penduduk akan terus berlaku dan menimbulkan kesulitan di pihak kerajaan untuk melaksanakan sesuatu projek.

YB. Dato' Yang di-Pertua, hak kediaman untuk pekerja perlu dilindungi. Hak untuk tahu bagi penduduk juga perlu dihormati. Kita perlu tukar minda dalam soal menangani aduan dan juga bantahan daripada penduduk, kita perlu tegakkan pemikiran baru dalam proses membuat keputusan di Pulau Pinang dimana kita dengan cara *bottom up* untuk memastikan perubahan yang kita capai sejak 2008 dapat diteruskan.

Kesimpulan :

Izinkan saya menggunakan satu konsep sebagai kesimpulan untuk perbahasan saya. Konsep itu adalah "*mutualism*" atau hidup bersama. Pada asalnya konsep *mutualism*....(*dengan izin*), adalah satu konsep ekosistem semulajadi untuk hidup bersama. Berbanding dengan undang-undang rimba, *mutualism* adalah pergantungan di antara spesis serta manfaat bersama untuk hidup bersama. Selepas itu, konsep ini telah berkembang sehingga ke pembangunan komuniti iaitu penduduk-penduduk di dalam satu komuniti yang tidak mengira jantina, kaum, warganegara dan umur di mana tidak semestinya ia jatuh atau ke dalam hubungan persaingan yang bersaing untuk memperolehi sumber yang amat terhad.

Saya berpendapat bahawa kita boleh cuba untuk mengamalkan konsep *mutualism* di dalam sistem pentadbiran dan perundangan kita. Seperti yang saya sentuh tadi, amalan *bottom up* penglibatan masyarakat secara terbuka adalah matlamat-matlamat yang kita semua berusaha untuk mewujudkan satu cara yang lestari dalam komuniti kita. Akhirnya Pulau Pinang akan mencapai matlamat di mana tanah dapat diguna dengan tahap optima, peralatan dapat diguna dengan sebaik-baiknya dan bakat-bakat dapat diperkembangkan dengan sehebat-hebatnya. Dengan ini saya mohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih YB. Machang Bubuk. Sila, YB. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi ucapan dalam Dewan yang mulia ini.

Salam Sejahtera, Salam Bersih. Pelabuhan, Pembangunan, Pertumbuhan dan Perkembangan ekonomi. Sebenarnya Negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang memang sesuai untuk pelabur-pelabur negara asing dan domestik. Di sini adanya pemimpin Kerajaan Pakatan Harapan yang kuat dan stabil, kawasan yang luas dan strategi serta sistem pengangkutan yang baik disamping itu, Negeri Pulau Pinang juga ada pelbagai jenis sumber tenaga kerja dari peringkat profesional sehingga ke peringkat pekerja operator yang memudahkan syarikat-syarikat besar dan industri dalam mendapatkan tenaga kerja. Selain itu Kerajaan dibawah pimpinan CAT dan tender terbuka juga dapat lebih menyakinkan pelabur-pelabur lagi jika dibandingkan dengan negeri yang lain.

Pada tahun 2016, Negeri Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah pelaburan RM4.3 billion dengan 106 projek diuruskan dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM3.1 billion adalah daripada pelabur asing, manakala RM1.2 billion adalah daripada pelabur domestik. Ini adalah satu pencapaian yang bagus yang dapat dicapai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang walaupun pada tahun 2016 pertumbuhan ekonomi di seluruh negara adalah kurang. Pada pendapat saya bagaimana pertumbuhan ekonomi ini tidak boleh bergantung 100% kepada industri berat ia kena juga ada industri kecil dan sederhana iaitu IKS memang tidak boleh dinafikan sektor industri berat ada penting kerana dapat memberi impak yang tinggi dan kemudahan yang besar kepada Kerajaan tetapi IKS juga penting dalam memberi peluang kepada pelabur tempatan yang bermodal kecil untuk pertumbuh seperti sektor makanan, sektor komersial dan peniaga-peniaga kecil.

Saya difahamkan pada 8 Februari yang lalu, Kluster Automasi Pulau Pinang "*Penang Automation Cluster*" (PAC)...(dengan izin), YB. Dato' Speaker bernilai RM63 juta telah ditubuhkan di perkampungan IKS yang seluas 150 ekar, saya percaya *Kluster Automasi Pulau Pinang ini dapat* membantu syarikat IKS yang lain yang juga dapat menyumbang sedikit sebanyak pertumbuhan ekonomi di Negeri Pulau Pinang.

YB Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan sekalian, seperti saya bangkitkan dan cadangkan dalam sidang Dewan sebelum ini Kerajaan dan PDC perlu ada rancangan untuk memperkembangkan sektor perindustrian di Changkat kerana di kawasan ini memang berdekatan dengan kawasan perindustrian Batu Kawan iaitu industri berat, saya juga mencadangkan PDC dan Kerajaan Negeri membuka satu jalan yang dapat menyambung kawasan Changkat dengan Batu Kawan kerana saya berpendapat jalan ini patut dibuka supaya dapat membantu pertumbuhan ekonomi di kawasan Changkat dan Jawi, memang saya difahamkan Kerajaan Negeri telah ada membuat perancangan dan keputusan untuk membangunkan kawasan Changkat untuk dijadikan kawasan perindustrian IKS. Ini memang berita yang baik kerana penduduk-penduduk tempatan dan peniaga-peniaga di mana adanya IKS maka akan ada peluang-peluang pekerjaan dan peniagaan di kawasan KADUN Jawi dapat meningkat.

Saya hendak tanya di sini, bilakah projek industri IKS dapat bermula? Saya berharap projek ini dapat disiapkan dalam tempoh masa tiga (3) tahun akan datang ini kerana ia dapat membangunkan kawasan Jawi dan anak-anak di kawasan KADUN Jawi yang bakal tamat pelajaran mereka boleh terus mencari kerja di kawasan sekeliling. Saya juga hendak minta Kerajaan Negeri untuk merancang penambahbaikan infrastruktur pembangunan dan pelabur jalan di kawasan berdekatan semasa projek IKS di Changkat ini siap supaya ia tidak menjadikan masalah kesesakan dari segi pengawalan lalu lintas dan trafik.

Isu kedua yang saya ingin bahas iaitu perkembangan sektor pelancongan dan warisan negeri. Sektor pelancongan saya difahamkan pelancong-pelancong yang datang dari luar negara ke Negeri Pulau Pinang semakin bertambah statistik terkini dari bulan Januari ke Mac 2017 menunjukkan sebanyak 1,975,170 penumpang yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang jika dibandingkan dengan tahun 2016 bulan Januari ke Mac sebanyak 1,571,562 penumpang. Ini telah menunjukkan pertambahan sebanyak 25.6%. ini adalah satu contoh yang bagus yang dapat membuktikan *popularity* Negeri Pulau Pinang telah semakin meningkat di kalangan pelancong di samping itu statistik ini juga telah menunjukkan sebanyak 6.7 juta penumpang telah menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pada tahun 2016 telah melebihi kapasiti yang sepatutnya iaitu 6.5 juta. Sehubungan dengan itu, saya ingin meminta agar Menteri Pengangkutan dan Malaysia Airlines Berhad memperluaskan Lapangan Terbang secepat mungkin untuk menampung penumpang yang semakin bertambah ini.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan sekalian, saya berpendapat di Negeri Pulau Pinang ada banyak tempat pelancongan yang menarik dan dapat dikunjungi oleh pelancong selain daripada Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town ada juga Kek Lok Si, Bukit Bendera, Batu Feringghi, Balik Pulau dan lain-lain destinasi. Walau bagaimanapun di kawasan Seberang Perai pula kurang tempat tarikan pelancong, saya ingin cadangkan di sini Kerajaan Negeri Pulau Pinang EXCO Pelancongan dan Penang Global Tourism boleh cuba mencari satu atau dua destinasi pelancongan di setiap KADUN, kita ada 40 KADUN di Negeri Pulau Pinang dan kalau di setiap KADUN ada satu atau dua destinasi pelancongan di Negeri Pulau Pinang maka ia dapat menarik pelancong ke tempat tersebut yang akan dapat membantu perkembangan ekonomi di setiap tempat ataupun setiap KADUN dan ia dapat mempromosikan tempat ini untuk menarik pelancong sama ada dari luar negeri ataupun luar negara ke Pulau Pinang, sebagai contoh di KADUN Jawi ada destinasi untuk melihat kelip-kelip dan memancing udang galah.

Di kawasan Bagan juga ada satu bangunan persendirian yang memang terkenal di antara orang tempatan dengan keunikan 99 pintu di dalam bangunan tersebut tetapi kurang promosi kepada pelancong-pelancong luar negara. Baru-baru ini YB. Padang Kota juga ada melawat ke rumah bangunan tersebut. Bangunan yang bersejarah ini sepatutnya dimasukkan sebagai tapak warisan dunia juga tetapi tiada tindakan diambil sehingga kini, walaupun bangunan ini terletak di tapak atau pun tanah persendirian, dengan itu saya ingin memohon Kerajaan Negeri supaya memasukkannya sebagai tapak warisan dunia dan mempromosikan kepada pelancong-pelancong. Saya percaya KADUN-KADUN lain mesti ada tempat-tempat dengan keunikannya yang tersendiri yang belum dicungkil tetapi boleh diperkenalkan kepada pelancong kita, tempat-tempat inilah yang sepatutnya diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri untuk dijadikan tarikan baru kepada pelancong yang datang ke negeri kita. Selain itu negeri Pulau Pinang memang terkenal dengan *Street Food*....(dengan izin), YB. Dato' Speaker sehingga ke peringkat dunia, dengan itu Kerajaan Negeri juga boleh mempromosikan makanan yang sedap di setiap KADUN kepada pelancong. Baru-baru ini Kerajaan Negeri bersama Penang Global Tourism telah menganjurkan *Penang International Food Festival (PIFF)*....(dengan izin), YB. Dato' Speaker, yang pertama kali dianjurkan di Negeri Pulau Pinang yang telah berjaya menarik lebih kurang 400,000 pengunjung ke festival tersebut, ini adalah salah satu program yang amat berjaya sesungguhnya saya ingin program seperti ini patut dibuat setiap tahun dengan mengumpulkan makanan tempatan yang sedap di satu kawasan sebagai tarikan pelancong secara tidak langsung juga ia dapat mempromosikan tempat asal makanan asal tersebut. Saya percaya setiap KADUN mesti ada makanan tempatan yang keunikannya yang tersendiri, contohnya di KADUN Sungai Dua ada Mee Udang Sungai Dua, di KADUN Jawi ada Chai Kueh dan Udang Galah di Sungai Udang dan Bukit Tambun kawasan Dato' Speaker ada makanan laut yang segar, di KADUN Pulau Tikus, Lorong Bangkok ada Mee Goreng yang sedap, di KADUN Sungai Pinang ada keunikan kacang tumbuk dan minyak bijian, minyak bijian cap nama Ghee Hiang yang lama, ada banyak pelancong datang ke Negeri Pulau Pinang untuk membeli minyak tersebut, so setiap tahun kawasan ada mungkin Bertam pun ada minyak angin Ketua Pembangkang...(gangguan).

Keunikan makanan di setiap KADUN ini sebenarnya tidak sepatutnya dikenali orang tempatan sahaja tapi perlu diwar-warkan kepada pelancong-pelancong sama ada pelancong di luar negeri ataupun luar negara, saya berharap agar Kerajaan Negeri boleh mengkaji cara ini untuk mempromosikan makanan-makanan tersebut melalui setiap KADUN. Sektor pelancongan ini adalah salah satu sektor yang penting kerana ia dapat menyumbang hasil ataupun keuntungan kepada Kerajaan Negeri dan perlu diutamakan kerana ia dapat membantu membangunkan ekonomi setempat juga terutamanya peniaga-peniaga kecil di sekitar kawasan pelancongan tersebut.

Isu yang ketiga, Penubuhan Alam Sekitar Dan Pengasingan Sisa Pepejal, YB Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri sekalian, semua rakyat mahu hidup dalam keadaan yang selesa, selamat dan sihat, pada 22 Mei 2017 adalah ulangtahun ke-6 untuk amalan *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang...* (dengan izin), YB. Dato' Speaker. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memberi satu suasana ke alam sekitar yang bersih, hijau dan segar supaya rakyat Negeri Pulau Pinang dapat menikmati keselesaan hidup seperti slogan kata "Alam Sekitar Bersih Rakyat Sihat". Saya berpendapat bahawa Jabatan Alam Sekitar harus mengambil peranan yang lebih pro-aktif dan bergerak dengan lebih pantas untuk mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap kilang-kilang kecil atau industri-industri yang selalu mengeluarkan asap atau bau bertoksik dan busuk yang boleh mencemarkan udara yang segar dan bukan sahaja mencemarkan udara yang bersih akan tetapi akan menjejaskan kesihatan penduduk-penduduk yang menduduki di kawasan sekeliling industri tersebut. Kes-kes ini berlaku di kawasan perkampungan, bandar dan juga luar bandar di mana mereka berniaga tanpa lesen dan mencemarkan udara, saya difahamkan di setiap daerah juga terdapat kilang-kilang yang tidak berlesen dan masih beroperasi. Mengapa kilang-kilang seperti ini telah dikeluarkan saman atas sebab pencemar udara tapi masih boleh beroperasi dan Jabatan Alam Sekitar tidak mengambil tindakan yang seterusnya, saya berharap Jabatan Alam Sekitar boleh melaksanakan tanggungjawab mereka dalam aspek penjagaan kesihatan dan keselesaan penduduk-penduduk kerana mereka ada kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang mencemarkan udara dan air.

Mulai 1 Jun 2017 Kerajaan negeri Pulau Pinang melalui pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan menguatkuasakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca dan jika sesiapa tidak mengamalkan akan dikenakan denda. Walau bagaimanapun, saya mendapati ada banyak lagi penduduk-penduduk yang masih belum menjadikan Pengasingan Sisa di Punca di rumah mereka masing-masing mahupun tempat kerja dan lain-lain tempat. Sebenarnya setiap kali saya berjumpa dengan penduduk-penduduk kawasan KADUN Jawi, saya mengedar risalah dan memberitahu mereka supaya tidak membuang sampah ataupun bahan-bahan yang boleh *recycle* seperti kertas, plastik, aluminium, kotak, besi, ke dalam tong sampah. Pendidikan melalui kesedaran amat penting dan patut diperluaskan lagi sebelum penguatkuasaan dilaksanakan. Di kawasan KADUN Jawi terdapat 4 JKKK saya yang telah mengamalkan Pengasingan Sisa di Punca dengan begitu berjaya dan menubuhkan pusat alam sekitar di kawasan perumahan ini iaitu JKKK Bukit Panchor, JKKK Perkampungan Jawi, JKKK Changkat dan JKKK Kampung Sanglang. Keempat-empat pusat sumber ini telah berjaya mendapat kutipan yang banyak setiap bulan daripada jualan barang-barang yang boleh dikitar semula dikawasan JKKK masing-masing.

Jumlah kutipan yang diperolehi oleh JKKK pada tahun 2016 adalah seperti berikut, di kawasan pusat sumber alam sekitar JKKK Bukit Panchor hasil kutipan pada tahun 2016 adalah sebanyak 11,488kg, maka JKKK Changkat sebanyak 10,011kg, di kawasan pusat sumber alam sekitar JKKK Kampung Jawi sebanyak 9,660kg, maka pusat sumber alam sekitar JKKK Kampung Sanglang, sebanyak 7,480kg.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, sebelum memulakan Program Pengasingan Sisa di Punca di kawasan saya pada tahun 2016, tahun 2015 saya bersama dengan ahli JKKK setiap hari ahad turun ke kampung memberitahu penduduk-penduduk di kawasan kampung supaya jangan membuang barang-barang yang boleh dikitar semula dan memberi mereka dua (2) guni untuk mereka kumpulkan barang kitar semula.

Ini adalah kerana pada setiap bulan, ahli JKKK tersebut akan turun ke setiap rumah untuk memungut barang-barang kitar semula itu sebulan sekali pada hari ahad. Memang ini kerja susah pada permulaannya. Tetapi apabila penduduk mereka sendiri lihat hasil kutipan daripada sampah tersebut, selepas tiga (3) bulan maka kita dapat lihat penduduk-penduduk sendiri faham sebab nasihat kita tidak membuang sampah ataupun barang-barang yang boleh dikitar semula. Malah ada penduduk yang menghantar barang-barang yang boleh dikitar semula ke pusat sumber alam sekitar masing-masing dan ada yang masih menunggu ahli-ahli JKKK turun untuk ambil sebulan sekali. Kerana kitar kutipan barang semula kawasan Seberang Perai dalam tahun 2008 hingga tahun 2016 setiap tahun adalah meningkat. Tahun 2008 adalah kadar kitar semula di kawasan MPSP adalah sebanyak 22%, tahun 2009 sebanyak 24%, tahun 2010 sebanyak 22.3%, tahun 2011 sebanyak 26%, tahun 2012 sebanyak 30%, tahun 2013 sebanyak 33%, tahun 2014 sebanyak 35%, tahun 2015 sebanyak 39%, tahun 2016 sebanyak 42.6%. Ini telah menunjukkan bahawa penduduk-penduduk di kawasan luar bandar, di kawasan Seberang Perai pun boleh mengamalkan Program Pengasingan Sisa di Punca bersama dengan Kerajaan Negeri. Sekiranya mereka diberi pendedahan dan kesedaran yang secukupnya. Saya percaya penduduk-penduduk di kawasan bandar dan pekerja-pekerja kilang juga boleh bekerjasama untuk mengamalkan Program Pengasingan Sisa di Punca.

Dengan itu saya juga ingin menjemput MBPP dan MPSP turut turun ke taman-taman perumahan untuk menyampaikan mesej kepada penduduk-penduduk supaya mereka faham dan boleh sama-sama menjayakan Pengasingan Sisa di Punca di rumah mereka masing-masing. Walau bagaimanapun, saya mendapati ramai pekerja-pekerja asing yang duduk di kawasan perumahan tidak tahu bahawa barang-barang yang boleh dikitar semula kena diasingkan dan tidak dibuang ke dalam tong sampah. Saya ingin mendapatkan bantuan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya meminta pengusaha kilang-kilang mengarahkan pekerja-pekerja asing mereka mengamalkan Pengasingan Sisa di Punca di rumah mereka masing-masing.

Isu kelima, kesihatan rakyat, keselamatan dan kualiti makanan. YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sekalian, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bukan sahaja berusaha menjaga kebersihan alam sekitar, tetapi juga ingin menjaga kualiti makanan di setiap premis makanan, saya difahamkan Jabatan Kesihatan Pulau Pinang akan membuat operasi bersama PBT sebanyak 24 kali setahun atau 2 kali sebulan di setiap daerah. Saya ingin cadangkan operasi ini haruslah dijalankan setiap minggu kerana kita kerap terima aduan daripada rakyat bahawa ada premis makanan yang kotor dan telah melanggar peraturan berdasarkan statistik Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, sebanyak 1,827 notis kompaun yang telah dikeluarkan di peringkat negeri pada tahun 2014 sebanyak 292 notis kompaun yang telah dikeluarkan, tahun 2015 sebanyak 428 notis kompaun yang telah dikeluarkan dan tahun 2016 sebanyak 807 notis kompaun yang telah dikeluarkan. Selain daripada notis kompaun, tindakan tutup premis makanan juga diambil oleh Kementerian Kesihatan dari tahun 2013 hingga tahun 2016 di mana sebanyak 730 buah premis telah diarahkan tutup atas sebab masalah kebersihan di premis makanan dan minuman mereka.

Saya ingin cadangkan di sini tindakan penguatkuasaan terus dijalankan setiap minggu untuk menjamin kualiti makanan justeru untuk keselamatan dan kesihatan rakyat. Saya juga ingin meminta agar setiap premis makanan dan minuman bertanggungjawab dan sentiasa memastikan keadaan premis makanan dan kualiti makanan dan minuman mereka sentiasa dalam keadaan bersih dan terjamin. Kerana negeri Pulau Pinang memang terkenal dengan makanan yang lazat dan enak dan kita tidak mahu ia terjejas disebabkan aspek kebersihan. Maka kebersihan dan kualiti makanan perlu sentiasa dipelihara. Saya juga ingin minta Kementerian Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan terus membuat operasi terhadap premis makanan yang tidak berlesen dimana premis-premis ini juga harus mematuhi peraturan untuk menjamin premis makanan mereka dalam keadaan bersih dan juga kualiti makanan yang mereka jual kepada pelanggan-pelanggan itu mestilah berkualiti dan keadaan bersih dan terjamin.

Isu keenam, perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam KADUN Jawi. Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah merancang untuk pembangunan perumahan kaum india yang tinggal di kawasan Ladang Victoria, Ladang Kaledonia dan Ladang Byram dan beberapa kali perjumpaan dengan penduduk yang tinggal di ladang-ladang tersebut, masalah tempat tinggal telah menjadi masalah utama yang mana mereka ini sebelum telah dijanjikan oleh Kerajaan Negeri untuk mengadakan rumah untuk mereka tinggal. Kerana tapak yang mereka duduki sekarang ini akan dimajukan pada masa hadapan. Untuk kawasan Ladang Byram, saya telah difahamkan urusan bayaran pampasan sudah diselesaikan. Sekarang Kerajaan tengah sudah ada rancangan untuk pembinaan tapak baru termasuk sekolah dan kuil. Di kawasan Kampung Kaledonia dan Ladang Victoria pula, tempat tinggal mereka telah pun ada keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri. Saya amat berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah membuat keputusan untuk ketiga-tiga tempat penduduk-penduduk ladang tersebut seperti rancangan ini dapat dijalankan ataupun dipercepatkan supaya penduduk-penduduk ini dapat diduduki ataupun mendapat rumah yang tapak baru ataupun rumah kluster yang baru secepat mungkin. Rumah-rumah pangsa yang terdapat dalam KADUN Jawi hanya ada di dua (2) tempat sahaja yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu Perumahan Awam Nibong Tebal dan Perumahan Awam Desa Jawi.

Walaupun terdapat dua (2) tempat sahaja, saya telah menerima aduan daripada penduduk dan saya yakin mereka ini hanya berpendapatan rendah ataupun sederhana rendah. Mereka ini kalau mengikut kelayakan patut menerima satu unit rumah kos rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Contohnya untuk perumahan awam Taman Desa Jawi terdapat lebih kurang 72 unit yang masih kosong dan tidak berpenghuni sentiasa dan sementara daripada unit tersebut, 15 unit telah disewa keluar. Maksudnya, penduduk yang duduki adalah disewa kepada dengan pihak yang sewa dengan Kerajaan.

Sehubungan dengan itu, saya cadangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil tindakan dengan segera dalam memastikan semua pembeli rumah milik Kerajaan Negeri ataupun penyewa adalah tinggal di unit mereka sendiri dan tidak sewa kepada pihak ketiga dan satu lagi tadi yang saya ceritakan agensi Kerajaan seperti JKR yang projek Kerajaan Persekutuan yang telah lama dilaksanakan di kawasan Jalan Bukit Panchor, Taman Jaya di mana terdapat 14 kuarters untuk kakitangan JKR telah ditinggalkan lebih 10 tahun dan ini kita lihat amat membazirkan tapak tersebut,

rumah telah dibina siap tapi sekarang telah dikosongkan dan tidak diduduki dan dibiarkan semak samun dan tingkap, tiang-tiang besi, pintu telah pun dirosakkan. Ini akan menjadi satu masalah ataupun menjejaskan imej dan juga mendatangkan masalah dari segi kesihatan kepada penduduk-penduduk kerana nyamuk-nyamuk denggi, nyamuk-nyamuk Aedes, nyamuk-nyamuk akan duduk di kawasan tersebut.

Isu terakhir yang saya ingin bincangkan, bahaskan pengindahan dan kehidupan landskap sempena ulangtahun *Cleaner, Greener, Healthier, Safer Penang*....(dengan izin), YB. Dato' Speaker saya ingin ambil kesempatan untuk minta Pihak Berkuasa Tempatan terutama Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk menjalankan program pengindahan landskap kerana saya difahamkan dalam sesi dialog bajet MPSP bagi tahun 2018 yang telah dianjurkan seminggu sebelum ini tahap keutamaan untuk pengindahan landskap pada tahun 2018 telah meningkat kepada 13% berbanding dengan 12% pada tahun 2017. Ini telah menunjukkan permintaan warga Seberang Perai kepada MPSP supaya menjalankan lebih banyak program pengindahan landskap di kawasan SPU, SPT dan SPS. Saya pernah cadangkan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam sidang Dewan tahun 2016 supaya setiap tahun menjalankan tiga (3) projek pengindahan landskap dan kehijauan landskap di setiap daerah atau setiap tahun menjalankan sekurang-kurangnya satu projek pengindahan landskap di setiap KADUN di kawasan Seberang Perai. Penduduk-penduduk amat berharap projek pengindahan landskap dapat diteruskan di kawasan-kawasan perumahan yang mereka duduki. Di samping itu, landskap di kawasan perindustrian juga perlu diselenggara. Contohnya landskap di kawasan perindustrian Perai terbiar, saya minta kepada MPSP haruslah bertanggungjawab untuk menghiaskan. Saya berpendapat bahawa kawasan landskap di kawasan perindustrian seperti Perai, Bukit Tengah, Bukit Minyak, Batu Kawan, Nagasari dan lain-lain tempat haruslah diperbaiki kerana ia akan memberikan satu imej yang kurang baik kepada pelabur-pelabur yang datang mengunjungi kilang-kilang di kawasan perindustrian. Bukan sahaja landskap perlu memelihara kawasan perindustrian, jalan-jalan yang rosak juga harus diperbaiki dan tiang-tiang lampu yang sering rosak juga harus diambil tindakan segera oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk membaiki.

Saya percaya kalau dengan adanya landskap yang cantik dan padang permainan kanak-kanak di setiap kawasan perumahan yang penuh dengan pokok-pokok bunga dan alat-alat permainan budak-budak serta *exercise equipment*....(dengan izin), YB. Dato' Speaker dan ia akan memberi tambahan keselesaan kepada penduduk-penduduk. YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian, 'bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi' kemajuan dan keselesaan Negeri Pulau Pinang bukan sahaja bergantung kepada usaha-usaha mana-mana satu pihak sahaja tetapi perlulah kerjasama dan usaha bersama semua pihak yang terlibat.

Dengan itu saya mengakhiri ucapan saya dengan harapan semua pihak akan bersama-sama berusaha menuju ke arah memelihara Negeri Pulau Pinang untuk terus menjadikannya satu negeri yang *cleaner, greener, healthier* dan *safer Penang*. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Jawi. Sesi perbahasan diteruskan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, siapa ingin menyertai sesi perbahasan dipersilakan, kalau tidak ada saya tutup. Sila. Ahli Kawasan Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih YB. Dato' Speaker kerana diberi peluang untuk membahas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri. Saya akan sentuh mengenai beberapa isu sahaja. Khasnya adalah mengenai masa depan Pulau Pinang dan rancangan dan juga penguatkuasa. YB. Dato' Speaker, dunia kita sentiasa berubah dan sebagai Kerajaan Pulau Pinang kita sentiasa berubah suai dengan polisi dan strategi yang sesuai (dengan izin), yang *adaptable* menyesuaikan diri kepada situasi. Saya amat tertarik baru-baru ini kepada satu *statement* oleh seorang pengurus utama (dengan izin), *Management Director of Daimler Benz Mercedes yang berpangkat salah seorang tertinggi* yang berkata bahawa pihak pesaing (dengan izin)...*competitor* dengan *Mercedes Benz*, mereka bukan lagi dengan syarikat-syarikat pembuat kereta lain. Tetapi pesaing *competitor*... (dengan izin), *Mercedez Benz* adalah dengan *Telsa Electronic Car, Googles, Apples, Amazon.com* dan sebagainya.

Untuk sesiapa di Dewan ini yang tidak begitu faham dengan apa yang dinyatakan oleh *MD Daimler Benz Mercedes* itu, beliau telah dengan tidak secara langsung menyatakan dan memberi keterangan kepada kita bahawa masa depan industri pengangkutan bukan lagi persaingan antara pembuat kenderaan tetapi pesaingannya juga dengan perisian (dengan izin)...*software* seperti *Uber, Grabcar* dan sebagainya. Saya sentuh perkara ini bersangkut dengan Pulau Pinang. Yang dengan lebih

berkesan lagi pihak syarikat-syarikat yang baharu muncul di dalam pasaran menggunakan perisian *software*...(dengan izin), untuk mengambil alih bisnes-bisnes dan juga rancangan-rancangan sesebuah syarikat dan sesebuah negeri dan mencipta semula satu pendekatan (dengan izin), *approach* baharu, pasaran baharu untuk sistem pengangkutan awam yang revolusi seperti *Uber*, seperti *Grabcar* yang mengambil alih dari teksi yang dipantau kita dan teksi terpaksa menyerah kalah (dengan izin)...*at the certain extent* kepada industri perisian syarikat *software* seperti *Uber* seperti *Grabcar*...(dengan izin), syarikat perisian, syarikat *software* ini mereka berfikir di luar kotak, *thinking outside the box*...(dengan izin), *without having even one car of their own, they are able to mobilize the whole transportation system for the whole world*....(dengan izin), YB. Dato' Speaker.

YB. Dato' Speaker, perisian *software* akan mengganggu industri kita di mana-mana negeri termasuk Pulau Pinang. Industri yang paling tradisi dalam 5 ataupun 10 tahun akan datang ini. Saya percaya bukan sahaja mengganggu tetapi mungkin dengan sekaligus menggulingkan industri tertentu seperti industri pengangkutan, industri elektronik *circuit* dan sebagainya. YB. Dato' Speaker, *Uber* hanya alat perisian *software tool*...(dengan izin), mereka tidak membeli apa-apa kereta, kini *Uber* telah menjadi syarikat teksi yang terbesar di dunia. YB. Dato' Speaker, walaupun mereka tidak memilih apa-apa harta benda hotel, sekarang ini *Airbnb* ialah syarikat hotel terbesar di dunia.

YB. Dato' Speaker, *Amazon.com* merupakan satu syarikat internet kecil bermula dengan jualan beli dan hantar buku lama dan baharu sahaja melalui *online* internet tetapi sekarang sudah menjadi salah satu syarikat terbesar menjual beli semua barang di dunia.

Whatsapp YB. Dato' Speaker, bermula pada beberapa tahun dahulu sahaja, satu perisian (dengan izin)...*chat software* beberapa tahun sahaja jikalau kita ingat, tetapi akhirnya menjadi sistem komunikasi terbesar di dunia dalam tempoh kurang daripada lima (5) tahun. YB. Dato' Speaker, *Alibaba* cuma berasal dari syarikat dengan perisian dengan *software* membantu jual beli di internet dan *Alibaba* berasal daripada tanpa barang-barangan sendiri dan hanya bergantung dengan transaksi jual beli lain tetapi *Alibaba* juga akhirnya muncul sebagai satu syarikat terbesar di dunia dalam perdagangan antarabangsa. Kepintaran buatan YB. Dato' Speaker, (dengan izin)...*artificial intelligence computer* menjadi pesat yang lebih baik dalam memahami dunia. Tahun ini YB. Dato' Speaker, komputer mengalahkan permainan terbaik *Go*, *Chess*, di dunia. Kesimpulan saya adalah bahawa syarikat perisian *software* yang mula dari kecil pun boleh berkembang sampai menjadi syarikat terbesar di dunia. Contohnya *Googles*, *Amazon*, *Uber*, *Grabcar* *Whatsapp*, *Alibaba*, *Airbnb* dan sebagainya.

Apa lagi negeri yang bertuah seperti Pulau Pinang YB. Dato' Speaker, maksud saya adalah penting Pulau Pinang selain daripada menumpukan kekuatan kita atas industri tradisi seperti yang saya bincang beberapa penggal lalu mengenai industri automatif adalah penting bagi kita mewujudkan ekonomi alternatif yang sedia ada untuk kita ikuti. Ekonomi dan pemajuan memang banyak bergantung kepada industri pembuatan kita di Pulau Pinang *manufacturing*...(dengan izin), pelancongan *tourism*, pelancongan perubatan, *medical tourism* dan dalam bidang servis dan industrial pemajuan juga.

YB. Dato' Speaker, kita juga sedar bahawa jiran kita di rantau dan Negara-negara ASEAN juga banyak bersaing dengan kita di Pulau Pinang atas pembangunan industri tradisi, oleh itu adalah penting dan perlu disegerakan bahawa alternatif perlu dipupuk dan dipelihara dengan sebanyak mungkin. Saya juga ingin sentuh dan bersetuju dengan rakan saya tadi. YB. Dato' KOMTAR cadangkan bahawa Kerajaan Pulau Pinang... (gangguan). YB. KOMTAR yang mencadangkan bahawa Kerajaan Pulau Pinang perlu memupuk industri perfileman dengan usaha dan dengan praktikal. Ianya iaitu kita perlukan menubuhkan ataupun mendapatkan satu dana untuk menyokong industri perfileman. Ini bukan idea yang baharu ini dibangkitkan oleh saya pada penggal-penggal yang lalu.

Kerajaan *sorry*, minta maaf, kejayaan *Hollywood*, *Bollywood*, *Beijing Film Studio*, *Shanghai Film Studio*, *Chin Aun Film Studio*, pendek kata *UK Film Commission*, New York, Los Angeles, Jepun, Hong Kong, Taiwan dan sebagainya. Semua berbanding dengan Kerajaan Tempatan dan kerajaan mereka untuk membangkitkan *industry film* tanpa sokongan dokongan dan juga bantuan pihak kerajaan adalah sulit bagi industri perfileman. Tetapi saya hendak menyatakan bahawa *industrial film* bukan sahaja akan membawa faedah dan memanfaatkan filem perfileman sahaja, tetapi ia juga membawa industri yang lain seperti fesyen, seperti *fashion accessory industry* dan sebagainya dan juga *industry mass media*, industri komunikasi, *industrial television* dan lain-lain.

Untuk makluman YB. Dato' Speaker, lebih daripada RM100 juta, anggaran RM100 juta tiap tahun keuntungan kepada pihak swasta yang dilaburkan oleh *industrial film* atau pelabur dari luar negara untuk membuat filem di Pulau Pinang. YB. Dato' Speaker, teknologi adalah pantas dan kadang-kadang tidak boleh disangkal lagi (dengan izin)... *cannot be expected*. Tidak lama lagi seperti yang dijangkakan,

banyak peguam muda di Malaysia mungkin tidak akan mendapat pekerjaan lagi. Sampai *aircond* pun *stop*....(gangguan), untuk makluman YB. Dato' Speaker, walaupun *aircond stop* saya akan teruskan.

Di Amerika Syarikat peguam muda pada peringkat ini sudah tidak mendapat pekerjaan banyak, kerana dengan satu *software IBM Watson* tahun ini satu *software* satu computer yang cukup pintar dan pandai berpengalaman daripada *human brain* boleh memberi, membekal dan mendapatkan nasihat undang-undang kepada sesiapa dan ketepatannya *artificial intelligence (AI)*...(dengan izin), 90% ketepatan lebih daripada seseorang peguam manusia, iaitu 70%. Saya memberi langkah menyenaraikan perkara-perkara ini adalah untuk memperingatkan sebuah kerajaan di mana bila kita merancang bagaimana ekonomi dan masa depan sesebuah negeri akan datang, kita perlu sentiasa mengikuti teknologi yang sedia ada. Memandang balik tadi mengenai *Whatsapp*, *Alibaba*, mengenai *Uber* dan *Grabcar* dan semua ini mereka muncul di dalam antara 5 tahun ataupun ada yang 8 tahun sahaja. Tetapi pemegang amanah, pemegang saham, minta maaf pemegang saham, di pasaran perdagangan tertentu *profession* tertentu adalah besar. Perubatan...(dengan izin), *medical diagnosis* YB. Dato' Speaker, *IBM Watson* juga boleh membantu jururawat untuk mendiagnosis *cancer* empat (4) kali lebih tepat dari jururawat manusia. *Facebook* kini mempunyai perisian mengecam corak lebih tepat, boleh mengenali wajah yang lebih baik daripada manusia dan pada tahun 2030, komputer akan menjadi lebih bijak daripada manusia.

YB. Dato' Speaker, kereta atau pun sistem pengangkutan di Pulau Pinang dan di seluruh dunia, kena mengambil kira mengenai perkembangan yang baru-baru ini. Kereta yang betul-betul *automobile*... (dengan izin), iaitu pada tahun 2018 tahun depan, kereta memandu diri akan pertama muncul keseluruhannya memandu diri untuk orang ramai. Pada tahun 2020, industri automobil tradisi akan mula terganggu. Ada beberapa *branding* yang mashyur dalam *automobile industry* sudah mula mepakejkan kereta mereka bukan untuk dijual, tetapi untuk disewakan. Kerana mereka tahu pada masa tempoh lima (5) tahun, tiga (3) tahun ini, kereta *luxury* mereka tidak akan dijual kerana sekarang ini di kota kita ataupun di desa-desa, kereta boleh dipanggil secara satu *telephone call*, satu panggilan telefon dan akan muncul di lokasi anda dan memandu anda ke destinasi.

Ini penting YB. Dato' Speaker, kita tidak lagi memerlukan meletak kereta kita di satu-satu kota yang pesat misalnya Pulau Pinang, jikalau kita banyak menggunakan sistem seperti *Uber*, *GrabCar* ataupun sistem yang diselenggara atau pun yang disediakan oleh kerajaan, atau pun contohnya, Penang, kita boleh dengan secara statistik ia akan mengubah bandar-bandar. Ini bukan statistik saya, statistik *Mercedes Benz*, kerana jikalau berjaya, kita akan perlukan 90 sampai 95 peratus kurang kereta. Kerana *sharing*...(dengan izin), berkongsi kereta. Kita boleh mengubah tempat letak kereta jikalau memandangkan contoh di Pulau Pinang, tempat meletak kereta dan kita boleh ruangkan tempat untuk menjadi taman-taman misalnya. Statistik adalah 1.2 juta orang mati setiap tahun kerana kemalangan kereta yang dipandu sendiri di seluruh dunia. Kami kini mempunyai satu (1) kemalangan setiap 60.000 batu jarak pemanduan. Dengan pemanduan autonomi yang akan datang ini, kemalangan akan jatuh banyak. Kebanyakan syarikat kereta mungkin akan menjadi muflis. Syarikat-syarikat kereta tradisi cuba pendekkan evolusi ini dengan membina kereta yang lebih baik. Jadi ini adalah satu perkembangan yang sesuatu kerajaan perlu mengambilkira apabila merancang *Transport Master Plan*. Jangka masa panjang atau pun jangka masa pendek, kesemua ini termasuk lapangan tempat untuk simpan kereta, parkir kereta termasuk lebih jalan untuk lebih kereta atau pun anggaran kekurangan kereta kerana ada sistem yang lain seperti *Uber* ataupun sistem yang lebih mantap daripada *Uber*. *Uber* hanya satu contoh, bukan saya nak salahkan *Uber*. Kos insurans pun akan jatuh apabila kemalangan kereta atau pun *accident* dikurangkan. Kereta elektrik akan menjadi murah, kereta elektrik akan menjadi arus perdana kira-kira pada tahun 2020, setahu saya *Tesla* dan juga syarikat-syarikat dari Negara China yang membina kereta elektrik yang terpanjang, Nio sudah bermula datang ke Malaysia untuk mencari pasaran dan mereka datang dengan kereta, bukan sahaja kereta yang mengambil elektrik, tetapi kereta yang berada *solar hammer* di atas kereta mereka, van ka, kereta empat (4) roda ka, kereta basikal dua (2) roda, semua datang dengan *solar hammer*.

Setahu saya apabila saya tanya, ini maklumat yang diberi kepada saya berbanding dengan petroleum dengan tenaga elektrik yang sedia ada untuk sesuatu kenderaan yang sama, adalah hanya 20% kos berbanding dengan petroleum, jikalau kita menggunakan elektrik dan diberitahu kepada saya, mungkin silap, mungkin benar, bahawa industri kenderaan yang membina kenderaan petroleum cuba banyak kali untuk mempertahankan industri mereka dan juga menghalang industri *electric car*... (dengan izin). Jadi dari segi ini jikalau benar sesebuah kerajaan juga kena membanding kepada arah ini, di mana sumber tenaga boleh dijamin atau pun tidak dibazir dan juga kos terhadap alam sekitar terjamin. Kita juga kena membangunkan tenaga solar. Ini saya tidak akan panjang lebar, tapi bina minda, YB. Dato' Speaker. Bina minda adalah penting bagi bukan sahaja bagi rakyat, tetapi untuk sesebuah kerajaan.

Sesebuah kerajaan di Pulau Pinang di Malaysia, bina minda bukan sahaja menumpu kepada industri tradisi kepada pengurusan tradisi, tetapi juga kepada hala tuju yang boleh membawa manfaat yang cukup berkali ganda seperti *Alibaba*, seperti *Uber* dan sebagainya. Dengan kes seperti di atas, dengan perkembangan seperti yang disenaraikan seperti di atas, perubahan sistem pengangkutan swasta dan sistem pengangkutan awam kena diambil peduli oleh sesebuah kerajaan. Semua ini juga boleh menjadi satu dengan izin *revelation* (wahyu), ilham (dengan izin), *inspiration*, tambahan kepada kerajaan kita apabila memikirkan mengubahsuai mengenai sistem pengangkutan kita, dalam jangka masa yang panjang.

Kesihatan juga, saya pendekkan, kesihatan juga YB. Dato' Speaker, harga kesihatan mungkin akan jatuh. Ini berkaitan dengan hospital-hospital tertentu dan *medical tourism* tertentu di Pulau Pinang, dan berkaitan dengan industri di Pulau Pinang, di mana kita kena mengambil kira satu contoh *invention...* (dengan izin), satu rekaan *tricorder* akan diumumkan pada tahun ini. Terdapat syarikat-syarikat yang akan membina sebuah peranti, sebuah mesin perubatan dipanggil *tricorder* yang nama ini datang dari (dengan izin), *star trek tricorder* ada satu mesin walaupun *star trek*, *sci-fiction* tapi yang *tricorder* ini adalah mesin yang benar, yang bekerja dengan telefon anda yang mengambil imbasan retina anda, sampel darah anda dan nafas seseorang manusia untuk mendiagnosiskan, boleh mendiagnosiskan, menganalisiskan 54 *biomarkers*, ini ciptaan satu (1) lagi. Yang akan mengenalpasti mana-mana penyakit, yang ini akan di *launch* tahun ini, yang akan menjadi murah untuk dalam bidang kesihatan dan jadi beberapa tahun boleh membantu lebih banyak orang.

Pencetakan, YB. Dato' Speaker, 3D juga akan diamalkan, diwujudkan, dijalankan lebih kurang 10% seluruh dunia di dalam satu (1), dua (2), tiga (3) atau lain-lain. Maksudnya dalam bangunan yang kecil, ada bangunan yang enam (6) tingkat dibina dengan bangunan 3D dan kesemua ini adalah industri baru di mana sesebuah kerajaan seperti Pulau Pinang boleh memupuk, boleh mengikuti dan boleh membantu rakyat atau pun *industrialists* untuk melanjutkan atau pun dimanfaatkan untuk masyarakat kita. Untuk pemikiran dan juga pemantauan sesebuah kerajaan di Pulau Pinang, pekerjaan yang mungkin akan diancam ataupun dibantu positif dengan negatif, mungkin akan wujud di mana industri baru wujud. 70 atau pun 80% daripada pekerjaan mungkin akan hilang dalam tempoh 20 tahun ini yang akan datang. Akan ada banyak lagi pekerjaan baru akan muncul, akan wujud untuk orang awam juga. Ini juga adalah sesuatu perkara yang perlu dipantau, diikuti oleh sesebuah kerajaan. Banyak lagi termasuk pendidikan melalui telefon bimbit, telefon pintar, yang paling murah boleh didapati dari *software academic* dan sebagainya dan banyak lagi *software* dimana kanak-kanak diseluruh dunia boleh dapat semua ini dan di dalam tersembunyi (dengan izin), *software-software* ini adalah cara memanfaatkan masyarakat termasuk pelajaran, pendidikan, termasuk perniagaan atau pun *profit profitability...* (dengan izin).

Oleh itu, saya rasa sampai peringkat ini mungkin sesebuah kerajaan juga kena tertumpu mungkin dapat satu EXCO teknologi untuk pada masa depan boleh dicadangkan. Selain daripada masa depan, masa depan sesebuah kerajaan, saya juga nak sentuh satu lagi dan (dengan izin), *keyword* YB. Dato' Speaker adalah penguatkuasaan. *The enforcement...* (dengan izin), *of everything* dalam beberapa tahun saya dilantik sebagai, dipilih sebagai seorang ADUN, satu ayat, satu *keyword* yang seringkali muncul dari ingatan, di dalam mimpi saya, di dalam semua ingatan saya adalah penguatkuasaan, YB. Dato' Speaker. Penguatkuasaan ini muncul di seluruh administrasi, pengurusan, sebagai seorang ADUN. Bila saya minta penguatkuasaan terhadap (dengan izin), *illegal parking* haram di Jalan Padang Tembak, tak datang satu (1) sesak jalan beberapa bulan yang tidak dapat diatasi masalah. Beribu-ribu orang menderita kerana tidak berpenguatkuasa. Bila orang menjatuhkan (dengan izin), *heavy barrier* palang menghalang kenderaan berat dekat Ladang Lada, jikalau tidak ada penguatkuasaan, palang ini digantung separuh atas tanah dan separuh digantung dan membahayakan banyak pengguna jalan bila kebakaran dibuat oleh sekumpulan atau pun beberapa orang lima (5) kali, empat (4) kali di Padang Tembak, jikalau pihak polis tidak dapat menangkap walaupun pembakar ini pergi ke balai polis menyerah diri, tetapi tiada kes lagi, mungkin sudah enam (6) minggu saya sampai sekarang masih tunggu jawapan pihak polis bila ketidaklaksanaan, ketidakpenguatkuasaan ini atau akauntabiliti ini susah bagi kita kerana kita takut, penduduk takut akan datang kelima, keenam kali kebakaran mungkin akan membakarkan sesuatu bangunan. Bila struktur yang *illegal* di Taman Lumba Kuda yang saya minta Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kah, yang apa-apakah, bila tanggungjawab belum disempurnakan, susah bagi kita. Bila rumah pangsa selama tiga (3) tahun ataupun empat (4) tahun, 60 lebih unit di Blok F diambil alih oleh Perbadanan Bekalan Air (PBA) dan dikosongkan, tidak digunakan bila ditanya dan minta diambil balik untuk digunakan untuk orang awam yang tidak ada rumah selama tiga (3) tahun, tidak boleh diselesaikan. Pihak Perumahan, pihak MBPP, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), pihak banyak lagi, pihak Polis, agensi-agensi satu kerajaan, Kerajaan Pusat atau pun Kerajaan Negeri kena menguatkuasa, melaksanakan jikalau tidak apa-apa undang-undang sedia ada, di mana Malaysia ada undang-undang yang cukup banyak dan cukup sempurna sistem, tetapi tidak melaksanakan tanggungjawab mereka itu, susah,

memberi keadilan kepada orang awam.

Jadi dengan ini saya tidak ada yang lain. Hanya mengatakan polisi-polisi YB. Dato' Speaker, polisi adalah penting, memantaukan polisi kita pada Negeri Pulau Pinang pada peringkat ini, kita buat pembangunan, kita mengagihkan tanah, kita dapatkan projek-projek yang *grand*...(dengan izin). Tetapi adakah kita memperkasakan orang-orang Pulau Pinang supaya kita dapat pada masa depan, pada masa yang singkat, pada masa yang jangka panjang ataupun jangka pendek. Adakah kerajaan memperkasakan kumpulan orang Pulau Pinang ini. Keyakinan, berkeupayaan, ada kapasiti untuk berdepan dengan persaingan antarabangsa termasuk Vietnam, termasuk Myamnar, termasuk Indonesia, termasuk Singapura, termasuk *Cambodia*. Mereka jiran-jiran kita sedang berubah suai dengan *skill*, dengan teknologi, dengan psikologi mereka. Tetapi jikalau kita hanya tumpu kepada pembangunan, tambakan laut, membina bangunan, tanpa teknologi yang boleh bersaing, kita (dengan izin), *we lose out*. Jikalau kita, minda kita hanya boleh bertumpu kepada pekerjaan, bangunan, tradisi, yang mengikut langkah orang lain dan kita tak ada minda untuk ataupun kebolehan untuk melangkah lebih jauh daripada pihak persaingan kita. Kita akan membawa ke seluruh negeri kepada satu (1) suasana yang (dengan izin), *mediocrity*, maksudnya tidak berapa yang biasa...(dengan izin).

Jadi YB. Dato' Speaker, seperti yang lagi. Akhirnya saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan Al-Mubarak kepada semua dan saya memohon menyokong. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Kebun Bunga. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nak tangguhkan mesyuarat dan kita akan sambung pada jam 8:00 malam nanti

Dewan ditangguhkan pada jam 6.50 petang.

Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam.

Setiausah Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Sila mulakan sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang di-Pertua Dato' Speaker, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan ucapan perasmian T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

YB Dato' Speaker, saya ingin memulakan perbahasan saya dengan kesimpulan ucapan. Pada pandangan saya Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini memerlukan sebuah pusat sumber dengan peruntukan *Capex - Capital Expenditure dan Opex - Operational Expenditure*...(dengan izin), secara tahunan untuk melengkapkan pusat sumber ini dengan jurnal-jurnal, data-data dan terbitan-terbitan lain yang berguna bersama dengan pegawai-pegawai penyelidik untuk membantu *backbenchers* mendalami dan menyiasat isu-isu demi kebaikan negeri. Pusat sumber ini akan bertujuan membantu dan memperkukuhkan *backbenchers* dalam tugas mereka sebagai wakil rakyat yang seharusnya mempunyai sumber yang mencukupi untuk meneliti situasi dalam negeri, dasar-dasar dan perancangan-perancangan negeri dan negara. Ini diperlukan oleh *backbenchers* kerana pihak Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan sudah mempunyai pejabat mereka masing-masing serta jabatan-jabatan berkaitan dan Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri untuk membantu mereka mendalami situasi negeri dan kelemahan-kelemahan dasar dan implementasi. Namun demikian, saya juga ingin mempersoalkan sama ada BPEN dan jabatan-jabatan berkaitan diberi ruang dan penekanan yang mencukupi untuk menitikberatkan urusan maklumat, penggunaan maklumat dan perancangan pada masa yang bersesuaian, (dengan izin), *timely planning*. Saya akan mencadangkan bahawa ini perlu dipertingkatkan seiringan dengan peningkatan prestasi dan peranan *backbenchers* seperti yang disebut tadi jika diberi peluang satu pusat sumber bersama dengan pegawai-pegawai penyelidik.

Saya akan menyentuh tentang kebajikan pengguna motosikal. Menurut jawapan kepada soalan bertulis saya yang bertanyakan statistik kemalangan jalan raya, saya mendapat tahu bahawa tahun lepas tahun 2016, sebanyak 766 kemalangan motosikal yang melibatkan kecederaan atau kematian telah berlaku. Dalam satu tahun, 766 kemalangan motosikal, berbanding dengan hanya 118 kemalangan kereta. Antaranya 313 pengguna motosikal telah mati dan 48 pemandu kereta telah mati. Namun demikian saya berasa bahawa dalam perancangan lalu lintas kita, masih jelas dilihat bahawa kebajikan kereta masih diutamakan. Kita seringkali melihat motosikal perlu berhenti di tengah jalan kerana ingin berpusing dan mereka berada dalam keadaan yang merbahaya jika dibandingkan dengan kereta. Di Pulau Pinang yang semakin pesat ini, motosikal seringkali dilihat sebagai *public nuisance*...(dengan izin), sebenarnya adalah kerana kebajikan mereka kurang mendapat perhatian. Ini merangkumi reka bentuk jalan raya yang mungkin lebih sempit dan memaksa motosikal-motosikal atau menggalakkan motosikal menggunakan siarkaki. Mereka dilihat sebagai *public nuisance* dan sememangnya adalah merbahaya kepada pejalan kaki apabila mereka menggunakan siarkaki. Namun begitu kita juga perlu mengiktiraf, *recognize*, bahawa kadangkala motosikal terpaksa membuat tindakan-tindakan tertentu kerana perancangan daripada pihak Kerajaan adalah tidak mencukupi, sama ada ianya oleh sebab reka bentuk jalan raya yang sempit, yang memerlukan mereka berhenti secara merbahaya kerana perlu membuat pusingan untuk balik rumah atau pergi kerja. Tambahan lagi, memang kita sering baca di surat khabar ataupun mendengar aduan-aduan orang ramai mengenai motosikal-motosikal yang diletak di merata-rata di siarkaki. Saya Pengerusi *Penang Accessibility Action Group* dan memang penyokong infrastruktur bebas halangan untuk OKU. Namun demikian saya tahu mengapa seringkali motosikal dilihat di atas siarkaki. Ini adalah kerana kelengkapan dan kesediaan tempat letak motosikal di serata bandar kita adalah sebenarnya tidak mencukupi. Jika kita lihat pemajuan-pemajuan baru, bangunan-bangunan baru, walaupun hotel-hotel mewah, walaupun pasar raya mewah, namun kesediaan tempat letak motosikal seringkali dilihat oleh pemaju sebagai golongan yang tidak penting, tidak perlu dijadikan sebagai *convenient* ataupun senang digunakan jika berbanding dengan kereta.

Tadi YB. Sungai Pinang telah membangkitkan tentang bengkel-bengkel kereta. Saya ingin mengambil peluang ini untuk membangkitkan tentang bengkel-bengkel motosikal. Sebenarnya pada persidangan Dewan yang dahulu, pernah saya membangkitkan tentang kebajikan pengguna motosikal. Dalam perancangan negeri kita, bengkel motosikal dan juga bengkel kereta perlu ataupun hanya boleh secara tidak haram, hanya boleh secara undang-undang dijalankan atas tanah perindustrian. Namun tanah perindustrian di Daerah Timur Laut hanya ada di Jelutong. Jadi sesiapa kereta-kereta atau motosikal-motosikal yang rosak, jangan kata pengguna yang tinggal di Pulau Tikus, yang tinggal di Tanjung Bungah, minta maaf, anda kena tolak motosikal anda daripada Tanjung Bunga pergi ke Jelutong baru boleh membaiki kerosakan, tayar yang pancit atau motosikal yang rosak. Jika mengikut perancangan negeri, itulah hakikatnya. Disebabkan kelemahan perancangan negeri ini, masyarakat kita perlulah ada budaya adaptasi, *we adapt, how we drive we adapt, how we operate our business we adapt, because it is hard to fulfill what the laws say we need to do*...(dengan izin).

Tadi saya kata tentang *timely planning*, perancangan yang mencukupi dan berpadanan dengan masa. Apabila Kerajaan Negeri kita masuk kita menjadi Kerajaan, kalau tidak silap saya, selepas Mac 2010, kita kata sesiapa yang menjalankan perniagaan di tempat-tempat yang tidak diiktirafkan dari segi undang-undang, kita akan biarkan. Ini termasuk bengkel motosikal. Jadi ada bengkel-bengkel motosikal di Pulau Tikus yang dibenarkan beroperasi kerana mereka telah beroperasi sejak sebelum tahun 2010 tetapi sekarang ada sesetengah bengkel telah dipaksa keluar oleh tuan kedai mereka. Jika dipaksa keluar, adakah mereka yang sudah bergenerasi, hampir 70, 90 tahun memberi perkhidmatan kepada pengguna motosikal di daerah ini perlu berpindah ke Jelutong? Kita tengah tunggu bantuan dan perancangan oleh pihak Negeri, oleh pihak berkuasa tempatan *and it needs to be timely, it needs to be quick*...(dengan izin).

Saya juga ingin membangkitkan bahawa sebenarnya semasa kesediaan Rancangan Khas Bandar Warisan George Town telah pun dikenal pasti bengkel-bengkel kecil di George Town yang beroperasi di Rumah Warisan yang dibina daripada papan kebanyakannya membawa risiko kebakaran. Banyak pihak sama ada bengkel di Bandar Warisan George Town, Pulau Tikus, Mount Erskine Tanjung Bunga yang perlukan tindakan segera oleh pihak berkuasa tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, sebenarnya bengkel-bengkel ini juga adalah penting untuk ekonomi kerana bengkel kereta dan motosikal merupakan salah satu sumber pekerjaan dan pendapatan bagi mereka yang tidak mampu atau tidak berupaya belajar di universiti dan boleh dibuat secara kecil-kecilan tanpa modal yang tinggi. Kebajikan mereka serta peranan yang dimainkan oleh mereka tidak harus diendahkan.

Seterusnya saya ingin berbincang tentang pekerja asing yang telah dibangkitkan beberapa kali di dalam Dewan ini. Saya telah bertanya dalam soalan bertulis saya tentang taburan pekerja asing dan jenis tempat pekerjaan mereka, tetapi telah menerima jawapan daripada Ketua Menteri bahawa Jabatan Imigresen Malaysia tidak mempunyai maklumat mengenai pekerja asing mengikut daerah. Maksudnya walaupun saya percaya agensi pekerjaan ataupun majikan hanya boleh membawa masuk pekerja asing jika ada kerja-kerja tertentu untuk mereka. Namun tidak ada rekod yang diuruskan ataupun mengikut jawapan seolah-olah tidak ada rekod yang telah diuruskan agar kita tahu sebenarnya setiap pekerja asing yang masuk di Negeri Pulau Pinang di mana mereka bekerja. Bukankah setiap agensi atau pun majikan perlu ataupun wajib menyediakan tempat tinggal kepada pekerja asing yang mereka bawa masuk, maka adalah logik atau *common sense* bahawa majikan perlu melaporkan di mana mereka akan beri tempat tinggal kepada pekerja asing tersebut. Saya tidak dapat menerima bahawa kita tidak ada rekod di mana tempat tinggal mereka dan di mana tempat kerja mereka. Memandangkan masalah-masalah yang dihadapi di negeri kita termasuk masalah yang dibangkitkan oleh YB. Pengkalan Kota tentang warga-warga asing yang tinggal di perumahan kos rendah dan sederhana rendah, bagaimana kita boleh menangani masalah jika kita tidak ada rekod sedemikian?

Saya percaya bahawa memang patut dan perlu untuk Kerajaan Negeri mengusahakan kuarters ataupun tempat tinggal pekerja asing yang sesuai agar kebajikan mereka, bukan (dengan izin), *out of sight out of mind, at least let us keep in sight* kerana mereka juga menyumbang kepada ekonomi kita, jadi harus kita tahu bahawa mereka sedang tinggal dalam keadaan yang bersesuaian. Namun demikian, saya tahu bahawa di Batu Feringghi, sektor pelancongan, di Pulau Tikus, sektor perkhidmatan seperti di *malls*, di restoran dan sebagainya, kita sedang menggunakan tenaga pekerja asing, jadi perancangan untuk tempat tinggal pekerja asing haruslah mengikut taburan dimana mereka bekerja, *that is what makes sense...*(dengan izin).

Dalam soalan bertulis saya, ada juga saya bertanya tentang pelaburan asing yang kita terima. Saya ingin tahu bagi setiap pelaburan asing yang kita buat pengumuman di surat khabar yang berbilion dan berjuta-juta ini, apakah sebenarnya manfaat secara butiran yang kita terima sebagai sebuah negeri? Maksud saya sebenarnya syarikat-syarikat ini mereka menggunakan pekerja tempatan ataupun pekerja asing dan berapa *ratio* dia? Pekerja-pekerja tempatan secara general, umum, yang mereka menggunakan adalah peringkat pengurusan, peringkat tenaga mahir atau berapa peringkat tidak mahir. Ini adalah penting kerana mengikut statistik negara dan juga statistik Negeri Pulau Pinang, sebenarnya golongan yang mengalami kesukaran mendapat pekerjaan adalah golongan belia 29 tahun ke bawah dan golongan yang kurang berpelajaran. Mereka yang ada kelulusan Universiti boleh akses lebih banyak jawatan-jawatan daripada mereka yang tidak berkelulusan. Ini berdasarkan carian di *Jobstreet*, carian *Jobstreet* menunjukkan bahawa ada lebih banyak iklan untuk tenaga mahir untuk tenaga pengurusan daripada mereka yang kurang berpelajaran.

Saya juga ingin membangkitkan data daripada Kementerian Pendidikan Tinggi dan juga Bank Negara Malaysia. Mengikut data mereka, Bank Negara Malaysia daripada tahun 2007 sampai 2015 peningkatan gaji pertama yang belia terima daripada belia diploma, gaji pertama tahun 2007 adalah RM1,154.00, tahun 2015 dalam 9 tahun agaknya berapa? Daripada RM1,154.00 meningkat RM1,298.00, 1.2% peningkatan sahaja bagi gaji permulaan belia yang baru menerima diploma. Tetapi apabila keadaan inflasi bagaimana pula dengan GST, ada yang membuat anggaran bahawa seseorang di Pulau Pinang memerlukan RM2,000.00 untuk hidup untuk menjalankan kehidupan. Jadi belia yang menerima hanya RM1,000.00 menghadapi kesukaran. Apa pula mereka yang ada ijazah, tadi adalah diploma. *Degree* pun tak banyak sangat dalam tahun 2015, gaji permulaan *degree holder* hanyalah RM2,182.00 secara purata. Jadi apa yang berlaku dengan belia kita sekarang adalah bahawa mereka berasa saya dah baca diploma dan ditawarkan kepada saya gaji RM1,200 sahaja tak cukup makan tak cukup ada kehidupan yang padan dengan *expectation* masyarakat, beban, *pressure* dan sebagainya. Jadi banyak antara belia yang berputus asa. Mereka kata memandangkan saya susah, tapi majikan tak menghargai saya, apa kata saya tak masuk pekerjaan formal, saya buat *business* saya sendiri. Oleh itu banyak yang kita melihat peningkatan *food truck*, gerai-gerai *burger*, di serata Pulau Pinang. Namun jika semua orang menjual *burger*, siapa membeli *burger*? Bolehkan bandar kita menampung peningkatan banyak *foodtruck* dan gerai-gerai *burger*? Saya percaya bahawa jika diberi peluang sebenarnya banyak belia-belia ini ingin menjalankan, mendapatkan pendapatan secara halal, dan bukan haram dan asyik takut tindakan penkuatkuasaan dan tidak curi-curi.

Trend yang kita lihat ini bukan saja di Pulau Pinang tetapi ia adalah satu trend antarabangsa. Banyak pengulas-pengulas antarabangsa *commentators* yang mengulas tentang *observation* mereka bahawa budaya golongan muda kian berubah. Pensyarah saya di universiti pernah kata, dia sudah tua jadi dia kata semasa dia di Universiti, *text book* dia tak tebal, masa dulu orang zaman dulu pembelajaran

mereka *text book* tak begitu tebal, tetapi mereka memikir secara mendalam setiap *point* di sana. Namun pada masa kini maklumat yang kita ada telah menambah, maka golongan muda mereka dibesarkan dalam dunia yang banyak maklumat, jadi corak hidup mereka berbeza. Mereka bukan macam golongan dahulu melihat bahawa adalah praktikal untuk memilih satu pekerjaan, selepas itu mendalami dan membelajari pekerjaan dan karier tersebut. *That is not the future and that cannot be the future*. Masa sudah berubah maka saya rasa kita perlu tahu *trend* yang kita melihat sekarang, kita perlu tahu kita tidak boleh berpeluk tubuh dan membiarkan sahaja situasi belia-belia (dengan izin), *to fight for themselves*.

Jadi cadangan saya, pertama sekali saya rasa kita perlu memperkukuhkan pengumpulan maklumat, pengurusan maklumat dan pengetahuan untuk menjadikan satu kerajaan yang tahu tentang situasi rakyatnya atau lebih tahu tentang situasi rakyatnya. Sektor pelancongan, sektor pembuatan masih dalam situasi yang baik, masih meningkat tetapi kita perlu tahu apakah akibat sektor-sektor ini terhadap rakyat kita. Hotel besar, pengurusan tarikan-tarikan pelancong yang besar kebanyakannya adalah syarikat besar jika bukan syarikat antarabangsa. Syarikat besar yang walaupun bos dia adalah mungkin rakyat Malaysia, mungkin tidak menetap di Malaysia, Pulau Pinang pun. Jadi kita harus tahu berapakah orang tempatan yang mereka mengaji. Daripada golongan yang mana? Jika ada yang mungkin ada masalah kemahiran-kemahiran yang keluar dengan diploma ataupun sijil-sijil yang tidak padan atau ada apa-apa masalah, Kerajaan Negeri boleh memainkan satu peranan untuk menyelaraskan apa-apa jurang antara keperluan kemahiran-kemahiran yang ada.

Saya terperasan bahawa untuk menarik pelaburan asing kita ada Invest Penang. Bagi mana-mana syarikat tempatan besar ataupun luar negara biasanya dia syarikat besar maksudnya dia ada wang, pengetahuan, kepakaran. Syarikat-syarikat besar boleh dengan lebih senang mendekati kerajaan ataupun mendekati agensi-agensi mendapatkan maklumat yang mereka perlukan untuk mengetahui bagaimana mereka boleh menubuhkan perniagaan di Pulau Pinang atau perniagaan yang diminati oleh mereka. Invest Penang boleh pergi membantu pelabur pelabur asing. MIDA boleh pergi membantu pelabur pelabur asing. Jabatan pelancongan boleh mempertingkatkan sektor pelancongan. Tetapi untuk rakyat tempatan yang tidak boleh dapat pekerjaan tetapi ada *passion*, berminat nak mulakan perniagaan sendiri, saya rasa kita boleh mempertimbangkan menubuhkan satu perbadanan ataupun melantik satu perbadanan yang sedia ada untuk membantu golongan ini. Seperti perkhidmatan yang diberi Invest Penang, kita boleh memberi perkhidmatan kepada rakyat tempatan agar tidak perlu menjalankan perniagaan haram seperti menjual *burger* tanpa lesen atau penjaja tanpa lesen, anda tak perlu berhenti untuk membuat *business* di peringkat penjaja sahaja. Sebenarnya jika anda ada kreativiti, daya maju diri, ada banyak lagi yang mereka boleh buat dan inilah cara-caranya. Kita perlukan satu agensi untuk membantu rakyat tempatan mengenali bagaimana menubuhkan satu syarikat, satu perniagaan ataupun bagaimana cara-cara atau faktor yang membolehkan, mereka membantu mereka mengembangkan perniagaan mereka.

Saya juga perasan bahawa sebenarnya sejak masa Tun Dr. Lim Chong Eu ada, Kerajaan Negeri dengan sendiri ataupun melalui PDC ataupun badan-badan lain ada membeli tanah yang disimpan sebagai stok untuk pelaburan asing, stok untuk sektor pembuatan, *manufacturing sector*. Stok-stok yang kita beli itu akan dijual atau disewa kepada pelabur asing yang ingin membina kilang. Tetapi zaman kilang tidak akan berlanjutan. Kita tak boleh bersaing dengan Vietnam dan sebagainya. Jadi zaman masa depan dan juga masa depan dekat adalah sektor perkhidmatan. Kita perlu membantu generasi baru yang berminat, mereka yang berminat dalam bidang keusahawanan, dengan cara kita membeli stok tanah. Cadangan saya adalah bahawa kita juga boleh membeli bangunan-bangunan komersial di pusat bandar. Contohnya kawasan saya ada Island Plaza, Island Plaza sebenarnya bangunan dia masih cantik. Dulu memang popular tetapi anda pergi sekarang, kosong tak ada orang. Memandangkan bangunan-bangunan seperti ini kurang digunakan dan ada golongan besar yang sukar mendapat pekerjaan, golongan besar yang boleh menjadi usahawan-usahawan cemerlang yang terkenal di masa hadapan, bolehkah kita mengadakan inkubator-inkubator untuk sektor perkhidmatan? Contoh bangunan adalah Island Plaza, One Stop, Axis Complex, KOMTAR, banyak sebenarnya bangunan bangunan yang kurang digunakan. Walaupun ini melibatkan pelaburan dan mungkin pelaburan yang besar, tetapi soalan saya kepada Kerajaan Negeri, jika kita boleh membeli tanah untuk membantu orang asing mendirikan kilang, mengapa kita tidak boleh membeli unit-unit komersial untuk membantu rakyat tempatan yang ada minat untuk menjadi usahawan, untuk membina *business* sendiri tetapi tidak ada tempat yang sesuai. Saya rasa kesal, contohnya di *One Stop Midlands* di kawasan, saya ada *start up company* yang agak berjaya, agak berjaya berbanding dengan *start up* yang lain di Malaysia tetapi *One Stop Midlands* itu banyak orang tempatan akan menganggap dia sebagai satu bangunan yang sudah gagal. Bangunan-bangunan ini dianggap gagal kerana kosong ada *rumours* tentang kegiatan-kegiatan yang tidak patut dalam bangunan tersebut. Banyak *start up* kita perlu buka *business* menggunakan bangunan-bangunan gagal ini kerana hanya bangunan-bangunan gagal sahaja yang sewa dia rendah. Ini adalah tidak patut. Kita tak

boleh sahaja bangga bahawa pelancong kita boleh menarik perhatian antarabangsa, sektor pembuatan boleh meletak nama kita diperingkat antarabangsa. Tetapi kita perlu seimbangkan dia dengan usaha-usaha untuk orang tempatan dan keseimbangan usaha-usaha ini melibatkan promosi usahawan tempatan dengan *style* yang sama, kita promosi jenama antarabangsa. *If we can shout and yell, we have Intel, Motorola dan sebagainya, we should treat our local entrepreneur the same.* Jangan biarkan mereka di bangunan-bangunan yang gagal sahaja, *make them heroes and encourage more youth to strive and do well*, dan tunjukkan kepada belia kita.

Ada juga yang menganggap bahawa sebenarnya belia banyak yang ada *attitude problem*. Mereka tidak kerja sebenarnya kerana masalah *attitude*. Namun jika kita boleh memupuk usahawan yang cemerlang belia boleh melihat bagaimana corak usahawan yang cemerlang kerana memang ada usahawan yang cemerlang, kerana mereka lihat jika mereka ingin cemerlang itulah cara kerja yang diperlukan dan itulah ganjaran yang diterima.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan, saya tertarik kepada pembentangan perbincangan YB. Pulau Tikus khasnya *shopping complex* yang banyak menjadi kosong. Setujukah YB. Pulau Tikus dengan saya bahawa *shopping mall-shopping mall* yang telah dikatakan gagal itu sebenarnya adalah disebabkan mereka telah lama dibangunkan dan mereka pernah suatu ketika sangat popular tetapi disebabkan ada *shopping mall* yang baru yang dibina maka tempat-tempat tersebut menjadi kosong atau kurang tarikan kepada orang ramai. So dengan itu masalahnya adalah seperti tadi yang YB. Pulau tikus kata, sekarang ada begitu banyak *shopping mall* yang kosong di Bukit Mertajam pun ada, saya rasa bukan sekadar kita letak atau ambil itu pengurusan dan minta usahawan untuk masuk menggunakannya kerana perkara itu *start up* pun tidak mempunyai bilangan yang begitu besar. Sekiranya ditambah ia akan mengambil suatu ruang yang begitu besar, so apakah cadangan selain daripada usahawan boleh diletakkan guna tanah tersebut boleh digunakan untuk tujuan yang lain, apa-apa cadangan lain untuk digunakan?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Mohon laluan sedikit, sedikit sahaja. YB. Dato' Speaker, idea di luar negara contohnya seperti di Hong Kong, di Singapura (dengan izin)...*their manufacturing equipment also* diletak di bangunan-bangunan yang bertingkat sebab kekurangan tanah. Jadi kita boleh *explore* perkara tersebut tetapi akhirnya nanti keputusan untuk memasuki itu adalah terpulang kepada *that private entity* yang nak buat *business* di situ dengan mengambil kira faktor-faktor itu. Rumah kedai jika dibandingkan memang perlu, keperluan untuk *employee* dan sebagainya. Contohnya di Santec atau pun di *One Percint, I think this is a private block* tetapi digunakan oleh beberapa *multi national*. Itu sebagai input. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih atas ulasan dan soalan daripada kedua-dua Yang Berhormat. Jadi untuk menjelaskan sedikit, saya rasa yang pertama sekali kita perlukan data tentang kekosongan dan YB. Machang Bubuk, saya rasa ke semua kekosongan. Ini adalah *wasted resources. The building are there*, boleh digunakan. Sebenarnya mereka adalah *wasted resources* tetapi seperti mana YB. KOMTAR dia cuba mendapatkan data tentang kekosongan rumah di bandar George Town, data kita sebenarnya walaupun penting tetapi tidak begitu *detail*, memang kita tidak begitu baik dalam pengurusan data. So yang penting kita perlukan data.

Yang kedua sebenarnya saya rasa semua orang yang menguruskan *food truck*, penjaja, ada *kerja freelance*, pelbagai *freelance* di negeri dan negara kita, *free lance accountant, free lance lawyer, free lance software*, banyak *free lance*. Semua ini jika mereka tahu memperluaskan pengetahuan mereka tentang opsyen-opsyen diberi bantuan mereka boleh dengan daya maju mereka, kreativiti mereka, inovasi mereka, boleh menyerlah dan mewujudkan jenama-jenama *business* tempatan. Saya rasa negara Singapura, Taiwan boleh melihat hasil apabila kerajaan mengenyepikan bangunan-bangunan tertentu atau pun *facility-facility* tertentu untuk keusahawan ini. Namun disebabkan mungkin dia seolah-olah murid sekolah kita. Saya menerima banyak pandangan bahawa sebenarnya sebagai pelajar Tingkatan 5, anda tidak tahu apa jenis pekerjaan yang ada di sana, banyak ibu bapa yang tahu *accountant, doctor, lawyer, engineer* itu sahaja tetapi sebenarnya di luar di dunia banyak opsyen tetapi tidak diketahui mereka. Ada yang berasa kesal selepas mereka sudah belajar, sudah keluar baru mereka tahu sebenarnya "Oh ada banyak lagi opsyen lagi yang boleh saya pilih pada masa itu".

Jadi sebagai seorang usahawan sebenarnya mungkin rakyat kita memerlukan dorongan perlu dipupuk untuk melihat opsyen-opsyen lain dan itulah peranan agensi yang saya cadangkan seperti *Invest Penang* itu. Agensi yang menjadi *one stop centre* agar boleh pergi agensi itu ada sumber maklumat *how*

you do business, bagaimana memulakan *business*, tempat-tempat yang ada insentif daripada kerajaan dan *naturally, of course* insentif perlulah ada garis panduan. Belia tidak harus dipupuk bahawa "Oh kami diberi ruang percuma ataupun ruang murah dan anda buat sahaja" Kita perlukan *carrot and stick*. Itulah cara yang kita mendidik anak kita. Itulah cara yang kita boleh memupuk usahawan *hero-hero* masa hadapan negeri dan negara kita. Bagi isu ini, secara kesimpulan saya rasa kita perlukan lebih banyak data. Bagaimanakah pelancongan dan pembuatan benar-benar bermanfaat, butiran tentang jenis pekerjaan yang diberi, jenis sumbangan yang diberi kepada rakyat kita? Apakah keperluan dari segi peringkat pekerjaan, kemahiran pekerjaan? Apakah masalah? Apakah kelemahan dan apakah perancangan untuk mengatasi kelemahan yang ada? Dan di samping itu saya rasa kita perlu mengiktiraf bahawa mengikut data golongan 29 tahun ke bawah golongan 20an, umur 20an memang menghadapi masalah mendapat pekerjaan bilangan pekerjaan yang diiklankan di *Jobstreet* semakin menurun dan gaji permulaan adalah tidak sesuai untuk kehidupan. Jadi, mungkin dengan itu kita boleh melonggarkan sedikit pandangan kita tentang *freelance* dan penjaja. Sekarang saya ingin masuk kepada pelancong perubatan...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Tikus sudah 40 minit.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Baru-baru ini agak hangat di dalam surat khabar tentang tanah di Lebuhraya Peel dan pelaburan oleh hospital luar negara ataupun pelaburan asing bersama dengan Island Hospital yang ingin membangunkan perkhidmatan perubatan di tanah tersebut. Saya ingin berkongsi data-data yang saya perolehi daripada kajian antarabangsa oleh penyelidik-penyelidik bebas. Mereka menyatakan bahawa pelancong asing biasanya pergi ke luar negara, kita sebagai destinasi untuk berjumpa dengan *specialist* kerana *specialist* mahal di negara mereka. Jadi mereka datang ke sini untuk berjumpa dengan *specialist*. *Specialist* biasanya adalah seorang yang mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun. Situasi itu mendatangkan banyak risiko di negara-negara destinasi di mana doktor *specialist* keluar daripada hospital awam masuk untuk bekerja ke hospital swasta. Mereka panggil *internal brain drain* daripada hospital awam pergi kepada hospital swasta.

Untuk makluman semua, di Singapura 65% doktor pakar bekerja di hospital awam, 65% *specialist* kerja di hospital awam. Di Malaysia 25 hingga 30%. Di Singapura mereka boleh buat 65% kekal di awam, tetapi Malaysia hanya 25% yang kekal di awam. Jadi ini menjadikan satu situasi di mana yang kaya sahaja akan mempunyai perkhidmatan yang mencukupi daripada pakar perubatan. Saya kata mencukupi kerana walaupun sektor awam masih ada doktor pakar tetapi disebabkan bilangan adalah kecil, pesakit adalah banyak, maka masa yang setiap pesakit dapat berjumpa dengan doktor awam, dapat berbincang dengan doktor awam itu ada perbezaannya. Anda pergi ke hospital swasta boleh tanya banyak soalan lama-lama tidak mengapa, tetapi kalau pergi awam disebabkan kekurangan doktor pakar, masa yang pesakit boleh jumpa dengan doktor pakar itu adalah kurang. Tambahan lagi ada kajian yang menyatakan bahawa *medical tourism* menyebabkan *inefficiency*...(dengan izin), disebabkan walaupun mesin yang menjalankan kerja yang sama sebenarnya ada pelbagai jenama mesin yang sama, kerja yang sama, mungkin ada pelbagai jenama. Biasanya *medical tourism*, hospital yang terlibat dengan *medical tourism*, mereka akan cuba mempromosikan bahawa mereka menggunakan jenama-jenama besar teknologi-teknologi tinggi. Maka negara yang mempunyai pelancongan perubatan yang tinggi biasanya kos perubatan adalah lebih tinggi kerana pengurusan satu hospital yang terlibat dengan pelancongan perubatan biasanya *operating* kos adalah lebih tinggi. Tambahan lagi hospital swasta yang terlibat dalam pelancongan perubatan biasanya mereka ada *overheads* yang kalau tidak ada pelancongan perubatan mereka tidak perlu seperti *marketing, promotion* dan sebagainya.

Kajian juga menyatakan bahawa kadang kala walaupun seolah-olah sesebuah hospital swasta membuat pelaburan, biasanya teknologi yang mereka beli ini adalah teknologi yang diminta, ada *demand*, ada permintaan oleh pelancong perubatan. Ini tidak membawa maksud bahawa teknologi biasa yang lebih diperlukan oleh *mainstream*. Kebanyakan rakyat tempatan menerima pelaburan yang sama. Maksudnya kita tidak tahu, saya tidak ada data, tetapi ada yang berfikir bahawa mungkin pelaburan dalam teknologi tidak selaras dengan keperluan tempatan. Sebenarnya kerana teknologi yang dilaburkan itu adalah yang mana mereka boleh iklankan di negara-negara asing. Jadi ada soalan sama ada *inefficiency*. Satu lagi sama ada Singapura tidak sama dengan Malaysia walaupun mereka juga ada perubatan pelancong, kerana sektor swasta dan awam, hospital swasta dan awam mereka dibangunkan seiringan. Tadi saya kata hospital swasta mereka ada lebih banyak doktor *specialist*. Tambahan lagi Singapura mampu untuk membangunkan sektor penyelidikan mereka. Dari awal lagi Singapura telah menyatakan bahawa mereka mendorong menggalakkan pelancongan perubatan kerana ia boleh

membantu mereka membangunkan sektor penyelidikan. *So medical R & D is part and parcel of the aim in Singapore Medical Tourism...*(dengan izin). Namun di Malaysia, kita tidak boleh. Pelancongan perubatan di Malaysia hanya dilihat dari satu segi sahaja, "ekonomi". Maka banyak *international commentators*, penyelidik-penyelidik sebenarnya ini bercanggah dengan bidang perubatan, banyak negara-negara yang menjadi ahli *United Nations* dan sebagainya. *United Nations (WHO)* mereka kata *access to health is a universal right*, adalah hak manusia untuk ada kesihatan. Maka di setiap negara diperlukan oleh *United Nations* untuk mementingkan kesihatan rakyat dia, maka salah satu objektif *World Health Organisation*, objektif *United Nations* adalah *universal health*. Siapakah yang dipertanggungjawabkan di setiap negara untuk *universal health* ini? Kementerian Kesihatan melalui hospital-hospital awam dan swasta, jika ada polisi yang sesuai. Namun apabila pelancong perubatan lihat sektor ini dari segi ekonomi sahaja, maka hospital kita ada percanggahan antara peranan mereka dalam *universal health* dan *for profit...* (gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Mohon laluan. Boleh jelaskan *waiting time*, *waiting time* di hospital awam, *appointment*, *waiting time* boleh kah jelaskan berkenaan dengan pembedahan yang perlu.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Pembedahan. Saya rasa setiap hospital ada polisi-polisi...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Mohon laluan. Sekejap YB. Pulau Tikus. *Actually* saya begitu gembira dengar apa yang YB. Pulau Tikus nyatakan tentang isu Peel Avenue ini dan pembangunan yang akan berlaku kepada Island Hospital. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita akan adakan satu pelaburan RM2 billion yang sudah diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang akan membawa masuk banyak pekerjaan juga kita lihat, *at first line about two thousand...*(dengan izin), Dato' Speaker, tetapi kembali kepada isu hospital, YB. Pulau Tikus sedang mencadangkan supaya hospital awam kita adalah lebih baik memberi lebih perkhidmatan kepada rakyat nombor satu. Saya nak tahu apakah itu cadangan kita tetapi kerana saya percaya mungkin sekiranya mungkin kawan-kawan saya daripada Barisan Nasional boleh cuba kongsi itulah fakta dia. Nombor dua *of course* kalau kita lihat pada *medical tourism* sahaja tetapi apabila kita ada hospital-hospital swasta sebegini yang lebih besar di Negeri Pulau Pinang lebih banyak rakyat juga boleh menikmati perkhidmatannya. Itu kita tidak boleh nafikan. Saya nak kongsi satu perkara apabila saya punya mendiang ayah saya Dato' Speaker...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Make it short.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya, Dato' Speaker, apabila mendiang ayah saya. ...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Itu EXCO Kesihatan boleh gulung.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya boleh cakap YB. Dato' Speaker, dia tak boleh cakap. Apabila beliau meninggal, sebelum beliau meninggal, dalam tempoh sebelum beliau meninggal terpaksa beliau menerima perkhidmatan kesihatan dari pelbagai sektor termasuk awam. Dan saya tidak mahu nafikan bahawasanya Kementerian Kesihatan, Hospital Besar Pulau Pinang telah membantu beliau dengan begitu banyak, *in fact I want to tell you Hospital Pulau Pinang more facilities than any other private hospital*, YB. Pulau Tikus. *Let me tell you that. We cannot deny that fact. Are you trying to say that, I don't think you are trying to say that, the fact that I'm trying to say is that we need more of these facilities, to help people who are in need when the first time he needed to have an operation...*(dengan izin), YB. Dato' Speaker, *he had no choice but has to go to Singapore don't keep blaming Singapore saying that Singapore is wrong, he had no choice because the only facility that could accept it, that could treat him. We want to become like that. I don't want people to go overseas. You understand YB. Pulau Tikus...*(gangguan). *I'm not finish yet you sit down. Wait for a while, sit down. Sit down. Whilst* kita boleh terima bahawasanya kesihatan kita di Negara Malaysia kukuh, cukup baik, kita juga mesti terima bahawasanya kita perlu perkhidmatan dari luar negara. Ini untuk diperluaskan di Negeri Pulau Pinang kerana Negeri Pulau Pinang berhasrat menjadi satu negeri yang adalah antarabangsa, yang adalah pintar, *you want that or you don't want that*, YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Boleh saya menjawab.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti sebelum menjawab YB. Pulau Tikus berapa tajuk lagi.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang ini dan ada satu tajuk lagi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kerana satu tajuk, Pulau Tikus terlalu panjang lebar. Sila.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat saya rasa persamaan yang anda buat tentang Singapura maksud anda adalah bahawa saya menyatakan Singapura tidak betul kerana terlibat dalam sektor pelancong perubatan... (gangguan). Jadi sebenarnya kesimpulan yang saya ingin buat adalah bahawa, pertama sekali kita perlukan lebih saya rasa lebih banyak maklumat tentang impak sektor pelancong perubatan kepada rakyat tempatan. Ada aduan-aduan bahawa sekarang ada hospital-hospital swasta tidak ada lagi wad empat katil, enam katil. Jika mereka yang daripada *middle income* tidak berapa mampu, tapi mampulah bolehlah pergi hospital swasta, mereka perlu pilih dua katil sahaja, jika ada kekosongan. Jika tidak, dan mereka benar-benar sakit, mereka perlu memilih bilik premier. Kita perlu tahu apakah impak ini, kepada rakyat kita.

Di Pulau Tikus ada Hospital Loh Guan Lye, Island Hospital, Adventist Hospital, Gleneagles Hospital. Oleh itu, pelancong perubatan tinggal di condo, di apartment, di rumah-rumah yang mendatangkan masalah kepada penduduk tempatan. Saya rasa sementara kita mengalu-alukan pelancong asing kita boleh juga berusaha untuk mengetahui apakah masalah yang dihadapi. Memandangkan kita menerima faedah daripada pelaburan ini, boleh tak kita menggunakan pelaburan ini untuk mengatasi masalah-masalah yang datang bersama dengan pelaburan ini. Ini nombor satu, data agar kita tahu masalah agar dapat mengatasinya.

Yang kedua, banyak negara yang menerima pelancong asing menggunakan pendapatan daripada pelancong asing untuk melabur ke dalam hospital awam. Ya, kita perlu hospital awam, ya, hospital awam dan doktor-doktor di hospital awam ini sedang berusaha dengan sebaik boleh tetapi apakah manfaat yang hospital awam Pulau Pinang yang ini menerima daripada pelancong perubatan? Disebabkan kita peringkat negeri, kita tidak boleh mengawal bagaimana Kementerian Kesihatan melabur dalam hospital awam. Tetapi bolehkah kita fikir bagaimana kita boleh cuba memanfaatkan rakyat kita daripada pelancong asing ini? Satu cadangan, bolehkah peratusan tertentu boleh adakan perbincangan untuk menentukan peratusan, satu peratusan tertentu daripada pendapatan pelancong perubatan yang hospital itu menerima, hospital kena ketepikan untuk menubuh satu dana untuk rakyat tempatan yang kurang mampu....(gangguan). YB. Dato' Speaker dah kata tak cukup masa. Jadi cadangan adalah sama ada satu...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti angkat soalan semua. Angkat elok-elok.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Cadangan adalah samada wang, pendapatan daripada pelancong perubatan, pendapatan daripada hospital boleh diketepikan sedikit untuk dana membantu rakyat Pulau Pinang? Semasa perjanjian untuk...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker, *I have to clarify one thing. Actually he has more right than me, he should be allow but ...*(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak payahlah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

I just want to clarify one thing. Housing of the patients...(dengan izin). And I totally agree with Pulau Tikus, we have big problem, YB. Dato' Speaker . Pulau Tikus about patients di Negeri Pulau Pinang dimana mereka pesakit-pesakit ini yang datang semua duduk flat. Jadi ini jadi isu perumahan pulak. Pelancongan bagi dia cakap. Perumahan big problems, pekerja asing one thing now pesakit asing. Big problems I'm having, I have pesakit asing, thank you very much YB. Pulau Tikus for saying that. In fact we have a few cases that I think you are aware whereby YB. Dato' Speaker pesakit-pesakit duduk dalam rumah-rumah flat, apartment especially dekat hospital di Pulau Tikus semua mewah. They go semua to mewah-mewah pangsapuri and duduk. They rent, some have taken court cases and they have won, you are not allow to do that. But let me put the record right for YB. Pulau Tikus, untuk projek the Island Hospital, salah satu komponennya adalah untuk menangani masalah tersebut. Satu daripada blok adalah untuk menempatkan pesakit-pesakit ini, agar kita tidak ada pesakit asing dalam kawasan perumahan. You understand, you agree with that?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya nak jelas sikit, nanti YB. Datok Keramat masa sesi penggulungan sini kena potong. Masa yang diguna. YB. Pulau Tikus sambungkan. EXCO jangan kerana masalah perlu didengar, pendapat YB. perlu didengar, jawapan nanti ada peluang untuk dengar juga, Sila.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Ada lima (5) minit untuk habiskan. Jadi untuk topik ini saya rasa adalah sebaik-baiknya jika perjanjian yang diadakan dengan Island Hospital tu lebih banyak butiran boleh diberi kepada orang awam adalah lebih baik dan permohonan saya ataupun cadangan saya adalah bahawa dalam perjanjian ini sebaik-baiknya jika boleh Island Hospital diwajibkan memulakan satu dana untuk membantu rakyat Pulau Pinang. Biarlah satu peratusan pendapatan mereka daripada pelancong asing dimasukkan dalam dana ini dan pengguna dana ini mestilah tidak didiskriminasikan daripada pesakit lain yang lebih mampu. Mereka menerima taraf perkhidmatan, masa perkhidmatan yang sama guna taraf dana ini. Saya rasa ini yang akan membantu.

Sebagai pengakhiran saya hanya ingin menyentuh kepada soalan bertulis saya berkenaan dengan penaiktarafan pasar TPS Hill Trace, iaitu orang ramai tahu sebagai pasar Mount Erskine. Tidak ada sebarang penaiktarafan walau pun ada banyak penyelenggaraan. Sejak banyak tahun ini pasar ini sepatutnya adalah sementara sahaja. Tetapi sampai sekarang kita nampak tiang-tiang sudah mula berkarat tetapi saya tidak tahu langsung tentang apa-apa perancangan pasar di kawasan ini. Sebaliknya.. (gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Penjelasan. Berkenaan perkara ini saya sudah bincangkan dan bangkitkan perkara pasar. Ini mengenai kawasan saya Yang Berhormat. Perkara ini saya nak bincangkan kerana saya telah bangkitkan perkara ini banyak kali, banyak kali tetapi tidak diambil pedulian. Dan ini juga bukan satu perkara yang boleh *laugh about*, kerana orang gunakan bangunan ini jikalau bangunan ini tidak selamat apakah pihak tertentu agensi kerajaan akan bertanggungjawab. So saya bangkitkan perkara ini beberapa penggal dulu, dijamin atau diberitahu kepada saya bahawa akan diubahsuai dan jika tidak silap saya, *correct me if I'm wrong* diberitahu satu tahun selepas itu akan dibuat tapi seperti yang YB. Pulau Tikus kata masih tidak ada akibatnya. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sambung YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya ingin mengingatkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan juga di kawasan yang sama Mount Erskine itu, banyak pembangunan telah berlaku dalam beberapa tahun ini, Skyridge, Taman Bukit Erskine, Latitude, The Peak, Tri Pinnacle, E Garden, pelbagai pembangunan dan setelah mereka siap dan didiami, apakah pasar yang boleh mereka gunakan? Jadi saya harap bahawa mereka menerima pandangan atau pun dititikberatkan. Tadi saya ada bangkitkan dipermulaan ucapan saya tentang *timely planning*, dan ini ada kaitan dengan *timely planning...(dengan izin)*. Secara kesimpulan saya memohon *Back Benchers* dibantu dengan mewujudkan satu pusat sumber dan bantuan pegawai-pegawai penyelidik agar kita boleh mendalami data-data keperluan pekerjaan, kemahiran yang ada, situasi rakyat kita, situasi pelancong perubatan dan sebagainya. Dengan itu saya pohon menyokong. Terima kasih Yang Berhormat

Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pulau Tikus. YB. Penanti sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum WBT dan selamat malam. Terima kasih Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahar ucapan terima kasih kepada Tun Yang Terutama T.Y.T. Pertamanya saya nak sebelum saya lupa sebab saya baru perasan yang soalan lisan saya telah dikeluarkan dua soalan lisan saya. Jadi disebabkan oleh itu saya nak gunakan ucapan saya untuk membangkitkan soalan lisan yang telah dikeluarkan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Yang Berhormat sebut apa sebabnya. Nanti kalau tak ada *reporter* kata saya yang zalim. Apa sebab?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Sebenarnya saya pun rupanya bila kita buat perenggan 1 pecahan i, ii dan iii, saya ingat kita boleh tanya soalan apa-apa pun asalkan dalam 50 perkataan jadi saya memang tak tahu rupanya i, ii dan iii kena ada kena mengena dengan *each other* jadi...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yes, jadi terima kasih kerana membantu saya menjelaskan, tak apa, *it is okay*. Sambung.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Jadi disebabkan oleh itu, saya nak soalan yang saya tanya dalam soalan lisan yang dikeluarkannya ialah yang paling penting ialah saya tanya pasal apakah analisa risiko dua sungai buatan itu, China Water setelah berlakunya kejadian banjir yang masuk air 1.5 meter ke 17 rumah di Kampung Mengkuang Titi dan juga Kampung Mengkuang pada 24 Mac 2017 dan 1 Mei 2017. Saya telah membangkitkan isu ini semasa sungai itu tiba-tiba dibuat, ini sungai buatan yang besar lebih besar daripada parit, dia mengalir kepada satu parit yang kecil tapi yang paling membimbangkan ialah Mengkuang Titi selama projek pembesaran Mengkuang Dam, penduduk dijanjikan setelah selesai projek Mengkuang Dam tidak akan berlaku lagi banjir dan saya sendiri jumpa dengan *consultant* dan juga kontraktor China Water bersama dengan JPS dan mereka kata tak akan. Mengkuang Titi tak akan banjir, 100 tahun nanti mungkin banjir, tapi tak akan banjir dia cakap ja macam itu masa mula-mula nak membina sungai buatan, itu tak berapa lama lepas tu bila hujan satu jam, satu dua jam, apabila sungai paras Sungai Kulim naik tinggi dan terdapat sampah di pintu air Kuala Mengkuang *just because* satu dua jam air hujan sungai yang sepatutnya hanya air dari Mengkuang Dam sebagai yang sepatutnya keluar ke sungai itu, tapi memang China Water kata dia tak lepaskan air apa-apa dari Mengkuang Dam, maknanya air hujan yang turun itu begitu banyak dan saya telah videokan dan hantar kepada MPSP *engineering*, saya dah juga hantar kepada YB. Lim Hock Seng.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak perlu sebut namalah. Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bukan nama. Bagan Jermal. Saya telah juga telah berbuat susulan lawatan bersama dengan China Water. Jadi dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, saya minta supaya JPS dan MPSP meminta daripada kontraktor dan *consultant* satu laporan risiko analisa, risiko dua sungai buatan dari Mengkuang Dam sebab dua sungai buatan itu adalah sungai yang sangat besar dan telah pun menyebabkan, saya tak taulah menyebabkan tapi kata JPS banjir yang melanda 17 rumah itu disebabkan oleh paras air Sungai Mengkuang itu jadi tinggi. Apabila Sungai Kulim jadi tinggi, lepas itu sampah sarap yang tersekat di Kuala Mengkuang, jadi saya risau ialah dulu tak ada sungai, dah lama dah Mengkuang Titi tak banjir, tiba-tiba apabila sungai ini siap berlakunya banjir, jadi saya nak, jika boleh, pihak JPS dan sapa-sapa yang mempunyai kepakaran mendapatkan analisa bebas, apakah risiko daripada dua sungai buatan ini yang baru dibina? Sebab janjinya kepada penduduk tidak akan lagi berlaku banjir setelah siap projek Mengkuang Dam.

Since saya sudah bercakap berkenaan dengan risiko banjir, saya nak teruskan jugalah soalan yang banyak kali saya tanya, juga mengenai berkenaan dengan banjir di Kubang Semang. Kubang Semang bila banjir dulu saya kena bawa bot Bomba untuk menyelamatkan. Jadi berbagai cara yang telah dibuat oleh JPS *Alhamdulillah*, YB. Padang Kota memang banyak sangat membantu *through* MMK Tempatan Banjir tetapi bila saya minta dari YB. Bagan Jermal supaya buat *arched culvert* di Kubang Semang. Saya dapat alasan tak boleh buat disebabkan ada TNB, tiang kabel TNB dan tak boleh kerja, *backhoe* tak boleh lalu *and so on*, so hanya pembersihan yang sikit-sikit tapi semua orang cakap sungai itu penuh dengan selut, kena di dalamkan pembersihan kena dibuat *arched culvert* tak boleh dibuat tiba-tiba, baru ini dua hari lepas saya tengok *backhoe* pergi angkat-angkat tanah bawah itu tapi belah sana, belah Permatang Pasir siap saya video kan. Aik, Kata tak boleh *backhoe* pergi ke kawasan itu. Lepas itu saya juga dapat surat daripada Suruhanjaya Tenaga yang tak boleh buat apa-apa kerja-kerja, rumah pam semua tak boleh, tapi itu yang hairan macam mana *backhoe* boleh buat kerja di *other side of the road* kan. So itulah saya akan *post* kan video itu ya.

Soalan lisan yang ditolak juga ialah berkenaan lampu-lampu di jalan jeti, lampu-lampu jalan di Jeti Kampung Terus.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri”

Alasan yang sama.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya, alasan yang sama. Maknanya soalan itu tak ada kena mengena dengan banjir. Jadi saya nak mengucapkan berbilang terima kasih kepada YB. Danny dan juga Pantai Jerejak. YB. Danny, Batu Lancang, *sorry* lupa, kerana telah membina satu Balai Lintang dan jeti dengan semua sangat cantik dan saya ucap terima kasih juga kepada JPS kerana telah letak *street piling*. Memang semua orang pergi dekat situ tempat itu macam *wow* memang cantiknya jadi malangnya dia tak ada lampu jalan dan tak ada air. So saya harap YB. Bagan Jermal boleh tolong masukkan air. Tolong masukkan air dan pada 18 Mei baru ini MPSP, saya buat surat juga kepada YDP. MPSP supaya tolong. Kalau saya guna peruntukan saya dan juga cara biasa memang tak boleh akan masuk lampu-lampulah sebab tempat itu dah cantik, bila dia gelap kita takut orang buat benda-benda dadah ker apa kan, dia gelap kat situ. Apa yang saya mohon ialah supaya MPSP tolong pasang 7 lampu di situ. Dia dah ada tiang 5 tiang, dah ada, tapi *wiring* tak ada, saya rasa kos dia tak mahal sangat so apa yang saya mohon ialah saya sanggup bayar tapi saya nak mohon proses itu dipercepatkan daripada biasa. Saya *really* mohon sebab YB. Batu Lancang dengan baiknya telah dengan sokongan padu telah meluluskan. MMK Pelancongan telah meluluskan Penanti River Run di situ dan kita harap ada macam boleh jadi *early event* kan. Kita harap 3000 orang pengunjung Karnival dan juga Penanti River Run ataupun larian sungai, tempat itu siapa-siapa nak makan mee udang memang patut pergi, sangat cantik, naik bot tengok *eagle* semua.

Jadi kita nak buat betul-betul bangunkan sebagai satu destinasi pelancongan yang baru. YB. Batu Lancang juga saya nak mengucapkan banyak terima kasih kerana telah kerana telah menyokong program Karnival Homestay dan juga kepada YB. Padang Lalang juga telah membantu pada 3 Disember tahun lepas di mana 4 Negeri pun datang dari KL pun datang, kita buat banyak *tournament*, *street workout* *iaitu* satu sukan macam *gymnastic* dan juga silat yang guna api, bola tuju dan banyak-banyaklah sukan rakyat dan juga kita buat Penanti Master Chef untuk masakan kampung, jadi saya harap Kerajaan Negeri akan terus menyokong pembangunan pelancongan di kawasan kampung. Terima kasih. Belum-belum, banyak lagi.

Saya juga nak ucapkan ribuan banyak terima kasih kepada YB. Air Putih sebab telah membantu untuk membina semula *futsal* berbumbung yang jatuh. Berkenaan dengan *futsal* berbumbung ini, saya nak tanyalah sebab *Alhamdulillah* tak ada siapa yang kena apa kecederaan ataupun apa-apa yang memudaratkan, tak kena siapa-siapa tapi soalan yang saya nak *post* di sini kepada siapa-siapa EXCO ka, dan apa yang saya tahu, apa-apa projek awam dan bangunan yang dibina oleh Kerajaan memerlukan profesional *engineer*...(dengan izin), yang berdaftar dengan IEM ataupun buat Institute Engineering Board sebab *engineer* perlu *guarantee for life* seumur hidup, seperti juga *architect*, *regardless*, ataupun tak kisahlah walaupun hanya projek itu memakan RM190,000 untuk membina tapi saya nak mohon supaya perkara ini tidak berulang, supaya projek-projek awam seperti kemudahan *futsal* yang memerlukan struktur supaya pihak JKR terlibat dan memastikan yang projek itu *design* semua adalah selamat supaya sebab kalau dah jatuh nak kena *spend* tambah lagi duit RM260,000 untuk bina semula dan *Alhamdulillah* dia baru nak siap. Rasanya 70% dah nak siap, jadi saya amat terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah membina semula infrastruktur itu.

Yang Amat Berhormat juga dalam ucapannya menyebut tentang projek-projek banjir yang Penanti dapat. Dia sebut Penanti dapat 21 projek, RM13 juta sebenarnya bila saya tengok jawapan bertulis kita dapat RM14.7 juta, 21 projek jadi saya amat terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah membantu membuat sistem perparitan sebab di kampung-kampung memang tidak ada macam bila orang buat rumah, tak ada sistem perparitan yang sempurna. Jadi apa yang saya buat sekarang saya edar Laporan ADUN di setiap program-program saya. Dua hari ni, 20hb Mei kita ada memberi sumbangan *i-Sejahtera* kepada 700 lebih orang. Jadi saya edarkan apakah yang Kerajaan Negeri telah membantu kepada Penanti dari segi kebajikan, berapa orang yang dapat bantuan, projek-projek banjir, projek kebajikan, projek infrastruktur supaya rakyat kita tahu. Ini kira macam KPI, so saya harap mungkin ADUN-ADUN lain mungkin dah buat, Seberang Jaya memang dah buat Laporan ADUN dia. Sekarang ini memang semua program-program kita yang kelmarin pun saya edar laporan seperti ini menunjukkan yang Kerajaan Negeri adalah satu kerajaan yang prihatin kepada aduan rakyat dan masalah rakyat *Insyallah* dalam Pakatan Harapan, kita *walk the talk*, kita akan laksanakan apa yang kita perjuangkan.

Sekarang ini kalau kita tengok dalam Laporan PAC yang diedarkan berkenaan dengan penggondolan bukit di Bukit Relau dan juga di pembukaan tanah untuk aktiviti-aktiviti pertanian di Bukit Bendera dan juga hotel dan tempat-tempat makanan di Teluk Bahang, apa yang saya tengok dari jawapan yang saya terima ialah, satu, yang bagus juga maknanya majlis atau MPSP telah menolak cadangan pengecualian terhadap permohonan kerja-kerja tanah untuk aktiviti pertanian. Apa yang merisaukan hanya ada satu undang-undang kecil dalam Undang-Undang Kecil Tanah MPSP 1992 yang memperuntukkan pengecualian kerja tanah yang dijalankan bagi maksud-maksud pertanian. Tetapi apa yang berlaku di Sungai Lembu sebelum ini, 21 hektar tanah bukit yang digondolkan untuk penanaman pokok hiasan yang telah menyebabkan banjir lumpur. Apa yang MPSP buat ialah bawa perkara itu ke mahkamah tapi *finenya* hanya RM10,000. Jadi rasanya banyak kes-kes dalam laporan PAC itu sebagai contohnya Bukit Relau ia terjadi semasa kita tengah pilihan raya. Jadi saya harap Jabatan Kerajaan kalau kita ada pilihan raya terdekat ini *just because* kita ada pilihan raya dan ada *I mean* macam hari itu ada pengalihan kuasa, *hopefully this time* kita menang tak ada pengalihan kuasa. Sementara itu pegawai-pegawai kerajaan, sambung betul. Maknanya masa dia ada *Caretaker Government* itu. Jabatan kerajaan mesti memantau supaya tidak ada pihak-pihak atau pun tuan tanah, pemaju-pemaju menggunakan peluang itu untuk melanggar undang-undang, maknanya dia tengok sekarang ini orang tengah buat *election* tiada *government*, dia buat suka hati tiba-tiba bukit digondolkan. Jadi saya nak apa yang kita syorkan juga supaya Jabatan Kerajaan menggunakan teknologi baru seperti *drone*. Hari itu, kita ahli-ahli PAC panjat saya pun risau keluar surat khabar, 3 ADUN telah jatuh bukit ka tapi tak perlu kita panjat pun, guna *drone*. Saya sendiri pun beli *drone* RM4,000. Saya tak dapat masuk dalam Mengkuang Dam, apa saya buat saya hantar *drone* pusing tengoklah sebab saya nak buat *Mengkuang Dam Run*, so saya nak tengok dah siap. Jadi rasanya apa ni MPSP dan MBPP perlu secara seriusnya gunakan teknologi-teknologi baru ini untuk memantau kawasan dan ambil tindakan yang segera, bukan tunggu dah botak habis baru nak ambil tindakan, sebab *fine* terlampau sikit, saman terlampau sikit tak berbaloi dengan masalah yang disebabkan oleh penggondolan bukit.

Dua (2) hari lepas, saya membuat lawatan bersama dengan YB. Sungai Puyu, okey. YB. Sungai Puyu telah datang mewakili Y.A.B Ketua Menteri untuk majlis pemberian penghargaan kepada ibu-ibu tunggal. Jadi selepas itu saya dapat banyaklah. Yang bagusnya, kita buat majlis kita dapat jumpa mereka *face to face* kan dan saya juga buat kaji selidik. Saya tengok di sini, soalan saya ialah apa yang kita beritahu ibu-ibu tunggal *I think* 90% adalah orang-orang Islam. Saya beritahu yang di Pulau Pinang ini bagi orang-orang Islam tidak ada sebab kenapa seseorang ibu tunggal ataupun ibu yang ditinggalkan ataupun seorang isteri akan rasa dirinya tidak terbelah dan saya tengok jawapan yang saya dapat daripada YB. Batu Maung adalah sangat-sangat bagus. Maknanya dalam Negeri Pulau Pinang ini kita mempunyai undang-undang yang sangat kuat iaitu kita boleh sita rumah orang lelaki itu suami ka, bapa ka, siapa-siapa lelaki yang bertanggungjawab atas wanita dan anak-anak, kalau mereka tidak bagi nafkah yang cukup dan kita ada saman penghutang penghakiman, notis penghakiman seperti di Singapura, saya rasa memang bagus. Saya harap kita boleh ikut Singapura juga di mana orang lelaki diletak di dalam kandang, Hakim belakangnya ada jel. *You* nak bayar ke *you* nak masuk jel untuk lelaki-lelaki yang liat nak bagi nafkah. Jadi di Pulau Pinang kita juga ada Seksyen 184 Enakmen Tatacara Mahkamah Syariah kita boleh buat keluar waran tangkap jika dia gagal untuk beri nafkah, gagal bayar tunggakan nafkah. Kita ada Seksyen 60 sampai 74 yang mahkamah boleh memerintah seorang lelaki untuk memberi kepada isteri atau bekas isteri dan faedah kepada anak-anak. Jadi dalam majlis itu, saya beritahu semua ibu-ibu tunggal supaya dia tak payah rasa dia jadi ibu tunggal dia nak kena jaga anak dia, nak kena kerja, terlampau *stress*. Jadi saya harap dengan ini kita promosikan supaya lelaki-lelaki yang tidak bertanggungjawab, yang tidak membayar nafkah boleh diperintahkan untuk membayar nafkah. Kalau tidak, masukkan dalam jel, sitakan harta mereka dan macam-macam lagi lah, okey.

Saya nak pergi kepada isu kemiskinan. Saya dapat jawapan yang saya tengok dari jawapan ini, nampak macam SPU dapat macam lebih dua kali ganda daripada SPT, SPU memang dapat 694 orang yang dapat bantuan *top up* bulanan AES. Ada 9 KADUN di situ. Lepas itu, SPT dapat 237 saja kan, SPU dapat banyak. Saya selidiklah juga dengan penghulu semua, kenapa dia orang boleh dapat? Kita pun ramai orang miskin juga SPU 9 KADUN, SPT 8 KADUN. Bila saya selidik, *actually* Penanti penerima 2017, 67 orang yang dapat *top up* bulanan sebab kita Pulau Pinang memang janjikan membasmi kemiskinan. SPU ramai, faktornya apa yang saya kaji ialah bilangan penghulu di SPU ada 9 orang dan dia ada 9 KADUN tetapi SPT hanya 5 orang penghulu dan kita ada 8 KADUN. Dahlah SPU kebanyakan kadun pembangkang, kita SPT kita KADUN ADUN Kerajaan kita dapat lagi sikit, penghulu kita hanya 5 orang saja padahal KADUN kita 8, dia orang ada 9. Memang rasa macam Kerajaan Negeri dah melebihi untuk pembangkang. Lepas itu, saya tengok ini satu ketidakadilan, lepas itu, bila saya pergi Pejabat Daerah SPU dia wah, macam *luxury* besar, wah *relax* jer kan, tapi kalau SPT macam sempit sangat nak langgar-langgar betul kalau berjalan pun boleh batal air sembahyang. *It is* sempit ini... (gangguan). Tak saya tengok SPT dan SPU sahaja.

Jadi saya nak mohon sebab sebagai KADUN Penanti ini, saya ada seorang penghulu kesian sangat, dia jaga Machang Bubok, ada 19 JKKK, Penanti ada 12. Maknanya seorang penghulu jaga 29 JKKK, seorang penghulu. Sebab kita kan AES, siasatan kena disahkan oleh penghulu nak minta baiki rumah pun penghulu sahkan, nak bina rumah baru. Tapi kita Penanti saya tengok kita dah bina kita macam dah banyak juga la sebab dari jawapan, bukan Datok Keramat, ini Dr. Afif Seberang Jaya Projek Khas Ekonomi, Penanti kita dapat paling banyak untuk 2017, RM160ribu untuk rumah baru dan baiki rumah kita dapat memang banyak. So baiki rumah kita di Penanti tadi saya ada tulis tapi memang banyaklah 20 lebih, haa okey dah dapat, untuk Penanti dari 2013 sampai 2017, kita telah baiki 35 rumah untuk orang-orang yang susah pendapatan RM1500 ke bawah, okey. 2016 sampai 2017 bila saya dimasukkan ke dalam mesyuarat J/K kemiskinan, 17 rumah sudah kita baiki rumah baru sejak saya masuk kita dah buat empat (4) buah, tetapi kita boleh buat lebih lagi, macam YB. Sungai Puyu cakap. Kita boleh buat lebih bagus lagi daripada Seberang Perai Utara (SPU) jika YB. Dato' Seri SUK boleh menambah penghulu di Seberang Perai Tengah (SPT). Kasihanilah sebagai YB. Penanti, 29 JKKK dan Penanti sahaja ada tiga puluh kampung, jadi saya mohonlah....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta jalan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sikit sudah ya, yang lain tunggu penggulangan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bukan jumlah berapa penghulu, yang amat penting adalah, adakah kes-kes yang tertunggak di sana yang belum selesai. Saya telah membuat semakan semua kes-kes yang telah dibawa oleh JKKK telah selesai dan jika hendak berbanding SPT dan SPU, kerana kalau di KADUN UMNO semua orang miskin yang terbanyak sekali kerana mereka tidak menjaga kebajikan di sana. Hantar YB. daripada Penanti memang ada menjaga kebajikan pengundi-pengundi di sana untuk membaiki rumah di sana... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini sudah terlalu jauh sangat, sudah.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ini adalah analisa yang saya buatlah, tetapi saya sangat berharap yang Kerajaan Negeri, Dato' Seri SUK *please* tolong tambahkan penghulu bagi seimbang kalau kita boleh ramai penghulu macam SPU dapat, kita pun boleh dapat 635 penerima macam SPU, ramai sangat mereka dapat, so, saya berharap macam itu.

Okey, berkenaan dengan satu lagi projek untuk membantu orang-orang miskin apa yang Kerajaan Negeri telah mulakan di Penanti, Seberang Jaya dan Permatang Pasir, kita sudah mulakan satu projek di mana kita telah menyelamatkan makanan-makanan sebab, sebenarnya 355 tan sehari makanan dibuang, bukan dibuang oleh orang-orang biasa selalunya dibuang oleh syarikat-syarikat ataupun *hypermarket*. Dan program *food bank* yang kita telah mulakan pada 11 Mei 2017 dan sejak itu 12 Mei sampai sekarang, setiap hari kita mengambil makanan daripada TESCO Alma, TESCO Kulim dan TESCO Seberang Jaya dan kita telah menyelamatkan sehari dari tiga TESCO ini 152.77 kilogram, *bakery* dan buah-buahan dan

sayur-sayuran. Bila kita kumpulkan dan hantar di Yayasan Aman di Penanti dan *Bridget* Wanita kita dan juga JKKK akan mengedarkan kepada 45 penerima keluarga yang menerima makanan ini. Maknanya bila saya bertanya kepada TESCO, kalau kita tidak ambil makanan ini dan makanan ini akan hantar kemana, itulah sayang jika kita membuangnya. Maknanya kita kenal jadi macam di France. Saya tengok France dan Italy mempunyai undang-undang yang memaksa *hypermarket*, *supermarket* untuk memberi makanan yang tidak dijual yang masih baik belum luput tarikh bagi kepada *charity* ataupun rumah-rumah orang susah, seperti apa yang kita sudah mulakan di Permatang Pauh.

Jadi saya harap Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebab kita hendak mengurangkan kos mengurus kita sebut pengurusan sampah, kalau dari soalan saya, sebab saya tulis itu saya anggarkan 100 juta pembuangan sisa pepejal di Pulau Burong. Jadi kalau kita boleh membuat satu undang-undang seperti di France dan Italy yang tidak membenarkan *hypermarket* dan *supermarket* dan kadang-kadang syarikat-syarikat yang ekspot, dia perlu satu tahun lebih dia punya tarikh luput, kalau tidak dia tidak boleh mengekspot. So, makanan-makanan ini hendak pergi ke mana? Jadi saya harap kita, Negeri Pulau Pinang kita boleh *lead the way* jadi perintis untuk buat satu undang-undang supaya pasaraya, hotel, restoran boleh, sebagai contoh bulan Ramadhan, bulan Ramadhan banyak sangat *food waste*, sebab kita lapar dan pada waktu siang kita puasa, bila hendak berbuka puasa kita hendak makan makanan banyak-banyak tetapi banyak makanan terbuang. Saya harap, macam di Penanti kita hendak buat Ramadhan Rangers, kita berpakat dengan kedai-kedai yang membuat *buffet*, restoran ataupun pasar-pasar Ramadan, *pack* makanan yang tidak habis, kita agihkan kepada orang-orang yang susah. Oleh itu kalau kita ada undang-undang kita boleh memaksa hotel-hotel dan tempat-tempat *hypermarket* dan *supermarket* supaya mereka tidak membuang sahaja macam itu, makanan ini boleh diselamatkan dan diagihkan kepada orang-orang yang susah.

Seterusnya, saya hendak bangkitkan mengenai bajet untuk *upgrade* padang *Homestay* Mengkuang Titi. Baru ini di Penanti saya ada membuat klinik bola percuma kepada anak-anak kampung di mana 265 anak-anak kampung telah berdaftar dan hari Ahad mereka dapat latihan oleh tujuh jurulatih untuk belajar teknik-teknik main bola supaya, *at least* ada aktiviti. Dan dua kali berturut-turut Kelab DNA Penanti iaitu klinik kelab bola kita menang sebagai juara Piala Dato' Zaidi dan juga Piala YB. Dr. Afif baru ini. Dan ada juga pelajar-pelajar yang telah diambil oleh Johor Darul Takzim (JDT), tapi apa yang saya hendak sebut di sini usaha-usaha kecil-kecilan ini yang saya lakukan ini *Alhamdulillah* sudah mendapat kejayaan.

Jadi pada Sidang DUN November 2016, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengatakan yang peruntukan RM1.2 juta untuk menaikkan taraf padang Mengkuang Titi yang kita dok guna setiap hari itu, untuk buat klinik bola setiap minggu itu dan juga pembinaan dewan baru di Mengkuang Titi. Jadi saya sangat berharap yang Kerajaan Negeri akan melaksanakan projek-projek yang disebutkan semasa soalan Bajet 2017 pada bulan November 2016.

Okey, saya hendak pergi isu tanah, ada tiga (3) isu tanah yang penting. Sebelum datang ke Sidang DUN ini saya membuat kajian dan kaji selidik setiap pengundilah, tanya dekat orang, Dr. Norlela itu prestasi dia itu baguskah, sederhanaakah, teruk? Apa masalah di kawasan, dua soalan itu sahajalah dan apa cadangan? Saya juga membuat majlis dialog. Yang ini saya hendak bawa, apa yang diminta oleh penduduk. Satu, Kampung Tun Sardon mereka mohon tanah pajakan, saya sudah mendapat jawapan, tetapi bagi penduduk-penduduk yang dok tengok *live* ini saya hendak cakap saya sudah bawa ke Sidang DUN perkara ini dan berkenaan dengan 45 lot, sebab Kampung Tun Sardon itu semua itu adalah tanah pajakan. Maknanya tanah pajakan dia kena *renew* dan tempoh pajakan adalah selama 21 tahun dan akan tamat pada 2039. Dia orang, mereka semua kata, "Boleh tak tanah pajakan itu diberi hak milik tetap kepada penduduk?". Okey, jawapannya pemohon boleh mengemukakan permohonan pilihan status pegangan tanah kepada pejabat daerah untuk dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri iaitu EXCO-EXCO dekat sinilah dan berapa kosnya, nilai premium bagi 45 lot dengan keluasan 52.62 hektar adalah pada kadar RM264.00 semeter persegi. Jadi orang-orang kampung kena lagi, dia mampu tak kalau hendak bayar nilai premium, kalau hendak jadikan tanah itu sebagai pegangan tetap. Satu lagi mereka juga memohon supaya pihak Kerajaan Negeri membantu penduduk di situ dan jawapannya ialah setiap permohonan perlu dikemukakan kepada pejabat tanah. Selaku pentadbir tanah dan diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi pertimbangan dan kelulusan dan bayaran yang disebut itu tadi RM264.00 semeter persegi dan akan dikenakan berdasarkan Penilaian Tanah.

Isu tanah yang kedua yang dibangkitkan oleh penduduk-penduduk kampung ialah berkenaan dengan tanah lot lidi, saya pun tertanya-tanyalah sebab saya pun tidak pernah dengar tanah lot lidi ini, tetapi penduduk kampung kata mereka hanya mampu membeli tanah lot lidi sekitar RM40,000 hingga RM50,000 tetapi kos hendak mendapatkan geran bayaran pelan rumah untuk memasukkan air dan elektrik mahal dan menyusahkan. Jadi, mereka mohon supaya satu lot lidi itu dibenarkan membina lebih

daripada lima (5) buah rumah. Sekarang tanah di Pulau Pinang terhad dan jawapannya daripada Kerajaan Negeri akan mengkaji cadangan Yang Berhormat untuk pembinaan lebih daripada lima buah rumah, maknanya mungkin boleh. Kedua memudahkan proses dan meminimumkan bayaran untuk mendapatkan geran...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, *you*, hendak baca semua jawapankah?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tidak, tidak yang ringkasnya *summary* sahaja, okey. Di sini disebutkan kadar minimum untuk mendapatkan geran sekadar RM100.00, tak adalah beribu-ribu seperti yang disangkakan oleh penduduk kampung. Juga saya tengok di sini Pihak Berkuasa Air (PBA) ada Kampung *loan*, ini *first time* saya dengar, untuk orang yang pendapatan minima RM1,000.00 layak mendapat kampung *loan*, bayaran ansuran sebanyak RM30.00 sahaja dan saya juga membuat cadangan supaya pelan rumah blok *design* seperti yang diamalkan di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan juga di Majlis Seberang Perai Selatan (MPSP) sebab kalau tidak, mereka hendak bayar arkitek untuk buat pelan macam mahalkan.

Oleh itu jawapannya ialah MPSP sedang membuat penambahbaikan kepada pelan setara untuk rumah kampung untuk menyediakan empat reka bentuk, maknanya dia ada blok *design* juga seperti di MBPP supaya penduduk kampung tidak perlu ambil arkitek untuk bayar kos. Okey, *next one* hendak bercakap mengenai Pili Bomba, dekat Penanti dalam tahun ini sudah berlaku dalam 6 bulan berlaku kejadian kebakaran di Penanti. Sebab tidak ada pili Bomba, jadi bila Bomba datang pili Bomba tidak ada, dia tidak cukup air untuk memadamkan kebakaran, jadi apa yang saya tengok disini Jabatan Bomba Pulau Pinang hanya dapat RM55,000 sahaja untuk seluruh Pulau Pinang dan satu pili Bomba kosnya ialah RM6,500 di kawasan kampung, kalau di kawasan-kawasan bandar RM9,000 untuk satu pili Bomba. So kalau Jabatan Bomba dapat RM55,000 maknanya bagi satu Pulau Pinang itu terlalu sedikit, saya mengharapkan Kerajaan Negeri boleh membantu sebab kebakaran ini bila berlaku, kos untuk membina rumah balik itu terlampau tinggi, jadi baik kita letakan pili-pili Bomba itu di Pulau Pinang. Saya telah memohon sepuluh pili Bomba di kawasan sekolah tahfiz semua itu, tetapi ditolak oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) dan Bahagian Kewangan, kalau hendak guna duit saya memang tidak cukup. Jadi saya amat berharap supaya Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan semula. Sebelum saya lupa saya ingin memohon juga supaya peruntukan kepada *Bridget* Wanita diberikan semula tahun ini jika boleh, sebab *Bridget* Wanita ini dekat-dekat hendak pilihanraya ini, dan semua kaji selidik saya, sebenarnya dari semua penduduk yang berani membuat kaji selidik hanya *Bridget* Wanita sahaja. Lelaki dia tidak berani hendak tanya, macam mana ada aduan? Dia tidak berani tetapi kalau *Briged* Wanita, dia *relax* sahaja boleh tanya, ini okey, Dr. Norlela tengah buat kaji selidik, ini laporan ADUN, tolong jawab.... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih Penanti. Saya terkejut juga dengar kata *Bridget* Wanita telah dimobilisasikan untuk kerja-kerja politik. Ini sudah terbongkar rahsia.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tidak. Ini Penanti sahaja sebab saya membuat kaji selidik. Saya hendak tahu...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Iyalah. Itu kajian sikaplah itu.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bukan. Semua penduduk sebenar, bila kita buat kaji selidik, dia akan ceritakan masalah dia, longkang depan rumah dia, dia tidak dapat, dia mohon semua boleh *check*...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya rasa itu kerja JKKK. Jadi sekarang susah ada duplikasi kerja, tugasan. Saya tidak tahu, *Bridget* Wanita patutnya memberi tumpuan kepada aktiviti memperkasakan wanita di dalam masyarakat. Jadi saya tidak tahu. Saya ingat ini di bawah Padang Lalang. Mungkin Padang Lalang boleh memberi penjelasan dengan lebih jelas dan memang tidak, bukan sekarang, mungkin masa menggulung nanti. Ini tidak seharusnya *Bridget* Wanita...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bukan, bukan. Sebab saya buat program warga emas. Warga emas ini orang tua-tua. Sebab selalunya warga emas 3,000 orang yang dapat. Kita tidak pernah hendak soal, tanya dia, *happy* ke, apa masalah dia. Dan orang lebih suka bercakap dengan wanita daripada orang lelaki. Kalau orang lelaki tanya soalan dia pun sudah takut. Orang yang hendak jawab itu, tanya siapa ini? Tetapi baru-baru ini saya buat program untuk ibu tunggal. Jadi memang selesa, warga emas, ibu tunggal memang elok. *So far* kita buat dua program itulah.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat Penanti, boleh memberi laluan? Terima kasih. Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, sebenarnya saya hairan dengan soalan yang ditanyakan itu memandangkan pengalaman yang begitu meluas dan mendalam, berpuluh-puluh tahun daripada Yang Berhormat ini dalam peranan EXCO wanita kerana dalam pembangunan wanita, merangkumi juga latihan wanita, peluang-peluang yang diberi kepada wanita untuk menjalankan tugas-tugas. Jadi saya rasa penglibatan Bridget Wanita dalam kaji selidik, penglibatan Bridget Wanita dalam pelbagai usaha merupakan satu latihan dan pemberdayaan kepada mereka. Penjelasan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih. Minta penjelasan sedikit. Pulau Tikus, tidak payah *defend* lah. Ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Takut tidak faham.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tadi kata saya sudah pengalaman, apa semua. Ini kata saya tidak faham. Macam mana? *Whatever*, apa yang *you* buat itu. Sebab Bridget Wanita ini adalah lahir selepas 2008. Dan ia serupa seperti Majlis Pembangunan Wanita yang dibuat sebelum itu yang masih sekarang ada. Yang kita tidak pernah menggunakan jentera di bawah Majlis Pembangunan Wanita untuk kerja-kerja seperti itu tadi. Ia banyak lebih kepada menerapkan kemahiran, memperkasakan wanita, membuatkan aktiviti pendedahan kepada pelbagai aktiviti kekeluargaan dan sebagainya. *So it's okay you all* nak buat macam itu pun boleh. Tapi ini tadi telah menceritakan keadaan sebenarnya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bukan, bukan, tadi kan saya sudah cerita Penanti kita ada penerima tertinggi AES, baiki rumah, itu semua sebab kita dapat maklumat dan kita pergi *house to house*. *Impossible* kalau kita hendak tahu pasal masalah wanita itu semua jika kita tidak, maknanya mereka telah melakukan kerja-kerja ini sudah lama. Sebab memang kita melatih sebab kenapa kita tubuhkan Bridget Wanita ini sebab kalau selalunya wanita lebih orang lagi senang nak menceritakan masalah dia di kampung-kampung daripada lelaki. Selalunya pengerusi JKKK, maaf cakaplah, yang macam tok-tok lebai, mereka tidak akan pergi untuk dengar-dengar cerita wanita, ibu tunggal, semua tidak ada. Tetapi Bridget Wanita lain dan saya sebagai ADUN wanita, saya hendak sebut di sini, Bridget Wanita adalah saya punya *backbone* untuk jaga Penanti dan juga JKKK. Tetapi dengan ada, dahulu semua pengerusi JKKK, setiausaha JKKK, semua lelaki. Tetapi di Penanti sekarang ini kita ada dua pengerusi JKKK yang wanita. Dahulu Guar Perahu itu semua lelaki, sekarang JKKK ada lapan orang wanita, lelaki ada 2 orang sahaja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penanti, sudah lebih 50 minit.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Oh sudah lebih ke? Okey, okey. Rasanya semua yang *important things* semua saya sudah *cover*. Kalau macam itu, sudah kena tutup ya? Saya rasa last sekali saya hanya hendak tanya, ini jawapan yang saya agak sedih berkenaan dengan bantuan micro kredit, bantuan peralatan itu semua, sebab saya semua soalan yang lain saya tanya, Penanti sebab dapat banyak mana KADUN lain dapat banyak mana sebab saya hendak bandingkan orang Penanti dapat banyak mana. Tiba-tiba saya punya soalan pasal mikro kredit dan jawapan yang saya terima ialah PDC tidak ada data mengenai Penanti. Dia tidak tahu orang meniaga dalam rumah berapa orang, dia tidak ada maklumat jenis perniagaan dan *so forth*. Saya rasa PDC adalah satu GLC yang sangat *matured* dan *advanced*. Saya punya PhD sendiri saya cerita mengenai PDC. Kalau baca saya punya PhD yang *electronics*, bagaimana Pulau Pinang boleh

membangunkan industri *electronics*. Jadi apabila saya dapat jawapan PDC tidak ada data macam dua soalan saya dijawab PDC tidak ada data, saya rasa ini tidak betul, saya harap Pantai Jerejak, kalau bolehlah sebab saya *just* hendak tahu, Penanti dapat banyak mana, tolong berapa sebab saya sering ditanya oleh Bridget Wanita. Bridget Wanita tugas dia, Ketua Pembangkang hendak cerita sedikit. Bridget Wanita tugas dia yang utama ialah membantu wanita dapat micro kredit dan mereka ini buat meniaga di rumah. Jadi sebab itu saya hendak tahu, jadi bila kata, data tidak ada itu semua, macam tidak boleh. Dato' Pantai Jerejak kena pergi cakap kepada PDC. Mana boleh macam ini.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Untuk makluman, dia ada ikut daerah, peringkat-peringkat umur dia, maknanya boleh dibuat tetapi setakat ini tidak di-*compiled* (dengan izin), mengikut KADUN.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Okey, sebab jawapan yang saya dapat ini sebagai contohnya, Seberang Perai Tengah, ada 10 orang sahaja yang dapat untuk perniagaan *online*, spa kecantikan dan dobi. Macam mana dari situ kita hendak tahu yang dia berniaga dekat rumah itu banyak mana. Sebab itu Bridget Wanita yang 2,000 orang lebih di Pulau Pinang ini tugas hakiki dia ialah tolong wanita dapat mikro kredit dari PTSR. Selepas itu, tolong wanita buat *mammograms* dan daftarkan ibu-ibu tunggal dan skim-skim i-Sejahtera selain daripada aktiviti mereka sendiri tetapi bagi saya, saya di Penanti sebab kita ada Jawatankuasa Kemiskinan setiap bulan saya pergi, sebab itu saya hendak Bridget Wanita saya pergi ke rumah-rumah di tempat mereka dan buat kaji selidik penduduk di situ, apa keperluan mereka. Jadi saya harap data-data macam ini boleh diberi supaya kita tahu semua kerja-kerja Bridget Wanita ini, berapa orang yang dapat. Sebab rata-rata Bridget Wanita akan bantu wanita yang bekerja di rumah ataupun buat berniaga di rumah untuk mendapatkan mikro kredit. Dengan itu, saya sebelum saya ucap terima kasih saya *just* hendak ucapkan berbilang terima kasih kepada Pejabat Daerah SPT yang saya sudah sebut banyak kali adalah penyumbang pendapatan tertinggi untuk Pulau Pinang, RM175 juta.

Jadi saya sangat mengharap Pejabat Daerah SPT akan mendapat penghulu, peningkatan yang sama di SPU, bangunan yang lebih besar sikit dan juga saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua JKKK saya di Penanti, pegawai-pegawai saya yang bertungkus lumus, semua jabatan-jabatan kerajaan, MPSP, JKR, JPS, semua telah membantu Penanti dan juga kepada semua EXCO di Kerajaan Negeri memang, kalau tidak kalau macam *you* baca ini, *wow!* bagusnya Kerajaan Negeri bantu penduduk-penduduk kampung. Ini serius. Walaupun dalam sidang DUN saya ataupun di luar sidang DUN saya selalu macam kadang-kadang *emotional* dan *criticize* tetapi *whatever it is*, saya memang selesa dengan Kerajaan Negeri sebab saya ada diberi hak bersuara. Saya ada hak bersuara untuk *my* penduduk Penanti. Saya tidak tahu kalau di zaman BN dahulu macam mana tetapi saya memang selesa *what ever people said about Kerajaan DAP for me is like* saya paling selesa dengan mereka, saya tidak ada masalah dan kalau saya rasa saya hendak buat FB *posting* ke apa, *it is like, we are not in Russia, we are not in China. Of course* Kerajaan Negeri dia kena *defend* diri dia tetapi bagi saya, saya buat macam mana pun alhamdulillah, penduduk *still* dapat. *You know? You have to fight for the* penduduk. *So* saya hendak ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Kerajaan Negeri, kepada Kewangan, Pejabat SUK dan semua orang yang telah membantu Penanti. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Penanti. Seterusnya. Ahli-Ahli Yang Berhormat, siapa yang ingin menyertai? Ya, silakan YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

YB. Dato' Speaker. Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Mesyuarat Pertama pembuka persidangan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ketiga Belas. Dengan ini, saya mengucapkan tahniah kepada Ketua Menteri Pulau Pinang yang telah berjaya mentadbir negeri ini dengan cemerlang. Saya telah pilih banyak isu juga. Saya bahas satu-satu isu. Isu pertama, kita sudah berada di ambang pilihan raya dan di ambang akhir penggal pentadbiran kita sebagai Kerajaan Negeri. Sebagai aktivis pembangkang, NGO dan doktor perubatan, lebih 38 tahun, saya bersyukur dan menghargai Parti Keadilan Rakyat, Pakatan Rakyat dan KADUN Batu Uban kerana telah memberi peluang kepada saya menjadi wakil yang berkhidmat kepada rakyat yang tema 'Tolak Kezaliman, Tegakkan Keadilan'. Sepanjang perkhidmatan sebagai ADUN Batu Uban, saya telah berusaha siang malam untuk berkhidmat kepada rakyat yang disanjung. Di antara kejayaan besar telah dilaksanakan adalah seperti projek tebatan banjir di Jalan 3 dan Jalan 6, Minden Heights dan kini

projek tebatan banjir di Jalan Sungai Dua yang masih rancak dijalankan. Kemudian projek penggantian bumbung rumah Flat Hamna akibat bencana ribut pada tahun 2013. Sekalung terima kasih kepada tindakan dinamik dan keperihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan YB. EXCO Perumahan untuk menjayakan projek tersebut. Dalam masa empat tahun sahaja beberapa taman kejiranan telah dizahirkan. Di Taman Lip Sin sahaja ada tiga padang kejiranan dizahirkan seperti tanah lapang Lebu Nipah 2, Taman Poket Medan Nipah dan Taman Permainan Lorong Nipah 3. Di Kampung Batu Uban sebuah padang besar telah dinaiktaraf di Jalan Batu Uban dan terkini taman kejiranan di Jalan Molek, Taman Permai.

Untuk pengetahuan warga Dewan yang mulia ini, tanah lapang di tengah-tengah kawasan perumahan ini telah disalahgunakan oleh sesetengah penduduk yang tidak berkesedaran sivik dan mementingkan diri untuk meletakkan kereta buruk, motosikal buruk, kereta sorong yang tidak lagi digunakan. Kanak-kanak terpaksa bermain di tengah-tengah jalan *service* yang terdedah kepada pelbagai risiko kemalangan. Kini kanak-kanak sudah mempunyai tempat beriadah dengan selamat. Walaupun ada rungutan daripada penduduk berhubung dengan kekurangan tempat letak kereta setelah tanah lapang itu berubah wajah menjadi taman kejiranan dizahirkan, namun ingin saya tegaskan bahawa tempat letak kereta memang tidak pernah cukup untuk menampung keperluan penduduk memandangkan bilangan kereta sering ditambah dari semasa ke semasa.

Tambahan pula, kekurangan tempat letak kereta akan dapat diatasi jika orang ramai sanggup mengikis sikap mementingkan diri. Ada penghuni rumah teres di Jalan Molek, telah menjadikan perkarangan rumah sebagai bilik stor untuk menyimpan *compressor* hawa dingin dan meletakkan kenderaan mereka di tempat di tanah lapang tersebut sebelum dijadikan taman permainan.

Satu-satunya lif di Flat Taman Jubilee Fasa 1 yang tidak berfungsi lebih daripada 3 tahun akhirnya dapat berfungsi semula tidak lama lagi setelah berjaya mendapat pembiayaan naik taraf Kerajaan Negeri sebanyak 80%. Di sini saya merakamkan setinggi terima kasih kepada YB. EXCO Perumahan. Kehadiran lif itu umpama orang yang mengantuk disorongkan bantal kepada penghuni flat tersebut.

Sebagai doktor perubatan, saya sering mengadakan pemeriksaan kesihatan secara percuma di merata-rata kawasan di Batu Uban. Saya juga seringkali menziarahi pesakit miskin dan kritikal yang memerlukan ubat dan rawat percuma. Kini saya dalam proses untuk menyediakan klinik komuniti di Jalan Merak. Ingin saya tegaskan bahawa KADUN Batu Uban adalah antara yang paling banyak melakukan pendaftaran program i-Sejahtera sejak tahun 2008 lagi hingga 2016 iaitu sebanyak 16,158 pendaftaran. Hal ini kerana perkhidmatan saya beroperasi 7 hari seminggu iaitu 6 hari di pejabat KADUN Batu Uban dan hari Ahad di Pusat Khidmat JKKK Lip Sin. Pada masa yang sama, pendaftaran yang banyak ini juga berpunca daripada pegawai seranta dan JKKK yang sering mengadakan program *out reach*.

Sebagai ADUN Batu Uban, saya cukup berbangga dengan kejayaan JKKK Lip Sin dibawah pimpinan seorang Cikgu Chan Soon Aun yang berjaya menduduki tempat kedua dalam Pertandingan Anugerah JKKK Terbaik Peringkat Daerah Timur Laut pada tahun 2015 dan menduduki tempat ketiga dalam Pertandingan Anugerah Terbaik Peringkat Negeri Pulau Pinang tahun 2016.

Satu lagi kejayaan DUN Batu Uban ialah projek Pengecatan Semula Blok 38 yang kini masih dalam peringkat akhir dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun bulan Mei ini. Blok 38 yang pada masa dahulu kelihatan kusam, kini berwajah baru hasil kerjasama Kerajaan Negeri dengan penghuni flat tersebut.

Dalam masa empat (4) tahun ini, banyak benda yang tidak dapat dilakukan tetapi dapat disempurnakan semasa pentadbiran saya sebagai ADUN kawasan. Bermula dengan pembinaan Tembok Besar Lip Sin di Lengkok Nipah 3 demi keselamatan penghuni Blok 5 Taman Lip Sin sehingga kerja-kerja baik pulih tiga kerosakan di Flat Villa Kenangan, Batu Uban iaitu masalah kumbahan, kebocoran paip air dan ketirisan tangki air. Begitu juga dengan projek penurapan jalan di Dave Court, Bukit Jambul. Sikap kepedulian akan permasalahan penduduk atau rakyat ialah teras Kerajaan Kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dibawah Pakatan Harapan.

Isu Kedua:

Kita mempunyai 299 JKKK di seluruh negeri Pulau Pinang. Saya adalah antara ADUN yang paling layak bercakap tentang isu JKKK. Saya mempunyai JKKK Lip Sin yang berjaya, macam tadi saya sebut, menduduki tempat ketiga dalam Pertandingan Anugerah JKKK Terbaik Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 dan saya juga mempunyai dua JKKK yang masih ditangguhkan dan satu lagi JKKK yang dibentuk tanpa restu saya.

JKKK ialah jambatan antara komuniti dengan Kerajaan Negeri yang diwakili oleh seseorang ADUN. JKKK yang berperanan sebagai mata dan telinga Kerajaan Negeri memainkan peranan yang amat penting untuk memastikan program kerajaan negeri berjaya dilaksanakan agar menepati objektif Kerajaan Negeri.

Sayang seribu kali sayang, harapkan panas sampai ke petang, hujan pula di tengahari. Izinkan saya memberi contoh bentuk kegagalan fungsi JKKK. Misalnya, JKKK Taman Pekaka yang pada suatu ketika dahulu sebelum Saudara Quah Yew Chong dilantik sebagai Pengerusi, JKKK itu umpama hidup segan, mati tidak mahu. Akan tetapi, selepas JKKK Taman Pekaka dikemudi oleh Saudara Quah, pelbagai program telah diatur untuk manfaat komuniti. Program kelas tuisyen secara percuma, pusat khidmat yang beroperasi seminggu sekali, rondaan kawasan semasa malapetaka dan sebagainya. Anggota JKKK Taman Pekaka yang begitu komited dengan tugas dan tanggungjawab ini, telah diminta mengundurkan diri kerana memberikan laluan untuk pelantikan baharu. Satu senarai anggota JKKK Taman Pekaka yang baru dibentuk pada pertengahan tahun 2016 dan 2017 tanpa restu saya sebagai ADUN.

Jika pelantikan anggota JKKK Taman Pekaka yang baru itu dapat menyamai atau mengatasi prestasi Saudara Quah, maka saya sebagai YB. kawasan akan berasa bangga. Akan tetapi, keadaan yang berlaku adalah sebaliknya. Batang hidung anggota yang baru tidak kelihatan langsung. Sudah hampir setahun pelantikan anggota yang baru, apakah program yang telah dijalankan untuk manfaat komuniti? Adakah anggota JKKK Taman Pekaka yang baru sekadar mengadakan mesyuarat bulanan dan mengambil elaun sahaja? Bagaimanakah anggota JKKK Taman Pekaka ini dapat berfungsi dengan efektif tanpa berurusan dengan pejabat ADUN kawasan? Tiada rondaan kawasan mahupun tiada mesra komuniti dan rakyat kawasan itu tidak mengenali mereka, malah jika berlaku bencana hujan lebat tiada respon dari JKKK yang saya sebut akan masalah menimpa kawasan. Oleh itu, pegawai seranta pejabat saya terpaksa memikul tanggungjawab pengerusi dan ahli JKKK untuk urusan di kawasan Taman Pekaka dan menganjurkan program yang tidak akan dihadiri atau dibantu oleh JKKK kawasan ini. Apabila ditanya pengerusi dan setiausaha menjawab, sibuk dan kerap ke luar negeri.

Begitu juga dengan nasib JKKK Taman Brown dan JKKK Sungai Dua di kawasan KADUN Batu Uban telah ditangguhkan lebih daripada 5 bulan oleh YB. EXCO tanpa keizinan ADUN sehingga pegawai seranta pejabat KADUN saya terpaksa memikul tugas dan tanggungjawab JKKK di kedua-dua kawasan tersebut. Pada ketika ambang pilihanraya, kakitangan dan komitmen JKKK amat diperlukan untuk membantu urusan di kawasan, namun pejabat YB. EXCO mengeneipkan segala kepentingan JKKK dan terlalu leka tangguhkan pelantikan yang sengaja menimbulkan beban kepada ADUN kawasan. Tanpa JKKK di kedua-dua kawasan tersebut, yang rugi ialah penduduk setempat dan Kerajaan Negeri sendiri. Kita tidak boleh bersikap kerana sephohon pokok, kita terpaksa mengorbankan satu hutan. Muka-muka baru harus diberi peluang untuk memberikan nafas baru kepada JKKK yang tidak berfungsi. Perkara-perkara ini perlulah diteliti secara halus demi kelangsungan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan.

Cadangan pelantikan anggota JKKK memang di bawah bidang kuasa ADUN yang akan mengemukakan senarai nama anggota JKKK seramai 15 orang untuk diperakukan oleh EXCO sebelum upacara penyerahan watak. Dalam proses ini, seseorang ADUN pasti akan memilih Pengerusi dan Setiausaha yang rajin menunjukkan komitmen, dedikasi dan berusaha membantu rakyat. Sekiranya, terutamanya pengerusi dan setiausaha JKKK gagal melaksanakan tugas dengan baik, maka ADUN akan syorkan cadangan baru untuk menambahbaik urusan di kawasan supaya penduduk dapat merasai nikmat skim-skim dan bantuan perkhidmatan Kerajaan Negeri berdasarkan prinsip CAT. Saya mendukung impian Reformasi untuk membawa perubahan demi rakyat kerajaan berjiwa rakyat. Jawatan pengerusi dan setiausaha JKKK bukanlah satu jawatan yang kekal dan ianya seharusnya berdasarkan KPI prestasi perkhidmatan.

Dengan itu, saya syorkan supaya pejabat EXCO memahami keperluan utama JKKK di setiap kawasan dan tidak menilai prestasi hanya berdasarkan persahabatan sahaja tetapi sediakan kriteria KPI prestasi perkhidmatan untuk penilaian dan sekiranya ada cadangan yang lebih rajin dan komited harus diterima. Janganlah membelakangkan ADUN yang berusaha siang malam demi kebaikan KADUN dan rakyat yang disanjung. Di akhirnya, yang berdepan dengan rakyat di KADUN adalah ADUN pada setiap masa. Sekurang-kurangnya pejabat EXCO mendengar rintihan dan keluhan ADUN dalam urusan JKKK dan bukan berdasarkan kabel bawahan atau atasan sahaja.

YB. Dato' Timbalan Speaker dan warga Dewan yang mulia, Isu Keempat:

Isu denggi merupakan antara masalah sedang diberi perhatian serius oleh pihak saya. Saya seorang doktor pakar, proses urbanisasi dan denggi saling berkaitan. Kepadatan penduduk di kawasan

bandar dan kebersihan sering kali mengundang masalah denggi. Terkini KADUN Batu Uban terdapat 47 kes. Demam denggi merupakan sejenis penyakit yang berpunca daripada jangkitan virus denggi melalui nyamuk *Aedes betina*. Jenis demam denggi yang berbahaya ialah demam denggi berdarah. Nyamuk *Aedes* adalah nyamuk yang 'bersih' dan hanya membiak di dalam takungan air yang bersih dan jernih di dalam atau di luar rumah. Ia tidak membiak di dalam air kotor. Cara terbaik menangani masalah ini adalah dengan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk seperti bekas takungan air di dalam atau di luar rumah. Masalah global demam denggi telah meningkat dengan mendadak dalam beberapa dekad ini dan kini ianya menjadi *endemic* di lebih 100 buah negara di rantau Afrika, Mediterranean Timur, Asia Tenggara dan Pasifik Barat. Penduduk yang tinggal di kawasan endemik denggi akan terdedah kepada nyamuk *Aedes* menghadapi risiko dijangkiti demam ini, dengan itu dirumuskan pelawat di kawasan itu dan kanak-kanak berumur 15 tahun ke bawah berisiko tinggi mendapat penyakit ini.

Pencegahan utama untuk mencegah denggi adalah dengan langkah seperti perlindungan dari gigitan nyamuk, elak dari melawat atau berkunjung ke kawasan berisiko tinggi pada siang hari, musnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk dan hapuskan nyamuk *Aedes* dewasa, pakaian yang menutup kebanyakan bahagian dan pasangkan jaring nyamuk pada tingkap boleh melindungi dari gigitan nyamuk dan mencegah nyamuk memasuki rumah. Nyamuk *Aedes* bukanlah serangga malam tetapi waktu puncaknya di awal pagi dan awal senja.

Di KADUN Batu Uban terdapat banyak rumah pangsapuri di mana hampir setiap unit ada bumbung besi di luar tingkap atau *awning* yang boleh menangkung air di permukaan bumbung dan menjadi tempat pembiakan nyamuk. Kebanyakan air daripada penghawa dingin yang dipasang dalam rumah pangsapuri akan menitik sama ada ke lantai tingkat bawah atau ke atas bumbung besi tersebut dan bertakung di situ seterusnya menjadi tempat pembiakan nyamuk. Ini salah satu punca tuan rumah atau jiran mendapat demam denggi. Selain itu, punca lain seperti takungan air di tangga atau *corridor* di tingkat rumah pangsapuri kerana kerja-kerja pembersihan atau air hujan. Terdapat dua situasi menjadi punca seperti di kawasan Lintang Minden Dua dan Lorong Sungai Dua kerana ada dua tanah kosong di sebelah lot kawasan ini yang kurang diselia dengan baik dan berisiko tinggi tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Masalah kereta buruk dan lama tersadai juga menjadi tempat takungan air di persekitaran kawasan kediaman. Permasalahan seperti ini dapat diatasi dengan kerjasama penduduk atau JMB, Jabatan Kesihatan dan Majlis Bandaraya dalam mengawal selia dan pemantauan kebersihan kawasan. Jika sikap kejiwaan diutamakan dan berganding bahu bekerjasama dalam menjaga kebersihan kawasan dan membantu mengatasi masalah ini maka isu denggi dapat diatasi.

Pusat khidmat saya telah melakukan beberapa siri gotong royong, dialog, taklimat denggi dengan Jabatan Kesihatan dan bertemu dengan penduduk untuk kempen mencegah denggi. Pihak saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Kesihatan yang telah berusaha gigih memantau dan membantu mengatasi masalah ini, juga ribuan terima kasih kepada JKR dan MBPP khususnya Jabatan Lanskap dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaraan yang telah bertungkus lumus membantu program gotong royong hapuskan *Aedes*. Saya juga mengesyorkan supaya agensi-agensi yang terlibat seperti Jabatan Kesihatan dan MBPP terutamanya Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Perbandaraan, Jabatan Kesihatan MBPP dan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan berganding bahu dan berusaha gigih untuk membantu menangani masalah tempat pembiakan nyamuk *Aedes*.

Isu kelima, AES iaitu Agenda Ekonomi Saksama merupakan suatu inisiatif baik dalam membasmi kemiskinan di negeri ini. Kerajaan Negeri ini telah memperuntukkan jutaan ringgit bagi melaksanakan program ini. Pelaksanaan skim ini membuktikan Kerajaan Negeri mempunyai lebih bajet kerana kecekapan dan kemampuan pengurusan kewangan negeri. Pertama kali dilaksanakan di negeri ini membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri dan ianya suatu nikmat kepada penduduk Pulau Pinang khususnya golongan miskin dan fakir. Kecekapan pengurusan kewangan membantu menghasilkan skim-skim yang membantu rakyat. Ini membuktikan merakyatkan hasil negeri kepada rakyat. Ia juga mengurangkan jurang kemiskinan di kalangan penduduk, sejak merdeka rakyat Pulau Pinang tidak menikmati skim AES sehingga pakatan menjadi Kerajaan Negeri dan mengusahakan pemberian ini kepada rakyat yang disanjung, ini adalah usaha murni pengagihan kekayaan negeri untuk rakyat negeri ini.

Kemiskinan adalah masalah sosio ekonomi dan kawasan bandar Bayan Baru termasuk Batu Uban mengalami masalah ini dan ianya dikategorikan sebagai miskin bandar. Isu ini berkaitan dasar dan pengagihan kekayaan negara dan salah guna kuasa terhadap kewangan negara termasuk penyelewengan dana negara, kejatuhan matawang dan *corruption* serta *cronyism* telah meningkatkan kemiskinan di negara kita. Semestinya dasar seperti GST pelbagai jenis cukai akan membebaskan rakyat dengan kos kehidupan tinggi dan meningkatkan isu kemiskinan khususnya di kawasan bandar.

Masalah kemiskinan akan mewujudkan isu-isu sosioekonomi yang lain. Misalnya masalah kesihatan akibat kekurangan makanan berzat, ketidakmampuan uruskan perbelanjaan pendidikan maka anak remaja tidak minat sambung belajar dan terpaksa bekerja sebagai pekerja am untuk membantu keluarga. Peningkatan penduduk di kawasan bandar adalah didorong oleh isu urbanisasi dan sumber ekonomi. Namun begitu kos kehidupan di bandar seperti di Batu Uban adalah tinggi seperti kos sewa rumah yang mahal dan harga barangan yang tinggi kerana isu GST. Ianya juga memberi kesan kepada struktur masyarakat di kawasan bandar, struktur masyarakat ini bermaksud status pendidikan dan kesihatan yang terpaksa ditanggung oleh anak-anak dalam isi rumah.

Sebuah isi rumah dikira miskin sekiranya pendapatan mereka berada di bawah pendapatan garis kemiskinan. Kadar PGK semasa RM790 dan perkapita RM220, namun begitu sekadar mengambil kira pendapatan garis kemiskinan sahaja tidak mencukupi. Ianya perlu mengambil kira tiga komponen utama iaitu keperluan makanan, keperluan bukan makanan dan ciri-ciri isi rumah itu sendiri seperti keperluan asas yang wajib seperti utiliti, kos sewa, pengangkutan, pendidikan, kesihatan dan keperluan harian. Ini bermakna isu kemiskinan perlu diperhalusi agar golongan ini walaupun mereka di bandar tetapi mereka juga miskin tegar kerana isu dan faktor seperti yang dinyatakan di atas, masalah ini menyebabkan gelandangan atau *homeless* di kawasan bandar kerana ketidakupayaan membayar kos sewa rumah.

Saya bagi contoh satu kes kemiskinan permohonan AES daripada seorang ibu tunggal yang telah ditolak oleh pejabat daerah, ibu tunggal ini mempunyai anak-anak yang bersekolah dan sedang bergelut mencurahkan tenaga untuk menampung kos kehidupan di kawasan bandar seperti di Batu Uban. Oleh kerana pendapatan dia bekerja sambil sebagai cleaner di kedai runcit sebanyak RM800 maka permohonannya untuk AES telah ditolak oleh Pejabat Daerah atas perkiraan PGK, walhal faktor lain tidak diambil kira seperti keperluan asas wajib kehidupan seperti sewa rumah, utiliti, kos pendidikan dan kos kesihatan. Contoh dalam kes ini, pendapatannya jika ditolak kos sewa RM450 maka dia berada dalam situasi miskin tegar dan tidak mampu menanggung kos wajib asasi lain, beliau juga menghadapi penyakit asma dan tidak mampu cergas melakukan kerja dan menetap di rumah yang terpaksa naik tangga empat tingkat setiap hari. Apabila permohonan beliau untuk AES ditolak maka Pejabat ADUN terpaksa memikul beban untuk menguruskan kes sebegini untuk usaha mencari jalan penyelesaian lain yang amat sukar didapati dan kes kemiskinan masih berleluasa dan berterusan. Walaupun ada cadangan daripada Pejabat Daerah supaya dia memohon rumah PPRT namun permohonan ini boleh mengambil masa selama setahun dan lebih kerana *waiting list* yang tinggi, maka selama itu pemohon masih menderita kemiskinan.

Saya mengesyorkan Pejabat Daerah berfikir rasional berdasarkan fakta-fakta kes dalam memproses permohonan AES. Pegawai haruslah beretika mesra penduduk dan melihat keseriusan sesuatu masalah dan membantu rakyat menikmati dasar dan polisi Kerajaan Negeri. Janganlah terlalu bersikap tegas dengan terlalu banyak *argument* sehingga menghalang rakyat menikmati dasar Kerajaan Negeri. Keadaan ini menyukarkan Pejabat ADUN menghantar permohonan AES dan kesukaran membantu rakyat melalui skim ini. Dengan mengambil contoh kes ini, saya syorkan penambahbaikan garis panduan skim AES bukan sekadar mengambil kira garis pendapatan tetapi kos kehidupan wajib diambil kira juga. Semoga ianya membantu rakyat menikmati skim ini. Penambahbaikan ini akan membantu meningkatkan lagi imej Kerajaan Negeri.

Isu keenam, isu keenam saya ingin bawa untuk perhatian Dewan adalah isu trafik di kawasan bandar seperti di Batu Uban, umum ketahui Batu Uban berada di laluan ke kawasan industri *Free Trade Zone*, di Batu Uban juga mempunyai bilangan sekolah yang banyak. Di Batu Uban juga terdapat kepadatan penduduk kerana jenis kediaman pangsapuri yang amat tinggi dan banyak. Namun faktor utama yang menyumbang masalah kesesakan trafik adalah berpunca faktor laluan ke *Free Trade Zone*.

Merujuk kepada *trend* dan jenis pengangkutan di Pulau Pinang sehingga Mac 2014 menunjukkan kenderaan yang didaftarkan di Pulau Pinang yakni anggaran bilangan kereta persendirian sebanyak 1 juta dan jumlah keseluruhan kenderaan sebanyak 2.4 juta, jumlah kenderaan barangan anggaran sebanyak 73,000. Dengan kependudukan 1.6 juta dan bilangan kadar kenderaan telah meningkat daripada 1.17 tahun 2008 kepada 1.39 pada tahun 2014.

Walaupun ada masalah besar kesesakan trafik namun Rapid Penang masih dilihat bukan pilihan kesukaan penduduk mahupun pelancong. Apatah lagi ketika waktu kemuncak pekerjaan bagi pekerja *Free Trade Zone* mahupun agensi lain. Mengikut kajian, waktu kemuncak di sebelah pagi hanya 3% menggunakan kenderaan bas Rapid, 8% bas sekolah atau bas kilang, motorsikal 33% dan paling tinggi kenderaan persendirian 56%. Data ini menunjukkan peratus penggunaan kenderaan awam hanya 11%, data ini juga menunjukkan penggunaan kenderaan peribadi sebanyak 89%.

Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif yang baik bagi mengatasi masalah trafik waktu kerja dengan skim BEST Rapid. Kerajaan Negeri juga menggunakan sistem bas CAT untuk kawasan teras di bandaraya, ini satu inisiatif yang baik yang membantu mengurangkan permasalahan kesesakan trafik. Memandangkan penggunaan kenderaan peribadi sebanyak 89% ianya telah meningkatkan tekanan penggunaan jaringan jalanraya di negeri ini dan telah membawa suasana semasa waktu kemuncak dengan kadar kelajuan 30.75km/jam di bahagian pulau ini dan 32km/jam di bahagian Seberang, dengan anggaran peningkatan kadar populasi sehingga 3.04% menjelang 2020 maka jalanraya di negeri tidak mampu menampung penggunaan kenderaan peribadi.

KADUN Batu Uban juga berada di laluan ke dan dari Lapangan Terbang. Sehingga September 2014 bilangan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, 1.9 juta penumpang antarabangsa dan 2.5 juta penumpang tempatan. Penerbangan telah meningkat untuk dua aspek tersebut sebanyak 65.1% (antarabangsa) dan 58.1% (tempatan) dari tahun 2008 hingga 2013. data ini juga menyokong kesesakan jalanraya di KADUN Batu Uban. Faktor ketiga adalah laluan dua hala dari Jambatan Pulau Pinang ke kawasan pulau ini juga melalui jalanraya di KADUN Batu Uban, ini juga menyebabkan aliran trafik masuk ke kawasan jalanraya di Kadun Batu Uban dan menimbulkan kesesakan di waktu puncak.

Saya kembali kepada data penggunaan hanya 8% bas sekolah dan bas kilang dan 89% kenderaan peribadi maka ini memperlihatkan salah satu punca utama masalah kesesakan trafik di waktu kemucak di KADUN Batu Uban. Maka saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menasihatkan pengusaha-pengusaha industri di kawasan *Free Trade Zone* membawa inisiatif mengalakkan pekerja menggunakan perkhidmatan bas kilang dan mengurangkan penggunaan kenderaan peribadi. Inisiatif ini amat penting untuk mengurangkan kesesakan trafik di jalanraya, ketika waktu puncak dari pukul 5.30 petang hingga 8.00 malam hari berkerja dari KADUN Batu Uban ke Bayan Baru walaupun melalui *flyover* Bayan Baru mengambil masa hampir 1 jam. Walhal pada masa biasa bukan kemuncak trafik masa perjalanan cuma 10 – 15 minit sahaja. Saya berharap Kerajaan Negeri memandang serius cadangan ini dan dapat melaksanakan dengan segera.

Isu ketujuh kesesakan trafik dan peningkatan kenderaan menyumbangkan pencemaran udara khususnya di kawasan bandar seperti KADUN Batu Uban. Pencemaran udara boleh memberi impak besar kepada alam sekitar, pencemaran udara menyebabkan fenomena pemanasan global yang memberi kesan kepada alam ini. Misalnya negara China yang bertumpukan industri perkilangan telah menjejaskan kualiti udara. Isu pencemaran udara dititikberatkan oleh Organisasi WHO. Pencemaran udara dibahagikan kepada dua iaitu sekunder dan primer. Pencemaran primer merujuk kepada pencemaran yang dihasilkan sulfur monoksida dan karbon monoksida hasil dari pembakaran tidak lengkap yang menyebabkan zarah-zarah halus terampai di udara dan kebanyakan pencemaran ini dilepaskan melalui ekzos kenderaan. Manakala pencemaran sekunder pula adalah tindak balas sulfur dioksida, yang bergabung dan membentuk dengan gas-gas yang tidak diperlukan seperti sulfur monoksida dan wap air akan menghasilkan asid sulfurik. Gas-gas seperti karbon monoksida akan meracuni sistem pengangkutan oksigen dalam darah akan melambatkan tindak balas manusia dan kesan seterusnya menyebabkan mengantuk, penyakit lelah dan fungsi paru-paru terjejas. Menurut kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan sebanyak 3juta manusia mati setiap tahun disebabkan oleh pencemaran udara, ia adalah tiga kali ganda lebih tinggi daripada jumlah kematian yang disebabkan kemalangan. Ianya memberi kesan kepada tumbuhan adalah seperti mengalami kerosakan nekrosis (keguguran daun) dan pertumbuhan terbantut. Malaysia adalah antara negara yang paling tinggi memiliki kenderaan persendirian iaitu sebuah kenderaan persendirian bagi setiap lima orang. Manakala negara maju seperti Jepun dan Singapura 60 – 80 % penggunaan kenderaan awam. Pada tahun 2004, peraturan-peraturan kualiti alam sekitar (Kawalan Pelepasan Daripada Motorsikal) 2003 telah diwartakan. Langkah juga telah diambil untuk menggubal undang-undang bagi mengurangkan kandungan sulphur dalam minyak diesel daripada 0.3% kepada 0.05%. IPU ialah satu sistem indeks bagi memantau dan melaporkan kualiti udara persekitaran. IPU pada jangka masa tertentu dikira berasaskan nilai sub-indeks (Sub-IPU) kesemua lima bahan pencemar udara iaitu karbon monoksida, sulfur dioksida, nitrogen dioksida, ozon dan zarah terampai.

Asap kenderaan sumber paling utama pelbagai gas yang berbahaya. Kandungan bahan pencemaran daripada kenderaan bermotor terdiri daripada karbon dioksida, plumbum, zarah karbon, bahan api yang tidak dibakar (hidrokarbon), pengikat oksigen dan nitrogen (nitrogen oksida), hasil pembakaran api yang tidak lengkap (karbon monoksida) dan sebatian organik yang terbentuk daripada petrol. Proses pembakaran kenderaan akan menghasilkan gas sulfur dioksida dan gas ini menyebabkan hujan asid dan gas ini boleh bertindak balas dengan bahan-bahan daripada pembakaran enjin diesel dan menyebabkan terhasil sulfur trioksida ekzos kenderaan akan mengeluarkan gas sulfur trioksida dan

bertindak balas dengan wap air dalam udara dan menyebabkan asid sulfurik yang merupakan asid yang sangat berbahaya. Manakala plumbum yang terampai dalam udara daripada kenderaan bermotor sebanyak 96% yang merupakan bahan logam yang berbahaya yang berada di dalam badan manusia dalam bentuk sebaian. Pencemaran udara memberi kesan dengan penyakit yang berkait rapat dengan organ seperti paru-paru dan jantung, saraf dan fungsi deria. Karbon monoksida mengakibatkan masalah kesihatan seperti pening kepala, ke koma dan kematian yang bergantung paras gas dalam udara kerana ianya boleh mengurangkan jumlah heamoglobin yang terdapat di dalam darah dan menyebabkan oksigen turun naik dengan mendadak.

Berdasarkan ulasan di atas saya ingin mencadangkan supaya Pelan Tindakan Udara Segar dibuat dan dilaksanakan segera yang merangkumi operasi agensi berkaitan dan pengurangan kegunaan kenderaan peribadi, tindakan ini juga kerana asap-asap daripada ekzos kenderaan dan tiada kawalan penggunaan kenderaan peribadi terhadap pekerja industri *Free Trade Zone* (FTZ). Kita sering melihat asap-asap daripada ekzos bas-bas kilang dan lori-lori di jalanraya dan semoga ada operasi besar-besaran agensi yang berkaitan untuk mengurangkan masalah ini. Kempen dan tindakan pekeliling terhadap pengusaha industri di FTZ untuk mengalakkan pekerja menggunakan bas kilang berbanding kenderaan peribadi. Semoga usaha ini membawa suatu tindakan nyata dan realitinya menjadikan udara di kawasan Pulau khususnya di KADUN Batu Uban lebih bersih dan nyaman.

Tajuk saya seterusnya saya ingin bahaskan ialah perancangan bandar dan kecekapan kegunaan tanah. Proses pembandaran, pembentukan kelas dan komuniti serta kehidupan penghuni di bandar dan dinamik kehidupan bandar sebagai tempat pemastautin tetap. Kawasan bandar didefinisikan sebagai kawasan yang dibangunkan yang mempunyai penduduk 10,000 orang atau lebih. Cabaran pertama yang harus diselesaikan selaku penghuni bandar ialah mendapatkan pekerjaan dan tempat tinggal. Namun ciri-ciri bandar bukan sekadar ada pasar raya mega yang tumbuh seperti cendawan selepas hujan.

Dengan kepadatan penduduk tinggi, pulau ini telah menjadi satu perkampungan pasar raya mega. Kebanyakannya kadar penghunian 88% dan juga menimbulkan kesesakan trafik di hujung minggu. Di Bayan Baru dan Bukit Jambul kadar pemilikan pasar raya ini antara 64.2% dan 89%. Kita pun tahu ianya juga menyumbangkan kepada GDP (*Penang Gross Domestic Product*).

Walau bagaimanapun kita perlu juga melihat penggunaan tanah untuk tujuan dan kehendak permintaan daripada masyarakat. Misalnya masalah kekurangan peruntukan kawasan untuk industri kecil seperti elektrik, bengkel kereta, tayar dan lain-lain di kawasan Bayan Baru seperti di KADUN Batu Uban. Akibatnya rumah-rumah kedai berhampiran kediaman dijadikan aktiviti perniagaan industri kecil dan lot begini tidak sesuai untuk aktiviti tersebut kerana pelbagai kekurangan kemudahan dan termasuk masalah pelepasan sisa-sisa buangan ke parit.

Golongan industri kecil begini tidak mampu menyewa tapak di FTZ kerana kadar yang mahal. Dengan itu saya mencadangkan supaya zon industri kecil disediakan untuk menangani isu-isu ini khususnya di KADUN Batu Uban. Ianya juga mampu menangani masalah pengangguran seperti dicatat hujung tahun 2014 bilangan orang mencari pekerjaan di Pulau Pinang sebanyak 12,000 orang. Apatah lagi tahun ini kenaikan harga barang kerana GST dan penurunan mata wang telah meningkatkan kos kehidupan sehingga golongan warga emas pun perlukan pekerjaan untuk menyara kehidupan.

Isu seterusnya saya ingin bawa ialah strategi-strategi peningkatan kualiti dalam perkhidmatan awam. Saya cadangkan agar Kerajaan Negeri meneliti strategi ini bagi meningkatkan kecemerlangan kualiti perkhidmatan jabatan-jabatan kerajaan. Ianya termasuk mewujudkan struktur yang sesuai untuk menguruskan dan mengawasi pelaksanaan perkhidmatan yang berkualiti yang boleh mencapai penentuan standard kualiti perkhidmatan dan akhirnya proses menyelesaikan masalah dan perkhidmatan berjalan lancar. Isu ini kerana kebanyakan perkhidmatan awam untuk mengesan masalah dan menyelesaikan masalah terpaksa dipikul oleh Pusat Khidmat Adun. Saya memberi contoh perkhidmatan perbandaran dan kekerapan aduan sama yang diterima di setiap minggu dan bulanan serta pusat khidmat ADUN perlu usaha menjadi perantara bagi menyelesaikan masalah ini termasuk melakukan pemantauan seperti kebersihan dan lain-lain walhal ada agensi dan kakitangan melaksanakan tugas perkhidmatan perbandaran. Masalah sama juga terhadap perkhidmatan agensi-agensi kerajaan lain seperti JKR, TNB, pejabat daerah dan lain-lain.

Saya juga memberi contoh projek pengecatan semula rumah pangsa di bawah (PDC) *Penang Development Corporation* yang diselia dengan kualiti yang kurang memuaskan dan hasil warna yang ketinggalan zaman dan pusat khidmat terpaksa menjadi perantara membantu menangani masalah dari masa ke semasa.

Dengan itu, saya cadangkan strategi-strategi peningkatan perkhidmatan kualiti perkhidmatan awam dirancang dan diambil tindakan bagi menangani masalah rutin perkhidmatan. Isu yang kesepuluh, saya ingin membangkitkan isu berhubung isu perumahan pangsapuri di Centrio Avenue di Jalan Permai. Centrio Avenue terdiri daripada Tower A dan B dengan jumlah 780 unit rumah flat kos sederhana rendah. Rumah kos sederhana rendah yang pada asalnya dijual dengan harga RM72,500.00 telah dijual dengan harga purata RM153,000.00 dan RM163,000.00 oleh Pemaju Nuwata Sdn. Bhd. Perincian harga adalah seperti yang berikut, harga rumah RM72,500, *carpark* RM18,500, (Tower A) RM28,500 (Tower B) *renovation* RM62,000 termasuk kabinet ruang masak, peti sejuk dan sebagainya.

Di sini sebenarnya ada dua isu yang ingin saya bangkitkan satu berhubung dengan perbezaan harga petak letak kereta di projek perumahan yang sama dan kedua berhubung dengan hak pembeli rumah tersebut dari sudut penggunaannya. Soalnya mengapakah pemaju boleh bertindak dengan sesuka hati dalam menentukan harga petak letak kereta dan ubah suai rumah? Apabila ada pembeli flat sederhana rendah tidak mampu membayar khususnya ubah suai rumah maka pemaju telah membuang kesemua ubah suai itu yang menyebabkan keadaan rumah agak teruk. Sepatutnya harga rumah tidak ditambah nilai dengan perkara lain yang tinggi sehingga membebankan pembeli kerana mereka ditawarkan rumah di bawah Skim Perumahan Kos Rendah. Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri mengawal selia harga jualan tempat letak kereta yang mahal khususnya bagi kategori rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

Isu kesebelas, isu pembangunan Pulau Jerejak yang mempunyai keluasan sebanyak 894 ekar yang juga merupakan tapak warisan sejarah dikenali sebagai Pulau Warisan Sejarah. Kita masih mendengar lagi isu-isu pembangunan di Pulau Jerejak dan keluhan rintihan serta kerisauan penduduk mengenai isu ini. Maka dicadangkan supaya satu seisi dialog awam diadakan untuk mendengar pendapat umum dan maklum balas tentang pembangunan Pulau Jerejak. Pelan pembangunan pulau ini haruslah mengambil kira nilai sosial, budaya dan kesannya kepada landskap ekologi. Melaksanakan moratorium terhadap pelan pembangunan sehingga kajian penuh terhadap biodiversiti semulajadi dan dokumentasi penuh tentang unsur-unsur sejarah dan artifak-artifak dan membaik pulih dan melindungi semua artifak sejarah. Hal ini dapat dilaksanakan sekiranya keseluruhan pulau itu digazet di bawah Enakmen Warisan Kerajaan Negeri sebagai tapak warisan negeri di samping memohon Pulau Jerejak sebagai tapak warisan di peringkat negara di bawah Akta Warisan Negara.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan, dan warga Dewan Yang Mulia ini. Isu kedua belas, isu kawasan bandar seperti KADUN Batu Uban sudah pastinya mempunyai banyak jenis perumahan pangsapuri. Maka ini melibatkan isu pengurusan JMB dan MC (Management Corporation) harus menyelia kawasan perumahan. Namun didapati pelbagai rintihan dan keluhan masyarakat tentang masalah pengurusan JMB dan MC dan ada kalangan mereka sendiri tidak tahu bagaimana hendak menguruskannya. Oleh itu saya mengesyorkan supaya Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MBPP ditambah baik perkhidmatan dan pekerja untuk menampung urusan permasalahan JMB dan MC dan memantau secara serius prestasi dan pelaksanaan tanggungjawab. Kerap kali juga kedengaran isu JMB dan MC gagal membuat akaun dan sebagainya. Cadangan ini harus dilaksanakan segera untuk kesejahteraan penduduk di kawasan pangsapuri.

Isu ketiga belas ada satu lagi sahaja, pembangunan wanita dan perkhidmatan agensi kerajaan untuk membantu pembangunan wanita. Sehingga hari ini kita tidak melihat satu pelan tindakan konkrit untuk pembangunan wanita di komuniti khususnya bagi golongan ibu tunggal dan lain-lain. Pihak saya amat kecewa walaupun pelbagai soalan ditanya setiap kali sidang DUN tentang isu ini namun masalah tinggal masalah sahaja. Apa lagi latihan PWDC hanya banyak dijalankan di hotel-hotel dengan pemilihan peserta kadang tanpa pengetahuan ADUN seperti pemilihan peserta bagi wanita berpotensi menyertai latihan kepimpinan JKKK tahun ini di mana JKKK yang dipilih tanpa persetujuan pejabat ADUN dan pemilihan dilakukan terhadap JKKK yang amat lemah dan tidak melakukan sebarang aktiviti mahupun perkhidmatan. Sepatutnya PWDC menghormati pejabat ADUN untuk pemilihan peserta sebegini kerana pejabat ADUN mengenali ahli briged wanita yang aktif di peringkat JKKK. Oleh kerana tiada Pelan Tindakan Pembangunan Wanita di peringkat komuniti oleh perbadanan kerajaan maka saya akan menjalankan program pembangunan wanita yang dikenali Daya Wanita, program ini akan memfokuskan pemberdayaan dan pembangunan kapasiti wanita di peringkat komuniti. Saya ingin merumuskan ucapan saya begini. Okey, sebelum itu ada satu hal tadi disentuh...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Lebih satu (1) jam.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):

Satu hal sahaja. Berhubung dengan isu pelancongan perubatan yang dibangkitkan oleh YB. Pulau Tikus tadi, saya sebagai pakar perubatan ingin berkongsi sedikit fakta daripada artikel pelancongan yang bertajuk *The Flip Side of Medical Tourism*. Artikel tersebut merupakan hasil penulisan saya bersama-sama dengan beberapa orang pakar.

Saya ingin tegaskan bahawa pelancongan perubatan melibatkan perbelanjaan menerusi ejen asing termasuk kos penerbangan luar negara kos prosedur seperti pembedahan dan peralatan import yang digunakan, program-program dan khidmat pemulihan dari luar negara juga, doktor-doktor terlatih dengan kepakaran tertentu akan berkurangan di hospital awam, ini adalah satu *fact is an established fact that the public sector specialist ...*(dengan izin), *on account...*(dengan izin), *of all these private hospitals which takes away the specialist with expertise because they are able to pay more and this people are able to earn more and this is a well known fact...*(dengan izin). Wad perubatan yang dikhaskan kepada pesakit asing akan memburukkan perkhidmatan dan rawatan perubatan di hospital awam kepada pesakit tempatan.

Sebagai kesimpulan, pelancongan perubatan hanya meningkatkan permintaan perkhidmatan yang canggih dalam kalangan orang-orang yang kaya-raya. Sistem penjagaan kesihatan terbahagi kepada dua (2) iaitu hospital awam akan dibarisi oleh pesakit yang banyak tetapi hospital swasta yang ada pelancongan pula akan memberikan rawatan walaupun minor, rawatan yang *minor* bukan yang *major*, tanpa perlu baris panjang. Sebagai contoh di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), ada dua (2) bentuk rawatan dan perkhidmatan satu (1) di tingkat lima (5) dan satu (1) di tingkat tujuh (7). Walaupun rawatan sama, tetapi tingkat lima (5) tidak perlu berbaris panjang kerana memerlukan bayaran yang lebih tinggi iaitu untuk pelancong perubatan dan tingkat tujuh (7) mengenakan bayaran minima perlu berbaris panjang. Hal ini akan mencetuskan *transsocial* dan memecah-belahkan manusia. Di Pulau Pinang pula, pakar yang terbaik hanya terdapat di hospital swasta yang ada pelancongan perubatan. Selain itu, sumber kewangan dan insentif kerajaan akan ditawarkan kepada hospital swasta yang mempunyai pelancongan perubatan, sedangkan tawaran yang sama tidak diberikan kepada hospital awam. Dengan ini saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih, seterusnya YB. Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Terima kasih kepada YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan usul. Terima kasih kepada ucapan perasmian Tuan Yang Terutama yang telah disampaikan pada hari Jumaat yang lalu.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, salah satu ciri tadbir urus yang baik iaitu *good governant...* (dengan izin), adalah sejauh manakah pembahagian kuasa *separation of power...*(dengan izin), ditonjolkan dalam ketiga-tiga cabang kerajaan iaitu Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan juga Badan Kehakiman. Memandangkan Malaysia merupakan Negara Komanwel yang mengamalkan sistem Parlimen ala *Westminister* di mana terdapat pertindihan Ahli Anggota Badan Perundangan dan Badan Eksekutif, maka ia adalah perlu untuk mengambil beberapa langkah bagi memastikan Badan Perundangan tidak dikawal dan dikongkong oleh Badan Eksekutif. Kalau kita lihat di peringkat Pentadbiran Negeri, kita cuma ada dua (2) cabang iaitu Badan Perundangan dan juga Badan Eksekutif sahaja. Malah langkah dia ada lebih mendesak untuk mengambil langkah-langkah pembaharuan untuk memastikan Dewan Undangan Negeri dapat memainkan perananan semak dan imbangi *checks and balances...*(dengan izin), dengan lebih berkesan. Sekiranya kita tengok Parlimen di United Kingdom, salah satu (1) contoh di mana Badan Eksekutif mengawal Badan Perundangan, adalah masa perbahasan dan juga agenda Mesyuarat Badan Perundangan. Sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan kawalan Badan Eksekutif terhadap Badan Perundangan, di Parlimen United Kingdom, mereka telah mewujudkan satu (1) Jawatankuasa Pilihan yang dinamakan *The Backbencher Business Community...* (dengan izin), pada tahun 2010. Ia adalah di bawah laporan bahawa dengan adanya *the backbencher business community* tersebut, Ahli Dewan *House of Commons* mempunyai lebih kawalan terhadap agenda dan isu dalam dewan dan juga menguatkan peranan penyemakan dan penelitian Jawatankuasa Pilihan yang lain, yang ada dalam dewan mereka. Maka antara langkah-langkah yang boleh diambil untuk menguatkan peranan Dewan Undangan Negeri adalah melalui penubuhan lebih banyak Jawatankuasa Pilihan, *Select Committee...*(dengan izin).

Menurut pemerhatian saya terhadap Jawatankuasa Pilihan yang wujud dalam parlimen dua (2) Negara Komanwel iaitu United Kingdom dan New Zealand, secara kasarnya kita boleh bahagikan Jawatankuasa Pilihan mengikut fungsi kepada beberapa kategori. Yang pertama iaitu Jawatankuasa Pilihan yang ditubuh untuk meneliti secara khusus Rang Undang-Undang yang dikemukakan ke dalam Dewan. Yang kedua, ialah Jawatankuasa Pilihan yang ditubuhkan mengikut portfolio kementerian bagi meneliti isu-isu dan perkara yang berkaitan dengan kementerian tersebut. Jenis Jawatankuasa Pilihan yang ketiga adalah Jawatankuasa Pilihan yang ditubuhkan khusus untuk membuat siasatan terhadap isu atau perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan isu nasional, isu tempatan dan sebagainya. Dan Jawatankuasa Pilihan jenis yang terakhir adalah Jawatankuasa Pilihan yang membincangkan isu-isu yang berkaitan hal ehwal dengan Dewan dan juga Ahli Dewan.

Selain itu, sesetengah Jawatankuasa Pilihan yang ditubuhkan itu mempunyai kuasa di bawah undang-undang dan Peraturan Dewan untuk memanggil saksi dan memberi keterangan dan juga mendapatkan dokumen daripada pihak-pihak berkenaan dalam menjalankan siasatan pendengaran awam secara terbuka. Maka susulan daripada itu, saya telah menulis surat kepada YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan ini selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Dewan ini bagi mencadangkan pindaan Peraturan Tetap Dewan ini dari segi dua (2) aspek. Aspek pertama, iaitu cadangan pindaan peraturan tetapi itu membolehkan Dewan ini menubuhkan tiga (3) lagi Jawatankuasa Pilihan yang tetap yang dinamakan itu pertama, Jawatankuasa Pejabat Daerah dan Tanah, kedua Jawatankuasa Pihak Berkuasa Tempatan dan ketiga, Jawatankuasa Badan Berkanun Agensi dan Anak Syarikat. Manakala cadangan pindaan peraturan tetap dari segi aspek kedua adalah membolehkan Dewan ini menubuhkan Jawatankuasa Pilihan yang mempunyai kuasa menjalankan pendengaran awam dan juga memanggil saksi untuk memberi keterangan serta mendapatkan dokumen daripada pihak berkenaan. Cadangan-cadangan ini sebenarnya bukanlah satu cadangan yang baru di Malaysia, di peringkat Dewan Undangan Negeri kerana pelaksanaan cadangan pindaan saya tersebut telah dilakukan di Dewan Undangan Negeri Selangor mulai tahun 2009.

Maka saya telah diminta untuk memberi penerangan kepada Jawatankuasa Peraturan Tetap berkenaan dengan cadangan pindaan saya tersebut, dan dengan ini saya berharaplah Jawatankuasa Peraturan Tetap dapat menerima cadangan pindaan saya selari dengan slogan Kerajaan Negeri iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan, ia adalah diperuntukkan di bawah undang-undang bahawa setiap kali Mesyuarat Dewan ini, perlulah bersidang dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan. Mesyuarat Dewan yang lepas berakhir pada 24 November tahun lepas. Ini bermakna Dewan ini perlu mesyuarat sebelum 24 Mei ini iaitu hari Rabu ini. Dan Dewan ini hanya bermula mesyuarat pada Jumaat yang lepas. Bagi memastikan semua urusan mesyuarat selesai sebelum bulan Ramadan, Mesyuarat Dewan kali ini terpaksa kita bersidang sehingga ke tengah malam. Berikutan itu, saya memohon agar tarikh mesyuarat Dewan yang akan datang, tidaklah ditetapkan pada penghujung tempoh enam (6) bulan yang akan datang. Kalau tidak, kita selalu terpaksa membuat bersidang sehingga tengah malam. Malahan kita sebenarnya, Dewan ini boleh bersidang lebih dari dua (2) kali setahun, tak semestinya mengikut Peruntukan Undang-Undang iaitu dua (2) kali yang minimum dalam setahun. Ini adalah mengelakkan daripada masa bersidang setiap hari itu terpaksa dilanjutkan sehingga ke lewat malam dan juga saya percaya Ahli-ahli Dewan ini sekiranya duduk sehingga ke tengah malam, setiap hari, mereka rasa cukup letih, tak cukup tidur, malahan saya percaya kualiti perbahasan juga akan terjejas.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan, pada 04 November 2011, Dewan yang mulia ini telah meluluskan satu (1) Enakmen yang boleh membawa lebih ketulusan dalam urus tadbir Kerajaan Negeri ini iaitu Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010. Saya masih ingat apabila Rang Undang-undang Enakmen ini dikemukakan di dalam Dewan ini pada tahun 2010, ia telah dirujuk kepada satu (1) Jawatankuasa Pilihan untuk meneliti keseluruhan Rang Undang-undang tersebut dan Jawatankuasa Pilihan tersebut telah mengambil inisiatif berbincang dengan pelbagai pihak, pertubuhan, parti politik dan juga individu bagi mendapat pendapat mereka. Memandangkan saya sendiri merupakan salah seorang yang menganggotai Jawatankuasa Pilihan tersebut, saya masih ingat salah satu (1) isu yang dibincangkan adalah tentang falsafah yang menyokong tentang Penggubalan Enakmen Kebebasan Maklumat iaitu ia adalah untuk memastikan ketelusan Pentadbiran Kerajaan demi kepentingan rakyat jelata. Ini bermakna pada umumnya atau (dengan izin), *generous nya*, maklumat adalah berkaitan dengan urus tadbir, sepatutnya diperolehi tanpa sebarang halangan. Cuma sebilangan kecil kategori-kategori maklumat yang harus dirahsiakan. Kini hampir kesemua perjanjian permohonan infrastruktur yang melibatkan agensi kerajaan atau anak syarikat kerajaan mengandungi satu (1) klausa kerahsiaan, *confidentiality clause...*(dengan izin). Dengan adanya klausa kerahsiaan, rakyat jelata adalah terhalang daripada memperolehi maklumat tentang perjanjian pembangunan infrastruktur tersebut. Jelasnya, klausa

kerahsiaan ini adalah bercanggah dengan semangat kebebasan maklumat dan juga prinsip ketelusan. Menurut jawapan kepada soalan bertulis saya, ia adalah disebut bahawa memandangkan klausa kerahsiaan adalah sebahagian daripada format tetap (dengan izin), *standard format* bagi perjanjian-perjanjian Kerajaan Negeri. Oleh itu, ke semua perjanjian-perjanjian Kerajaan Negeri yang ditandatangani setakat ini mengandungi klausa kerahsiaan tersebut.

Dengan adanya Penggubalan Enakmen Kebebasan Maklumat tersebut, dan bagi memastikan penyaluran maklumat tidak dibendung oleh klausa kerahsiaan, Kerajaan Negeri akan meminta pihak swasta yang menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Negeri tersebut, supaya bersetuju untuk mendedahkan perjanjian tersebut. Di sini dan saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan dengan jawapan kepada soalan bertulis saya tadi. Yang pertama, adakah keseluruhan format tetap perjanjian yang mengandungi klausa kerahsiaan tersebut diperuntukkan di bawah mana-mana akta atau pun enakmen? Yang kedua, sekiranya tidak diperuntukkan di bawah mana-mana akta atau pun enakmen, kenapakah klausa kerahsiaan tersebut masih dimansuhkan dalam perjanjian. Dan yang ketiga, adakah pihak swasta mempunyai kuasa mutlak untuk menolak permintaan Kerajaan Negeri supaya bersetuju untuk mendedahkan perjanjian? Sekiranya ia ini bermakna pada hakikatnya, klausa kerahsiaan masih membendung penyaluran maklumat yang bercanggah dengan tujuan dan objektif Penggubalan Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010.

Selain itu, saya masih ingat Jawatankuasa Pilihan pada masa itu juga mensyorkan agar fi pemohon maklumat yang ditetapkan oleh kerajaan patutnya dalam kadar yang nominal dan tidak terlalu tinggi sehingga menjadi penghalang kepada akses kepada maklumat. Kini, fi permohonan maklumat adalah ditetapkan pada RM50.00 untuk maklumat tahun semasa dan RM100.00 untuk maklumat tahun sebelum ini. Di sini saya ingin memohon supaya agar fi permohonan maklumat diturunkan kerana RM50.00 dan RM100.00 itu adalah terlalu tinggi dan memang bukan bersifat nominal. Saya berharap Penggubalan Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 ini adalah dapat memudahkan penyaluran maklumat kepada rakyat dan bukannya sebaliknya. Dengan ini saya mengakhiri perbincangan saya, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya, ada lagi? Silakan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua Speaker. Malam ini saya menyertai dalam *debat* dan saya ingin mengutarakan beberapa isu, antaranya tentang projek *Air Itam Bypass*. Kesyakan lalu lintas di kawasan Air Itam dan juga sekeliling, di Bandar Baru Air Itam, di Paya Terubong, semakin mencabar dan meruncing. Dan walaupun kita telah mengadakan beberapa inisiatif seperti pembinaan jambatan baru di Juru yang menyambungkan kedua-dua bahagian Juru yang sudah mencapai 80% dan juga Kerajaan Negeri telah inisiatif untuk membina satu *pair road* dipanggil *Paya Terubong Pair Road*, tetapi kita juga memerlukan *Air Itam Bypass* yang menyambungkan Air Itam ke Lebuhraya Jelutong.

Enam (6) bulan lalu, apabila di Dewan Undangan Negeri ini, saya menanyakan soalan tentang status *Air Itam Bypass*, yang projek tiga (3) lebuhraya dan satu (1) terowong itu, saya mendapati jawapan bahawa terdapat kekangan di mana sebidang tanah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan saya meminta sudah 200 hari sudah berlalu, adakah soalan yang saya tanya enam (6) bulan lalu itu masih jawapan yang sama ataupun terdapat sebarang *progress*. Kerana ini penting, lebuhraya ini sangat penting untuk meleraikan aliran trafik di kawasan Air Itam. Saya minta satu penjelasan daripada EXCO berkenaan.

Dan selain daripada isu-isu lebuhraya, di kawasan saya juga terdapat isu banjir. Petang tadi dengan hujan yang lebat, Lebuhraya Thean Teik sekali lagi dibanjiri dengan menghalang aliran kereta. Saya dapati bahawa enam (6) bulan lalu saya menyatakan bahawa kita perlu cari satu aliran cara forensik untuk mencari penyelesaian kepada masalah-masalah banjir dan walaupun EXCO berkenaan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyatakan bahawa *retention point* di Flat Seri Impian tidak berfungsi dan menyebabkan aliran air daripada kawasan bukit melimpah ke Lebuhraya Thean Teik. Dan saya rasa ini perlu dijadikan satu penyelesaian yang segera dan satu pemantauan juga oleh JPS terhadap pihak pengurusan Flat Seri Impian tersebut, kerana ini penting. Sebelum ini, kawasan ini, Lebuhraya Thean Teik tak pernah dibanjiri. Banjir terakhir ialah apabila pembinaan *apartment* kira-kira 20 tahun lalu. Tapi kebelakangan ini, kawasan tersebut jarang dibanjiri. Dan saya rasa ini perlu kita ditangani dengan segera.

Selain itu, saya juga meminta Kerajaan Negeri untuk memberi perhatian serius terhadap *tourism*

tax bill. Satu Akta Cukai *Tourism* yang baru-baru ini diperdebatkan di Parlimen dan diluluskan di Parlimen. Dan ini akan memberi impak juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana *levi* yang dikutip oleh Kerajaan Negeri berdasarkan katil dengan bilangan katil, bayaran tersebut nampaknya Negeri kutip, Persekutuan juga nak kutip. So apakah penyelesaian ataupun cara kita dapat atasi masalah ini atau pun apakah pandangan kita terhadap isu ini. Dan saya rasa ini penting kerana melibatkan *revenue* Kerajaan Negeri yang boleh kita gunakan untuk menaiktaraf atau pun melihat, bahawa memperelokkan produk pelancongan. Dan saya ingin mengingatkan bahawa walaupun kita mengalu-alukan pelancong datang ke Pulau Pinang, tetapi seperti kata rakan kita tadi mengatakan bahawa ketibaan bas-bas pelancongan yang amat terlalu banyak, telah membawa masalah yang amat meruncing kepada trafik di Negeri Pulau Pinang. Saya mencadangkan EXCO berkenaan untuk bukan sahaja untuk melihat, atau pun setiap kali dengan yang begitu perlu ada penyelesaian, perlu ada satu (1) usaha kompresif bersama dengan pihak Berkuasa Tempatan (PBT), bersama dengan Polis untuk mengurangkan masalah-masalah trafik dengan begitu banyak bas pelancong. Sama ada datang dari *cruise*, datang dari luar negara. Itu perlu satu (1) penyelesaian dan usaha yang kompresif, kalau tidak setiap kali kedatangan yang begitu besar, kita tak ada penyelesaian dan kita hanya setiap kali *argue* dalam surat khabar atau pun dalam media. Dan saya rasa dengan perkembangan teknologi dan sistem maklumat yang begitu pesat, terdapat pelbagai alat atau pun produk teknologi yang seperti *Uber*, seperti *Airbnb* dan juga seperti *money games* yang menggunakan pelbagai aplikasi dari segi *smartphone* ataupun internet yang produk-produk tersebut sebenarnya mencabar kerajaan untuk memikirkan semula *complete to think* bagaimana dasar kerajaan berinteraksi ataupun dasar kerajaan *respond* dengan semua ciptaan-ciptaan yang baru ini. *Apps-apps* yang baru ini. Kerana setiap kali bukan sahaja Kerajaan Negeri, tetapi semua kerajaan di dunia bertindak lambat dan selalu beberapa langkah di belakang semua perkembangan teknologi. Apabila kerajaan beberapa langkah di belakang perkembangan teknologi ini, menjadikan kawal seliaan kita amat lemah. Kawal seliaan kita terhadap perkembangan-perkembangan menjadi lemah. Saya ingin memberikan contoh apabila saya baca dalam surat khabar hari ini bahawa Bank Negara baru menambahkan dua (2) lagi nama syarikat dalam *financial consumer alert list of unathourize company and website*. Dalam Bank Negara *financial consumer alert list of unathourize company and website...*(dengan izin).

YB. Dato' Timbalan Speaker, dengan yang di bawah tajuk *unlicensed activity*. Terdapat 302 syarikat yang disenaraikan sebagai *unlicensed activity* Bank Negara. Walaupun aktiviti nama syarikat itu sudah beroperasi beberapa tahun, baru sahaja disenaraikan dan dua (2) syarikat yang baru disenaraikan sebagai *financial consumer alert*, Bank Negara, *MBI International Sdn. Bhd.*, hari ini disenaraikan. *MFace International Sdn. Bhd.*, baru ini, hari ini disenaraikan di bawah *unlicensed activity*. Sebelum ini *BC Academy* dan *Richway Global Venture*, *JJ Global Network*, *JJ Poor To Rich*. Semua ini disenaraikan, so saya ingin menanyakan pihak Kerajaan Tempatan yang apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Tempatan dari segi pelesenan premis terhadap senarai nama syarikat 302 disenaraikan sebagai *unlicensed activity* atau pun *financial consumer alert* oleh Bank Negara. Ini berkaitan dengan ucapan saya tadi, kerana saya nyatakan bahawa kerajaan selalu lambat, selalu beberapa langkah di belakang perkembangan teknologi dan apabila *unlicensed activity* yang menggunakan *apps* atau pun menggunakan teknologi yang moden ini, telah didapati melanggar undang-undang atau pun didapati mengutip dana secara tanpa kebenaran dan saya rasa pihak Kerajaan Tempatan perlu melihat kepada cara kita *react* atau pun bertindak balas terhadap semua perkembangan-perkembangan baru di mana 302 syarikat telah disenaraikan di bawah *financial consumer alert* ini. Saya harap Kerajaan Tempatan perlu melihat kepada aspek ini.

YB. Dato' Timbalan Speaker, selain itu saya juga nak membangkitkan isu-isu pemantauan terhadap sungai. Banyak kali bila diperhati bila sungai dijadikan tempat pembuangan sampah dan kita meminta supaya kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh JPS ini benar-benar menjalankan tugas mereka kerana banyak kali kita lihat bahawa kutipan tidak dilakukan mengikut jadual dan saya rasa ini perlu diperbaiki walaupun kita mengakui bahawa sebenarnya sungai tidak boleh dijadikan tempat pembuangan sampah, tetapi kerja-kerja kontraktor perlu dipantau, kerana kerja-kerja kontraktor pengutipan sampah sepanjang sungai ataupun memotong rumput ini dibayar oleh duit kerajaan, oleh duit rakyat. So saya rasa kita perlu pemantauan yang lebih *detail* lagi.

Dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memuji Kerajaan Negeri terhadap beberapa inisiatif khususnya *Digital Library*, *Tech Dome*, *Science Cafe* dan sebagainya. Dan saya dapati bahawa ada beberapa bangunan atau pun tanah milik Kerajaan Tempatan atau pun Kerajaan Negeri yang boleh berpotensi menjadikan tempat pembelajaran STEM - *Science, Technology, Engineering and Mathematics* yang selalu dipelopori oleh Kerajaan Negeri. Salah satunya yang saya dapat adalah bangunan yang sekarang diduduki oleh Sunshine Farlim. Satu bangunan yang telah diduduki Sunshine Farlim di Bandar Baru Air Itam. Dan saya difahamkan bahawa *lease*, sewaan tersebut akan tamat beberapa tahun akan datang. Saya rasa Kerajaan Tempatan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) perlu melihat kepada

tanah dan bangunan tersebut untuk dijadikan satu *public space* untuk pembelajaran dan pengajaran terhadap STEM ini. Tidak perlu membuat perancangan lebih awal lagi kerana tanah tersebut akan dikembalikan oleh MBPP daripada pihak swasta dalam beberapa tahun akan datang. Kita perlu membuat perancangan supaya bangunan lama atau pun tanah Kerajaan Negeri ini dijadikan dengan lebih produktif, dengan lebih *forward looking*.

YB. Dato' Timbalan Speaker, dengan ini saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ada lagi? Sungai Acheh? Penaga? Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan akan ditangguhkan dan disambung semula esok pada jam 9:30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.35 malam.